

**ANALISIS FATWA ZAKAT DI MALAYSIA DARI
PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH**

AZRI BIN BHARI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

ANALISIS FATWA ZAKAT DI MALAYSIA DARI
PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

AZRI BIN BHARI

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: AZRI BIN BHARI

No. Pendaftaran/Matrik: IHA 110038

Nama Ijazah: IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

ANALISIS FATWA ZAKAT DI MALAYSIA DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

Bidang Penyelidikan: FIQH (SAINS KEMASYARAKATAN)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 31 MAC 2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh 31 MAC 2016

Nama:

Jawatan: **DR LUQMAN HAJI ABDULLAH**

Pensyarah Kanan
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

ABSTRAK

Amalan dan praktis di Malaysia adalah terkenal dengan berpegang kepada pandangan mazhab Syafie dalam permasalahan fiqh berdasarkan kepada aspek latar belakang sejarah kedatangan Islam ke Malaysia dan aspek perundangan yang telah ditetapkan. Senario fatwa yang diputuskan oleh institusi fatwa di Malaysia sentiasa berkembang dari masa ke semasa selaras dengan prinsip hukum Islam yang bersifat fleksibel dan meraikan perubahan persekitaran. Mutakhir ini memperlihatkan penentuan sesuatu fatwa zakat tidak lagi secara langsung terikat dengan mazhab Syafie. Ini menunjukkan keterbukaan penerimaan pendapat pelbagai mazhab yang lain dan pandangan sarjana hukum fiqh kontemporari oleh pihak berautoriti dalam mengeluarkan hukum atau fatwa berkaitan zakat masa kini. Hal ini boleh dilihat terhadap senario hukum dan fatwa yang berubah daripada sandaran mazhab Syafie kepada pandangan mazhab lain atau pandangan tokoh fiqh kontemporari. Berdasarkan realiti perubahan sandaran hukum fiqh zakat yang berlaku di Malaysia, terdapat ruang untuk mengkaji persoalan tentang perubahan terhadap sandaran fatwa-fatwa zakat dengan mengambil pandangan di luar mazhab Syafie serta mengambil kira dan mencapai kehendak maqasid syariah. Kajian ini mengenalpasti 26 fatwa zakat yang tidak bersandarkan kepada mazhab Syafie daripada keseluruhan 191 fatwa zakat yang telah diklasifikasikan kepada 6 tema. Kajian juga turut mengkaji prinsip maqasid syariah yang dipertimbangkan di sebalik penentuan fatwa-fatwa zakat tersebut. Kajian berbentuk kualitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan metode pengumpulan data dan analisis data ini memfokuskan kepada koleksi fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh institusi fatwa di Malaysia daripada kategori fatwa diwartakan dan tidak diwartakan sahaja yang telah diterbitkan dalam bentuk buku, warta atau disiarkan melalui laman web portal rasmi fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Metode pengumpulan data dilakukan melalui

penyelidikan perpustakaan dan temu bual. Data yang diperolehi dalam kajian berbentuk analisis kandungan ini dianalisis berdasarkan metode induktif, deduktif dan komparatif untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat fatwa-fatwa zakat yang mengalami perubahan sandaran daripada pandangan mazhab Syafie. Kajian ini juga memperincikan maqasid syariah yang dipertimbangkan dalam fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan. Kajian ini menyimpulkan para mufti dan jawatankuasa fatwa di Malaysia berusaha mengambil kira dan mencapai maqasid syariah dalam memutuskan fatwa-fatwa zakat tersebut dengan mempertimbangkan *maşlahah* dan *mafsadah*.

University of Malaya

ABSTRACT

The nature of Islamic legal practice in Malaysia is well known for its adhering to the view of Shafie madhab in fiqh issues based on the historical background of the arrival of Islam in Malaysia and Islamic legal practice that have been adapted. Fatwa issued by the fatwa institution in Malaysia is evolving from time to time in accordance to the principles of Islamic law, which is flexible and accommodating the changing environment. In recent years, the development of Islamic legal practice shows the ultimate determination of fatwa especially on zakat are no longer bound to Shafie madhab. This shows an openness in considering the views of other madhab and opinion of contemporary fiqh scholar in issuing law or fatwa related to zakat. This can be seen on the scenario of fatwa that shifted from Shafie madhab to view of other madhab and opinion of contemporary fiqh scholar. Based on this fatwa scenario on zakat in Malaysia, there are needs to analyse the changes of fundamental views of fatwa on zakat to other madhab as well as taking into consideration the needs to achieve the principles of maqasid al-shariah. This study determine 26 fatwa on zakat that shifted from Shafie madhab to others out of from 191 fatwas that have been classified into six themes. The study also reviews the principles of maqasid al-shariah that has been deliberated in determining the fatwa on zakat. This qualitative study is conducted using data collection methods and analysis of this data collection focuses on the fatwa on zakat issued by various fatwa institutions in Malaysia consisted of the gazetted fatwa as well as and non-gazetted fatwa that has been published in books and government gazette or broadcast via the official fatwa portal of JAKIM. Data collections are conducted through library research and interviews. Data obtained in the form of content analysis is analysed using inductive, deductive and comparative studies to produce results. Finding shows that there are numbers of fatwa on zakat shifted from Shafie

madhab. This study also details the maqasid al-shariah deliberated in fatwa on zakat. It can be concluded that mufti and fatwa committee in Malaysia strive to achieve the maqasid al-shariah from the *maṣlahah* and *mafsadah* perspectives in determining fatwa on zakat.

University of Malaya

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إن الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا ، من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له ، ونشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له ونشهد أن محمداً عبده ورسوله صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين. أما بعد :

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Ilahi, di atas ruang dan kesempatan yang diizinkan-Nya, dapat menyempurnakan penulisan tesis ini. Dalam ruangan ini, penulis ingin mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan ditujukan khas kepada Dr. Luqman bin Hj. Abdullah selaku penyelia tesis ini di atas kesudian dan kesungguhan beliau memberi bimbingan, komentar dan cadangan yang membina dalam meneliti penulisan ini dengan penuh keperihatinan dan kesabaran sehingga ke helaian yang akhir. Seterusnya, ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Dr. H. Akhmad Mujahidin, Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Mek Wok Mahmud, Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali, Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Dr. Ridzwan bin Ahmad, Dr. Rushdi Ramli, Dr. Saadan Man, Dr. Anuar Ramli dan para pensyarah di Jabatan Fiqh & Usul Fiqh yang sentiasa memberikan idea, komentar, sokongan dan dorongan motivasi. Tidak lupa juga kepada pihak pengurusan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang banyak membantu untuk menyiapkan penulisan tesis ini.

Selain itu, ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (Profesor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), Prof. Dr. Mujaini Tarimin (Profesor Universiti Selangor

merangkap Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), Sheikh Marwazi Dziauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), Dr. Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), Tuan Haji Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), Ustaz Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti, Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan) dan Ustazah Asniza Ahmad (Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan) kerana sudi ditemubual dan memberi kerjasama yang baik dalam memberikan maklumat berkaitan hukum dan fatwa, khususnya berkaitan dengan fatwa-fatwa zakat.

Pada kesempatan ini juga, penghargaan teristimewa penulis lakarkan buat ayahanda tercinta Bhari bin Zakaria, bonda tersayang Zabidah binti Mat Isa serta ibu dan bapa mertua Azman bin Salleh dan Norizah binti Razali yang sentiasa mendoakan kejayaan. Juga buat isteri yang dikasihi Fatimah binti Azman dan anakanda Ahmad Fakhrudin bin Azri, Humaira binti Azri serta tidak dilupakan juga Husna binti Azri yang sentiasa memahami, memberi dorongan dan semangat. Tidak lupa juga kepada datuk, nenek, adik-beradik, ipar dan biras yang sentiasa memberi sokongan dalam menyiapkan penulisan tesis ini.

Penghargaan juga diucapkan kepada sahabat-sahabat khususnya kepada Norzuraida Hasan, Mohamad Mahyuddin Khalid, Farhana Mohd Suhaimi, Nor Hidayah Tahir, Thuraya Ahmad dan Hanifah Musa Fathullah Harun yang telah banyak membantu memberikan idea dan komentar dalam memberi nilai tambah kepada penulisan tesis ini. Seterusnya, Dr. Mohd Afandi, Prof. Madya Baharuddin Sayin, Siti Aishah Sadan, Mohd Daud Ahmad, Mohd Ashrof Zaki Yaacob, Mohd Solahuddin Shahrudin, Mohd Dasuqkhi Mohd Sirajuddin, Mohd Yusra Abdullah, Mohd Syukri Mohd Noor dan ramai lagi kerana memberikan bantuan, sokongan dan dorongan sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini.

Terima kasih juga buat semua pihak yang telah banyak membantu sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga setiap kerjasama yang diberikan akan diberi ganjaran yang sewajarnya oleh Allah SWT.

Akhirnya, penulis memohon kemaafan atas segala kekurangan yang telah dilakukan. Semoga hasil kajian ini akan memberi manfaat di dunia dan akhirat, khususnya kepada umat Islam di Malaysia dan amnya di peringkat antarabangsa. Penulis juga mengalu-alukan segala komentar dan penambahbaikan terhadap penulisan tesis ini dari masa ke masa melalui maklumat perhubungan yang dinyatakan di bawah.

Sekian, Wassalam.

AZRI BIN BHARI

Jabatan Fiqh & Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

azribhari@gmail.com / azrib178@salam.uitm.edu.my
18 Safar 1438H / 18 November 2016

35, Jalan Jasper 7/15,
Seksyen 7,
40000 Shah Alam,
Selangor.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK.....	i
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	x
SENARAI KEPENDEKAN.....	xiv
SENARAI JADUAL	xv
PANDUAN TRANSLITERASI	xvii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan.....	1
1.2	Latar belakang masalah kajian	6
1.3	Persoalan kajian.....	12
1.4	Objektif kajian	13
1.5	Kepentingan kajian	14
1.6	Skop Kajian	15
1.7	Sorotan Kajian Lepas.....	15
1.7.1	Kajian-kajian Berkaitan Zakat.....	15
1.7.2	Kajian-kajian Berkenaan Hukum dan Fatwa Zakat.....	20
1.7.3	Kajian-kajian Berkaitan Maqasid Zakat	28
1.7.4	Analisis Sorotan Kajian Lepas.....	32
1.8	Metodologi Kajian.....	34
1.8.1	Metode Pengumpulan Data.....	34
1.8.2	Metode Penganalisaan Data.....	38
1.8.3	Kesimpulan	39
1.9	Organisasi Tesis.....	40
1.10	Kesimpulan.....	41

BAB 2: MAQASID SYARIAH DALAM PENSYARIATAN ZAKAT

2.1	Pengenalan.....	42
2.2	Definisi Maqasid syariah	42
2.2.1	Bahasa.....	43
2.2.2	Maqasid Syariah Menurut Perspektif Sarjana Hukum	46
2.3	Inti Pati Maqasid Syariah	52
2.4	Hubungan Maqasid Syariah dengan <i>al-Hikmah</i> , <i>al-'Illah</i> dan <i>al-Maṣlahah</i> ...	54
2.4.1	<i>Al-Hikmah</i> (الحكمة).....	55
2.4.2	<i>Al-'illah</i> (علة).....	57
2.4.3	<i>Al-Munāsabah</i> (المناسبة)	60
2.4.4	<i>Al-Ma'nā</i> Atau <i>al-Ma'ānī</i> (المعنى او المعاني)	62
2.4.5	<i>Al-Maṣlahah</i> (المصلحة).....	62
2.5	Klasifikasi Maqasid Syariah.....	68
2.5.1	Maqasid Dari Perspektif Umum, Khusus dan Pecahan	68
2.5.2	Maqasid Dari Perspektif Tingkatan Keperluan	72
2.5.3	Maqasid Dari Perspektif Tingkatan Keutamaan <i>Maṣlahah</i> Yang Hendak Dijaga	79
2.5.4	Maqasid Dari Perspektif Kekuatan Hujah	82
2.5.5	Maqasid Dari Perspektif <i>Ḥaqīqah</i> Dan <i>I'tibār</i>	84
2.5.6	Maqasid Dari Perspektif Perkaitan Dengan Kolektif Atau Individu	88
2.5.7	Maqasid Dari Perspektif Keadaan	89
2.6	Kaedah Mengenali Maqasid Syariah	90
2.6.1	Penelitian Secara Komprehensif	90
2.6.2	Penelitian Terhadap <i>'Illah Al-Hukm</i>	91
2.6.3	Penelitian Terhadap Suruhan Dan Larangan Allah SWT	91
2.7	Maqasid Syariah Dalam Pensyariatatan Zakat	92
2.7.1	Maqasid Zakat Dalam Konteks Agama	94
2.7.2	Maqasid Zakat Dalam Konteks Pembayar Zakat	99
2.7.3	Maqasid Zakat Dalam Konteks Penerima Zakat	105
2.7.4	Maqasid Zakat Dalam Konteks Pembangunan Negara	108
2.7.5	Maqasid Zakat Dalam Konteks Pembangunan Ekonomi	109
2.7.6	Maqasid Zakat Dalam Konteks Sosial.....	121
2.8	Kesimpulan.....	123

BAB 3: SENARIO FATWA-FATWA ZAKAT DI MALAYSIA

3.1	Pengenalan.....	126
3.2	Pentadbiran Fatwa di Malaysia.....	126
3.2.1	Institusi Fatwa Di Malaysia	127
3.2.2	Prosedur Pengeluaran Fatwa Di Malaysia.....	129
3.2.3	Pengaruh Mazhab Syafie Dalam Proses Pengeluaran Fatwa Di Malaysia.....	134
3.2.4	Anjakan Pengurusan Fatwa Di Malaysia.....	136
3.2.5	Klasifikasi Bentuk Fatwa Di Malaysia	138
3.2.6	Fatwa Dalam Undang-Undang Di Malaysia.....	140
3.3	Senario Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia	141
3.3.1	Statistik Fatwa Zakat Di Malaysia.....	142
3.3.2	Pengkelasan Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia.....	144
3.3.3	Status Pewartaan Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia	172
3.3.4	Tahun Dikeluarkan Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia.....	172
3.3.5	Perincian Dan Huraian Keputusan Fatwa.....	172
3.3.6	Sandaran Pandangan Dalam Keputusan Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia.....	173
3.4	Fatwa-fatwa Zakat di luar Pandangan Mazhab Syafie	174
3.4.1	Fatwa Zakat Gaji.....	174
3.4.2	Fatwa Skim Potongan Zakat Gaji	180
3.4.3	Fatwa Penolakan Kos Tanaman ke atas Zakat Padi	181
3.4.4	Fatwa Pembayaran Zakat Fitrah Menggunakan Wang.....	183
3.4.5	Fatwa Pelantikan Amil Wanita.....	185
3.4.6	Fatwa-Fatwa Kaedah Pembayaran Zakat Melalui Perkhidmatan Perbankan Internet Online, SMS, Mesin ATM Dan Kad Kredit Di Malaysia.....	185
3.5	Kesimpulan.....	190

BAB 4: ANALISIS MAQASID SYARIAH DALAM FATWA-FATWA ZAKAT DI MALAYSIA

4.1	Pengenalan.....	193
4.2	Analisis Maqasid syariah Dalam Fatwa-fatwa Zakat.....	194
4.2.1	Zakat Gaji Dan Pendapatan	194
4.2.2	Potongan Zakat Gaji	219
4.2.3	Penolakan Kos Tanaman Ke Atas Zakat Padi	231
4.2.4	Pembayaran Zakat Fitrah Menggunakan Nilai Wang	249
4.2.5	Pelantikan Amil Wanita.....	259
4.2.6	Kaedah Pembayaran Zakat Melalui Perkhidmatan Perbankan Internet Online, SMS, Mesin ATM dan Kad Kredit.....	266
4.3	Kesimpulan.....	273

BAB 5: PENUTUP

5.1	Pengenalan.....	275
5.2	Rumusan	275
5.3	Saranan	281
5.4	Kesimpulan.....	282
	RUJUKAN	283
	LAMPIRAN	316

SENARAI KEPENDEKAN

ANGKASA	: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia
APUUI	: Akta Pentadbiran Undang-undang Islam
ATM	: Mesin Juruwang Automatik
Ed.	: Editor
Et al.	: <i>Et alii/ alia</i> (dan yang lain-lain yang melebihi dua)
FELDA	: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
<i>Ibid.</i>	: <i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
IKIM	: Institut Kefahaman Islam Malaysia
JAKIM	: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JFK	: Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia
JFMKBHEUIM	: Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
JSNP	: Jawatankuasa Syar'iyah Negeri Perlis
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	: Lembaga Hasil Dalam Negeri
MAIDAM	: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIS	: Majlis Agama Islam Selangor
MAIWP	: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MARA	: Majlis Amanah Rakyat
MJFMK	: Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia
MKBHEAIM	: Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia
MUI	: Majlis Ulama Indonesia
OKU	: Orang Kurang Upaya
PKZ	: Pusat Kutipan Zakat
PNB	: Perbadanan Nasional Berhad
PZM	: Pusat Zakat Melaka
SAW	: Sallallahu 'alaihi wasallam
SMS	: Sistem Pesanan Ringkas
SWT	: Subhanahu Wata'ala
SPG	: Skim Potongan Gaji
t.p	: Tiada Penerbit
t.t	: Tanpa tempat atau tiada tahun
terj.	: Terjemahan
UIAM	: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UPENA	: Pusat Penerbitan Universiti
USIM	: Universiti Sains Islam Malaysia
YDPA	: Yang Dipertuan Agong

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1. Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian
- Jadual 1.2. Senarai Informan Yang Ditemu Bual
- Jadual 3.1. Jumlah Fatwa Zakat Yang Telah Diputuskan Oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia Dan MJFMK
- Jadual 3.2. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Perak
- Jadual 3.3. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Johor
- Jadual 3.4. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Kedah
- Jadual 3.5. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Kelantan
- Jadual 3.6. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Melaka
- Jadual 3.7. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Sembilan
- Jadual 3.8. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Pulau Pinang
- Jadual 3.9. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Sarawak
- Jadual 3.10. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Selangor
- Jadual 3.11. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Terengganu
- Jadual 3.12. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Wilayah Persekutuan
- Jadual 3.13. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Perlis
- Jadual 3.14. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Sabah
- Jadual 3.15. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Pahang
- Jadual 3.16. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
- Jadual 3.17. Fatwa-fatwa Zakat Gaji Mengikut Negeri di Malaysia

- Jadual 3.18. Fatwa-Fatwa Potongan Zakat Gaji
- Jadual 3.19. Fatwa-fatwa Penolakan Kos Tanaman Zakat Padi
- Jadual 3.20. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Fitrah Menggunakan Wang
- Jadual 3.21. Fatwa-fatwa Pelantikan Amil Wanita
- Jadual 3.22. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Melalui SMS
- Jadual 3.22. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Melalui SMS
- Jadual 3.23. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Melalui Kad Kredit
- Jadual 3.24. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Melalui *Internet Banking Online*

University of Malaya

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

Arab	Roman
ا , ء , ة	a, ' ,
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	s
ض	d

Arab	Roman
ط	t
ظ	z
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
هـ	h
و	w
ي	y
ة	h, t

2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi
Fathah	a
Kasrah	i
Dammah	u

Vokal Panjang	Transliterasi
آ	a
إِي	i
أُو	u

3. Diftong

Diftong	Transliterasi
أُو	aw
إِي	ay
أُو	uww
إِي	iy, ī

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Perkataan fatwa disebut dalam tiga sebutan iaitu *fatwā* (فتوى), *futyā* (فتيا) dan *futwā* (فتوا)¹. Ianya berasal daripada bahasa Arab iaitu *fata – yaftu – fatwan*². Fatwa menurut istilah pula ialah penjelasan berkenaan hukum syarak oleh mufti terhadap persoalan agama berdasarkan dalil syarak sebagai jawapan kepada individu atau kumpulan yang bertanya³.

Fatwa yang diberikan oleh pihak mufti sewajarnya mengambilkira permasalahan umat Islam dan perkembangan semasa. Ini kerana ijtihad semasa sentiasa perlu dilakukan disebabkan fatwa pada zaman terdahulu berkemungkinan sudah tidak praktikal untuk digunakan pada waktu semasa. Para sarjana hukum Islam terdahulu juga sentiasa menegaskan keperluan terhadap perubahan fatwa yang disebabkan perubahan

¹ Perkataan *fatwā* (فتوى) dan *futyā* (فتيا) mempunyai maksud yang sama dengan salah satunya diterima pakai pada tempat yang lain. Kedua-duanya merupakan kata nama. Jika dalam bentuk *maṣdar* disebut *iftā'* (افتاء). Menurut Ibn Manẓūr, penggunaan perkataan *fatwā* (فتوى) lebih banyak daripada *futyā* (فتيا) kerana ia sesuai untuk menjadi *maṣdar* iaitu kata nama. Seterusnya, kedua-dua perkataan ini iaitu *fatwā* (فتوى) dan *futyā* (فتيا) digunakan di tempat *iftā'* (افتاء) yang bermaksud satu perbuatan yang menetapkan sesuatu fatwa tentang sesuatu hukum atau satu kepentingan hukum yang dikeluarkan oleh faqih. Lihat Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab* (Bayrūt: Dār Ṣadr), 15: 147-148.; Al-Rāzī, Muḥammad bin Abī Bakr bin 'Abd al-Qādir, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ* (Bayrūt: Dār al-Fikr al-'Arabī, 2002), 468-469.; Fayrūz Ābādī, Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya'qūb, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 2005), 975.; Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr* (Qāhirah: Muassasah al-Mukhtār, 2008), 278.

² Asal sebutan *fatwā* (فتوى), *futyā* (فتيا) dan *futwā* (فتوا) dari kata akar *fatā* (فتى) yang bermaksud pemuda yang sihat, cergas dan gagah. Perkaitan dengan fatwa ialah apabila seseorang mufti mengeluarkan fatwa terhadap perkara yang menjadi kesamaran, lantaran itu fatwanya menjadikan sesuatu hukum tersebut kuat dan kukuh. Ianya juga dikatakan berasal dari perkataan *fatā* (فتى) yang bermaksud pemuda berusia muda. Perkaitan dengan fatwa ialah seseorang mufti apabila mengeluarkan fatwa tentang sesuatu hukum, bermakna mufti memperbaharui hukum tersebut. Lihat Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Fatwa Dan Mufti: Hukum, Etika Dan Sejarah* (Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2008), 4.

³ Al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1986), 2: 434.; Abū Zahrah, Muḥammad, *Uṣūl al-Fiqh* (t.tp.: t.p., 2004), 346.; Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fatwā Bayna al-Indībaṭ wa al-Tasayyub*, cet. ke-2 (Qāhirah: Dār al-Da'wah, 1994), 11.; Othman Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981), 10-11.; Lokmanulhakim Hussain, *Penyelarasan Fatwa Di Malaysia: Kewajaran dan Kekangan* (Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2013), 6.

masa, tempat, amalan kebiasaan dan keadaan⁴. Perubahan fatwa dan hukum Islam perlu dari semasa ke semasa supaya relevan dan praktikal dengan kehidupan manusia bagi tujuan mencapai kemaslahatan⁵.

Dalam sejarah, perubahan fatwa atau hukum Islam sentiasa berlaku dari masa ke semasa. Perubahan fatwa yang berlaku boleh dibahagikan kepada beberapa kategori zaman, iaitu zaman perundangan atau *al-tashrī'*, zaman pembinaan hukum, zaman perkembangan hukum, zaman kematangan fiqh dan zaman kebangkitan fiqh sehingga kini.

Perubahan fatwa telah mula berlaku pada zaman perundangan atau *al-tashrī'* iaitu sejak zaman Rasulullah SAW. Perubahan fatwa yang dimaksudkan pada zaman Rasulullah SAW ialah berlaku perubahan ketetapan hukum dalam *naṣ* al-Quran dan hadis⁶. Perubahan ketetapan hukum dalam al-Quran yang berlaku ialah berkaitan isu kewajipan zakat yang bermula sebagai amalan galakan⁷, pengharaman arak secara beransur-ansur⁸, kewujudan ayat *nāsikh wa al-mansūkh* seperti perintah menghadap Kaabah ketika solat⁹. Perubahan ketetapan hukum dalam hadis yang berlaku pula ialah

⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *'Ilām al-Muwāqī'in 'an Rabb al-'Ālamīn* (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 2006), 598-599.; Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan," dalam *Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 5.; Paizah Ismail, "Perubahan-perubahan Perlu Dalam Fiqh Jenayah Berasaskan Teori Fiqh Malaysia", dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail et al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000), 205.; Yūsuf Ḥāmid al-'Ālim, *al-Maqāṣid al-'Āmmah li al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Virginia: The International Institute of Islamic Thought, 1991), 42.

⁵ Ḥusayn Ḥāmid Ḥassan, *Naẓariyat al-Maṣlahah fī al-Fiqh al-Islāmī* (Qāhirah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyah, 1971), 36-43.; Umar Syihab, *Hukum Islam dan Transformasi Pemikiran* (Semarang: Dina Utama, t.t.), 9.; Yūsuf Mūsā, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī* (Mesir: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1958), 14.; Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *al-Fiqh al-Islāmī bayna al-Aṣḥālah wa al-Tajdīd*, cet. ke-2 (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1999), 22.

⁶ Muḥammad al-Khudarī Bik, *Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmī*, cet. ke-2 (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1417H/1997M), 39.; Umar Syihab, *Hukum Islam dan Transformasi Pemikiran*, 82.

⁷ Muḥammad 'Uqlah Ibrahim, *al-Tatbiqat al-Tārīkhīyyah wa al-Mu'asarah li Farīdat al-Zakāh* (Jordan: Dār al-Diyā' li al-Nashr wa al-Tawzī', 1406H/1985M), 11-18.

⁸ Al-Qaṭṭān, Mannā', *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qurān*, cet. ke-3 (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2000), 113.

⁹ *Ibid.*, 243.

isu larangan menziarah kubur¹⁰ dan isu larangan menyimpan daging korban setelah tiga hari sewaktu perayaan 'Id al-Adhā¹¹.

Perubahan fatwa dan hukum Islam terus berlaku pada zaman pembinaan hukum atau juga dikenali sebagai zaman para Sahabat sekitar tahun 11H-40H. Ketika zaman ini, perubahan terhadap ketetapan hukum dalam *naş* al-Quran dan hadis tidak berlaku lagi, tetapi yang berlaku hanyalah perubahan terhadap interpretasi terhadap *naş* al-Quran dan hadis. Bermula dari zaman para Sahabat, perubahan terhadap interpretasi *naş* al-Quran dan hadis terus berlaku dari zaman ke zaman.

Pada masa Abū Bakar al-Şiddīq, isu perubahan hukum berkaitan pengumpulan al-Quran menjadi polemik kerana tidak pernah dilakukan dan dilarang oleh Rasulullah SAW¹². Begitu juga dengan 'Umar al-Khaţţāb yang pernah melakukan perubahan hukum sehingga mendatangkan kontroversi di kalangan para Sahabat pada waktu itu dengan menyatakan beliau telah menyalahi kehendak *naş* syarak. Namun, terdapat Sahabat yang lain menyokong dengan alasan beliau telah berusaha mempraktikkan *naş* syarak dengan mengambilkira maqasid syariah dalam menentukan hukum¹³. Contoh perubahan hukum yang dibuat 'Umar al-Khaţţāb ialah memberhentikan pembahagian zakat kepada asnaf muallaf¹⁴, menyekat pemberian tanah rampasan kepada ahli tentera¹⁵, ucapan talak tiga dianggap satu¹⁶ dan banyak lagi.

¹⁰ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajr al-'Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Şaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. 'Abd al-'Aziz bin 'Abdullah bin Baz (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1414H/1993M), 3: 492-493.

¹¹ Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Ash'ath al-Sajistānī, "Sunan Abū Dāwud" (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'arif, 1996), 499 (Kitāb Duhaya, Bāb fi Habs Luhum al-Adahi, no. 2812).; Aḥmad ibn Shu'ayb ibn 'Alī al-Nasā'ī, "Sunan al-Nasā'ī" (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'arif, 1996), 680 (Kitāb Duhaya, Bāb al-Iddikhar min al-Adabī, no. 4431).

¹² Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Naysābūrī, "Şaḥīḥ Muslim", (Riyāḍ: Dār al-Tayyibah, 2006), 1366 (Kitāb al-Zuhd wa al-Raqa'iq, Bāb al-Tathabbut fi al-Ḥadith wa Ḥukm Kitābah al-'Ilm, no. hadith 3004).

¹³ M.Sadik, "Fiqh 'Umar Ibn al-Khatthab RA dan Reformasi Hukum Islam," *Jurnal Hunafa* 1, no.1 (April 2004), 33.

¹⁴ Idrīs Jam'ah Dirār, *al-Ra'y wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmī* (t.tp.: Maktabah wa Maṭba'ah Dār al-Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyah, t.t.), 209-210.

¹⁵ 'Alī Ḥasab Allāh, *Uşūl al-Tashrī' al-Islāmī*, cet. ke-3 (Qāhirah: Dār al-Ma'arif, 1964), 80.; Abū Yūsuf, *al-Kharāj*, cet. ke-2 (Qāhirah: al-Maṭba'ah al-Salafiyah, 1382H), 24.

¹⁶ 'Abd al-'Al Aḥmad 'Utwah, *al-Madkhal ilā al-Siyāsah al-Shar'iyah* (Riyāḍ: Jāmi'at al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah, 1993), 46.

Seterusnya, perubahan fatwa terus berlaku pada zaman perkembangan dengan dikenali sebagai zaman Tabi'in. Pada zaman ini terbentuk dua aliran fiqh iaitu aliran ahli hadis dan aliran ahli akal. Perbezaan metodologi *istinbāt* hukum antara dua aliran tersebut menyebabkan berlaku perubahan dan perbezaan hukum¹⁷. Contohnya ialah berkaitan permasalahan perbezaan *diyāt* bagi kecederaan gigi geraham¹⁸.

Perubahan fatwa turut berlaku pada zaman kematangan fiqh. Pada zaman ini berlaku kemuncak perkembangan fiqh kerana pelbagai cabang ilmu berkembang dan lahir ramai fuqaha besar seperti empat imam mazhab¹⁹. Perubahan fatwa yang berlaku adalah dari sudut perbezaan hasil pemikiran dalam mengistinbāt sesuatu hukum. Perbezaan pendapat dalam kalangan imam mazhab berlaku disebabkan perbezaan situasi dan keadaan masyarakat yang dihadapi dan latar belakang para imam mazhab itu sendiri. Sebagai contoh ialah perbezaan kefahaman imam mazhab terhadap lafaz *qurū'* bagi isteri yang dicerai oleh suami²⁰.

Berlaku juga perubahan fatwa dalam sesuatu mazhab itu sendiri, kewujudan pandangan *qawl qadīm* dan *qawl jadīd* yang dikeluarkan oleh al-Imām al-Shāfi'ī adalah bukti berlakunya perubahan hukum Islam. Keadaan ini menggambarkan hukum Islam tidak statik, jumud dan kaku²¹. Walau bagaimanapun, al-Imām al-Shāfi'ī tidak mengubah kesemua pendapat-pendapat dan fatwa-fatwanya yang terdahulu²².

Perubahan fatwa terus berlaku pada zaman kebangkitan fiqh hingga kini. Zaman ini bermula dengan kodifikasi fiqh iaitu penyusunan fiqh dalam bentuk perundangan

¹⁷ Badran Abū al-Aynayn, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī wa Nazariyyat al-Mulkiyyah wa al-'Uqd* (Bayrūt: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, t.t), 79.

¹⁸ Mālik bin Anas, *al-Muwatta* (Turkey: Cagri Yayinlari, 1401H/1981M), 2: 861 (Kitab al-'Uqul, Bab Jami Aql al-Asnan, no. hadith 1357).; 'Umar Sulayman al-Ashqar, *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī* (Kuwait: Maktabat al-Falah, 1402H/1982M), 85.

¹⁹ Muḥammad al-Khudarī Bik, *Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmī*, 143-162.

²⁰ Zaydān, 'Abd al-Karīm, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Qāhirah: Dār al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islāmiyyah, t.t.), 276-277.

²¹ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Transformasi Fikah Semasa* (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2010), 200.

²² Muḥammad Abū Zahrah, *al-Imām al-Shāfi'ī Ḥayātuh wa 'Asruh wa Āra'uh wa Fiqhuh* (Qāhirah: Dār al-Kutub, 1948), 149.; Abdul Karim Ali et al., "Faktor Perubahan Pendapat Imam al-Shāfi'ī dari Qawl Qadim kepada Qawl Jadid" *Jurnal Syariah* 16, no.2 (2008), 308.

sebagaimana yang terdapat dalam *Majjallat al-Aḥkām al-Adliyyah*. Ia merupakan Kanun Sivil Islam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Uthmaniyyah Turki. *Majjallat al- Aḥkām al-Adliyyah* telah menjadikan mazhab Hanafi sebagai sandaran mazhab, namun terdapat pandangan lemah yang digunakan bagi disesuaikan dengan *maṣlahah* dan tuntutan semasa²³. Contoh perubahan hukum yang berlaku pada masa kini ialah penambahan harga barang yang dibeli secara bertanggung dan dibayar secara ansuran²⁴.

Perubahan hukum yang pernah berlaku dalam sejarah yang panjang tersebut memberi gambaran tentang keanjalan hukum Islam. Hukum Islam boleh berubah kerana mengambilkira beberapa faktor tertentu, antaranya merujuk kepada perbezaan tempat, ‘uruf, zaman dan penemuan dalil baru yang lebih kuat²⁵. Faktor lain yang memberi kesan kepada perubahan hukum Islam juga ialah perubahan kemaslahatan yang berlaku²⁶. Faktor ini sesuai dengan kaedah “sesuatu yang dilandaskan kepada suatu ‘illah, berkisar menurut ‘illahnya ada atau tidak ada”²⁷.

Di Malaysia, perubahan hukum turut berlaku dari semasa ke semasa bagi tujuan mencapai kemaslahatan manusia. Hal ini boleh dilihat terdapat persoalan hukum yang sudah mempunyai jawapan terdahulu lalu bertukar ke jawapan yang baru atau persoalan hukum baru yang tidak mempunyai jawapan dalam perbendaharaan hukum fiqh terdahulu²⁸. Perubahan hukum yang berlaku juga secara tidak langsung memperlihatkan perubahan sandaran mazhab Syafie kepada pandangan mazhab lain atau pandangan tokoh fiqh kontemporari.

²³ Md. Akhir Yaacob, *Undang-undang Sivil Islam*, terj. al-Aḥkām al-Adliyyah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), xi.

²⁴ T.p., *Majjallat Majma' al-Fiqh al-Islāmi (al-Dawrat al-Sadisah)* (t.tp.: 1410H/1990M), bil.6, qarar 6/2/53, 1: 447.

²⁵ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 40-41.

²⁶ Ridzwan Ahmad, “Maslahah dan Hubungannya dengan Nas Syarak Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia”, dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail et al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000), 150.

²⁷ Al-Qaradāwī, Yūsuf, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Daw’ Nuṣūṣ al-Sharī‘ah wa Maqāṣiduha*, cet. ke-4 (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2011), 288.

²⁸ Anisah Ab.Ghani, “Perubahan-perubahan Perlu Dalam Fiqh Ibadat Berdasarkan Realiti Semasa Di Malaysia”, 222.

Dalam penulisan bab pertama, ia akan membincangkan tentang latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif kajian dan skop kajian. Bab ini juga turut memuatkan kepentingan kajian, sorotan kajian terdahulu, metodologi kajian dan organisasi kajian.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Malaysia adalah sebuah negara yang menetapkan hukum fiqh berdasarkan kepada mazhab Syafie²⁹. Pegangan terhadap mazhab Syafie dalam bidang hukum fiqh telah bermula di Malaysia sejak sekian lama. Menurut pandangan sebahagian tokoh sejarah, mazhab Syafie telah muncul seiring dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu atau juga dikenali Nusantara suatu ketika dahulu³⁰.

Pengaruh mazhab Syafie terus berkembang dan menjadi pegangan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia melalui saluran pendidikan dan sukatan pelajaran yang dipelajari di institusi-institusi pendidikan. Seterusnya pengaruh mazhab Syafie diperkukuhkan lagi dalam bentuk perundangan melalui enakmen pengeluaran fatwa perlu berasaskan kepada mazhab Syafie³¹. Keterikatan tersebut dapat dilihat daripada syarat yang diperkenalkan oleh Majlis Agama Islam negeri-negeri dalam acara-acara fatwa kecuali negeri Perlis³².

²⁹ Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah et al., "Pendekatan Penetapan Fatwa di Malaysia: Impaknya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Semasa" (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan 2005, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 28-29 September 2005), 2.; Suwaid Tapah, "Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa" dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 37.

³⁰ Omar Awang, "The Major Arabic Sources Which Determined The Structure of Islamic Thought in The Malay Archipelago Before The Nineteenth Century A.D. in The Field of Law, Theology And Sufism", dalam *Islamika*, ed. Lutpi Ibrahim (Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981), 83-84.

³¹ Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara* (Selangor: al-Rahmaniah, 1990), 192-193.; Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Madhhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia* (Kajang: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1982), 3-5.; Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 12.

³² Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia," *Jurnal Syariah* 10, no. 1 (2002), 41-42.

Namun begitu, terdapat beberapa isu atau fatwa dalam mazhab Syafie yang sudah ditinggalkan dan tidak menjadi sandaran dalam mencari penyelesaian hukum-hakam fiqh di Malaysia. Dalam erti kata lain, pada suatu ketika dahulu penyelesaian hukum fiqh adalah bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie, namun kini terdapat fatwa yang tidak lagi bersandarkan kepada mazhab Syafie, bahkan wujud pandangan mazhab-mazhab lain dan pandangan sarjana hukum fiqh kontemporari diambil sebagai jawapan hukum³³. Menurut kajian yang dilakukan oleh Wan Zulkifli Wan Hassan³⁴ dan Luqman Abdullah³⁵, pengaruh mazhab Syafie sangat dominan dalam sebahagian besar fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Antara persoalan hukum yang dilihat mengalami perubahan kepada tidak bersandarkan mazhab Syafie ialah hukum berkaitan zakat³⁶.

Antara persoalan hukum fiqh yang sudah mempunyai jawapan terdahulu bersandarkan pandangan mazhab Syafie lalu bertukar ke jawapan yang baru bersandarkan pandangan mazhab lain ialah hukum penolakan kos tanaman dalam pengiraan zakat padi. Pandangan dalam mazhab Syafie tidak menerima penolakan kos tanaman zakat padi, manakala pandangan mazhab lain yang secara umumnya menerima penolakan kos tanaman zakat padi dalam mewajibkan zakat padi kerana lebih praktikal dan sesuai³⁷. Contoh fatwa yang tidak menerima penolakan kos tanaman zakat padi

³³ Abdul Monir Yaacob, "Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat", dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001), 5-6.; Noor Naemah Abd. Rahman et al., "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa-Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan" (Prosiding, Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, Fakulti Syariah dan Undang-undang Kolej Universiti Islam Malaysia, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP Kajang, 15-16 Disember 2004), 178.

³⁴ Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pengaruh Mazhab Syafie Dalam Fatwa Mengenai Zakat Di Terengganu: Kajian Dari Tahun 1953 – 2005" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

³⁵ Luqman Abdullah, "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010" (Prosiding Seminar Isu-isu Kontemporari Dalam Mazhab Shafi'i, Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei, 2013), 139-155.

³⁶ Anisah Ab.Ghani et al., "Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab Dalam Isu-isu Ibadat", *Jurnal Fiqh*, no.4 (2007), 198.

³⁷ Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 273.

ialah fatwa di Selangor³⁸ dan Kedah³⁹. Manakala fatwa yang menerima penolakan kos tanaman zakat padi ialah fatwa di negeri Kedah⁴⁰ Kelantan⁴¹ dan Terengganu⁴².

Selain itu, hukum yang sudah mempunyai jawapan terdahulu bersandarkan mazhab Syafie lalu bertukar ke jawapan yang baru bersandarkan pandangan mazhab lain ialah kaedah pembayaran zakat fitrah. Secara amalan, suatu ketika dahulu pembayaran zakat fitrah di Malaysia adalah dengan beras bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie, namun sekarang keputusan hukum tersebut telah berubah bersandarkan pandangan mazhab Hanafi iaitu pembayarannya dengan nilai harga sebagai ganti kepada beras⁴³. Menurut Marwazi⁴⁴, tiada fatwa dikeluarkan berkaitan pembayaran zakat fitrah dengan beras, namun dari segi amalan ianya telah dipraktiskan di Malaysia pada suatu ketika dahulu. Fatwa pembayaran dengan nilai harga boleh dilihat dalam keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFMKBHEUIM) kali ke-57, pada 10 Jun 2003, berkaitan penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia⁴⁵ dan Fatwa Mufti Kerajaan Johor⁴⁶.

³⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=11>.

³⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-tanaman-pertanian-0>.

⁴⁰ Jabatan Mufti Negeri Kedah, *Himpunan Fatwa Jilid 2* (Kedah: Jabatan Mufti Negeri Kedah, t.t.), 8-9.

⁴¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>.

⁴² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-pendapatan>; "Keputusan Fatwa Negeri Terengganu bagi Tahun 1999", dicapai 6 Januari 2016, <http://mufti.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/media/38/3b588319aa294496c924006279bc2886.pdf>.

⁴³ Syaikh Abdullah Basmeh, *Panduan Rasulullah SAW Mengenai: Zakat, Sedakah dan Khairat* (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1985), 58-59.; Abdul Monir Yaacob, "Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat", 7.

⁴⁴ Marwazi Dziauddin, Sheikh (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

⁴⁵ JAKIM, *Buku Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM, 2009), 69.; Basri Ibrahim et al., *Fatwa-fatwa Berkaitan Fiqh Semasa Di Malaysia* (Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., 2015), 380-381.

⁴⁶ Jabatan Mufti Johor, *Fatwa Mufti Kerajaan Johor yang difatwakan oleh Dato' Syed Alwi bin Tohir al-Haddad*, cet. ke-3 (Johor: Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor, 1981), 1: 99-100.

Seterusnya, persoalan hukum baru yang tidak terdapat dalam perbendaharaan hukum fiqh terdahulu dan tidak bersandarkan mazhab Syafie ialah pengenaan zakat gaji atau pendapatan yang pada asalnya tidak terdapat dalam penjelasan hukum bersandarkan mazhab Syafie. Menurut Mahmood Zuhi, memandangkan kebiasaan gaji dan pendapatan profesional diterima dalam bentuk matawang maka ianya tertakluk kepada kaedah zakat matawang. Mengikut teori mazhab Syafie matawang dikenakan zakat emas dan perak, kerana realitinya pada zaman Nabi SAW emas dan perak selain menjadi barang perhiasan, ia juga menjadi alat pertukaran dalam urusan jual beli iaitu selaras dengan penggunaan wang ringgit pada hari ini. Dalam teori mazhab Syafie lagi, zakat matawang hanya dikenakan ke atas simpanan kerana mengenakan syarat *ḥawl* ke atas semua jenis zakat wang⁴⁷.

Mahmood Zuhi mengulas lanjut walaupun mazhab Syafie mengistilahkan gaji dan pendapatan profesional dengan *māl al-mustafād*, namun tertakluk kepada syarat cukup nisab. Wang yang diperolehi dari hasil gaji dan pendapatan profesional berkenaan tidak akan dicampurkan dengan mana-mana kumpulan wang yang telah cukup nisab dan sedang menunggu tempoh *ḥawl*. Sebaliknya ia perlu menjadi wang simpanan yang dicampurkan dengan mana-mana kumpulan wang simpanan yang sebelumnya yang masih belum cukup nisab. Sekiranya, kumpulan wang seperti itu tidak ada, ianya akan membentuk satu unit simpanan baru yang '*ḥawl*'nya akan bermula apabila cukup nisab. Ini menunjukkan bahawa dalam mazhab Syafie tidak ada jalan untuk mengenakan zakat ke atas gaji dan pendapatan profesional kecuali sebagai wang simpanan yang perlu memenuhi syarat cukup nisab dan sempurna *ḥawl*⁴⁸.

⁴⁷ Mahmood Zuhi Ab. Majid, "Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional dari Perspektif Mazhab Syafii," *Jurnal Syariah* 1, no. 2 (Julai 1993), 287-288.

⁴⁸ *Ibid*, 289.

Kewajiban zakat pendapatan ini menggambarkan hukum yang diputuskan tidak bersandarkan mazhab Syafie⁴⁹, sebaliknya menggunakan pandangan sarjana hukum fiqh kontemporari iaitu Yūsuf al-Qaradāwī⁵⁰. Fatwa zakat pendapatan di Malaysia mula diberi perhatian sekitar tahun 1986 di negeri Kedah⁵¹, diikuti Wilayah Persekutuan⁵² pada tahun 1999 dan Selangor⁵³ pada tahun 2002.

Selain itu, hukum baru yang tidak terdapat dalam perbendaharaan hukum fiqh terdahulu dan tidak bersandarkan mazhab Syafie ialah potongan bulanan zakat gaji. Hukum isu ini rentetan daripada hukum baru pengenaan zakat gaji yang tidak pernah dibincangkan dalam mazhab Syafie⁵⁴. Hukum ini boleh dilihat dalam keputusan fatwa mengenai bayaran zakat gaji bulanan yang dibuat oleh majikan dengan izin atau permintaan pembayar zakat itu sendiri oleh Jemaah Ulama Negeri Kelantan pada 17 April 1995⁵⁵.

Berdasarkan contoh-contoh fatwa zakat yang diutarakan di atas, kini penentuan sesuatu fatwa zakat dilihat tidak lagi secara langsung terikat dengan mazhab Syafie. Dalam proses penentuan fatwa zakat masa kini, telah berlaku keterbukaan penerimaan pendapat pelbagai mazhab yang lain dan pandangan sarjana hukum fiqh kontemporari oleh pihak berautoriti dalam mengeluarkan hukum atau fatwa berkaitan zakat⁵⁶. Perubahan tersebut adalah untuk meraikan perubahan masa, tempat, teknologi dan

⁴⁹ Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, 334.; Hamizul Abdul Hamid, *Eksklusif Zakat* (Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2012), 218.

⁵⁰ Lihat al-Qaradāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh*, 488-519.; Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengamalan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2012), 197.

⁵¹ Warta Kerajaan Fatwa Zakat Pendapatan Negeri Kedah (jld. 2, bil. 8, 10 April 1986).

⁵² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>; Warta Kerajaan Fatwa Zakat Penggajian Wilayah Persekutuan, 9 April 1999.

⁵³ Warta Kerajaan Negeri Selangor, Fatwa Zakat Pendapatan (jld. 55, no. 10, 9 Mei 2002).

⁵⁴ Suryani Masnan, "Kaedah Taksiran Zakat Pendapatan Menurut Al-Qaradawi: Kajian Perbandingan Dengan Skim Potongan Gaji (SPG)" dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari* (Melaka: Institut Kajian Zakat Malaysia UiTM, 2013), 426-438.

⁵⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>

⁵⁶ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah (No.13/ 1992), seksyen 40 (1), (2) dan (3).; Lihat juga Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (1422H/2004M), seksyen 54 (1), (2) dan (3).

sebagainya⁵⁷. Perkembangan yang berlaku ini adalah dilihat selaras dengan pencapaian maqasid pensyariaan zakat.

Perubahan hukum yang mengambilkira dan menepati maqasid syariah adalah merupakan suatu pendekatan dalam berijtihad⁵⁸. Menurut sarjana hukum fiqh, pengambilkiraan maqasid syariah dalam menentukan sesuatu hukum-hakam dilihat lebih berdaya maju kerana sifatnya yang objektif. Justeru itu, pengambilkiraan maqasid syariah ini dinamakan sebagai pendekatan *maqāsidī*⁵⁹.

Dalam proses penentuan sesuatu hukum, pengambilkiraan objektif di sebaliknya perlu diberi perhatian. Langkah ini selari dengan prinsip yang dirumuskan dari permasalahan *ta'līl*, iaitu bahawa hukum syarak perlu sentiasa dikaitkan dengan *'illah*. Justeru itu, dalam menentukan sesuatu hukum pengambilkiraan maqasid syariah tidak boleh diabaikan⁶⁰.

Berdasarkan realiti perubahan sandaran hukum fiqh zakat yang berlaku di Malaysia, terdapat ruang untuk mengkaji fatwa-fatwa zakat dari perspektif maqasid syariah. Kajian ini akan menganalisis pertimbangan maqasid syariah dalam fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh pihak yang berautoriti. Hal ini bertujuan memastikan objektif pensyariaan zakat tercapai dan *maṣlahah* manusia benar-benar terjamin serta terpelihara.

Hubungan fatwa zakat dengan maqasid pensyariaan zakat adalah sesuatu yang sangat penting diperhatikan oleh jawatankuasa fatwa semasa proses penggubalan fatwa supaya wujud fatwa yang bersifat objektif dan tepat dengan kehendak syariat. Pensyariaan zakat dilihat unik berbanding dengan ibadah-ibadah yang lain kerana ianya menggabungkan antara dua tanggungjawab iaitu terhadap Allah (*ḥaq* Allah) serta

⁵⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Ilām al-Muwāqī'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, 598-599.

⁵⁸ Selain pendekatan *maqāsidī*, terdapat juga pendekatan *shaklī* dalam menentukan hukum. Lihat Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Maqāsid al-Sharī'ah: Satu Pengenalan" dalam *Maqāsid al-Sharī'ah* (Selangor: Penerbit UIAM, 2012), 37.

⁵⁹ *Ibid.*, 39.

⁶⁰ *Ibid.*, 40.

tanggungjawab terhadap manusia (*ḥaq al-`abd*). Oleh itu, objektif pensyariatannya juga terbahagi kepada dua sama ada memberi erti mendekati diri kepada Allah SWT (*al-taqarrub*) berdasarkan ibadah semata-mata (*ibādah maḥḍah*) yang bersifat *ta`abbud*, atau juga bermaksud memenuhi kehendak fakir miskin atau lebih dikenali sebagai *ibadah māliyah* yang lebih bersifat *mu`allal*⁶¹.

Selain itu, kepentingan memastikan maqasid pensyariatan zakat dipenuhi dan dicapai dalam penggubalan fatwa zakat adalah untuk menjamin keberkesanan sistem zakat dalam sesebuah negara. Maqasid pensyariatan zakat boleh ditinjau dari pelbagai perspektif antaranya ialah dalam konteks agama, pembayar zakat, penerima zakat, pembangunan negara, ekonomi dan sosial.

Sebagai contoh pengambilkiraan maqasid zakat dalam penggubalan fatwa zakat yang telah berlaku ialah hukum pengeluaran zakat fitrah telah berubah kepada wang atau dalam bentuk nilai harga. Pada asalnya hukum pengeluaran zakat fitrah dengan makanan utama kerana bersandarkan kepada hadis Nabi SAW yang menyebut zakat fitrah wajib dalam bentuk tamar, zabib atau gandum. Perubahan hukum pengeluaran zakat fitrah telah berlaku kepada pembayaran wang atau dalam bentuk nilai harga kerana mengambilkira maqasid syariah iaitu antara lainnya memenuhi keperluan semasa orang miskin⁶².

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menggariskan beberapa persoalan berhubung pengambilkiraan maqasid syariah dalam perubahan hukum zakat di Malaysia. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

⁶¹ Raysūnī, *Nazariyyah al-Maqāsid 'ind al-Imām al-Shātibī*, 181-186.

⁶² Ibn Rushd, *al-Bayan wa Tahsil* (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1984), 2: 366.; Ibn al-Qayyim, *I'lam al-Muwaqī'in*, 3: 12.

- i. Apakah maqasid syariah di sebalik pensyariatan zakat?
- ii. Bagaimanakah kaedah mengenali dan meng*ithbatkan* maqasid pensyariatan zakat?
- iii. Bagaimanakah sistem pentadbiran dan pengurusan fatwa di Malaysia?
- iv. Bagaimanakah pendekatan prosedur pengeluaran fatwa di Malaysia?
- v. Bagaimanakah senario fatwa-fatwa zakat di Malaysia?
- vi. Adakah berlaku perubahan fatwa-fatwa zakat di Malaysia?
- vii. Adakah penentuan fatwa-fatwa zakat di Malaysia mengambilkira dan menepati maqasid syariah?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

- i. Menghuraikan maqasid syariah di sebalik pensyariatan zakat
- ii. Menjelaskan pendekatan prosedur pengeluaran fatwa
- iii. Mengkaji perubahan fatwa-fatwa zakat yang berlaku di Malaysia
- iv. Menganalisis penentuan fatwa zakat di Malaysia dari perspektif maqasid syariah

Jadual 1.1. Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian		Persoalan Kajian	
i	Mengguraikan maqasid syariah di sebalik pensyariatan zakat	i	Apakah maqasid syariah di sebalik pensyariatan zakat?
		ii	Bagaimanakah kaedah mengenali dan meng <i>ithbatkan</i> maqasid pensyariatan zakat
ii	Menjelaskan pendekatan prosedur pengeluaran fatwa	iii	Bagaimanakah sistem pentadbiran dan pengurusan fatwa di Malaysia?
		iv	Bagaimanakah pendekatan prosedur pengeluaran fatwa di Malaysia?
iii	Mengkaji perubahan fatwa zakat yang berlaku di Malaysia	v	Bagaimanakah senario fatwa-fatwa zakat di Malaysia?
		vi	Adakah berlaku perubahan fatwa-fatwa zakat di Malaysia?

Jadual 1.1. sambungan

Objektif Kajian		Persoalan Kajian	
iv	Menganalisis perubahan fatwa zakat di Malaysia dari perspektif maqasid syariah	vii	Adakah penentuan fatwa zakat di Malaysia mengambilkira dan menepati maqasid syariah?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa kepentingan kajian yang diambilkira antaranya dapat membantu memahami konsep maqasid syariah serta kaedah mengenali dan meng*ithbatkan* maqasid pensyariaan zakat kepada pihak berautoriti seperti penyelidik hukum, mufti dan ahli jawatankuasa fatwa.

Kepentingan lain ialah menjelaskan pendekatan prosedur pengeluaran fatwa-fatwa di Malaysia sama ada di peringkat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri bagi tujuan memperlihatkan piawaian dan standard yang konsisten dalam proses pengeluaran sesuatu fatwa kepada para pengkaji khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.

Seterusnya, kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada bidang kajian berkenaan hukum fiqh dan fatwa yang telah sedia ada kerana berusaha untuk mengkaji perubahan dan perkembangan fatwa-fatwa zakat yang berlaku di Malaysia. Melalui kajian ini diharapkan akan memberi nilai tambah kepada koleksi kajian kefatwaan di Malaysia bagi manfaat para pengkaji di peringkat universiti dan para penyelidik hukum di institusi fatwa.

Selain itu, kajian ini juga penting dalam menganalisis penentuan fatwa zakat di Malaysia dari perspektif maqasid syariah dan menghuraikan kepentingan pengambilkiraan maqasid syariah dalam penentuan fatwa-fatwa zakat supaya fatwa bersifat lebih tepat, jitu dan mantap. Hal ini akan meningkatkan lagi kredibiliti pihak institusi fatwa di Malaysia sama ada di peringkat negeri atau kebangsaan.

1.6 SKOP KAJIAN

Penulisan dalam kajian ini memfokuskan kepada koleksi fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh institusi fatwa di Malaysia iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Koleksi fatwa-fatwa zakat tersebut terdiri daripada kategori fatwa diwartakan dan tidak diwartakan sahaja yang telah diterbitkan dalam bentuk buku, warta atau disiarkan melalui laman web portal rasmi fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Analisis kajian difokuskan kepada menilai senario fatwa-fatwa zakat di Malaysia dan mengesan pengambilkiraan maqasid syariah dalam fatwa-fatwa zakat.

1.7 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Bagi tujuan penulisan tesis ini, pengkaji mengelaskan sorotan karya kepada tiga bahagian utama iaitu penulisan berkaitan zakat, penulisan berkenaan hukum serta fatwa zakat dan penulisan mengenai maqasid pensyariaan zakat.

1.7.1 Kajian-kajian Berkaitan Zakat

Terdapat pelbagai penulisan dan kajian yang dilakukan berkaitan dengan topik zakat. Penulisan dan kajian tersebut boleh diklasifikasikan kepada beberapa tema iaitu pentadbiran dan pengurusan zakat, pengalaman pengurusan institusi zakat, keberkesanan kutipan dan agihan zakat, zakat dalam aspek perundangan, zakat dalam aspek ekonomi dan perbandingan antara zakat serta cukai.

Penulisan dan kajian berkaitan pentadbiran dan pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan zakat antaranya ialah seperti yang dilakukan oleh Humam Daud⁶³, Ahmad Fauzee Abdullah⁶⁴, Dziauddin Sharif⁶⁵, Muhammad Yamin Ismail⁶⁶ dan Mahayudin Ahmad⁶⁷, masing-masing telah menumpukan kajian berkaitan pengurusan kutipan dan agihan zakat di zaman awal Islam, negeri Perak, Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan negeri Kedah. Dalam penulisan lain, Wahairi Mahmud⁶⁸ menumpukan kajian terhadap impak pentadbiran zakat di negeri Pahang dengan wujudnya penubuhan Pusat Kutipan Zakat (PKZ) di negeri tersebut yang dilihat meningkatkan kutipan zakat. Hasan Baharom⁶⁹ pula membuktikan bahawa institusi zakat di Malaysia terutamanya institusi zakat yang telah diperbadankan sebagai satu entiti korporat telah mempraktikkan konsep 'corporate governance' atau pengurusan korporat.

Seterusnya terdapat juga penulisan berkaitan pengalaman pengurusan institusi zakat di Malaysia seperti yang dihasilkan oleh Nor Azmi Musa⁷⁰, Ismail Hasim⁷¹ dan

⁶³ Humam Daud, "Kutipan Zakat dan Agihannya: Suatu Kajian di Awal Islam" (disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

⁶⁴ Ahmad Fauzee Abdullah, "Aplikasi Pengurusan Sumber Aset: Analisis Terhadap Harta Zakat di Negeri Perak" (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

⁶⁵ Dziauddin Sharif, "Sistem Pungutan dan Agihan Zakat Fitrah: Kajian di Baitulmal Negeri Sembilan" (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003).

⁶⁶ Muhammad Yamin Ismail, "Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no. 2 (2007), 42-45.

⁶⁷ Mahayudin Ahmad, "Konsep dan Amalan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Kajian Mengikut Enakmen 1955" (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

⁶⁸ Wahairi Mahmud, "Kesan Penubuhan Pusat Zakat ke atas Pentadbiran Zakat di Negeri Pahang" (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).

⁶⁹ Hasan Baharom et al., "Amalan 'Corporate Governance' dalam Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia" *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no. 2 (2007), 53-70.

⁷⁰ Nor Azmi Musa, "Koleksi dan Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Sembilan" dalam *Zakat: Penseyarian, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Selangor: Penerbit UKM, 2006), 377-383.

⁷¹ Ismail Hasim, "Pengurusan Zakat: Pengalaman Negeri Melaka" dalam *Zakat: Penseyarian, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Selangor: Penerbit UKM, 2006), 384-397.

Halidan Md. Daud⁷², Zainal Abidin⁷³, Othman Ibrahim⁷⁴, Ismail Saad⁷⁵ dan Abang Mohd Shibli⁷⁶, masing-masing telah mengemukakan pengalaman institusi zakat di Wilayah Persekutuan, Kelantan, Pulau Pinang, Sarawak, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat.

Selain itu, terdapat juga kajian dan penulisan zakat dari aspek melihat keberkesanan kutipan dan agihan zakat. Hasan Bahrom⁷⁷ dan Abd Halim Mohd Noor⁷⁸ telah mencadangkan institusi zakat perlu meningkatkan kecekapan dan konsisten dalam melaksanakan tugas. Hal ini bertujuan mengelakkan ketidakpercayaan pembayar zakat kepada institusi zakat. Bagi meninjau keberkesanan agihan zakat pula, Mohd Sulaiman Zahlan⁷⁹ dan Mohd Zulkifli Ab Ghani⁸⁰ telah mengkaji keberkesanan pengagihan zakat kepada asnaf *fi sabilillah* termasuk bentuk-bentuk agihan yang diberikan kepada asnaf ini. Fuadah Johari⁸¹, Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid⁸², Adibah Abdul Wahab⁸³ dan

⁷² Halidan Md. Daud, "Pengalaman Pengurusan Pahang" dalam *Zakat: Penseyarian, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Selangor: Penerbit UKM, 2006), 398-408.

⁷³ Zainal Abidin, "Cara Pengagihan dana Zakat: Pengalaman Wilayah Persekutuan" dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan (Kuala Lumpur: IKIM, 2001), 63-100.; Lihat juga Zainal Abidin Jaffar, "Pengurusan Agihan Zakat: Pengalaman Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" dalam *Zakat: Penseyarian, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Selangor: Penerbit UKM, 2006), 371-376.

⁷⁴ Othman Ibrahim, "Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Kelantan" dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan (Kuala Lumpur: IKIM, 2001), 101-106.

⁷⁵ Ismail Saad, "Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Pulau Pinang" dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan (Kuala Lumpur: IKIM, 2001), 107-126.

⁷⁶ Abang Mohd Shibli "Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Sarawak" dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan (Kuala Lumpur: IKIM, 2001), 127-143.

⁷⁷ Hasan Bahrom et al., "Pengurusan Agihan Zakat di Malaysia" dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf*, ed. Hajar Opir dan Hasan Bahrom (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 2010), 65-115.

⁷⁸ Abd Halim Mohd Nor et al., "Performance Indicator Model for Zakat Institution" *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no. 2 (2007), 71-84.

⁷⁹ Mohd Sulaiman Zahlan et.al., "Asnaf Fi Sabilillah: Satu Pengamatan Agihan Dana Zakat di Malaysia" dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf*, ed. Hajar Opir dan Hasan Bahrom (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 2010), 37-45.

⁸⁰ Mohd Zulkifli Ab Ghani, "Pengagihan Zakat Mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994: Kajian Terhadap Asnaf fi Sabilillah" (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003).

⁸¹ Fuadah Johari, "Keberkesanan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka" (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

Armiadi Musa Basyah⁸⁴ pula telah mengkaji keberkesanan agihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin dalam membasmi kemiskinan. Hasil kajian-kajian ini menjelaskan bahawa zakat mampu mengurangkan kadar kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam kalangan penerima zakat asnaf fakir dan miskin. Manakala Jaafar Ahmad⁸⁵ melihat dari sudut sumber zakat dan bukan zakat sebagai pendekatan bersepadu dalam membantu asnaf fakir dan miskin.

Seterusnya, terdapat kajian dan penulisan zakat dari aspek perundangan di Malaysia seperti yang dilakukan oleh Mohd Ali Baharum⁸⁶, Mahmood Zuhdi⁸⁷, Siti Mashitoh Mahamood⁸⁸ Engku Muhammad Tajuddin⁸⁹, Ahmad Hidayat Buang⁹⁰ dan Azman Ab Rahman⁹¹. Penulisan-penulisan tersebut menjelaskan urusan zakat bukan sekadar tanggungjawab syariah terhadap individu semata-mata, malah ianya merupakan tanggungjawab pemerintah yang sangat ditekankan oleh Islam. Justeru itu, undang-undang berkaitan zakat perlu dilaksanakan oleh pemerintah dalam sesebuah negara. Undang-undang yang dibahaskan meliputi kuasa pungutan dan agihan zakat,

⁸² Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid, "Pelaksanaan Agihan Zakat Terhadap Asnaf Fakir dan Miskin dalam Membasmi Kemiskinan: Kajian Khusus di Pusat Zakat Selangor" (disertasi sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

⁸³ Adibah Abdul Wahab, "Peranan Agihan Zakat Dalam Mengurangkan Masalah Kemiskinan Bandar: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor" (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).

⁸⁴ Armiadi Musa Basyah, "Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin" (tesis kedoktoran, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

⁸⁵ Jaafar Ahmad, "Bantuan Golongan Fakir dan Miskin Melalui Sumber Zakat dan Bukan Zakat: Satu Pendekatan Sepadu" dalam *Zakat: Pensiyyatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Selangor: Penerbit UKM, 2006), 101-122.

⁸⁶ Mohd Ali Baharum, "Bidang Kuasa Pungutan Zakat: Kajian Kepada Enakmen Negeri-negeri di Malaysia," dalam *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, ed. Mohd. Ali Baharum (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1989), 29-56.

⁸⁷ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Kuasa-kuasa dan Kaedah Pentadbiran Zakat di Malaysia" *Jurnal Syariah* 2, no. 1 (Januari 1994).

⁸⁸ Siti Mashitoh Mahamood, "Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan" dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia* (Selangor: UPENA UiTM, 2007), 141-170.

⁸⁹ Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, "Ke Arah Penyeragaman Undang-undang dan Peraturan Berkaitan Zakat di Malaysia" dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari* (Melaka: IKaZ UiTM, 2013), 263-285.

⁹⁰ Ahmad Hidayat Buang, "Dilema Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Insentif Membayar Zakat" dalam *Zakat: Pensiyyatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Selangor: Penerbit UKM, 2006), 325-336.

⁹¹ Azman Ab Rahman et al., *Keengganan Membayar Zakat: Menurut Perspektif Syarak dan Perundangan Islam di Malaysia* (Negeri Sembilan: USIM, 2012).

penguatkuasaan pembayaran zakat, tindakan terhadap orang yang enggan membayar zakat dan sehinggalah ke arah cadangan penyeragaman peraturan zakat di seluruh Malaysia.

Kajian dan penulisan berkenaan zakat dalam aspek ekonomi juga ada dilakukan, antaranya Nik Mustapha Nik Hassan⁹² menegaskan bahawa zakat merupakan suatu pendekatan ke arah penyusunan masyarakat menepati roh keadilan sosial dalam membangun ekonomi masyarakat. Patmawati Ibrahim⁹³ pula telah membuktikan melalui data empirikal yang menunjukkan bahawa agihan zakat berjaya merapatkan jurang agihan pendapatan serta menurunkan kadar kemiskinan. Bagi Maizatul Saadiah⁹⁴, pertumbuhan ekonomi dapat dijana melalui kutipan dan agihan zakat yang diuruskan dengan baik. Abu Sufian⁹⁵ pula melihat program agihan zakat dalam bentuk perniagaan yang dilaksanakan di Kuala Lumpur. Hasil kajian telah mencadangkan bantuan bukan dalam bentuk material sahaja, tetapi perlu diberi latihan keusahawanan supaya memberi nilai tambah ekonomi penerima zakat tersebut.

Selain itu, terdapat juga kajian dan penulisan yang membuat perbandingan antara zakat dan cukai. Antaranya melalui hasil kajian Nur Barizah Abu Bakar⁹⁶ dan Azizah Dolah⁹⁷ yang mendapati bahawa zakat berbeza dengan cukai pendapatan. Ruziah Ghazali⁹⁸ pula membandingkan antara zakat perniagaan dengan cukai korporat. Beliau

⁹² Nik Mustapha Nik Hassan, "Semangat Pengagihan Zakat ke arah Pembangunan Ekonomi" dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: IKIM, 2001), 27-37.

⁹³ Patmawati Ibrahim, "Tahap Ekonomi Ummah" dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia* (Selangor: UPENA UiTM, 2009), 124-140.

⁹⁴ Maizatul Saadiah Mohamad et al., "Kutipan dan Agihan Zakat ke arah Pertumbuhan Ekonomi Negeri Melaka" dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari* (Melaka: IKaZ UiTM, 2013), 131-156.

⁹⁵ Abu Sufian Abu Bakar, "Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program Agihan Zakat Dalam Bentuk Perniagaan" dalam *Zakat: Pensiyyatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Selangor: Penerbit UKM, 2006), 228-256.

⁹⁶ Nur Barizah Abu Bakar et al., "A Comparative Study of Zakah ang Modern Taxation" *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economic* 20, no. 1 (2007), 25-40.

⁹⁷ Azizah Dolah et al., "Kaitan Zakat dan Cukai di Malaysia" dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia* (Selangor: UPENA UiTM, 2009), 1-24.; Azizah Dolah, *Zakat dan Cukai di Malaysia* (Selangor: Penerbit UiTM, 2012).

⁹⁸ Ruziah Ghazali, "Implikasi Zakat Terhadap Sistem Percukaian Negara" dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia* (Selangor: UPENA UiTM, 2009), 25-44.

merumuskan bahawa zakat dan cukai saling berperanan dalam sesebuah ekonomi negara.

1.7.2 Kajian-kajian Berkenaan Hukum dan Fatwa Zakat

Penulisan dan kajian mengenai hukum dan fatwa zakat telah banyak dilakukan, antaranya ialah berkaitan konsep dan teori zakat, hukum harta-harta wajib zakat, hukum asnaf-asnaf zakat, analisis fatwa zakat, metodologi fatwa zakat dan perubahan fatwa dari semasa ke semasa.

Penulisan dan kajian berkaitan konsep dan teori zakat telah banyak dilakukan oleh tokoh sarjana fiqh klasik antaranya ialah al-Kāsānī⁹⁹, Ibn Qudāmah al-Maqdisī¹⁰⁰, Ibn Ḥazm¹⁰¹, al-Qurṭubī¹⁰², al-Shīrāzī¹⁰³, al-Nawāwī¹⁰⁴, al-Sharbīnī¹⁰⁵, Abī ‘Ubayd al-Qāsim¹⁰⁶ dan ramai lagi. Penulisan tokoh sarjana fiqh moden pula ialah al-Qaraḍāwī¹⁰⁷,

⁹⁹ Al-Kāsānī, al-Imām ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd al-Hanafī, *Badā‘i al-Sanā‘i*, cet. ke-2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2: 371-547.

¹⁰⁰ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, cet. ke-6 (Urdun: Bayt al-Afkar al-Duwaliah, t.t.), 1: 491-591.

¹⁰¹ Ibn Ḥazm, Abī Muḥammad Alī bin Aḥmad bin Sa‘id, *al-Muḥallā* (Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, 2005), 5: 223-320.

¹⁰² Al-Qurṭubī, al-Imām al-Qaḍī Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad Ibn Aḥmad bin Rushd al-Andalusī, *Sharḥ Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (t.tp.: Dār al-Salām lil Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa Tarjamah, 1995), 2: 577-668.

¹⁰³ Al-Shīrāzī, Abī Ishak Ibrahim bin ‘Alī bin Yūsuf al-Fairuz Abadī, *al-Muhazzab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 1: 260-323.

¹⁰⁴ Al-Nawawī, al-Imām Abī Zakariyyā Muḥy al-Dīn bin Sharaf, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhazzab lil Shīrāzī* (al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah: Maktabah al-Irshad, t.t.), 5: 295-529.

¹⁰⁵ Sharbīnī, Sham al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, cet. ke-3 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah lil Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2007), 1: 547-615.

¹⁰⁶ Abī ‘Ubayd al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Bayrūt: Dār al-Shurūq, 1989), 445-728.

¹⁰⁷ Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāt Dirāsāt Muqāranat li Aḥkamihi wa Filsifatihi fī Daw‘i al-Qurān wa al-Sunnah*, cet. ke-25 (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2006), 1-2.

Wahbah al-Zuhaylī¹⁰⁸, ‘Abd al-Karīm Zaydān¹⁰⁹, Mustafā al-Khīn¹¹⁰, al-Jazirī¹¹¹, ‘Ulwan¹¹², Mahmood Zuhdi¹¹³ dan lain-lain.

Selain itu, terdapat juga penulisan hukum-hakam berkaitan harta wajib zakat pendapatan yang dilakukan oleh Abd. Rashid Dail¹¹⁴, Mahmood Zuhdi Ab. Majid¹¹⁵, Mujaini Tarimin¹¹⁶, Luqman Abdullah¹¹⁷ dan Suryani Masnan¹¹⁸ yang telah mengulas berkaitan hukum zakat pendapatan atau gaji. Perbincangan mereka berasaskan kepada idea awal yang diutarakan oleh Yūsuf al-Qaradāwī¹¹⁹ berkaitan zakat gaji dan pendapatan professional dalam kitab karangan beliau. Abdul Rashid Dail telah membahaskan tentang fiqh zakat pendapatan dari sudut sejarah, dalil pensyariatan, syarat wajib zakat pendapatan dan sebagainya. Manakala Mahmood Zuhdi Ab. Majid telah mengkaji zakat pendapatan menurut pandangan mazhab Syafie, mencadangkan kira-kira zakat pendapatan berdasarkan kepada anggaran pendapatan dan menjelaskan *ḥawl* merupakan syarat wajib zakat pendapatan secara terperinci. Seterusnya penulisan

¹⁰⁸ Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillātuh*, cet. ke-2 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1985), 2: 727-924.

¹⁰⁹ Zaydān, Abdul Karīm, *al-Mufasssal fī Ahkam al-Mar’ah wa Bayt al-Muslim fī al-Sharī’ah al-Islāmiyyah* (Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, 1993), 1: 341-469.

¹¹⁰ Mustafā al-Khīn, Mustafā al-Bughā dan ‘Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi’ī*, cet. ke-4 (Dimashq: Dār al-Qalam, 1992), 2: 7-68.

¹¹¹ Al-Jazirī, ‘Abd al-Rahman bin Muḥammad ‘Uwad, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-‘Arba’ah* (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 1: 515-545.

¹¹² ‘Ulwan, ‘Abd Allah Nasih, *Aḥkam al-Zakāh ‘alā Daw’ al-Madhāhib al-‘Arba’ah*, cet. ke-8 (Qāhirah: Dār al-Salām, 2007).

¹¹³ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).

¹¹⁴ Abd Rashid Dail, “Konsep dan Perbezaan Kaedah Pengiraan Zakat Penggajian dan Perniagaan Bagi Individu dan Syarikat” (makalah, Seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan di Malaysia, Kuala Lumpur, 28-29 Mac 1988).

¹¹⁵ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, “Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional dari Perspektif Mazhab Syafii” *Jurnal Syariah* 1, no. 2 (Julai 1993).; Mahmood Zuhdi Ab. Majid, “Syarat Haul: Satu Penilaian Terhadap Pandangan Al-Qaradawi dalam Masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional” *Majalah Medium*, no. 3 (1992).; Mahmood Zuhdi Ab. Majid, “Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia” *Jurnal Syariah* 3, no. 1 (1995).

¹¹⁶ Mujaini Tarimin, *Zakat Menuju ke Arah Pengurusan Profesional* (Petaling Jaya: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, 2005).; Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2012).

¹¹⁷ Luqman Abdullah et al., “Zakat on Salary and Wages: The Unsettled Juristic Issues” (International Conference of Global Islamic Studies 2014, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Salford University UK, 2014).

¹¹⁸ Suryani Masnan, “Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor” (disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

¹¹⁹ Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāt Dirāsāt Muqāranat li Ahkamihī wa Filsifatihī fī Daw’i al-Quran wa al-Sunnah*.

Mujaini Tarimin menjelaskan bahawa *ḥawl* bukan syarat wajib zakat pendapatan tetapi dianggap sebagai elemen teknikal dalam sistem zakat berkemungkinan boleh berubah falsafah dan fungsinya semasa memproses dan melaksanakan sistem zakat terkini. Luqman Abdullah juga membahaskan isu pengecualian *ḥawl* zakat pendapatan yang bertentangan dengan pandangan mazhab fiqh dan kesannya wujud fatwa zakat pendapatan yang pelbagai di Malaysia. Berlainan pula dengan Suryani Masnan yang mengkaji hukum *ta'jīl* zakat pendapatan secara ansuran bulanan dalam Skim Potongan Gaji.

Norazah Kosim¹²⁰ pula mengkaji berkaitan kedudukan entiti PETRONAS sebagai subjek hukum dan bentuk-bentuk zakat yang dikenakan ke atas PETRONAS. Aznan Hasan¹²¹ mengkaji polemik kewajipan zakat ke atas entiti korporat kerana kewajipan zakat adalah secara relatifnya berkaitan secara langsung dengan individu. Mahmood Zuhdi Ab. Majid¹²² pula mengemukakan perbincangan hukum kenaaan zakat berkaitan zakat binatang ternakan yang lain. Seiring dengan zaman kemajuan, banyak ternakan jenis baru telah dipelihara secara komersial. Contohnya di Malaysia, rusa telah diternak secara besar-besaran bagi tujuan penjualan daging sebagaimana kuda pernah dikenakan zakat pada suatu masa dahulu. Pandangan ini disokong dengan hujah al-Qaraḍāwī¹²³ yang menjelaskan zakat binatang peliharaan yang diternak secara komersial wajar dikenakan zakat melalui *qiyās*. Musa Ahmad¹²⁴ pula melihat asas dalam menentukan sumber kenaaan zakat bagi tujuan meneroka sumber baru zakat di Malaysia. Kajian tersebut telah melihat konsep dalil zakat yang bersifat umum, konsep hasil usaha

¹²⁰ Norazah Kosim, "Zakat Petroleum Di Malaysia: Kajian Kes Di Petroleum Nasional Berhad (Petronas)", (disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

¹²¹ Aznan Hasan, "Kewajipan Zakat Atas Entiti Korporat" dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia* (Selangor: UPENA UiTM, 2009), 91-110.

¹²² Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *Pengurusan Zakat*, 130-132.

¹²³ Lihat al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh*, 182.

¹²⁴ Musa Ahmad et al., "Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia," dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia* (Selangor: UPENA UiTM, 2007), 141-170.

yang baik, konsep *qiyās* dan soal selidik ke atas para mufti dan tokoh pengkaji zakat terhadap perluasan harta kenaan zakat.

Terdapat juga kajian hukum berkaitan asnaf-asnaf zakat seperti perluasan makna asnaf zakat yang dilakukan oleh Hasanah Khafidz¹²⁵ dengan mengambilkira nilai semasa dan setempat. Rawi Nordin¹²⁶, Mohd Sulaiman Zahlan¹²⁷ dan Hayyun Nawawi¹²⁸ masing-masing telah memperluaskan makna asnaf muallaf, asnaf fi sabilillah dan asnaf al-riqab dalam konteks di Malaysia. Azman Ab Rahman¹²⁹ pula telah menyentuh aspek konsep pelaburan wang zakat, pandangan tokoh ahli tafsir, hadis dan fiqh terhadap hukum pelaburan wang zakat dan mencadangkan garis panduan pelaburan wang zakat.

Setakat ini hanya dua buah penulisan yang secara khusus menyentuh mengenai fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Pertama, penulisan tesis yang telah dilakukan oleh Wan Zulkifli berkaitan Pengaruh mazhab Syafie dalam fatwa-fatwa zakat di Negeri Terengganu. Kedua, kertas kerja yang ditulis oleh Luqman Abdullah berkenaan kedudukan mazhab Syafie dalam fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan di Malaysia.

Wan Zulkifli Wan Hassan¹³⁰ hanya memfokus fatwa-fatwa zakat yang dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. Kajian ini bertujuan menganalisis pandangan mazhab Syafie yang digunakan dalam keputusan fatwa zakat berdasarkan sumber rujukan mazhab tersebut. Hasilnya mendapati pengaruh mazhab Syafie sangat dominan dalam sebahagian besar fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa

¹²⁵ Hasanah Abd Khafidz, "Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya Di Malaysia" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

¹²⁶ Rawi Nordin et al., "Peluasan Konsep Asnaf Muallaf Zakat: Suatu Pengamatan," dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf* (Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, 2010), 57-64.

¹²⁷ Mohd Sulaiman Zahlan et al., "Asnaf Fi Sabilillah: Satu Pengamatan Agihan Dana Zakat di Malaysia," 37-46.

¹²⁸ Hayyun Nawawi et al., "Pengagihan Zakat Kepada al-Riqab: Satu Kajian Peluasan Penafsiran dan Perlaksanaannya di Malaysia," dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf* (Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, 2010), 47-56.

¹²⁹ Azman Ab Rahman et al., *Pelaburan Wang Zakat Menurut Perspektif Islam* (Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2010).

¹³⁰ Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pengaruh Mazhab Syafie Dalam Fatwa Mengenai Zakat Di Terengganu: Kajian Dari Tahun 1953 – 2005".

Negeri Terengganu. Berdasarkan kajian, hanya tiga fatwa daripada 104 keseluruhan fatwa zakat yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Fatwa zakat yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie adalah di atas pertimbangan *maşlahah*, tetapi tidak dijelaskan secara terperinci kerana bukan menjadi fokus kajian tersebut.

Kajian yang dilakukan Luqman Abdullah¹³¹ dilihat hampir sama dengan hasil penulisan tesis Wan Zulkifli, namun berbeza skop fatwa yang dikaji. Kajian ini hanya memfokuskan kepada fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dari tahun 2000-2010. Kajian ini mendapati terdapat pengaruh mazhab Syafie dalam sebahagian besar fatwa zakat. Hanya sebilangan kecil sahaja iaitu empat fatwa zakat yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie.

Penulisan Ahmad Hidayat Buang¹³² juga menyentuh tentang fatwa-fatwa Syariah di Malaysia. Kajian ini melihat fatwa-fatwa semasa yang mempunyai kepentingan dari sudut sosial, ekonomi serta kehidupan umat Islam di Malaysia. Analisis yang dilakukan tidak menunjukkan gambaran keseluruhan fatwa-fatwa yang dikeluarkan di Malaysia kerana tidak semua fatwa dapat dikumpulkan oleh penyelidik. Sebagai contoh fatwa yang dibahaskan dalam kategori ekonomi ialah masalah zakat gaji.

Seterusnya, terdapat penulisan yang menyentuh tentang metodologi berfatwa seperti yang dikaji oleh Noor Naemah Abd. Rahman¹³³ tentang metodologi hukum yang digunakan oleh Jemaah Ulama Kelantan dalam menentukan keseluruhan fatwa-fatwa termasuk bidang zakat di negeri Kelantan dari tahun 1920-1990. Tesis ini telah melihat aspek metodologi dalam menentukan keputusan fatwa iaitu dari aspek dalil-dalil yang

¹³¹ Luqman Abdullah, "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010," 139-155.

¹³² Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia" dalam *Fatwa di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang APIUM, 2004), 163-180.

¹³³ Noor Naemah Abd. Rahman, "Fatwa-fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

digunakan serta sandaran pandangan mazhab. Selain itu, tesis tersebut menyatakan 85 peratus daripada jumlah fatwa yang dinyatakan adalah berasaskan kepada mazhab Syafie. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Mohd Akram Dahaman¹³⁴ yang menganalisis praktis metodologi penentuan fatwa oleh Jawatankuasa Syar'iyah Negeri Perlis (JSNP) dari tahun 1990-2000. Selain melihat metodologi, kajian tersebut juga melihat sandaran mazhab dalam menentukan fatwa. Namun tesis dan kajian di atas tidak menjelaskan kenapa fatwa yang diputuskan tidak bersandarkan mazhab Syafie lagi. Sehubungan itu, memberi suatu ruang untuk dilakukan kajian lanjutan berkaitan pengambilkiraan maqasid syariah dalam fatwa-fatwa.

Sedangkan menurut Mahmood Zuhdi dalam menentukan hukum atau fatwa terdapat dua jenis pendekatan yang berlaku iaitu pendekatan "*maqāṣidī*" dan pendekatan "*shaklī*". Pendekatan "*shaklī*" ialah proses menentukan hukum melalui format yang digagaskan oleh *naṣ* syarak diberi perhatian utama atau juga disebut sebagai hukum yang ditentukan bersifat formal. Manakala pendekatan "*maqāṣidī*" pula berbentuk bagaimana cara sumber-sumber hukum itu perlu dianalisis atau ditafsirkan bagi memenuhi keperluan penentuan hukum dalam realiti yang ada. Dalam erti kata lain, pendekatan "*maqāṣidī*" bukanlah asas kepada penentuan hukum, tetapi sebaliknya orientasi dalam memahami atau mengurus dengan asas berkenaan¹³⁵.

Seterusnya, Noor Naemah Abd. Rahman¹³⁶ mengkaji terdapat fatwa-fatwa yang tidak terikat kepada mazhab Syafie dan berlaku pentarjihan terhadap penggunaan pandangan mazhab yang lain dalam beberapa fatwa yang dijadikan sampel. Hanya

¹³⁴ Mohd Akram Dahaman et al., "Praktis Metodologi Penetapan Fatwa Oleh Jawatankuasa Syar'iyah Negeri Perlis (JSNP): Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000" (makalah, Social Sciences Research ICSSR, Kota Kinabalu, Sabah, 9-10 June 2014).

¹³⁵ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Ijtihad dan Fatwa Berorientasi Maqasid: Satu Tinjauan Kritis" (makalah, Seminar Teori dan Aplikasi Prinsip Maqasid al-Shariah, IKIM Kuala Lumpur, Dewan Besar IKIM, 29-30 Mei 2012), 1.

¹³⁶ Noor Naemah Abd. Rahman, "Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih" *Jurnal Fiqh* no.4 (2007), 85-102.

terdapat dua fatwa zakat sahaja yang dijadikan sebagai contoh iaitu fatwa zakat *Māl Mustafād*/ pendapatan dan fatwa amil wanita.

Noor Naemah Abd. Rahman¹³⁷ dalam penulisan lain, menganalisis keterbukaan dalam menentukan keputusan fatwa dengan mengambil pandangan di luar mazhab Syafie. Fokus fatwa-fatwa adalah di negeri Kelantan. Sebagai contoh fatwa yang dibawa dalam kategori zakat ialah isu zakat hutang dan isu zakat tanaman yang menggunakan pandangan mazhab lain. Kajian tersebut menyimpulkan tujuan berlaku keterbukaan adalah untuk memberi pilihan alternatif supaya tidak terbeban dalam pelaksanaan ibadah zakat dengan mengikut pandangan mazhab Syafie semata-mata.

Begitu juga dengan penulisan Anisah Ab. Ghani¹³⁸ menggambarkan berlaku anjakan, perubahan dalam amalan atau prosedur berfatwa di Malaysia. Sebagai contoh fatwa yang dibincangkan dalam kategori zakat ialah isu zakat fitrah dibayar dengan wang. Hal ini menunjukkan berlaku anjakan dalam berfatwa dengan mengguna pandangan mazhab lain.

Terdapat juga kajian yang meninjau dari sudut faktor berlaku keterbukaan fatwa-fatwa yang diputuskan oleh mufti dan jawatankuasa-jawatankuasa fatwa dalam menerima pandangan di luar mazhab Syafie, seperti yang dilakukan oleh Noor Naemah Abd. Rahman¹³⁹, Suwaid Tapah¹⁴⁰ dan Ahmad Mohamad Ibrahim¹⁴¹. Masing-masing menjelaskan antara faktornya ialah anjakan enakmen pentadbiran Islam berkaitan prosedur pengeluaran fatwa dari berpegang kepada pandangan mazhab Syafie yang

¹³⁷ Noor Naemah Abd. Rahman et al., "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan" (prosiding, Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUF) 2004, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004), 177-188.

¹³⁸ Anisah Ab. Ghani, "Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Ibadat di Malaysia" *Jurnal Fiqh* no.4 (2007), 85-102.

¹³⁹ Noor Naemah Abd. Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa" *Jurnal Syariah* 10, no.2 (2002), 19-30.

¹⁴⁰ Suwaid Tapah, "Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa" dalam *Fatwa di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang APIUM, 2004), 37-38.

¹⁴¹ Ahmad Mohamad Ibrahim, "Acara Mufti Membuat Fatwa" dalam *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean* (Kuala Lumpur: IKIM, 1998), 100.

rājiḥ semata-mata kepada perubahan menerima pandangan mazhab Syafie yang *da ʿif*, sehinggalah kepada penerimaan pandangan mazhab muktabar fiqh yang lain dengan alasan demi kemaslahatan masyarakat Islam.

Selain itu, terdapat juga kajian dan penulisan yang menunjukkan berlaku perubahan hukum dari semasa ke semasa. Yūsuf al-Qaraḍāwī¹⁴², Umar Syihab¹⁴³, Hasanah Khafidz¹⁴⁴, Mohd Akram Dahaman¹⁴⁵, Nurul Huda¹⁴⁶ dan Saiba Yaacob¹⁴⁷ telah melihat perubahan hukum dari aspek kesan perubahan sosial, perubahan tempat dan perubahan zaman bermula dari zaman Rasulullah SAW sehingga sekarang. Manakala Abdul Halim el-Muhammady¹⁴⁸, Paizah Ismail¹⁴⁹, Anisah Ab. Ghani¹⁵⁰ dan Raihanah Azahari¹⁵¹ pula melihat perubahan hukum dalam konteks yang berlaku di Malaysia. Namun penulisan-penulisan tersebut hanya menyatakan beberapa contoh perubahan hukum yang berlaku mengikut zaman dan tempat tanpa difokuskan kepada perubahan hukum zakat secara khusus.

Kajian dan penulisan yang telah dilakukan menunjukkan terdapat perubahan hukum dan fatwa zakat yang telah diputuskan menggunakan pandangan pelbagai

¹⁴² Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Islam Holistik, Praktikal, Sesuai di Setiap Tempat dan Masa (terj.)* (Selangor: Syabab Book Link, 2012).

¹⁴³ Umar Syihab, *Hukum Islam dan Transformasi Pemikiran* (Semarang: Dina Utama, t.t.).

¹⁴⁴ Hasanah Abd Khafidz, "Asnaf Lapan : Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya Di Malaysia".

¹⁴⁵ Mohd Akram Dahaman, "Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012).

¹⁴⁶ Muhammad Firdaus Nurul Huda, *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam* (Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, 2002).

¹⁴⁷ Mohd Saiba Yaacob, "Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh", (disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000).

¹⁴⁸ Abdul Halim el-Muhammady, "Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh Muamalat Berasaskan Teori Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan" dalam *Fiqh Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000).

¹⁴⁹ Paizah Ismail, "Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh Jenayah Berasaskan Teori Fiqh Malaysia" dalam *Fiqh Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000).

¹⁵⁰ Anisah Ab. Ghani, "Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh Ibadat Berdasarkan Realiti Semasa di Malaysia" dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail et al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000).

¹⁵¹ Raihanah Azahari, "Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh al-Ahwal al-Shaksiyyah Berdasarkan Realiti Semasa dan Setempat" dalam *Fiqh Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000).

mazhab dan sarjana hukum Islam kontemporari. Seterusnya, sandaran kepada pandangan mazhab Syafie mula ditinggalkan dalam mencari penyelesaian hukum zakat di Malaysia. Berdasarkan penelitian, tidak terdapat lagi kajian hukum dan fatwa berkaitan zakat yang melihat dari perspektif maqasid syariah. Hal ini memberi ruang kajian ini dilakukan untuk melihat aspek pengambilkiraan maqasid syariah dalam perubahan hukum zakat di Malaysia.

1.7.3 Kajian-kajian Berkaitan Maqasid Zakat

Penulisan dan kajian yang berkaitan maqasid syariah ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu penulisan tentang konsep serta teori berkaitan maqasid syariah dan penulisan maqasid pensyariatan zakat secara umum yang boleh memberi input kepada kajian ini.

Secara umumnya, penulisan berkaitan konsep serta teori berkaitan maqasid syariah telah banyak dibincangkan oleh tokoh Islam klasik dan moden antaranya ialah al-Shāṭibī¹⁵², al-Ghazālī¹⁵³, Ibnu Taymiyah¹⁵⁴, al-Amidī¹⁵⁵, Ibn ‘Āshūr¹⁵⁶, ‘Ilāl al-Fāsi¹⁵⁷, al-Raysūnī¹⁵⁸, Wahbah al-Zuhaylī¹⁵⁹, Muḥammad al-Yūbī¹⁶⁰, Ismā‘īl al-

¹⁵² Al-Shāṭibī, Abū Ishāq, *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī‘ah* (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabī, 2001), 2.

¹⁵³ Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl* (Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 1.

¹⁵⁴ Ibn Taymiyah, Aḥmad bin Abdul Ḥalīm, *al-Majmū‘ al-Fatāwā Shaikh al-Islām Ibn Taymiyah* (t.tp.: t.p., 1398H), 3.

¹⁵⁵ Al-Amidī, Sayf al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (t.tp.: Muassasah al-Nur, 1388H), 3.

¹⁵⁶ Ibn ‘Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir ‘Āshūr, *Maqāṣid Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, cet. ke-4 (Miṣr: Dār al-Salām lil Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 2009), 55.

¹⁵⁷ ‘Ilāl al-Fāsi, *Maqāṣid Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā* (Miṣr: Dār al-Salām lil Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 2011), 111.

¹⁵⁸ Al-Raysūnī, Aḥmad, *Naẓāriyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, cet. ke-2 (Miṣr: Dār al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzi‘, 2013), 7.

¹⁵⁹ Al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 1017.

¹⁶⁰ Al-Yūbī, Muḥammad Sa‘ad bin Aḥmad bin Mas‘ūd, *Maqāṣid Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa ‘Alaqtuha bi al-Adillah al-Sharī‘iyyah* (UAE: Dār Ibn al-Jawzī, 1432H), 38.

Ḥasanīd¹⁶¹ dan ramai lagi. Penulisan-penulisan tersebut telah menyentuh pengertian maqasid, sejarah kemunculan ilmu maqasid, klasifikasi maqasid, kaedah *ta'āl al-aḥkām* dan sebagainya.

Selain itu, penulisan berkaitan maqasid pensyariat zakat kebiasaannya menggali daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW. Namun, penulisan-penulisan tersebut tidak menyentuh tentang maqasid syariah yang diambilkira oleh para mufti dalam menentukan hukum atau fatwa zakat.

Al-Ghazālī melalui karya beliau "*Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*" telah berusaha merungkaikan hikmah-hikmah hukum ibadah zakat yang diwajibkan Allah SWT. Pelbagai hikmah ibadah zakat dikupas termasuklah zakat digariskan untuk dijadikan panduan dan pengetahuan umat Islam¹⁶².

Karya lain, Shāh Waliyullah al-Dahlawī iaitu "*Hujjatullah al-Bālighah*" juga menjelaskan perkara berkaitan rahsia dan hikmah syariat Islam. Karya ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama berkaitan rahsia kebaikan yang diterima umum oleh semua syariat terdahulu. Bahagian kedua pula berkaitan rahsia setiap syariat Islam seperti iman, solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain lagi. Karya ini berjaya menerangkan kebaikan dan mudarat yang sesuai dari setiap hukum-hakam yang ditentukan¹⁶³. Hikmah-hikmah umum zakat yang diutarakan membantu pengkaji dalam menjelaskan maqasid pensyariat zakat dengan lebih terperinci dalam kajian yang dilakukan ini.

Seterusnya, maqasid zakat secara umum juga boleh diamati di dalam penulisan *Fiqh al-Wāḍiḥ*¹⁶⁴, *Fiqh Islāmī wa Adillatuh*¹⁶⁵, *Nawāzil al-Zakah Dirāsah Fiqhiyyah*

¹⁶¹ Al-Ḥasanī, Ismā'īl, *Naẓāriyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām Muḥammad al-Ṭāhir Ibn al-'Ashūr* (Virgina: International Institute of Islamic Thought, 1995), 119-120.

¹⁶² Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 2004), 1: 256-264.

¹⁶³ Shāh Waliyullāh al-Dahlawī, *Hujjatullāh al-Bālighah* (Dimashq: Dār Ibn Kathīr, 2010), 2: 139-144.

¹⁶⁴ Muḥammad Bakr Ismā'īl, *Fiqh al-Wāḍiḥ*, terj. M.Yusuf Sinaga et al. (Selangor: Jasmin Enterprise, 2008), 1: 623-627.

*Ta'siliyyah al-Mustajiddāt al-Zakāh*¹⁶⁶, *Hikmah al-Tashrī*¹⁶⁷, *Aḥkam wa Fatāwā al-Zakāh*¹⁶⁸, *Pengurusan Zakat*¹⁶⁹, *Zakat Membangun Ummah*¹⁷⁰, *Pedoman Zakat*¹⁷¹ dan sebagainya.

Melalui penulisan-penulisan tersebut, dapat membantu pengkaji memahami dan membahaskan konsep maqasid pensyariaan zakat dengan lebih teratur dan kemas dalam kajian ini. Bagaimanapun, dalam kajian yang akan dilakukan ini akan melihat maqasid yang diambilkira oleh para mufti Jawatankuasa Fatwa di Malaysia dalam setiap penentuan hukum atau fatwa zakat yang diputuskan. Hal ini menjadi titik perbezaan dengan maqasid yang telah dihuraikan dalam penulisan-penulisan terdahulu yang dinyatakan di atas.

Selain itu, antara lain penulisan yang mempunyai kaitan dengan kajian ini ialah kertas kerja yang bertajuk “Maqasid Syariah dan Aplikasi Dalam Agihan Zakat Melalui Kredit Mikro¹⁷²”. Kertas kerja ini bertujuan merungkaikan hukum pemberian zakat melalui kredit mikro kerana al-Quran dan hadis tidak menunjukkan bentuk-bentuk agihan yang perlu dilaksanakan. Hasilnya menjelaskan bahawa berdasarkan maqasid syariah, pengagihan dana zakat melalui kredit mikro dibenarkan kerana *maṣlahah* yang wujud merupakan bantuan jangka panjang dengan harapan penerima zakat akan bertukar menjadi pembayar zakat pada suatu hari nanti. Namun kertas kerja ini hanya

¹⁶⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. ke-2 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1985), 2: 731-733.

¹⁶⁶ Al-Ghafīlī, Abdullah bin Maṣṣūr, *Nawāzil al-Zakāh Dirāsah Fiqhiyyah Ta'siliyyah al-Mustajiddāt al-Zakāh* (Riyad: Dārul Maymān, 2008), 48-56.

¹⁶⁷ Al-Jarjāwī, 'Alī Aḥmad, *Hikmah al-Tashrī*, terj. Puli Taslim (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2009), 140-143.

¹⁶⁸ Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Aḥkam wa Fatāwā al-Zakāh* (Selangor: Darul Syakir Enterprise, 2010), 15-18.

¹⁶⁹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 31-48.

¹⁷⁰ Shofian Ahmad et al., *Zakat Membangun Ummah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2002), 24-28.

¹⁷¹ Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy, *Pedoman Zakat*, cet. ke-11 (Semarang: Pt Pustaka Rizki Putra, 2006), 297-309.

¹⁷² Nurul Ilyana Mohd Adnan, “Maqasid Syariah dan Aplikasi Dalam Agihan Zakat Melalui Kredit Mikro” dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari* (Selangor: Institut Kajian Zakat UiTM, 2013), 351-361.

melihat satu isu hukum berbanding pengkaji yang akan melihat beberapa fatwa-fatwa zakat di Malaysia.

Seterusnya, kertas kerja yang berjudul “Kadar Agihan Zakat Amil Berdasarkan Mazhab Empat dan Maqasid Syariah¹⁷³” pula ditulis untuk menyelesaikan isu agihan zakat kepada amil yang dilihat tidak selari dengan maqasid syariah. Natijah kertas kerja ini menjelaskan agihan zakat yang dipraktikkan di Malaysia tidak mempunyai sandaran daripada mana-mana mazhab empat dan bertentangan dengan maqasid syariah. Kertas kerja ini dilihat untuk membetulkan kekeliruan hukum kadar agihan amil yang bertentangan dengan maqasid syariah, berbeza dengan pengkaji yang akan menjalankan kajian berkaitan pengambilkiraan maqasid syariah dalam penentuan fatwa-fatwa zakat di Malaysia.

Penentuan hukum zakat dengan mengambilkira maqasid syariah dan pertimbangan *maṣlahah* adalah suatu perkara yang penting dan pernah disarankan oleh tokoh sarjana kontemporari iaitu al-Qaraḍāwī dalam kitab beliau *Fiqh al-Zakāh*¹⁷⁴. Seterusnya, al-Qaraḍāwī menukulkan contoh-contoh terdahulu berkaitan transformasi hukum zakat dengan mengambilkira maqasid syariah, antaranya ialah memberhentikan zakat kepada Muallaf¹⁷⁵, mengenakan zakat kuda¹⁷⁶, membayar zakat dengan nilai harga pakaian sebagai ganti biji-bijian¹⁷⁷ dan sebagainya. Melalui saranan al-Qaraḍāwī tersebut, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji perubahan hukum zakat yang berlaku di Malaysia adakah mengambilkira maqasid syariah.

Abdul Monir Yaacob di dalam penulisannya menyentuh keperluan menepati maqasid syariah dalam pengagihan zakat supaya *maṣlahah* dapat dipelihara dan menolak *mafsadah* daripada menimpa manusia. Lantaran itu, beliau menggariskan

¹⁷³ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, “Kadar Agihan Zakat Amil Berdasarkan Mazhab Empat dan Maqasid Syariah” dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari* (Selangor: Institut Kajian Zakat UiTM, 2013), 91-107.

¹⁷⁴ Al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh*, 49-50.

¹⁷⁵ *Ibid.*, 51.

¹⁷⁶ *Ibid.*, 52.

¹⁷⁷ *Ibid.*, 52-53.

panduan tafsiran asnaf lapan yang layak menerima zakat supaya menepati kehendak maqasid syariah secara ringkas. Beliau juga ada menjelaskan berlaku keterbukaan di Malaysia dalam penentuan hukum dengan mengambil pandangan di luar mazhab Syafie¹⁷⁸. Justeru itu, penulisan ini hanya sebagai satu lontaran idea dan perlu kajian lanjutan untuk disesuaikan tafsiran asnaf dalam konteks Malaysia.

Secara umum penulisan dan kajian yang telah dilakukan tidak melihat kepada pengambiliraan maqasid syariah dalam fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Hal ini memberi ruang kepada kajian yang akan dijalankan.

1.7.4 Analisis Sorotan Kajian Lepas

Setelah disoroti, penulisan dan kajian yang terdahulu telah banyak dilakukan dan menyentuh dari pelbagai aspek yang luas seperti penulisan berkaitan zakat, penulisan berkenaan hukum serta fatwa zakat dan penulisan mengenai maqasid pensyariaan zakat.

Kajian dan penulisan lepas menunjukkan penentuan hukum zakat melalui pendekatan "*shaklī*" iaitu proses menentukan hukum melalui format yang digagaskan oleh *naş* syarak diberi perhatian utama atau juga disebut sebagai hukum yang ditentukan bersifat formal seperti kajian yang dilakukan oleh Mahmood Zuhdi Ab Majid¹⁷⁹, Mujaini Tarimin¹⁸⁰, Norazah Kosim¹⁸¹ dan Suryani Masnan¹⁸².

¹⁷⁸ Abdul Monir Yaacob, "Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat", 3-7.

¹⁷⁹ Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional dari Perspektif Mazhab Syafii"; Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Syarat Haul: Satu Penilaian Terhadap Pandangan Al-Qaradawi dalam Masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional" *Majalah Medium*, bil. 3 (Kuala Lumpur: Akademi Islam Universiti Malaya, 1992).; Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia," *Jurnal Syariah* 3, no. 1, (1995).

¹⁸⁰ Mujaini Tarimin, *Zakat Menuju ke Arah Pengurusan Profesional* (Petaling Jaya: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, 2005).; Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2012).

¹⁸¹ Norazah Kosim, "Zakat Petroleum Di Malaysia: Kajian Kes Di Petroleum Nasional Berhad (Petronas)".

¹⁸² Suryani Masnan, "Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor".

Selain itu, terdapat juga kajian-kajian fatwa yang menilai dari aspek metodologi yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa di peringkat Kebangsaan dan Negeri-negeri dalam memutuskan sesuatu fatwa seperti yang dikaji Noor Naemah Abd. Rahman¹⁸³ dan Mohd Akram Dahaman¹⁸⁴.

Terdapat juga penulisan dan kajian fatwa-fatwa zakat terdahulu hanya melihat kepada pengaruh mazhab Syafie dalam fatwa-fatwa zakat di negeri Terengganu dan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan seperti yang dikaji oleh Wan Zulkifli Wan Hasan¹⁸⁵ dan Luqman Abdullah¹⁸⁶.

Aspek yang berbeza dengan kajian yang akan dilakukan ini adalah dengan melakukan analisis terhadap pengambilkiraan maqasid syariah dalam keputusan fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Justeru itu, kajian ini akan menggali adakah penentuan fatwa zakat yang berlaku di Malaysia mengambilkira dan menepati maqasid syariah. Kajian dan penulisan terdahulu hanya menyatakan beberapa contoh berlakunya perubahan hukum dengan pertimbangan *maṣlahah* dan ulasan yang ringkas. Begitu juga dengan fatwa-fatwa zakat yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa tidak menjelaskan pengambilkiraan maqasid syariah dalam keputusan hukum. Kebiasaan yang berlaku adalah fatwa tersebut hanya dijelaskan secara ringkas¹⁸⁷. Namun begitu, kajian yang lebih menyeluruh dan terperinci diperlukan terhadap fatwa-fatwa zakat yang dilihat mengalami perubahan kepada tidak bersandarkan mazhab rasmi di Malaysia. Kajian ini juga bakal memberikan cadangan suatu garis panduan pengambilkiraan maqasid syariah dalam pengeluaran atau penentuan sesuatu fatwa zakat. Dengan terlaksana kajian ini,

¹⁸³ Noor Naemah Abd. Rahman, "Fatwa-fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004).

¹⁸⁴ Mohd Akram Dahaman et al., "Praktis Metodologi Penetapan Fatwa Oleh Jawatankuasa Syar'iyah Negeri Perlis (JSNP): Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000".

¹⁸⁵ Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pengaruh Mazhab Syafie Dalam Fatwa Mengenai Zakat Di Terengganu: Kajian Dari Tahun 1953 – 2005".

¹⁸⁶ Luqman Abdullah et al., "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010", 139-155.

¹⁸⁷ Ahmad Hidayat Buang, "Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa" dalam *Fatwa di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang APIUM, 2004), 114.

diharap dapat mengisi kekosongan yang ada dalam bidang kajian berhubung fatwa-fatwa zakat.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menjadikan fatwa-fatwa zakat di Malaysia sebagai subjek untuk dikaji. Namun demikian, hanya fatwa-fatwa zakat yang diluar kerangka mazhab Syafie sahaja yang difokuskan bagi tujuan menganalisis perkembangan fatwa-fatwa zakat dengan pengambilkiraan maqasid syariah. Dalam membuat kajian, aktiviti pengumpulan dan analisis data adalah penting dengan perancangan yang teliti demi tujuan untuk memperolehi dan mengembangkan lagi pengetahuan. Justeru itu, dua metodologi utama yang digunakan dalam kajian ini ialah metode pengumpulan data dan metode analisis data.

1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengumpulan data akan diperolehi melalui metode kajian perpustakaan, metode dokumentasi dan juga metode temu bual.

1.8.1.1 Metode Kajian Perpustakaan

Metode kajian perpustakaan adalah merujuk kepada penggunaan bahan-bahan kajian yang terdapat di dalam perpustakaan berbentuk pelbagai dokumen yang terpilih. Metode kajian perpustakaan digunakan oleh pengkaji dalam membentuk rangka kajian dengan melihat kepada kajian-kajian lepas dan digunakan untuk melihat kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan khususnya berhubung dengan tajuk kajian ini. Melalui metode ini, maklumat kajian-kajian yang telah dijalankan akan diperolehi

disamping menilai kelebihan dan kekurangan kajian-kajian tersebut serta mendedahkan maklumat tentang kajian yang belum dijalankan.

Kajian perpustakaan ini juga penting bagi memenuhi objektif pertama dan kedua iaitu untuk membentuk landasan teori konsep maqasid syariah, maqasid pensyariatan zakat, prosedur pengeluaran fatwa dan koleksi fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Bahan dan data kajian diperoleh dari beberapa buah perpustakaan seperti Perpustakaan Utama, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Za'ba di Universiti Malaya. Seterusnya Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Tun Abdul Razak di Universiti Teknologi MARA dan Perpustakaan Awam Islam di Pusat Islam Kuala Lumpur.

1.8.1.2 Metode Dokumentasi

Data-data yang berbentuk dokumentasi merujuk kepada bahan-bahan berbentuk dokumen seperti jurnal, tesis, disertasi, majalah, ensiklopedia, akhbar, kertas kerja, buku, kitab, fatwa yang diwartakan, monograf, enakmen prosedur pengeluaran fatwa dan sebagainya bahan yang berbentuk dokumen. Data ini terdiri daripada bahan-bahan yang telah diterbitkan dan tidak diterbitkan yang terdapat di perpustakaan, institusi pengajian tinggi, agensi dan institusi berkaitan seperti JAKIM dan Jabatan Mufti Negeri-negeri. Selain itu, sebahagian bahan-bahan diperolehi melalui capaian internet dalam laman web rasmi institusi fatwa di Malaysia.

Rujukan ke atas kedua-dua kategori bahan ini menyumbang kepada pencapaian objektif kajian pertama, kedua dan ketiga iaitu menjelaskan maqasid pensyariatan zakat, mengkaji pendekatan prosedur pengeluaran fatwa dan menganalisis koleksi fatwa-fatwa zakat di Malaysia.

1.8.1.3 Metode Temu Bual

Metode temu bual secara bersemuka telah dijalankan bersama pakar dalam bidang zakat khususnya tokoh yang terlibat secara langsung dengan penentuan fatwa zakat dari institusi-institusi fatwa dan tokoh ahli akademik. Kaedah temu bual ini telah dijalankan dengan pihak yang berautoriti mengeluarkan fatwa seperti para mufti, Ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFMKHEUIM), Ahli Jawatankuasa Fatwa di Negeri-Negeri dan beberapa orang tokoh akademik yang mahir dengan hukum-hakam fiqh zakat seperti Sheikh Marwazi Dziauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), Dr. Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), Tuan Haji Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), Ustaz Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan), Ustazah Asniza Ahmad (Penolong Mufti Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan), Prof. Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (Profesor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dan Prof. Dr. Mujaini Tarimin (Profesor Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor).

Jadual 1.2. Senarai Informan Yang Ditemu Bual

Bil	Nama	Jawatan	Organisasi
1.	Sheikh Marwazi Dziauddin	Timbalan Mufti	Pejabat Mufti Kedah
2.	Dr. Anhar Opir	Timbalan Mufti	Pejabat Mufti Selangor
3.	Tuan Haji Abdul Halim Tawil	Timbalan Mufti	Pejabat Mufti Melaka
4.	Ustaz Abdul Jamil Jaafar	Penolong Mufti, Unit Istinbat,	Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
5.	Ustazah Asniza Ahmad	Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,	Pejabat Mufti Negeri Sembilan
6.	Prof. Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid	Profesor / Ahli Akademik	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
7.	Prof. Dr. Mujaini Tarimin	Profesor / Ahli Akademik merangkap Ahli Majlis Fatwa Selangor	Universiti Selangor (UNISEL)

Kaedah temu bual separa berstruktur yang digunakan dalam kajian ini adalah lebih fleksibel kerana bukan sahaja berguna untuk penyelidik mengungkap kembali soalan (dalam bentuk lain atau dengan menggunakan perkataan yang berbeza), malah soalan separa berstruktur yang disenaraikan terlebih dahulu juga membolehkan soalan seterusnya diaju untuk mendapatkan maklumat lanjut. Dalam erti kata lain, soalan susulan yang spontan semasa temu bual dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur membenarkan penyelidik untuk mengajukan soalan berdasarkan reaksi responden terhadap soalan terdahulu.

Temu bual bersama pihak institusi fatwa memberikan maklumat mengenai perkara-perkara yang memerlukan penjelasan lanjut seperti perkembangan dan keputusan fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan di peringkat jawatankuasa fatwa negeri-negeri dan kebangsaan, prosedur amalan pengeluaran fatwa yang diputuskan dan maqasid yang diambil kira dalam penentuan fatwa zakat. Melalui maklumat daripada hasil temu bual, objektif ketiga dan keempat tercapai iaitu menganalisis perubahan serta perkembangan fatwa-fatwa zakat yang berlaku di Malaysia dan menilai penentuan fatwa zakat di Malaysia dari perspektif maqasid syariah.

Temu bual dilaksanakan dengan membuat temu janji terlebih dahulu melalui surat permohonan melakukan kajian temu bual dan dilampirkan bersama soalan-soalan temu bual. Kaedah merekodkan data dengan menggunakan catatan bertulis dan rakaman suara MP3 (dengan kebenaran informan).

Soalan temu bual distruktur dengan merujuk kepada keperluan kajian iaitu melibatkan kajian maqasid fatwa-fatwa zakat terpilih. Kiriman awal soalan temu bual dibuat dan setiap soalan ditanya dan dijawab satu persatu. Struktur soalan yang dibuat dengan mengkategorikan setiap soalan kepada isu-isu yang diketengahkan agar memudahkan analisa data transkripsi temu bual.

1.8.2 Metode Penganalisaan Data

Untuk menganalisis semua data yang terkumpul dalam kajian berbentuk analisis kandungan (*content analysis*) ini, penulis telah menggunakan tiga metode iaitu:

1.8.2.1 Metode induktif

Metode ini bermaksud satu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal yang bersifat umum. Data yang biasa digunakan ketika menghuraikan masalah, kerangka teori dan lain-lain data diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan. Dalam pendekatan induktif pengkaji bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian daripada sesebuah penyelidikan. Seterusnya berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoritikal daripada hasil tersebut. Kaedah yang digunakan ini bagi menjalankan analisis melalui kaedah analisis kandungan iaitu dengan menumpukan kepada pandangan sarjana hukum silam dan kontemporari mengenai isu perbahasan maqasid syariah dan maqasid pensyariaan zakat di sebalik penentuan hukum-hukum zakat. Pengkaji juga menggunakan kaedah analisis hukum terhadap hujah dan pandangan fuqaha tentang hukum zakat gaji, hukum potongan zakat gaji, hukum penolakan kos tanaman zakat padi, hukum pembayaran zakat fitrah menggunakan wang, hukum pelantikan amil wanita dan hukum kaedah pembayaran zakat semasa melalui khidmat sistem pesanan ringkas (SMS), kad kredit serta sistem perbankan internet. Metode ini telah digunakan di dalam bab kedua dan bab ketiga.

1.8.2.2 Metode deduktif

Metode ini adalah satu cara untuk menganalisis data-data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat umum untuk mencapai dalil-dalil yang

bersifat khusus. Data yang digunakan biasanya membuktikan sesuatu kebenaran. Dalam pendekatan deduktif ini, pengkaji akan mengumpul data mengenai sesuatu kes dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang diperoleh. Soalan temu bual distrukturkan daripada data perpustakaan secara deduktif. Metode ini digunakan antaranya di dalam bab ketiga dan bab keempat.

1.8.2.3 Metode komparatif

Metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan segala data dan fakta yang diperoleh. Pengkaji menggunakan metode ini kerana kajian ini merupakan kajian yang bersifat analisis terhadap fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Justeru, segala maklumat yang diperoleh berhubung dengan fatwa-fatwa zakat di Malaysia akan dibuat perbandingan sehingga menghasilkan kesimpulan. Selain itu, pengkaji membandingkan data hasil daripada temu bual dan dokumentasi daripada jabatan mufti, melihat kaedah yang bertepatan dengan maqasid semasa. Dalam hal ini, kaedah perbandingan juga dilakukan dengan mencari titik persamaan dan perbezaan antara pandangan informan untuk mengeluarkan resolusi yang sistematik, bersepadu dan konsisten. Kemudian pengkaji menggunakan kaedah analisis nilai maqasid syariah dalam penentuan sesuatu fatwa zakat di Malaysia. Metode ini telah digunakan di dalam bab keempat.

1.8.3 Kesimpulan

Dalam kajian ini, kaedah penyelidikan kualitatif digunakan. Kaedah penyelidikan kualitatif melibatkan metode kajian perpustakaan menerusi analisis kandungan dan metode temu bual. Temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat dari sudut

pembuat dasar. Hasil penemuan kajian daripada metode kualitatif dikumpul dan dianalisis. Data yang diperolehi daripada metode kajian perpustakaan dan temu bual dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil penganalisan data kajian membawa kepada pencapaian objektif ketiga kajian ini.

1.9 ORGANISASI TESIS

Bagi memudahkan perbincangan, kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Setiap bab pula mengandungi tajuk-tajuk tertentu dan mempunyai kaitan di antara satu sama lain.

Bab pertama membincangkan bab pendahuluan yang meliputi latar belakang masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, metodologi kajian dan organisasi kajian. Bab ini akan memberikan gambaran keseluruhan tesis.

Bab kedua pula membincangkan konsep dan teori maqasid syariah secara umum. Perbincangan bab ini meliputi definisi maqasid, inti pati maqasid, klasifikasi maqasid dan kaedah mengenali maqasid. Bab ini juga akan mengupas maqasid pensyariatkan zakat yang menjadi asas kepada pembentukan kerangka teoritis kajian.

Bab ketiga menyentuh hal ehwal berkaitan fatwa merangkumi aspek pentadbiran, pengurusan dan prosedur pengeluaran fatwa di Malaysia. Bab ini juga akan melihat senario fatwa-fatwa zakat di Malaysia yang telah diputuskan oleh pihak berautoriti dengan membuat statistik terhadap jumlah kesemua fatwa-fatwa zakat dan menganalisis fatwa-fatwa zakat yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie.

Bab empat akan menumpukan kajian kepada menilai pengambilkiraan maqasid syariah dalam penentuan fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Penilaian tersebut dilakukan dengan menganalisis setiap fatwa zakat tersebut.

Akhir sekali, bab lima menjadi penutup bagi kajian ini. Kesimpulan, komentar dan cadangan dimuatkan berdasarkan penemuan kajian.

1.10 KESIMPULAN

Isu yang diketengahkan dalam kajian ini adalah berkaitan analisis pengambilkiraan maqasid syariah dalam pengeluaran atau penentuan sesuatu fatwa zakat di Malaysia. Di akhir kajian, dapat dilihat pengambilkiraan maqasid syariah dalam pengeluaran atau penentuan sesuatu fatwa zakat. Hasil kajian ini dijangka memberi sumbangan kepada institusi fatwa di Malaysia di peringkat kebangsaan dan negeri dalam memutuskan sesuatu fatwa berkaitan zakat dan fatwa-fatwa di pelbagai topik yang lain.

BAB 2: MAQASID SYARIAH DALAM PENSYARIATAN ZAKAT

2.1 PENGENALAN

Maqasid syariah menjadi asas di sebalik pensyariatian hukum-hakam Islam. Sarjana hukum Islam begitu memahami kehendak maqasid syariah dan sentiasa memeliharanya dalam memutuskan sesuatu hukum terutama dalam kes-kes baharu yang melalui proses ijtihad bagi menghasilkan hukum yang berkaitan dengan kes-kes tersebut.

Bab kedua akan membincangkan konsep maqasid syariah secara menyeluruh dan terperinci yang merangkumi definisi maqasid syariah, istilah yang mempunyai hubungkait dengan maqasid syariah, klasifikasi maqasid syariah, kaedah menganalisis maqasid syariah dan faedah mengkaji maqasid syariah. Seterusnya, pengkaji melihat maqasid pensyariatian zakat secara lebih khusus sebagai topik perbahasan dalam kajian ini.

2.2 DEFINISI MAQASID SYARIAH

Secara mudah “maqasid syariah” di dalam bahasa Melayu boleh diterjemahkan sebagai tujuan, matlamat atau objektif syariah¹. Antara istilah lain yang sering ditukar-guna ialah *maqāṣid al-shar‘iyyah* (objektif yang berkaitan dengan syariah) dan *maqāṣid al-shāri‘* (objektif penggubal syariah) adalah memberi pengertian yang sinonim². Istilah

¹ Paizah Ismail, “Keperluan Memahami Maqāṣid al-Sharī‘ah Dalam Membina Fiqh Semasa” (makalah, Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 13.; Mahmood Zuhdi Abd. Majid et al., *Pengantar Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., 2012), 177.; Mahmood Zuhdi Abd. Majid, “*Maqāṣid al-Sharī‘ah: Satu Pengenalan*”, ed. Mahmood Zuhdi Abd. Majid et al. (Selangor: Penerbit UIAM, 2012), 1.

² Al-Raysūnī, Aḥmad, *Naẓārīyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, cet. ke-2 (Miṣr: Dār al-Kalimah lil nashr wa al-Tawzī‘, 2013), 5.; Al-Rabī‘ah, ‘Abd al-‘Azīz ‘Abd al-Raḥman, *‘Ilm Maqāṣid al-Shāri‘*, cet. ke-3 (Riyāḍ: Maktabah al-‘Abikān, 2012), 19.

maqāṣid al-sharī‘ah, *maqāṣid al-shar‘iyyah* atau *maqāṣid al-shāri‘* adalah terdiri daripada dua patah perkataan³.

2.2.1 Bahasa

Perkataan (المقصد) dengan huruf *ṣād* (ص) berbaris atas adalah *maṣdar mīmī*⁴ berasal daripada kata kerja (قصد - يقصد - قصدا). Manakala perkataan (المقصد) dengan huruf *ṣād* (ص) berbaris bawah pula membawa maksud *isim makān*⁵ iaitu tempat tujuan atau tempat kehendak dan *isim zamān*⁶ iaitu masa tujuan atau masa kehendak⁷.

Kata jamak “*al-maqṣad*” adalah “*al-maqāṣid*”. Terdapat dalam kalangan ulama fiqh menjamakkan perkataan “*al-qaṣd*” dengan “*al-quṣūd*” yang mana bertentangan dengan ulama *naḥu*⁸.

Untuk memahami maksud “*al-maqāṣid*” perlulah dijelaskan maksud perkataan “*al-qaṣd*” sebagaimana disebut penggunaannya dalam bahasa Arab⁹, antaranya:

- a) Meminta sesuatu dan menuju ke arah sesuatu (الأم واتيان الشيء): seperti yang disebut dalam hadis:

فقصدت لعثمان حتى خرج الى الصلاة

Terjemahan: Saya mengekori Uthman sehingga beliau keluar menunaikan solat¹⁰.

³ Al-Khādīmī, Nūr al-Dīn bin Mukhtār, *‘Ilm al-Maqāṣid al-Shar‘iyyah*, cet. ke-4 (Riyād: Maktabah al-‘Abīkān, 2012), 13.

⁴ *Maṣdar mīmī* ialah kata nama terbitan yang ditambah huruf (م) pada awal kata kerjanya dengan kaedah tertentu.

⁵ *Isim makān* ialah kata nama yang ditambah huruf (م) pada awal kata kerjanya untuk merujuk kepada tempat berlaku kata kerja itu.

⁶ *Isim zamān* ialah kata nama yang ditambah huruf (م) pada awal kata kerjanya untuk merujuk kepada masa berlaku kata kerja itu.

⁷ Al-Fayyūmī, ‘Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr* (Qāhirah: Mu’assasah al-Mukhtār, 2008), 304-305.

⁸ *Ibid.*

⁹ Fayrūz ‘Ābādī, Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya‘qūb, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2005), 1061-1062.; Al-Rāzī, Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ* (Bayrūt: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 2002), 510.; Al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 304-305.; Wehr Hans, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton Cowan (Wiesbaden: Otto Harrassowitz, 1979), 898.

¹⁰ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 301

(قصدك) adalah seerti (تجاهك) iaitu menuju ke arahmu¹¹. Fuqaha juga menggunakan perkataan ini untuk maksud yang sama, contohnya (المقاصد معتبرة) (في تصرفات) dan (المقاصد تغير أحكام تصرفات)¹².

- b) Jalan yang lurus (استقامة الطريق): iaitu sesuatu yang di antara tahap yang selain kemuliaan dan tidak lengkap. Dikatakan apabila seseorang yang bersederhana dalam sesuatu perkara, bermaksud menjadi lurus seperti mana Allah SWT berfirman dalam ayat 9 Surah al-Nahl:

وَعَلَى اللَّهِ قَصْدُ السَّبِيلِ وَمِنْهَا جَايزٌ ... ﴿٩﴾

Al-Nahl 16: 9

Terjemahan: “Dan kepada Allah jualah tertentunya urusan memberi panduan yang menerangkan jalan yang lurus”.

Fakhr al-Rāzī menjelaskan bahawa “قصد” bermaksud jalan yang lurus¹³. Ibnu Kathīr mengambil pandangan dari al-Mujāhid bermaksud jalan yang benar kepada Allah. Manakala Ibnu ‘Abbās berkata bahawasanya ia adalah penerangan yang menerangkan hidayah dan kesesatan. Dijelaskan juga bahawa ia bermaksud kebenaran dan kelurusan syariat Islam. Oleh itu ia membawa makna sebenar dan kontekstual¹⁴.

- c) Kesederhanaan (الاعتدال والتوسط): iaitu sesuatu di antara keterlaluhan (boros) dan terlalu sedikit (kedekut). Kesederhanaan dalam kehidupan adalah tidak terlalu boros dan tidak terlalu kedekut. Manakala kesederhanaan di dalam sesuatu perkara adalah tidak melebihi batasnya dan berada di tengah-tengah.

Diriwayatkan dalam hadis, Rasulullah SAW bersabda:

(Kitāb Faḍā'il 'Aṣḥāb al-Nabī SAW, Bāb Manāqib 'Uthmān bin 'Affān Abī 'Amrū al-Qurshīyi Raḍiallāhu 'anhu, no. hadīth 3696).

¹¹ Al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 304-305.

¹² Al-Kaylānī, 'Abd al-Raḥmān Ibrāhīm, *Qawā'id al-Maqāsid 'ind Imām al-Shāṭibī 'irdā wa Dirāsah wa Taḥlīlā* (Urdun: al-Ma'had al-'Ālamī lil Fikr al-Islāmī, 2000), 44.

¹³ Fakhr al-Rāzī, *al-Taḥfīr al-Kabīr*, cet. ke-2 (Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 1997), 7: 178.

¹⁴ Ibnu Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* (Dimashq: Dār al-Fiha', 1994), 2: 743.

القصد القصد تبلغوا

Terjemahan: Maksudnya adalah engkau sampai kepada maksud¹⁵.

Dari Abu Abdillah Jabir bin Samurah r.a. berkata:

فكانت صلاة قصدا وخطبة قصدا

Terjemahan: Aku pernah beberapa kali solat bersama Nabi SAW, solat dan khutbah beliau adalah sederhana iaitu di antara panjang dan pendek¹⁶”.

Begitu juga dalam firman Allah SWT ayat 19 Surah Luqmān:

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ ... ﴿١٩﴾

Luqmān 31: 19

Terjemahan: “Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan”

Ayat tersebut memberi maksud bahawa tidak terlalu laju dan tidak terlalu lambat. Kesederhanaan (الاعتدال والتوسط) juga mempunyai maksud sebenar (hakiki) dan maksud secara kontekstual. Apabila dikatakan seorang lelaki telah bertujuan, ianya adalah kumpulan yang tidak besar dan tidak sedikit. Dalam hadis Rasulullah SAW, Jarīr berkata:

عَنْ أَبِي الطُّفَيْلِ قَالَ : رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَمَا عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ رَجُلًا رَأَاهُ غَيْرِي . قَالَ : فَمُلْتُ لَهُ : فَكَيْفَ رَأَيْتَهُ ؟ قَالَ : كَانَ أْبْيَضَ مَلِيحًا مُقْصِدًا

Terjemahan: Aku tawaf bersama Abu Tufail, maka dia (Abu Tufail) berkata: tidak tertinggal seorang pun yang melihat Nabi kecuali aku. Dia (Jarīr) berkata: aku bertanya engkau melihatnya? Dia berkata: ya. Bagaimana sifatnya? Sesungguhnya baginda seorang yang putih dan indah rupanya¹⁷.

¹⁵ Al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Alī al-Shaykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 543 (Kitāb al-Raqaq, Bāb al-Qaṣd wa al-Mudāwamah ‘alā al-‘Amal, no. hadīth 6463).

¹⁶ Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Alī al-Shaykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 813 (Kitāb al-Jum‘ah, Bāb al-Takhfīf al-Ṣolāt wa al-Khutbah, no. hadīth 2003).

¹⁷ *Ibid.*, 1089-1090 (Kitāb al-Fadail, Bāb Kāna al-Nabī SAW abyad Malih al-Wajh, no. hadīth 6072).

- d) Keadilan dan kesaksamaan (العدل والانصاف)¹⁸
- e) Pecah dan tikam (الكسر والطنن): dikatakan jika engkau membaling kayu, maka terbelahlah ia, jika melempar panah, maka terbelahlah ia kepada dua bahagian. Manakala jika bermaksudkan menikam, maka dia telah memukul dan membunuhnya¹⁹.
- f) Keras dan paksa (القهر والجبر): yang bermaksud memaksa dengan keras²⁰.

Berdasarkan kepada pelbagai pengertian yang dibentangkan di atas, makna perkataan *maqṣad* (المقصد) yang paling sesuai dan selari dengan perbincangan kajian ini ialah tujuan, maksud dan objektif.

2.2.2 Maqasid Syariah Menurut Perspektif Sarjana Hukum

Sarjana hukum Islam klasik tidak memberikan definisi maqasid syariah secara jelas dan terperinci, walaupun istilah ini kerap digunakan di dalam karya penulisan fiqh klasik²¹. Ketiadaan pengertian khusus berkaitan maqasid syariah adalah berkemungkinan istilah ini sudah difahami dengan jelas oleh sarjana hukum Islam²².

Imām al-Shāṭibī yang dianggap tokoh berautoriti dalam bidang ini juga tidak pernah mendefinisikan istilah ini secara jelas dan terperinci. Menurut al-Raysūnī, sebab Imām al-Shāṭibī tidak mendefinisikan istilah ini secara terperinci adalah berkemungkinan beliau menganggap perkara ini sudah jelas sehingga tidak perlu dibahas dan dibincangkan dengan lebih mendalam serta memadai sekadar membaca *al-muwāfaqāt* yang khusus mengenai *maqāṣid*. Tambahan pula, kitab *al-muwāfaqāt* yang

¹⁸ Al-Badawī, Yūsuf 'Aḥmad Muḥammad, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind Ibn Taymiyyah* (Urdun: Dār al-Nafāis, 2000), 44.

¹⁹ Ziyād 'Aḥmad Iḥmidān, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islamiyyah Dirāsah 'Uṣūliyyah wa Taṭbīqāt Fiqhiyyah* (Bayrūt: Muassasah al-Risālah Nāshirūn, 2008), 15.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Al-Kaylānī, *Qawā'id al-Maqāṣid 'ind Imām al-Shāṭibī 'irdā wa Dirāsah wa Taḥlīlā*, 45.

²² Al-Badawī, Yūsuf 'Aḥmad Muḥammad, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind Ibn Taymiyyah*, 45.

dikarang oleh Imām al-Shāṭibī adalah untuk bacaan ilmuan yang memang sudah pakar dalam ilmu-ilmu agama²³.

Walau bagaimanapun, terdapat ungkapan-ungkapan sarjana hukum Islam klasik yang selari dengan makna maqasid syariah untuk dijadikan asas panduan. Antara ungkapan tokoh sarjana hukum Islam klasik ialah Imām al-Shāṭibī, beliau telah mengemukakan maqasid syariah sebagai:

اذن ثبت أن الشارع قد قصد بالتشريع إقامة المصالح الأخروية والدينية ... الشارع قاصد تكون مصالح على الإطلاق; فلا بد أن يكون وضعها على ذلك الوجه أبديا وكلها بما أن وعاما في جميع أنواع التكليف والمكلفين وجميع الأحوال

Terjemahan: Oleh itu, jelaslah bahawa tujuan Allah SWT menetapkan syariat adalah untuk memberi kebaikan di dunia dan akhirat... Allah SWT menjadikan tujuannya kebaikan semata-mata. Maka sudah pasti kebaikan yang dijanjikan Allah SWT dalam syariatNya itu bersifat kekal dan umum, serta meliputi kesemua perintahNya, semua hambaNya yang mukallaf dan pada setiap keadaan²⁴.

Imām al-Ghazālī pula menjelaskan maqasid syariah dengan memberi perhatian terhadap penjagaan lima perkara asas sebagaimana ungkapan beliau:

أما المصلحة فهي عبارة في الأصل عن جلب منفعة أو دفع مضرة ولسنا نعني به ذلك فإن جلب المنفعة ودفع المضرة مقاصد الخلق وصلاح الخلق في تحصيل مقاصدهم لكننا نعني بالمصلحة المحافظة على مقصود الشرع ومقصود الشرع من الخلق خمسة وهو أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم وماله فكل ما يتضمن حفظ هذه الأصول الخمسة فهو مصلحة وكل ما يفوت هذه الأصول فهو مفسدة ودفعها مصلحة

Terjemahan: Maksud *maṣlahah* pada asalnya ialah mendatangkan manfaat dan menolak mudarat. Namun, ia bukan apa yang saya maksudkan di sini, kerana mendatangkan manfaat dan menolak mudarat adalah kepentingan dan manfaat kepada seorang hamba dalam mencapai matlamat mereka. Tetapi yang saya maksudkan dengan *maṣlahah* ialah memelihara maqasid syariah. Maqasid syariah daripada penciptaan makhluk adalah untuk menjaga lima perkara yang menyentuh aspek menjaga agama, menjaga

²³ Al-Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām al-Shāṭibī*, 5.

²⁴ Al-Shāṭibī, Abū Ishāq, *al-Muwāfaqāt fī 'Uṣūl al-Sharī'ah* (Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2001), 2: 32-33.

nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Segala sesuatu yang dapat memastikan penjagaan lima perkara asas ini adalah dianggap *maṣlahah*, manakala sesuatu yang merosakkan lima perkara asas ini dianggap *mafsadah*, dan apa jua bentuk tindakan untuk menghindarinya merupakan *maṣlahah* yang dituntut²⁵.

Shaikh al-Islām Ibnu Taymiyah pula mendefinisikan maqasid syariah dengan ungkapan berikut:

الغايات المحمودة في مفعولاته وأموراته سبحانه , وهي ما تنتهي إليه مفعولاته وأموراته
من العواقب الحميدة التي تدل على حكمته البالغة

Terjemahan: Tujuan-tujuan baik yang dicapai selepas melakukan perintah-perintahNya. Ia juga bermaksud kesudahan yang baik untuk segala perintahNya yang menunjukkan kebijaksanaanNya²⁶.

Al-Badawī merumuskan dari pelbagai ungkapan Shaikh al-Islām Ibnu Taymiyah berkaitan maqasid syariah dengan menyatakan:

الحكم التي أرادها الله من أوامره ونواهيه لتحقيق عبوديته وإصلاح العباد في المعاش والمعاد

Terjemahan: Segala hikmah yang dikehendaki oleh Allah SWT di sebalik setiap perintah dan laranganNya. Ia bertujuan untuk mencapai pengabdian hamba kepadaNya dan juga memberi kebaikan kepada hambaNya di dunia dan di akhirat²⁷.

Sementara al-Amidī pula menjelaskan maqasid syariah dengan ungkapan seperti berikut:

المقصود من شرع الحكم إما جلب مصلحة , أو دفع مضرّة أو مجموع الأمرين بالنسبة إلى
العبد وإذا عرف أن المقصود من شرع الحكم إنما هو تحصيل المصلحة أو دفع المضرّة ,
فذلك إما أن يكون في الدنيا أو في الآخرة

²⁵ Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad, *al-Mustasfā min 'Ilm al-'Usūl* (Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.), 1: 217.

²⁶ Ibn Taymiyah, Aḥmad bin 'Abdul Ḥalīm, *al-Majmū' al-Fatāwā Shaikh al-Islām Ibn Taymiyah* (t.tp.: t.p., 1398H), 3: 19.

²⁷ Al-Badawī, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind Ibn Taymiyah*, 52.

Terjemahan: Tujuan disyariatkan hukum sama ada mendapat kebaikan ataupun menolak kemudaratan ataupun kedua-duanya untuk seseorang hamba. Selepas diketahui tujuan pensyariatkan adalah mendapat kebaikan dan menolak kemudaratan, maka perlu diketahui bahawa ia berlaku sama ada di dunia ataupun di akhirat²⁸.

Selain itu, terdapat juga beberapa definisi maqasid syariah yang telah diberikan oleh tokoh sarjana hukum Islam kontemporari. Tāhir Ibn ‘Āshūr ketika mendefinisikan maqasid syariah, telah membahagikannya kepada dua bahagian. Menurut beliau, maqasid syariah terbahagi kepada dua iaitu *maqāṣid ‘ām* dan *maqāṣid khāṣ*. Definisi *maqāṣid ‘ām* ialah:

المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة. فيدخل في هذا أوصاف الشريعة وغايتها العامة والمعاني التي لا يخلو التشريع عن ملاحظتها، ويدخل في هذا أيضا معانٍ من الحكم ليست ملحوظة في سائر أنواع الأحكام ولكنها ملحوظة في أنواع كثيرة

Terjemahan: Makna-makna dan hikmah-hikmah yang telah diperhatikan oleh Allah SWT pada setiap perkara yang disyariatkan atau sebahagian besar; iaitu pemerhatian kepada makna dan hikmah ini tidak tertumpu pada hikmah hukum tertentu sahaja. Sebaliknya, ianya meliputi sifat syariat Islam dan tujuan umumnya. Sifat dan tujuan tersebut merupakan hikmah yang menjadi tumpuan syariat Islam apabila mensyariatkan sesuatu hukum. Termasuk dalam matlamat umum ini juga, hikmah yang tidak diketahui pada keseluruhan hukum tetapi dapat diketahui dan diperhatikan pada sebahagian besar daripada hukum-hukum yang disyariatkan itu²⁹.

Manakala *maqāṣid khāṣ* pula, Tāhir Ibn ‘Āshūr mendefinisikan seperti berikut:

الكيفيات المقصودة للشارع لتحقيق مقاصد الناس النافعة أو لحفظ مصالحهم العامة في تصرفاتهم الخاصة

Terjemahan: Cara-cara yang dimaksudkan oleh syariat, sama ada untuk mencapai maksud yang berfaedah untuk manusia, atau untuk memelihara kepentingan umum mereka pada urusan sesama mereka³⁰.

²⁸ Al-Amidī, Sayf al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad, *al-Iḥkām fī Usūl al-Aḥkām* (t.tp.: Muassasah al-Nūr, 1388H), 3: 271.

²⁹ Ibn ‘Āshūr, Muḥammad al-Tāhir ‘Āshūr, *Maqāṣid Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, cet. ke-4 (Miṣr: Dār al-Salām lil Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2009), 55.

³⁰ *Ibid.*, 161.

'Ilāl al-Fāsī pula menjelaskan maqasid syariah sebagai:

المراد بالمقاصد الشرعية بأنها الغاية منها , والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها

Terjemahan: Kesudahan (ghayah) yang ingin dicapai di sebalik penggubalan setiap hukum *sharī'ah* serta rahsia yang berkait dengannya³¹.

Aḥmad al-Raysūnī mengungkapkannya maqasid syariah sebagai:

مقاصد الشريعة هي الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد

Terjemahan: Tujuan-tujuan di sebalik syariat yang telah ditetapkan oleh Allah bagi merealisasikan kemaslahatan umat³².

Wahbah al-Zuhaylī memberi penjelasan maqasid syariah adalah:

هي المعاني والأهداف الملحوظة للشرع في جميع أحكامه أو معظمها أو هي الغاية من الشريعة والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها

Terjemahan: Makna dan matlamat yang dapat diperhatikan di sebalik setiap atau kebanyakan hukum syarak; dalam erti kata lain, ianya merupakan objektif syariah dan rahsia (hikmah) yang Allah SWT letakkan pada setiap hukum hakam yang terdapat dalam syariah³³.

Muḥammad al-Yūbī mendefinisikan sebagai:

هي المعاني والحكم ونحوها التي راعاها الشارع في التشريع عموما وخصوصا من أجل تحقيق مصالح العباد

Terjemahan: Makna-makna dan hikmah-hikmah yang telah ditetapkan oleh Allah dalam syariatnya baik yang khusus atau umum yang bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan hamba³⁴.

³¹ 'Ilāl al-Fāsī, *Maqāṣid Sharī'ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā* (Miṣr: Dār al-Salām lil Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 2011), 111.

³² Al-Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām al-Shāṭibī*, 7.

³³ Al-Zuhaylī, Wahbah bin Mustafā, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, cet. ke-2 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2005), 2: 307.

³⁴ Al-Yūbī, Muḥammad Sa'ad bin 'Aḥmad bin Mas'ud, *Maqāṣid Sharī'ah al-Islāmiyyah wa 'Alaqaṭuha bi al-Adillah al-Shar'iyyah* (UAE: Dār Ibn al-Jawzī, 1432H), 38.

Muḥammad ‘Uqlah pula mentakrifkan maqasid syariah seperti berikut:

إن أهداف التشريع الإسلامي (مقاصده) هي الأمور والمعاني السامية , والحكم الخيرة ,
والقيم والمثل العليا التي ابتغى الشارع تحقيقها والوصول إليها من النصوص التي وردت عنه
أو الأحكام التي شرعها لعباده

Terjemahan: Tujuan pensyariatan Islam (*maqāsid*) adalah setiap urusan mempunyai makna, hikmah, nilai yang bersifat tinggi syariat Islam, diwujudkan bagi mencapainya menerusi *naṣ-naṣ* yang menyebutkan berkenaannya, ataupun menerusi hukum-hukum yang disyariatkan kepada manusia³⁵.

Berdasarkan definisi-definisi yang telah diberikan di atas, secara umum dapat difahami bahawa maqasid syariah adalah satu ilmu yang membahaskan tujuan pensyariatan atau pun objektif pensyariatan kepada manusia. Maqasid syariah merupakan matlamat, hikmah, rahsia, objektif dan kesudahan (*ghayah*) di sebalik penetapan sesuatu hukum syarak. Malah, setelah sarjana hukum Islam meneliti semua yang terkandung di dalam kebanyakan hukum syariah, mereka mendapati bahawa tujuan atau maqasid syariah yang utama adalah untuk menjamin manfaat dan *maṣlahah* kepada manusia serta melindungi manusia daripada kemudaran dan kerosakan, sama ada dalam kehidupan mereka di dunia mahupun di akhirat. Perkara tersebut dikenali sebagai penjagaan *al-darūriyyat al-khams* yang merangkumi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dalam konteks kajian ini, maqasid syariah merujuk kepada matlamat atau objektif yang diletakkan oleh syariat Islam dalam mensyariatkan sesuatu hukum yang perlu diperhatikan oleh para mufti dalam memutuskan sesuatu fatwa. Berasaskan kepada pendekatan penilaian terhadap maqasid syariah, konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* inilah yang menentukan sifat hukum yang hendak diputuskan atau ditentukan. Sedangkan faktor lain tidak lebih daripada unsur-unsur luaran yang biasanya menjamin

³⁵ Muḥammad ‘Uqlah, *al-Islām wa Maqāsiduhu wa Khasaisuhu*, cet. ke-2 (‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, 1991), 99.

terlaksana kebaikan dan penolakan terhadap keburukan ini.

Demikianlah, kedudukan maqasid syariah ini menunjukkan setiap dalil syariat dan hukumnya mempunyai maqasid dan matlamat yang tertentu. Maqasid syariah juga dianggap tolok ukur dalam menilai sesuatu hukum yang hendak difatwakan. Dalam erti kata lain bagi usaha memahami sesuatu hukum itu ia mestilah seiring dengan maqasid yang telah digariskan oleh syarak.

2.3 INTI PATI MAQASID SYARIAH

Perbincangan maqasid syariah secara teorinya adalah berasaskan kepada prinsip menghasilkan kebaikan dan menjauhkan keburukan (*jalb al-maṣlahah wa daf'u al-mafṣadah*). Oleh itu, kedua-dua prinsip ini perlu dihuraikan dengan terperinci dalam kerangka perbincangan maqasid syariah memandangkan prinsip *maṣlahah* dan *mafṣadah* merupakan inti pati dalam perbincangan maqasid syariah itu sendiri³⁶.

Menurut al-Shāṭibī, *maṣlahah* dan *mafṣadah* merangkumi kedua-dua kepentingan dunia dan kepentingan akhirat, iaitu:

أن الشارع قد قصد بالتشريع إقامة المصالح الأخروية والدنيوية

Terjemahan: Penciptaan syariat itu adalah untuk kebaikan manusia di dunia dan akhirat³⁷.

Sementara al-Ghazzālī menjelaskan dalam konsep yang asal, *maṣlahah* bermaksud memperoleh faedah (*manfa'ah*) atau terlepas daripada kemudaratan (*maḍarrah*). Namun menurut al-Ghazālī, konsep asal ini bukanlah yang dimaksudkan apabila memperkatakan tentang *maṣlahah*, kerana ia adalah objektif makhluk semata-mata. Sebaliknya yang sebenar adalah bermaksud menjaga objektif syarak dalam

³⁶ Al-Raysūnī, *Nazariyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām al-Shāṭibī*, 8.

³⁷ Al-Shāṭibī, *Al-Muwāfaqāt fī 'Usūl al-Sharī'ah*, 32-33.

mencipta syariat. Objektif tersebut ialah menjaga lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap yang menjamin kelangsungan lima perkara tersebut dikira sebagai *maşlahah*, dan setiap yang mengancamnya dikira sebagai *mafsadah*³⁸.

Seterusnya, al-Razī menjelaskan faedah (*manfa'ah*) boleh disifatkan sebagai “kelazatan” atau apa yang boleh membawa kepadanya. Sebaliknya kemudaratan (*maḍarrah*) pula boleh disifatkan sebagai “kesakitan” atau apa sahaja yang boleh membawa kepadanya³⁹. Berasaskan kepada definisi ini bolehlah difahami bahawa tiada maksud lain bagi istilah *manfa'ah* kecuali kelazatan dan apa-apa yang boleh membawa kepadanya. Begitulah juga tidak ada maksud lain bagi istilah *maḍarrah* kecuali kesakitan dan apa-apa yang boleh membawa kepadanya⁴⁰.

Selain itu, al-‘Izz ibn ‘Abd al-Salām menjelaskan bahawa terdapat empat jenis *maşlahah*, iaitu kelazatan serta sebab-sebabnya dan kesukaan serta sebab-sebabnya. *Mafsadah* juga terdapat empat jenis, iaitu kesakitan serta sebab-sebabnya dan kedukacitaan serta sebab-sebabnya. Semuanya terbahagi kepada dunia dan akhirat⁴¹.

Demikianlah, al-‘Izz ibn ‘Abd al-Salām membezakan di antara “sedap” dan “suka” sebagai dua unsur yang tersendiri di bawah *maşlahah*, begitu juga di antara “sakit” dan “duka” sebagai dua unsur yang berbeza di bawah *mafsadah*. Semuanya ini dengan tujuan untuk menarik perhatian tentang aspek moral dalam *maşlahah* dan *mafsadah*⁴².

Berasaskan kepada huraian di atas, dapat dirumuskan konsep *maşlahah* dan *mafsadah* merangkumi beberapa aspek berikut⁴³:

³⁸ Al-Ghazālī, *al-Mustasfā min ‘Ilm al-‘Uşūl*, 217.

³⁹ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn, *al-Maḥşūl fī ‘Ilm ‘Uşūl al-Fiqh* (Sa‘ūdī: Jāmi‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd al-Islamiyyah, 1980), 2: 218.

⁴⁰ *Ibid.*, 240.

⁴¹ Ibn ‘Abd al-Salām, Abī Muḥammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz, *Qawāid al-Aḥkām fī Maşalih al-Anam*, (Qāhirah: Dār al-Sharq lil Ṭibā‘ah, 1968), 11-12.

⁴² Al-Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāşid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, 228.

⁴³ *Ibid.*, 228-229.; Mahmood Zuhdi Abdul Majid et al., *Maqasid al-Syari‘ah* (Selangor: IIUM Press, 2012), 9-10.

- i. Kebaikan (*maṣlaḥah*) akhirat serta sebab dan cara untuk memperolehinya.
- ii. Keburukan (*mafsadah*) akhirat serta sebab dan cara menjauhkan diri daripadanya.
- iii. Kebaikan (*maṣlaḥah*) dunia serta sebab dan cara untuk memperolehinya.
- iv. Keburukan (*mafsadah*) dunia serta sebab dan cara menjauhkan diri daripadanya.
- v. Hakikatnya kebaikan (*maṣlaḥah*) itu ialah setiap kelazatan dan keseronokan, sama ada secara fizikal mahupun psikologikal, dan sama ada secara intelektual mahu pun spiritual.
- vi. Hakikatnya keburukan (*mafsadah*) itu ialah setiap kesakitan dan kesengsaraan, sama ada secara fizikal mahupun psikologikal, dan sama ada secara intelektual mahu pun spiritual.

2.4 HUBUNGAN MAQASID SYARIAH DENGAN AL-ḤIKMAH, AL-'ILLAH DAN AL-MAṢLAḤAH

Sarjana hukum Islam terdahulu mengungkapkan perkataan maqasid dengan istilah-istilah yang berbeza, perbezaan tersebut hanyalah daripada sudut maksud maqasid dan istilah yang digunakan⁴⁴. Berikut adalah keterangan bagi istilah-istilah yang sama erti dengan maqasid. Istilah-istilah yang berkaitan dengan maqasid ialah *al-ḥikmah*, *al-'illah*, *al-munāsabah al-ma'nā*, dan *al-maṣlaḥah*.

⁴⁴ Al-Badawī, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind Ibn Taymiyyah*, 55-61.; Al-Kaylānī, *Qawā'id al-Maqāṣid 'ind Imām al-Shātibī 'irdā wa Dirāsah wa Taḥlīlā*, 48-54.; Ziyād 'Aḥmad Iḥmidān, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islamiyyah Dirāsah 'Uṣūliyyah wa Taḥbīqāt Fiqhiyyah*, 23-27.; Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām al-Shātibī*, 9-16.; Raysūnī, *Muḥādarāt fī Maqāṣid al-Sharī'ah*, 22-28.; Barkāt 'Aḥmad Banī Muḥam, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islamiyyah fī al-Shahādāt* (Urdun: Dār al-Nafāis, 2005), 33-37.; Al-Khādīmī, *'Ilm al-Maqāṣid al-Sharī'iyah*, 19-26.; Muḥammad 'Aḥmad al-Qayātī Muḥammad, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind al-Imām al-Mālik* (Qāhirah: Dār al-Salām lil Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 2009), 79-84.

2.4.1 *Al-Hikmah* (الحكمة)

Penggunaan perkataan hikmah adalah sinonim dengan istilah maqasid syariah. Ulama fiqh dan *uṣūl* mengungkapkan maksud maqasid dengan *al-hikmah*⁴⁵. Contoh ungkapan yang biasa digunakan bagi merujuk penggunaan makna yang sama ialah ‘ini maqasidnya adalah sekian atau ‘ini hikmahnya adalah sekian’. Justeru itu, tidak ada perbezaan antara kedua-dua penggunaan perkataan tersebut. Para fuqaha banyak menggunakan perkataan hikmah berbanding penggunaan perkataan maqasid⁴⁶. Contoh perkataan hikmah yang digunakan oleh para fuqaha adalah seperti ungkapan Ibn Farḥūn yang menjelaskan mengenai maqasid perundangan kehakiman:

(ابن فرحون) يحدد مقاصد القضاء : (وأما) حكمته: فرغ التهاجر، ورد التوائب، وقمع المظالم، ونصر المظلوم، وقطع الخصومات، والأمر بالمعروف، والنهي عن المنكر، قاله (ابن رشد) وغيره.

Terjemahan: Hikmah pelaksanaan kehakiman ialah melenyapkan fitnah, mengembalikan kepada pesalah, menolak para penzalim, membantu orang yang dizalimi, menghentikan perbalahan, menyeru kepada kebaikan, menegah kemungkaran⁴⁷.

Kenyataan seperti di atas juga ada disebut oleh Ibn Rusd dan fuqaha yang lain⁴⁸. Manakala sebahagian fuqaha yang lain dan selain mereka di atas pula, sebutan perkataan hikmah adalah membawa maksud tentang maqasid. Contohnya ungkapan al-Wansharīsī:

والحكمة في اصطلاح المتشرعين، هو المقصود من إثبات الحكم أو نفيه، وذلك كالمشقة التي شرع القصر والإفطار لأجلها.

⁴⁵ Al-Amidī, Sayf al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad, *al-Iḥkam fī ‘Uṣūl al-Aḥkām* (t.tp.: Muassasah al-Nūr, 1388H), 3: 202.

⁴⁶ Al-Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, 9.

⁴⁷ Ibn Farḥūn. *Tabsīrah al-Aḥkām fī Uṣūl al-Aqdiyah wa Manāḥij al-Aḥkām*. 8.

⁴⁸ Al-Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, 9.

Terjemahan: Hikmah dari sisi pandang pengistilahan syarak adalah tujuan pensyariatan (maqasid) bagi sesuatu hukum yang diperintahkan atau yang dilarang, contohnya seperti *al-mashaqqah* (kesusahan/kesulitan) ketika musafir merupakan hikmah pensyariatan qasar solat dan berbuka puasa⁴⁹.

Perbahasan ini dikuatkan dengan pandangan Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān iaitu pengistilahan maqasid dan hikmah disisi fuqaha dan selain mereka adalah sama tanpa ada sebarang perbezaan (*taṭābuq*):

على أن جمهور الفقهاء كانوا يذهبون في اجتهاداتهم إلى أن ما شرعه الله من أحكام، لم يشرعه الله إلا لمصلحة جلب منفعة لهم، أو دفع مضرة عنهم، فلهذا كانت تلك المصلحة هي الغاية المقصودة من التشريع، وتسمى حكمة. ثم قال: (أما حكمة الحكم)، فهي الباعث على تشريعه، والمصلحة التي قصدتها الشارع من شرعه الحكم.

Terjemahan: Majoriti fuqaha berpendapat pada ijtihad mereka bahawa apa yang telah disyariatkan Allah SWT daripada segala hukum, tidaklah Allah SWT mensyariatkan melainkan untuk mencapai *maṣlahah* atau menolak kemudaratan. Oleh itu masalah merupakan tujuan pelaksanaan syariat dan ia dinamakan juga sebagai hikmah. *Hikmah al-ḥukm* ialah merupakan motif pensyariatan dan *maṣlahah* yang telah ditunjukkan oleh Allah SWT bagi syariat yang dihukumi⁵⁰.

‘Abd al-‘Azīz al-Rabi‘ah dalam menghuraikan lanjut tentang perkataan hikmah dengan menjelaskan bahawa para ulama usul fiqh telah melakukan dua pemurniaan bagi maksud perkataan hikmah iaitu pertama, maqasid syarak adalah *maṣlahah* dan *mafsadah* dan kedua, makna yang sesuai bagi sesuatu pensyariatan seperti *al-mashaqqah*. Makna yang kedua ini adalah lebih *taḥqīq* (benar) dan *tadqīq* (mendalam) sehingga membawa kecenderungan pada makna pertama. Makna yang diberikan pada maksud yang kedua adalah sejenis *majaz*⁵¹.

⁴⁹ al-Wansharīsī. Al-Mi‘yār, 349.

⁵⁰ Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān. Adillah al-Tashrī‘ al-Muta‘aridah wa Wujuh al-Tarjih Baynaha, 242-243.

⁵¹ ‘Abd al-‘Azīz al-Rabi‘ah. Al-Sabab ‘Ind al-Uṣuliyyin. j.2, 17.

2.4.2 *Al-'illah* (العلة)

Al-'illah mempunyai kaitan yang kuat dengan *maqāṣid*⁵². Penggunaannya dari sudut bahasa membawa dua pengertian; pertama, penyakit: Allah memberinya kesakitan dan dia adalah penerima kesakitan tersebut. Kedua, punca: ini adalah punca kepada sesuatu ataupun sebab baginya⁵³.

Sebahagian ulama berpandangan maqasid adalah *al-'illah* (alasan) yang terkandung di dalam pensyariatian hukum Allah. Sedangkan, *al-'illah* adalah sifat zahir yang kekal pada sesebuah hukum syarak yang dilaksanakan⁵⁴. Sifat yang ada pada sesebuah hukum itu seolah-olah menggambarkan maqasid syarak. Ini menjadikan *al-'illah* dan maqasid membawa pengertian yang sama atau dengan kata lain, maqasid sesuatu hukum dapat difahami daripada kefahaman terhadap *al-'illah*.

Berikut dibentangkan pengertian *al-'illah* yang telah dijelaskan oleh ulama *uṣūl* dari sudut istilah:

Menurut al-Āmidī, *al-'illah* dari sudut istilah ialah:

الوصف الباعث على الحكم أو التشريع

Terjemahan: *'Illah* sebagai unsur utama kepada wujudnya sesuatu hukum⁵⁵.

Dengan erti kata lain, sesuatu sifat itu merangkumi hikmah-hikmah yang sesuai untuk dijadikan objektif bagi *al-shāri'* di dalam mensyariatkan sesuatu hukum seperti mendatangkan kemaslahatan dan menolak segala kerosakan.

⁵² Al-Badawī, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind Ibn Taymiyyah*, 57.

⁵³ Al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 255.; Fayrūz Ābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīt*, 906-907.; Al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*, 431-432.

⁵⁴ Al-Zuhaylī, Wahbah, *'Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, cet. ke-3 (Damshiq: Dār al-Fikr, 2005), 1: 617.

⁵⁵ Al-Āmidī, *Al-Iḥkām fī 'Uṣūl al-Aḥkām*, 170.

Al-Ghazālī pula menjelaskan *al-‘illah* seperti berikut:

الوصف المؤثر في الأحكام يجعل الشارع لا لذاته

Terjemahan: Sifat yang memberi kesan (mewujudkan) kepada kewujudan sesuatu hukum dengan sebab penentuan *al-shāri‘*, bukan dengan sebab zat sifat tersebut semata-mata⁵⁶.

Dengan erti kata lain, *al-shāri‘* telah meletakkan perkaitan di antara *al-‘illah* dengan *ma‘lūl*nya dengan ikatan kemestian, iaitu kewujudan suatu sifat akan memastikan wujudnya hukum, dan sebaliknya ketiadaan sifat tersebut akan menyebabkan tiadanya hukum. Namun, ikatan tersebut bukanlah semata-mata dengan zat (hakikat) sifat itu. Sebaliknya, Allah merupakan penentu sebenar kepada ikatan tersebut. Sebagai contohnya, perkaitan antara potong leher dengan tercabutnya nyawa dan di antara menyentuh api dengan terbakar. Secara muktamadnya, bahawa kedua-dua bergantung kepada ketentuan Allah SWT semata-mata⁵⁷.

Menurut Imām al-Rāzī dan al-Bayḍāwī pula, *al-‘illah* bermaksud:

الوصف المعروف للحكم

Terjemahan: Sesuatu sifat yang memperkenalkan (menjadi tanda) kepada sesuatu hukum⁵⁸.

Menurut mereka, sesuatu hukum yang hendak disabitkan kepada permasalahan baru tidak mungkin dapat diketahui melainkan dengan diketahui terlebih dahulu suatu sifat yang menjadi tanda kepada *al-‘illah* hukum atau sebabnya. Bagaimanapun, pengertian *al-mu‘arrif* bagi mereka bukan sepertimana pengertian *al-mu‘aththir* atau *al-bā‘ith* sebagaimana takrif yang sebelum ini. Sebaliknya *al-mu‘arrif* di sini dengan

⁵⁶ Al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad, *Syifā’ al-Ghalīl fī Bayān al-Syabah wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta‘īl*, 14.; Abū al-Nūr Zuhayr, Muḥammad, *‘Uṣūl al-Fiqh* (Qāhirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, t.t.), 51.

⁵⁷ ‘Ādil al-Syuwayikh, *Ta‘īl al-Aḥkam fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah* (Ṭantā: Dār al-Basyīr li al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, 2000), 19.

⁵⁸ *Ibid.*; Al-Dukhmaysī, ‘Abd al-Fattāḥ ‘Aḥmad Qutb, *al-Taḥqīq al-Ma‘mul li Minḥāj al-‘Uṣūl ‘alā al-Minḥāj li al-Qaḍī al-Bayḍāwī* (t.tp.: t.p., 1996), 461.

makna tanda (علامة) tanpa mempunyai perkaitan dengan sebarang *ta'thir* ataupun *bā'ith*⁵⁹.

Berdasarkan pengertian-pengertian istilah *al-'illah* yang dibentangkan di atas, dapat difahami bahawa pengertian tersebut lebih menggambarkan tentang sikap dan pendirian para ulama terhadap permasalahan-permasalahan *ta'līl al-aḥkām* dan juga tentang kedudukan dan peranan akal sebagai sumber kebenaran.

Sebagai contoh pengertian *al-'illah* menurut al-Āmidī, ia lebih menggambarkan sikap al-Āmidī dalam permasalahan *ta'līl al-aḥkām*, iaitu bahawa hukum Allah itu boleh di'*illah*kan (*mu'allalah*) dengan kemaslahatan manusia. Pengertian ini, lebih menunjukkan bahawa *al-'illah* itu hanya sebagai faktor pendorong kepada wujudnya *al-'illah*, bukan sebagai sifat yang memestikan (الصفة الموجبة) wujudnya hukum tersebut⁶⁰.

Secara amnya, *al-'illah* boleh diistilahkan sebagai suatu sifat atau keadaan yang jelas (zahir) dengan pensyariatannya membawa kemaslahatan kepada manusia sama ada dalam bentuk mendatangkan manfaat atau menolak kemudaratan⁶¹.

Menurut Ridzwan Ahmad, pada dasarnya *ta'līl al-aḥkam* telah diterima pakai secara meluas dalam konsep *maṣlaḥah* dengan *mafsadah*. Hal ini mengundang kepada wujudnya kontradiksi di antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Ini kerana apabila sesuatu hukum yang melibatkan adat kebiasaan manusia berdasarkan pencapaian *maṣlaḥah* dan penolakan *mafsadah* maka sudah tentulah kontradiksi di antara keduanya dalam situasi tertentu tidak dapat dielakkan. Demi memastikan konsep *ta'līl al-aḥkam* diaplikasikan sepenuhnya secara berterusan dan terarah serta tidak berlawanan dengan maqasid syariah, maka suatu standard yang jelas berkaitan dengan *maṣlaḥah* dan *mafsadah* seharusnya dijelmakan terlebih dahulu yang lebih dikenali sebagai *fiqh al-muwazanat*

⁵⁹ Abū al-Nūr Zuhayr, Muḥammad, *Uṣūl al-Fiqh*, 51.

⁶⁰ Al-Sa'dī, 'Abd Ḥakīm 'Abd Raḥmān As'ad, *Mabāḥiṭh al-'Illah fī al-Qiyās 'ind al-'Uṣūliyyīn* (Bayrūt: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah, 2000), 91.

⁶¹ Sya'bān Muḥammad Ismā'īl, *Dirasāt ḥawl al-Qiyās wa al-Ijmā'* (Qāhirah: Maktabah al-Naḥḍah al-Miṣriyyah, 1988), 164.

dalam dasawarsa ini. Hal ini amat penting diteliti oleh para mujtahid semasa kerana kegagalan dalam mewujudkan standard yang jelas dan terarah ini mengakibatkan berlakunya penyelewengan hukum terhadap isu-isu baru yang muncul dalam kalangan umat Islam⁶².

Apabila pemakaian konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* yang terangkum dalam *ta'īl al-ahkam* tidak dijemakan secara betul nescaya akan berlaku pelbagai penyelewengan sehingga mengutamakan *maṣlahah* yang remeh-temeh ke atas *maṣlahah* yang hakiki ataupun mengaitkan sesuatu hukum dengan sesuatu *maṣlahah* mahupun *'illah* tertentu sedangkan *maṣlahah* ataupun *'illah* tersebut telah pun lenyap ditelan zaman. Oleh itu pemakaian *ta'īl al-ahkam* melalui pencapaian *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah* hendaklah ditafsirkan selari dengan keabsahan syarak iaitu tidak berlawanan dengan maqasid syariah. Dalam hal ini ia banyak bergantung dengan tindakan para mujtahid mengemaskinikan kehendak *naṣ* berdasarkan kepentingan semasa dan setempat. Ini bukan bermakna mentafsirkan kehendak *naṣ* sehingga ianya sejajar dengan kehendak hawa nafsu manusia. Ianya bermaksud mengaplikasikan konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* seiring dengan kehendak *naṣ* yang asal bersesuaian dengan konsep *ta'īl al-ahkām* yang didukung oleh para Ulama Usul sekian lama⁶³.

2.4.3 *Al-Munāsabah* (المناسبة)

Dari segi bahasa, ia bermaksud sesuai, hampir dan dekat; dikatakan bahawa telah disesuaikan sesuatu perkara kepada seseorang, maka sesuaiilah ia dan bersetuju dengan percampurannya⁶⁴.

⁶² Ridzwan Ahmad, "Permasalahan Ta'īl al-Ahkam Sebagai Asas Penerimaan Maqasid Al-Shari'ah Menurut Ulama Usul," *Jurnal Fiqh* 5 (2008), 194.

⁶³ Ridzwan Ahmad, "Maslahah dan Hubungannya Dengan Nass Syarak Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa Di Malaysia," dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000M/1421H), 158-166.

⁶⁴ Al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 365-366.; Fayrūz Ābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, 1279.

Manakala dari segi istilah, Ibnu al-Ḥajib mendefinisikan:

إن المناسب وصف ظاهر منضبط، يحصل عقلاً من ترتيب الحكم عليه ما يصلح أن يكون مقصوداً من حصول مصلحة، أو دفع مفسدة

Terjemahan: *Al-munāsib* adalah sifat yang jelas dan terikat dengan peraturan tercapai oleh akal fikiran daripada susunan hukum mengenai apa yang boleh diterima sebagai sesuatu yang mencapai manfaat dan kerosakan⁶⁵.

Ia adalah bersesuaian dengan sifat untuk hukum dari sudut penyusunan hukum yang telah mencapai manfaat atau menolak kerosakan seperti mana yang dimaksudkan oleh Allah SWT dalam pensyariatan hukum benda yang mengkhayalkan, maka bersesuaian dengan pengharamannya. Ini adalah kerana, ia merosakkan akal dan untuk menjaga akal adalah *maṣlahah*. Begitu juga menolak kerosakan dalam penegahan sesuatu yang dituntut menjaga akal dengan pengharaman penyalahgunaan benda khayal⁶⁶.

Al-munāsabah ialah kesesuaian di antara sifat dengan hukum iaitu penetapan sesuatu hukum berdasarkan sifat yang membawa tercapainya *maṣlahah* dan ternafinya *mafsadah* dari manusia. *Al-munāsabah* ataupun *munāsib* ini merupakan metod yang paling penting dalam *qiyās* malah ia adalah tunggak kepada *qiyās*. Perbicaraan *al-munāsabah* dan *maṣlahah* adalah sama kerana *maṣlahah* mengandungi *munāsib* dan sebaliknya. Semuanya mempunyai kaitan rapat dengan maqasid syariah⁶⁷.

⁶⁵ Al-Āmidī, *Al-Iḥkām fī 'Uṣūl al-Aḥkam*, 270. Al-Isnawī, Jamāl al-Dīn 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥasan, *Nihāyah al-Sūl fī Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl ilā 'Ilm al-'Uṣūl* (Qāhirah: Dār al-Tawfiqiyah lil Turāth, 2009), 2: 192.

⁶⁶ Al-Badawī, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind Ibn Taymiyyah*, 59.

⁶⁷ Al-Kaylānī, *Qawā'id al-Maqāṣid 'ind Imām al-Shāṭibī 'irdā wa Dirasah wa Tahliḷā*, 51-54.

2.4.4 *Al-Ma'nā* Atau *al-Ma'ānī* (المعنى او المعاني)

Sarjana hukum Islam menyatakan bahawa perkataan *al-ma'ānī* merujuk kepada sesuatu yang mengandungi perundangan dan hukum-hukum dari sudut kemaslahatan dan tujuan-tujuan terutamanya dalam kalangan ulama fiqh. Ulama fiqh menyatakan bahawa disyariatkan hukum ini untuk makna ini iaitu tujuan ini atau dengan kata lain disyariatkan hukum ini demi mencapai makna tertentu atau *maqṣad* (motif) tertentu. Sepertimana sebahagian ulama menggunakan perkataan *al-ma'nā* sebagai ganti kepada perkataan *al-'illah*⁶⁸. Contohnya Ibnu 'Āshūr mendefinisikan *al-maqāṣid* dengan menggunakan perkataan *al-ma'ānī* iaitu “makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil kira oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian dari aspek pensyariatannya⁶⁹”.

2.4.5 *Al-Maṣlaḥah* (المصلحة)

Terdapat pelbagai definisi *maṣlaḥah* yang diberikan sama ada dari segi etimologi atau terminologi bersesuaian dengan pemakaiannya. Berikut dibentangkan istilah *maṣlaḥah* mengikut disiplin ilmu *uṣūl al-fiqh* supaya tidak tersasar dari perbincangan.

Perkataan *maṣlaḥah* adalah dalam bentuk tunggal dari kata *maṣaliḥ*. Ianya bermaksud setiap perkara yang mengandungi manfaat sama ada dengan menarik dan menghasilkan seperti mencapai faedah dan kelazatan atau dengan menolak dan mengawal seperti menjauhkan kemudaratan dan kesakitan, maka semuanya itu dinamakan *maṣlaḥah*⁷⁰.

⁶⁸ Raysūnī, 'Aḥmad, *Nazariyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām al-Shāṭibī*, 13-14.

⁶⁹ Ibn 'Āshūr, *Maqāṣid Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 55.; Ziyād 'Aḥmad Iḥmidān, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Dirāsah 'Uṣūliyyah wa Taṭbīqāt Fiqhiyyah*, 26-27.

⁷⁰ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1957), 12: 348.; Al-Fayyūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr*, 208.; Fayrūz Ābādī, *al-Qāmūs al-Muḥīt*, 748.; Al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*, 354.

Terdapat pelbagai pengertian dari sudut istilah yang diberi dan dikemukakan oleh sarjana hukum Islam seperti:

Imām al-Rāzī mentakrifkan *maṣlahah* seperti berikut:

المنفعة التي قصدها الشارع الحكيم لعباده من حفظ الضرورات الخمس

Terjemahan: *Maṣlahah* ialah kemanfaatan yang Allah maha bijaksana anugerahkan kepada hambaNya bertujuan memelihara agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta benda menurut urutannya⁷¹.

Rumusan dari definisi di atas ialah beliau menegaskan menarik manfaat adalah untuk memelihara tujuan syarak yang lima iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda.

Al-Khuwārazmī mendefinisikan *maṣlahah* seperti berikut:

والمراد بالمصلحة المحافظة على مقصود الشرع بدفع المفسد عن الخلق.

Terjemahan: *Maṣlahah* bermaksud memelihara tujuan syarak dengan menolak bencana atau kerosakan dari manusia⁷².

Definisi ini menjelaskan *maṣlahah* membawa erti memelihara tujuan syarak yang lima iaitu agama, akal, harta, jiwa dan keturunan. Dengan demikian, setiap aturan hukum yang dimaksudkan untuk memelihara kelima-lima perkara tersebut dan menghindarkan dari kerosakan disebut *maṣlahah*. Justeru itu untuk menentukan sesuatu perkara adalah *maṣlahah* atau tidak, kayu ukurnya adalah tujuan syarak dan bukannya akal.

⁷¹ Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar, *al-Maḥṣūl* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 2: 434.; Muḥammad al-Sa‘īd ‘Alī ‘Abd. Rabbih, *Buhūth fī al-Adillah al-Mukhtalaff fihā ‘ind al-‘Uṣūliyyin* (Qāhirah: Matba‘ah al-Husayn al-Jadīdah, 1977), 84.

⁷² Al-Syawkānī, Muḥammad ibn ‘Alī ibn Muḥammad, *Irshād al-Fuḥul ilā Taḥqīq al-Ḥaq min ‘Ilm al-Uṣūl* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 358.

Al-Ṭūfī⁷³ pula mendefinisikan *maṣlahah* seperti berikut:

وأما حدها بحسب العرف فهي السبب المؤدي الى الصلاح والنفع, كالتجارة المؤدية الى الربح. وبحسب الشرع هي السبب المؤدي الى مقصود الشارع, عبادة أو عادة. ثم هي تنقسم الى ما يقصده الشارع لحقه كالعبادات, والى ما يقصده لنعف المخلوقين وانتظام أحوالهم كالعادات.

Terjemahan: Definisi *maṣlahah* menurut 'urf adalah sebab yang membawa kepada kemaslahatan, seperti perniagaan menyebabkan seseorang memperoleh keuntungan. Menurut pandangan hukum Islam, *maṣlahah* adalah sebab yang membawa akibat bagi tercapainya tujuan pencipta hukum, sama ada dalam bentuk ibadah mahupun adat. Kemudian *maṣlahah* itu terbahagi kepada dua iaitu *maṣlahah* yang dikehendaki oleh pencipta hukum sebagai hak seperti ibadah dan *maṣlahah* yang dimaksudkan untuk kemaslahatan manusia dan peraturan urusan mereka seperti adat.⁷⁴

Dari pendefinisian al-Ṭūfī dapat disimpulkan bahawa *maṣlahah* menurut pengertian umum yang berlaku di dalam masyarakat adalah setiap perkara yang boleh membawa manfaat. Pengertian ini adalah selari dengan pengertian *maṣlahah* menurut bahasa seperti yang telah dihuraikan sebelum ini dan selari juga dengan pandangan al-Ghazālī seperti yang akan dihuraikan.

Seterusnya al-Ṭūfī membezakan antara tujuan yang ingin dicapai oleh manusia dan tujuan yang ingin dicapai oleh pencipta hukum. Dengan ini beliau menegaskan bahawa *maṣlahah* yang dikehendaki oleh pencipta hukum tidak sama dengan *maṣlahah* yang dikehendaki oleh manusia.

Al-Ghazālī memberikan definisi seperti berikut:

المصلحة فهي عبارة في الأصل عن جلب منفعة أو دفع مضرة, ولسنا نعني به ذلك, فان جلب المنفعة ودفع المضرة مقاصد الخلق, وصلاح الخلق في تحصيل مقاصدهم. لكننا نعني بالمصلحة المحافظة على مقصود الشرع. و مقصود الشرع من الخلق خمسة, وهو أن يحفظ

⁷³ Nama lengkap beliau ialah Sulaymān bin 'Abd al-Qawī bin 'Abd al-Karīm ibn Sa'īd al-Ṭūfī (lebih dikenali dengan panggilan Najm al-Dīn al-Ṭūfī), diputerakan tanggal 657H dan meninggal dunia pada 716H.

⁷⁴ Ḥasan, Ḥusayn Ḥāmid, *Nazariyyat al-Maṣlahah fī al-fiqh al-Islāmī* (Qāhirah: Maktabah al-Mutanabbī, 1981), 9.

عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم وما لهم. فكل ما يتضمن حفظ هذه الأصول الخمسة فهو مصلحة, وكل ما يفوت هذه الأصول فهو مفسدة ودفعه مصلحة.

Terjemahan: *Maṣlahah* menurut makna asalnya bermaksud menarik manfaat atau menolak mudarat. Akan tetapi, bukanlah bermaksud demikian, sebab menarik manfaat dan menghindar dari mudarat adalah tujuan manusia. Kemaslahatan makhluk terletak pada tercapainya tujuan mereka. Sedangkan yang dimaksudkan dengan *maṣlahah* ialah memelihara tujuan syarak. Tujuan syarak yang ingin dicapai dari manusia ada lima perkara iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta mereka. Setiap hukum yang mengandungi tujuan memelihara kelima-lima perkara ini disebut *maṣlahah* dan setiap perkara yang menidakkannya disebut *mafsadah* dan menolaknya disebut *maṣlahah*.⁷⁵

Setelah diteliti definisi al-Ghazālī dapat dirumuskan beberapa aspek seperti berikut:

- a) Makna asal *maṣlahah* adalah mencapai manfaat dan menolak kemudaratan. Ini selari dengan pengertian *maṣlahah* menurut bahasa dan adat kebiasaan manusia. Tetapi bukan ini yang dimaksudkan beliau dengan *maṣlahah*, sebab ini adalah tujuan yang ingin dicapai oleh manusia.
- b) *Maṣlahah* yang dimaksudkan beliau sebenarnya ialah mencapai manfaat dan menolak kemudaratan dengan memelihara tujuan syarak yang lima. Oleh yang demikian, setiap perkara yang memelihara dan menghindarkan ancaman terhadap kelima-lima tujuan syarak adalah *maṣlahah*.
- c) Beliau secara tegas membezakan antara *maṣlahah* menurut pandangan manusia dengan *maṣlahah* menurut pandangan syarak. Manusia ingin mencari kemaslahatan dan syarak juga ingin mewujudkan kemaslahatan, tetapi kemaslahatan yang dikehendaki oleh manusia belum tentu sama dengan kemaslahatan yang dikehendaki oleh syarak. Walaupun *maṣlahah* berdasarkan kehendak syarak pada zahirnya bercanggah dengan kehendak manusia, namun hakikatnya ianya selari dengan kehendak manusia.

⁷⁵ Al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad, *al-Muṣtaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl* (Bayrūt: Mua'ssasah al-Risālah, 1997), 1: 416.

- d) Beliau juga mengambil langkah berhati-hati dalam membuka pintu *maṣlahah* supaya tidak disalahguna untuk kepentingan hawa nafsu. Ini bermakna konsep *maṣlahah* yang digunapakai dalam tindakan perlu bertunjangkan tujuan syarak.

Berdasarkan definisi-definisi dari sudut terminologi yang dibentangkan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa definisi yang diberikan al-Ghazālī walaupun agak ringkas tetapi dalam penjelasan beliau jelas menunjukkan lebih menekankan *maṣlahah* sebagai *munasib* (kesesuaian) dengan meletakkan syarat-syarat tertentu di samping membuat pembahagian *maṣlahah* yang agak ketat. Oleh itu, pendefinisian yang diberikan oleh al-Ghazālī dilihat lebih ringkas dan mencakupi kehendak *maṣlahah* yang sebenar.

Manakala definisi Imām al-Rāzī hanya menyatakan menarik manfaat sahaja tanpa menegaskan menolak kerosakan yang tidak boleh dipisahkan dalam memelihara tujuan syarak. Ini kerana menolak kerosakan tersebut saling melengkapi dalam menarik manfaat.

Sebaliknya pula definisi yang diberikan oleh al-Khuwārazmī membataskan pemeliharaan tujuan syarak dengan menolak kerosakan sahaja tanpa mengambilkira aspek yang lebih utama iaitu menarik kemanfaatan kepada manusia. Jelas bahawa, pemeliharaan terhadap tujuan syarak tidak sempurna hanya dengan menolak kerosakan dari manusia tetapi perlu disertai dengan menarik manfaat kepada manusia.

Seterusnya al-Ṭūfī pula dalam mendefinisikan *maṣlahah* sebagai dalil syarak tidak menekankan dari sudut pengiktirafan syarak. Beliau hanya menjelaskan maksud pensyariatan syarak iaitu pensyariatan yang berbentuk diri sendiri dan pensyariatan yang berkaitan kemanfaatan manusia serta penyusunan hal ehwal kehidupan mereka. Dengan kata lain, pendefinisian al-Ṭūfī menekankan *maṣlahah* sebagai dalil syarak. Justeru itu, piawaian terhadap *maṣlahah* hanya dilihat kepada penjagaan tujuan syarak.

Sedangkan fuqaha termasuklah golongan *Mālikiyyah* yang terkenal beramal dengan *maṣlahah* meletakkan syarat-syarat tertentu terhadap penerimaannya⁷⁶.

Walaupun dari segi definisi istilah sarjana hukum Islam berbeza, namun mereka sepakat menyatakan perkataan *maṣlahah* merupakan suatu istilah yang menggambarkan kepada suasana yang menarik manfaat dan menolak kemudaratan dalam rangka memelihara tujuan syarak yang lima.

Maṣlahah mengikut pandangan sarjana hukum Islam ialah memelihara dan mengawal tujuan syarak walaupun bertentangan dengan kehendak orang perseorangan, orang ramai atau mana-mana pihak. Oleh itu, *maṣlahah* yang menjadi matlamat makhluk dan bertentangan dengan tujuan syarak itu pada hakikatnya tidak ada kemaslahatan. Malah ianya merupakan hawa nafsu jahat, keinginan yang didorongkan oleh jiwa rosak serta nafsu buas, dihiasi oleh godaan serta hasutan syaitan dan ditambah pula dengan suasana adat resam jahiliah serta cara hidup yang bertopengkan *maṣlahah*.⁷⁷ Ini bermakna *maṣlahah* yang selari dengan tujuan syarak sahaja diterima sebagai *maṣlahah* yang sah, manakala *maṣlahah* yang bercampur aduk dengan *mafsadah* tidak diperakui oleh syarak meskipun terdapat *maṣlahah* pada pandangan manusia.

Dapat disimpulkan bahawa *al-maṣlahah* dan maqasid bukan dua istilah yang berbeza, sebaliknya merupakan satu konsep yang sama. Kedua-duanya saling menguatkan antara satu sama lain dan *al-maṣlahah* adalah sebahagian daripada inti pati yang diperoleh daripada *maqāṣid*. Boleh digambarkan maqasid berbentuk umum dan

⁷⁶ Ridzwan Ahmad, "*Maṣlahah dan Pemakaiannya di dalam Undang-undang Jenayah Islam*" (disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 9.

⁷⁷ Sila lihat al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān, *Ḍawābiṭ al-Maṣlahah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Damshiq: al-Maktabah al-Umawiyah, 1966), 14.

menyeluruh, manakala peranan *al-maṣlahah* pula adalah mengkhususkan dan menentukan *maqāṣid*. Jelaslah bahawa *al-maṣlahah* sebahagian daripada *maqāṣid*⁷⁸.

2.5 KLASIFIKASI MAQASID SYARIAH

Sarjana hukum Islam telah mengklasifikasikan maqasid syariah kepada pelbagai kategori berasaskan kepada perspektif yang berbeza. Terdapat pelbagai perspektif yang boleh dijadikan asas kepada klasifikasi ini, antaranya ialah maqasid dari perspektif umum, khusus dan pecahan, maqasid dari perspektif tingkatan keperluan, maqasid dari perspektif tingkatan keutamaan *maṣlahah* yang hendak dijaga, maqasid dari perspektif kekuatan hujah dan maqasid dari perspektif keperluan mendatangkan *maṣlahah* dan penolakan kemudaratan⁷⁹.

2.5.1 Maqasid Dari Perspektif Umum, Khusus dan Pecahan (المقاصد بحسب عمومها (وخصوصها وجزئيتها في الشريعة

Maqasid syariah ditinjau dari perspektif rangkuman *shumūl* itu sendiri, boleh dibahagikan kepada tiga iaitu *maqāṣid al-‘āmmah*, *maqāṣid al-khāssah* dan *maqāṣid al-*

⁷⁸ Zahr al-Dīn ‘Abd al-Raḥman, *Maqāṣid al-Buyū‘ wa Ṭuruq Ithbātihā fī al-Fiqh al-Islāmī* (‘Urdun: Dār al-Nafāis lil Nashr wa Tawzī‘, 2011), 40.

⁷⁹ ‘Alal al-Fasī, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah wa Makarimuha* (Qāhirah: Dār al-Salām lil Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2011), 117-118.; Muḥammad ‘Aḥmad al-Qayātī Muḥammad, *Maqāṣid al-Sharī‘ah ‘ind al-Imām al-Mālik*, 78-113.; Al-Jundī, Sāmih ‘Abd al-Wahab, *Maqāṣid al-Sharī‘ah ‘ind Ibn al-Qayyim al-Jawziyah* (Bayrūt: Massasah al-Risālah Nashirun, 2008), 155-165.; Muḥammad Bakr Ismā‘il Ḥabīb, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah Ta’silā wa Taf’ilā*, cet. ke-2 (Makkah al-Mukarramah: Dār Ṭayyibah al-Khadra’, 2010), 198-225.; Al-Badawī, *Maqāṣid al-Sharī‘ah ‘ind Ibn Taymiyyah*, 123-135.; Ziyād ‘Aḥmad Iḥmidān, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah Dirāsah ‘Uṣūliyah wa Taṭbīqāt Fiqhiyyah*, 79-285.; Raysūnī, ‘Aḥmad, *Naẓariyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāfi‘ī*, 7-9.; Raysūnī, ‘Aḥmad, *Muḥāḍarāt fī Maqāṣid al-Sharī‘ah* (Miṣr: Dār al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzī‘, 2013), 28-32.; Raysūnī, ‘Aḥmad, *Madkhal ila Maqāṣid al-Sharī‘ah* (Miṣr: Dār al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzī‘, 2009), 10-15.; Barkāt ‘Aḥmad Banī Muḥam, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah fī al-Shahādāt* (Urdun: Dār al-Nafāis, 2005), 33-37.; Al-Khādīmī, Nūr al-Dīn bin Mukhtār, *al-Ijtihād al-Maqāṣidi Ḥujjiyyatuh, Ḍawabituh, Majalatuh* (Riyād: Maktabah al-Rushd Nashirun, 2005), 39-41.; Al-Khādīmī, *‘Ilm al-Maqāṣid al-Sharī‘iyah*, 71-75.; Al-Yubī, Muḥammad Sa‘ad bin ‘Aḥmad bin Mas‘ūd, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah wa ‘Alaqtuha bi al-Adillah al-Sharī‘iyah*, cet. ke-3 (al-Mamlakah al-‘Arabiyah al-Sa‘ūdiyyah: Dār Ibn al-Jawzi lil Nashr wa al-Tawzī‘, 1432H), 171-397.; Al-Zuhaylī, ‘Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī, 309-318.

*juz'iyah*⁸⁰.

2.5.1.1 Maqāṣid al-‘āmmah (المقاصد العامة)

Maqāṣid al-‘āmmah ialah objektif yang menjadi tumpuan bagi syariah untuk direalisasikan dalam semua atau sebahagian besar aspek yang terdapat di dalamnya. Ibn ‘Āshūr mendefinisikan:

المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة. فيدخل في هذا أوصاف الشريعة وغايتها العامة والمعاني التي لا يخلو التشريع عن ملاحظتها, ويدخل في هذا أيضا معانٍ من الحكم ليست ملحوظة في سائر أنواع الأحكام ولكنها ملحوظة في أنواع كثيرة

Terjemahan: Makna dan hikmah yang diperhatikan dari Allah SWT pada setiap perkara yang disyariatkan atau sebahagian besar darinya; iaitu pemerhatian kepada makna dan hikmah ini tidak tertumpu pada hikmah hukum tertentu sahaja. Sebaliknya, ianya meliputi sifat syariat Islam dan tujuan umumnya. Sifat dan tujuan tersebut merupakan hikmah yang menjadi tumpuan syariat Islam apabila mensyariatkan sesuatu hukum. Termasuk dalam matlamat umum ini juga, hikmah yang tidak diketahui pada keseluruhan hukum tetapi dapat diketahui dan diperhatikan pada sebahagian besar daripada hukum-hukum yang disyariatkan itu⁸¹.

Dalam kata lain, ia adalah objektif yang komprehensif dan menyeluruh, yang diambil kira oleh syariat Islam dalam semua keputusan pensyariatannya sama ada dalam bidang ibadat, muamalat, adat, jenayah atau sebagainya⁸².

Antara contohnya ialah menjaga kepentingan hidup yang lima (*al-ḍarūriyyat al-khams*), iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, akal, harta dan sebagainya. Contoh lain pula ialah prinsip *raf‘u al-ḥaraj* bermaksud mengelakkan kesempitan dengan menegakkan keadilan sesama manusia, mengeluarkan manusia dari runtunan hawa

⁸⁰ Ibn ‘Āshūr telah membahagikan *maqāṣid* kepada dua iaitu *al-‘āmmah* dan *al-khāssah*, manakala Raysūnī menambah lagi satu pecahan menjadi tiga iaitu *al-juz'iyah*.

⁸¹ Ibn ‘Āshūr, *Maqāṣid Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, 55.

⁸² Mahmood Zuhdi Abdul Majid et al., *Maqāṣid al-Sharī‘ah* (Selangor: IIUM Press, 2012), 36.

nafsu dan mengembalikan manusia kepada fitrah⁸³. Oleh itu, jelaslah bahawa *al-maqāṣid al-‘āmmah* bagi segala hukum syariat Islam adalah untuk mendapatkan kebaikan dan faedah, serta menolak kemudaratan dan kerosakan.

2.5.1.2 Maqāṣid al-khāssah (المقاصد الخاصة)

Maqāṣid al-khāssah ialah objektif yang menjadi tumpuan syariat untuk direalisasikan di dalam sesuatu bidang atau aspek tertentu sahaja, atau dalam lain ungkapan dijelaskan sebagai hikmah-hikmah yang lebih khusus berkenaan bidang-bidang tertentu di dalam syariat⁸⁴ seperti perbincangan yang lebih khusus dalam hal-hal berkaitan ibadah, muamalat, perkahwinan dan jenayah. Ibn ‘Āshūr mendefinisikan:

الكيفيات المقصودة للشارع لتحقيق مقاصد الناس النافعة أو لحفظ مصالحهم العامة في
تصرفاتهم الخاصة

Terjemahan: Cara-cara yang dimaksudkan oleh syariat, sama ada untuk mencapai maksud yang berfaedah untuk manusia, atau untuk memelihara kepentingan umum antara manusia⁸⁵.

Sebagai contoh ialah pensyariatan nikah iaitu untuk membolehkan manusia melakukan hubungan jenis secara sah dan mendapatkan zuriat daripadanya serta dapat mengelakkan daripada tidak mengetahui asal-usul keturunan. *Maqāṣid al-khāssah* ini secara tidak langsung membawa kepada terhasilnya *maqāṣid al-‘āmmah* iaitu menghasilkan kebaikan dan kesejahteraan hidup sebagaimana yang telah diterangkan⁸⁶.

⁸³ Raysūnī, *Madkhal ila Maqāṣid al-Sharī‘ah*, 13.

⁸⁴ Raysūnī, *Nazariyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, 8.

⁸⁵ Ibn ‘Āshūr, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, 161.

⁸⁶ Asmadi Mohamed Naim, *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*, cet. ke-2 (Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011), 12.

2.5.1.3 Maqāṣid al-juz'iyah (المقاصد الجزئية)

Maqāṣid al-juz'iyah ialah objektif pecahan yang lebih kecil komponennya. Pada setiap hukum terbahagi secara berasingan (juzuk) sama ada wajib, haram, sunat, harus, makruh, bersyarat dan lain-lain⁸⁷.

Sebagai contoh mas kahwin diwajibkan dalam sesebuah akad perkahwinan demi mewujudkan perasaan cinta dan saling berkasih sayang antara pasangan suami isteri. Sementara saksi dan wali pula berperanan memberi persetujuan di dalam akad pernikahan yang berlangsung untuk menjauhi keraguan, kesangsian dan pertelagahan dalam sesebuah ikatan perkahwinan tersebut⁸⁸.

Antara contoh lain ialah tujuan larangan memakan sesuatu yang berbau seperti petai, jering, bawang dan merokok ialah untuk menghindari bau yang kurang menyenangkan dan mengganggu orang lain⁸⁹.

Dijelaskan di sini bahawa *maqāṣid al-‘āmmah* dan *maqāṣid al-khāssah* merupakan aspek yang menjadi tumpuan ulama *uṣūl fiqh*. Manakala *maqāṣid al-juz'iyah* pula menjadi tumpuan ulama *fiqh*. Namun, istilah yang sering digunakan ialah *illah* dan *ḥikmah*⁹⁰.

Sebenarnya, setiap aspek pembahagian maqasid syariah ini amat berkait rapat antara satu sama lain. Seterusnya dapat disimpulkan bahawa *maqāṣid al-‘āmmah* perlu diutamakan berbanding *maqāṣid al-khāssah* dan kemudiannya *maqāṣid al-juz'iyah*.

⁸⁷ Raysūnī, *Nazariyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, 8.

⁸⁸ Raysūnī, *Madkhal ila Maqāṣid al-Sharī‘ah*, 14.

⁸⁹ Mohd Fikri Che Hussain, *Pengenalan Maqasid Syariah* (Johor: Perniagaan Jahabersa, 2012), 45-46.

⁹⁰ Raysūnī, *Nazariyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, 8.

2.5.2 Maqasid Dari Perspektif Tingkatan Keperluan (المقاصد بحسب ما تشتمل عليه من) (مصالح وبحسب قوة هذه المصالح وتأثيرها)

Maqasid syariah yang ditinjau dari tingkatan keperluan, boleh dibahagikan kepada tiga iaitu *maqāṣid ḍarūriyyah*, *maqāṣid ḥajjiyyah* dan *maqāṣid taḥsiniyyah*⁹¹.

2.5.2.1 Maqāṣid al-darūriyyah (المقاصد الضرورية)

Maqāṣid al-darūriyyah diterjemah sebagai objektif untuk menjaga “kepentingan asas” hidup. Imām al-Shāṭibī mendefinisikan:

فمعناها أنها لا بد منها في قيام مصالح الدين والدنيا، بحيث إذا فقدت لم تجر مصالح الدنيا على استقامة، بل على فساد وتهاجر، وفوت حياة، وفي الأخرى فوت النجاة والنعيم، والرجوع بالخسران المبين

Terjemahan: Maknanya ianya perlu ada untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia, jika ianya tiada, kepentingan dunia tidak dapat dijalankan dengan betul, bahkan didirikan dalam keadaan rosak, kacau bilau dan hilangnya kehidupan. Adapun di akhirat tidak mendapat keselamatan dan nikmat syurga serta kembali dengan kerugian yang nyata⁹².

Al-Shāṭibī telah menegaskan *al-ḍarūrah* adalah sesuatu yang menjadi asas kepada penerusan hidup dan ketiadaannya menyebabkan manusia tidak mampu hidup serta akan binasa⁹³. Boleh dikatakan “kepentingan asas” terhadap perkara tersebut sehingga sampai ke tahap terdesak, terpaksa dan tidak dapat dielakkan⁹⁴. Dalam erti kata lain, *al-ḍarūrah* ialah perkara yang tidak dapat dielakkan demi menegakkan

⁹¹ Pembahagian *maqāṣid* kepada tiga bahagian ini dilakukan oleh ramai ulama, antaranya Imām al-Ḥaramayn, al-Ghazālī, al-‘Izz ‘Abd al-Salām, al-Qarāfī, Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim, al-Shāṭibī dan ramai lagi. Lihat ‘Awad bin Muḥammad, *al-Mukhtaṣar al-Wājiz fī Maqāṣid al-Tashri’* (Jeddah: Dār al-Andalus al-Khadra’ lil Nashr wa al-Tawzī’, 1998), 29-41.

⁹² Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī ‘Uṣūl al-Sharī’ah*, 9.

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ Wan Mohd Nasir bin Wan Abd Wahab, *Pengenalan Asas Kepada Maqasid Syariah* (Selangor: PSN Publications Sdn Bhd, 2012), 23.

kepentingan agama dan dunia sehingga jika ketiadaan perkara tersebut, maka kemaslahatan dunia akan rosak dan kerugian di akhirat akan terjadi.

Sarjana hukum Islam telah menggariskan *al-darūrah* mengandungi lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan⁹⁵. Ianya juga dikenali sebagai *al-darūriyyāt al-khams*. Penjagaan *al-darūrah* boleh dilakukan dari dua sudut, iaitu pertama; mewujudkan serta meneguhkan dan kedua; menolak keburukan yang akan menimpa. Sudut pertama dilihat sebagai positif yang berkaitan dengan penjagaan dari aspek mewujudkan. Sudut kedua dilihat sebagai negatif yang berkaitan dengan penjagaan dari aspek menolak keburukan yang akan menimpa atau pencegahan⁹⁶.

Penjagaan agama⁹⁷ adalah dengan cara melakukan segala perintah Allah seperti mengucap dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat, haji dan seumpamanya. Dari aspek mewujudkan boleh dilakukan dengan cara beramal, melaksanakan dalam pemerintahan, berdakwah dan berjihad. Manakala dari aspek pencegahan boleh dilihat melalui tindakan menghalang golongan yang ingin murtad dan mengenakan hukuman terhadap golongan yang cuai⁹⁸.

Penjagaan nyawa⁹⁹ dari aspek mewujudkan ialah dengan cara menyediakan makanan dan minuman untuk meneruskan kehidupan, menyediakan pakaian yang dapat menahan kesejukan. Dari aspek pencegahan, Islam mengenakan hukuman *qisas*, *diat* dan *kaffarat* terhadap orang yang melakukan kecederaan atau pembunuhan pada nyawa orang lain¹⁰⁰.

⁹⁵ Imam al-Haramayn adalah tokoh di peringkat awal yang membahagikan *maqāsid* kepada tiga bahagian. Selepas beliau, disusuli tokoh seterusnya iaitu Imam al-Ghazālī yang meletakkan *maṣlahah* sebagai asas *maqāsid al-sharī'ah* dan menjelaskan *al-darūriyyāt al-khams*. al-Ghazālī, Abū Hamid Muḥammad bin Muḥammad, *al-Muṣtaṣfā min 'Ilm al-'Uṣūl* (Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.), 1: 217.

⁹⁶ Al-Shātibī, *al-Muwāfaqāt fī 'Uṣūl al-Sharī'ah*, 9-10.; Muḥammad 'Aḥmad al-Qayātī Muḥammad, *Maqāsid al-Sharī'ah 'ind al-Imām al-Mālik*, 78-113.

⁹⁷ Agama di sini merujuk kepada Islam secara khusus, ianya diterima dan dijamin oleh Allah SWT untuk terus kekal. Hal ini merujuk kepada Surah Ali Imran ayat 19.

⁹⁸ Muḥammad Bakr Ismā'īl Ḥabīb, *Maqāsid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Ta'silā wa Taf'ilā*, 201-202.

⁹⁹ Nyawa yang dimaksudkan ialah nyawa yang dijamin oleh undang-undang Islam, sama ada nyawa individu Muslim, *ahl Dhimmah* atau *ahl al-Aman*,

¹⁰⁰ Al-Badawī, *Maqāsid al-Sharī'ah 'ind Ibn Taymiyyah*, 126.

Penjagaan akal dari aspek mewujudkan ialah melalui proses pembelajaran ilmu pengetahuan supaya dapat memahami kekuasaan Allah, mencapai kebaikan dan menghindar keburukan. Dari aspek pencegahan, Islam menghalang kerosakan akal dengan mengharamkan minuman yang memabukkan dan pengambilan sesuatu yang mengkhayalkan akal serta mengenakan hukuman ke atas individu yang berbuat demikian¹⁰¹.

Penjagaan harta dari aspek mewujudkan ialah dengan cara mencari rezeki yang halal dan mensyariatkan muamalat sesama mereka seperti berjual beli, sewa menyewa, memberi pinjam dan sebagainya. Dari aspek pencegahan, Islam mengharamkan mencuri, mewajibkan hukuman potong tangan, melarang penipuan, khianat, riba, memakan harta orang lain secara tidak sah dan mewajibkan ganti rugi ke atas harta yang dimusnahkan¹⁰².

Penjagaan keturunan dari aspek mewujudkan melalui pensyarian perkahwinan supaya tidak berlaku percampuran nasab dan dapat memelihara kemuliaan serta kehormatan manusia. Dari aspek pencegahan pula, Islam mengharamkan zina dan mengenakan hukuman ke atas pelaku zina¹⁰³.

Walaupun kelima-lima perkara *al-darūrah* ini diletakkan dalam kumpulan yang sama, namun ianya masih tertakluk kepada pengkelasan secara dalaman. Pengkelasan ini diperlukan apabila berlaku pertentangan kepentingan antara dua atau lebih perkara-perkara berkenaan, contohnya di antara nyawa dan agama, di antara harta dan keturunan dan sebagainya¹⁰⁴.

Sebahagian sarjana hukum Islam menentukan penyusunan ketertiban perkara *al-darūrah* tersebut sebagaimana berikut; meletakkan kepentingan agama perlu diutamakan dari kepentingan nyawa, kepentingan nyawa diutamakan dari kepentingan

¹⁰¹ Al-Zuhaylī, Wahbah, *‘Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 311.

¹⁰² Al-Jundī, *Maqāṣid al-Sharī‘ah ‘ind Ibn al-Qayyim al-Jawziyah*, 217-218.

¹⁰³ Al-Zuhaylī, Wahbah, *‘Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 311.

¹⁰⁴ Muḥammad ‘Aḥmad al-Qayātī Muḥammad, *Maqāṣid al-Sharī‘ah ‘ind al-Imām al-Mālik*, 105.

akal, kepentingan akal diutamakan dari kepentingan keturunan, kepentingan keturunan diutamakan dari kepentingan harta¹⁰⁵.

Majoriti sarjana hukum Islam bersetuju bahawa kepentingan agama perlu diutamakan berbanding empat kepentingan yang lain. Namun ada juga sarjana hukum Islam yang berpandangan sebaliknya, iaitu kepentingan agama perlu dikemudiankan berbanding empat kepentingan yang lain. Pertimbangannya ialah kerana empat kepentingan itu berkait dengan hak manusia, sedangkan agama merupakan hak Allah. Walau bagaimanapun, tidak diketahui pemilik pandangan ini yang bertentangan dengan pandangan majoriti¹⁰⁶.

Selain itu, sarjana hukum Islam turut berbeza pandangan dalam menentukan keutamaan empat kepentingan yang lain. Masing-masing mempunyai pertimbangan dan hujah tersendiri berasaskan ijtihad yang dilakukan¹⁰⁷.

2.5.2.2 Maqāṣid al-ḥajīyah (المقاصد الحاجية)

Maqāṣid al-ḥajīyah diterjemahkan sebagai objektif untuk menjaga “keperluan tambahan” hidup. Imām al-Shāṭibī menjelaskan seperti berikut:

فمعناها أنها مفتقر إليها من حيث التوسعة ورفع الضيق المؤدي في الغالب إلى الحرج والمشقة اللاحقة بفوت المطلوب ، فإذا لم ترع دخل على المكلفين - على الجملة - الحرج والمشقة ، ولكنه لا يبلغ مبلغ الفساد العادي المتوقع في المصالح العامة

Terjemahan: *Al-ḥajīyah* bererti suatu keperluan bagi kelegaan dan menghilangkan kesempitan yang pada lazim boleh membawa kepada kesusahan dan kesempitan tanpanya. Sekiranya tidak diambil berat, akan berlaku kepada mukallaf – secara umumnya – kesempitan dan kesusahan. Tetapi ianya tidaklah sampai ke tahap kerosakan biasa yang diduga berlaku kepada kepentingan awam¹⁰⁸.

¹⁰⁵ Ibn al-Hajib, *al-Muntahā* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1405), 227.; Al-Subkī, *al-Ibhāj* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1404), 3: 241.

¹⁰⁶ Al-Isnawī, *Nihāyah al-Sul* (Bayrūt: ‘Alam al-Kutub, t.t.), 4: 515.

¹⁰⁷ Muḥammad ‘Aḥmad al-Qayātī Muḥammad, *Maqāṣid al-Sharī‘ah ‘ind al-Imām al-Mālik*, 105-106.

¹⁰⁸ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī ‘Uṣūl al-Sharī‘ah*, 11.

Al-hajjiyyah berada di tahap perlu sahaja supaya melengkapi kesenangan dan menghilangkan kesusahan manusia. Ketiadaan *al-hajjiyyah* hanya membawa kepada kepincangan sistem hidup manusia, tetapi tidak pula sampai ke tahap membinasakan hidup manusia. Oleh itu, Islam menganjurkan menolak kesempitan dan menghilangkan kesukaran melalui firman Allah SWT berikut:

... هُوَ أَجْتَبَكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ...

Al-Haj 22:78

Terjemahan: Allah tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan kesusahan..

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ ...

Al-Baqarah 2:185

Terjemahan: Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...

Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa syariat Islam ditegaskan atas asas kemudahan dan menolak kesukaran dalam kehidupan manusia. *Al-hajjiyyah* ini terdapat dalam semua keadaan sama ada ibadah, adat, muamalat dan juga jenayah¹⁰⁹.

Dalam perkara ibadat, pemberian *rukhsah* untuk kemudahan manusia apabila ada kesukaran seperti solat jamak qasar bagi musafir, harus berbuka puasa di bulan Ramadan bagi musafir dan pesakit, bertayamum bagi pesakit dan orang yang ketiadaan bekalan air, solat di atas kenderaan sekalipun kiblat tidak tetap dan sebagainya¹¹⁰.

Seterusnya, dalam urusan adat, Islam meringankan bebanan dengan pelbagai perkara yang dihalalkan sebagai makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan kenderaan. Manusia dibenarkan menangkap ikan di sungai atau laut, berburu binatang di hutan, memiliki rumah atau kenderaan yang mewah dan menikmati segala jenis

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ Al-Zuhaylī, Wahbah, *‘Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 312.

kenikmatan. Sekiranya tidak dibenarkan menikmatinya, pasti memberi kesan kepada kehidupan manusia¹¹¹.

Begitu juga dalam soal muamalat yang melibatkan interaksi antara manusia, diharuskan pelbagai jenis kontrak yang bertujuan memenuhi keperluan manusia seperti jual beli, sewa, bersyarikat, memberi jaminan dan sebagainya. Begitu juga diharuskan berpoligami, melepaskan tanggungjawab melalui fasakh, menamatkan perkahwinan melalui perceraian sama ada kerana hajat atau keadaan mendesak dan sebagainya¹¹².

Dalam hal hukuman jenayah, Islam memberi kepada waris mangsa bunuh hak bunuh balas (*qiṣās*) atau menggantikan dengan *diyat* dan disyariatkan penolakan hudud dengan sebab berlaku syubhat¹¹³.

Sekiranya berlaku pertembungan di antara *al-ḥājiyyah* dan *al-ḍarūriyyah*, sarjana hukum Islam bersepakat mendahulukan *al-ḍarūriyyah* berbanding *al-ḥājiyyah*. Ini adalah kerana mengkemudiankan *al-ḍarūriyyah* akan membawa kepada kecacatan hidup di dunia serta hilang nikmat di akhirat. Sedangkan mengkemudiankan *al-ḥājiyyah* hanya mengakibatkan kesusahan dan kesukaran hidup sahaja, lantaran itu *al-ḍarūriyyah* diutamakan¹¹⁴.

2.5.2.3 Maqāṣid al-taḥsīniyyah (المقاصد التحسينية)

Maqāṣid al-taḥsīniyyah diterjemah sebagai objektif untuk menjaga “kemewahan” hidup yang lebih bersifat nilai tambah dalam kehidupan. Imām al-Shāṭibī mentakrifkan seperti berikut:

فمعناها الأخذ بما يليق من محاسن العادات ، وتجنب الأحوال المذنسات التي تأنفها
العقول الراجحات ، ويجمع ذلك قسم مكارم الأخلاق

¹¹¹ Muḥammad Bakr Ismā‘īl Ḥabīb, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah Ta’silā wa Taf’ilā*, 203.

¹¹² Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī ‘Uṣūl al-Sharī‘ah*, 12.

¹¹³ Al-Badawī, *Maqāṣid al-Sharī‘ah ‘ind Ibn Taymiyyah*, 128.

¹¹⁴ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī ‘Uṣūl al-Sharī‘ah*, 15-16.

Terjemahan: *Al-tahsīniyyah* ialah mengambil (mengamalkan) perkara yang patut daripada kebiasaan-kebiasaan yang baik dan menjauhi keadaan-keadaan yang mencemarkan yang ditolak oleh akal yang rasional. Itu semua terkandung dalam kategori akhlak mulia¹¹⁵.

Al-tahsīniyyah merujuk kepada menggunakan segala perkara yang layak dan patut untuk kemuliaan akhlak, ketinggian maruah serta keindahan adat. Sekiranya tiada perkara-perkara tersebut tidaklah membawa kepada kepincangan sistem hidup manusia sebagaimana berlaku kepada *al-darūriyyah* dan tidak pula membawa kepada kesukaran hidup mereka sebagaimana yang berlaku kepada *al-ḥājiyyah*, tetapi ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal¹¹⁶.

Objektif penjagaan terhadap *al-tahsīniyyah* ini ialah untuk memperlihatkan ketinggian mutu hidup umat Islam dan sehingga disanjung tinggi oleh bangsa-bangsa lain. *Al-tahsīniyyah* boleh didapati dalam perkara ibadat, adat, muamalat dan hukuman jenayah.

Dalam perkara ibadah, Islam mensyariatkan bersuci sebelum melakukan ibadah, menutup aurat, menjauhi perbuatan makruh, melaksanakan ibadah sunat dan sebagainya. Dalam urusan muamalat, Islam menghalang jual beli perkara-perkara yang diyakini najis dan haram, mengelakkan dari mengurangkan timbangan semasa berjual beli, menghindari bertunang di atas tunangan orang lain dan sebagainya. Dalam soal adat, Islam mengajar adab sopan ketika makan serta minum, menjauhi pembaziran, melampaui batas dalam berpakaian dan sebagainya. Dalam perkara jenayah, Islam melarang menetapkan hukuman membakar manusia ketika menjatuhkan hukuman, mengharamkan tentera Islam dari membunuh kanak-kanak, wanita, orang tua yang uzur, tokoh agama lain dan sebagainya¹¹⁷.

¹¹⁵ *Ibid.*, 12.

¹¹⁶ Wan Mohd Nasir bin Wan Abd Wahab, *Pengenalan Asas Kepada Maqasid Syariah*, 44.

¹¹⁷ Raysūnī, *Madkhal ilā Maqāṣid al-Sharī'ah*, 71.

2.5.3 Maqasid Dari Perspektif Tingkatan Keutamaan *Maṣlaḥah* Yang Hendak

Dijaga (المقاصد بحسب درجتها وألويتها)

Sekiranya maqasid syariah ditinjau dari perspektif tingkatan keutamaan *maṣlaḥah* yang hendak dijaga, boleh dibahagikan kepada *maqāṣid al-aṣliyyah* dan *maqāṣid al-tabi'iyah*¹¹⁸.

2.5.3.1 Maqāṣid al-aṣliyyah (المقاصد الأصلية)

Maqāṣid al-aṣliyyah (objektif asal) ialah sesuatu yang menjadi kewajipan setiap *mukallaf* untuk menjaganya sama ada dia redha ataupun tidak terhadap kewajipan tersebut atau boleh dijelaskan sebagai matlamat yang menjadi tujuan asal untuk dicapai melalui pensyariatannya sesuatu hukum. Kewajipan ini merupakan bebanan dan ada kalanya tidak memberikan keseronokan atau nikmat kepada *mukallaf*. *Maqāṣid al-aṣliyyah* boleh dibahagikan kepada dua; iaitu *maqāṣid 'ayniyyah* dan *maqāṣid kifā'iyyah*¹¹⁹.

Pertama, *maqāṣid 'ayniyyah*, iaitu matlamat yang bersifat kewajipan peribadi atau diri sendiri. Dalam ungkapan lain ia biasa juga disebut sebagai fardu ain, iaitu yang wajib dilakukan oleh seseorang sebagai tanggungjawab terhadap dirinya sendiri¹²⁰. Antara yang termasuk dalam kategori ini ialah menjaga agama, baik dalam bentuk pegangan akidah ataupun amalan, menjaga nyawa dan keselamatan diri supaya sentiasa terjamin, menjaga akal supaya sentiasa waras, menjaga keturunan supaya sentiasa bersih dan terpelihara daripada sebarang unsur jahat, dan menjaga harta daripada musnah dan dicerobohi. Walaupun menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta nampak sukar

¹¹⁸ Imām Al-Shāṭibī yang telah membahagikan dari perspektif ini. Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī 'Uṣūl al-Sharī'ah*, 144-146.

¹¹⁹ Aḥsan Liḥasānah, *al-Fiqh al-Maqāṣidī 'ind al-Imām al-Shāṭibī wa 'Atharuhu 'alā Mabāḥith 'Uṣūl al-Tashrī' al-Islāmī*, (Qāhirah: Dār al-Salām lil Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 2008), 22-23.

¹²⁰ Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī 'Uṣūl al-Sharī'ah*, 144.

kerana perlu menyediakan pelbagai persiapan untuk menjaganya. Namun, Islam tetap meletakkannya sebagai perkara penting yang perlu diambil perhatian¹²¹.

Kedua, *maqāṣid kifā'iyah* ialah objektif yang bersifat kewajipan terhadap masyarakat. Dalam ungkapan lain ia biasa juga disebut sebagai fardu kifayah, iaitu kewajipan menjaga kepentingan masyarakat. Antara yang termasuk ke dalam kategori ini ialah menjaga kepentingan pemerintahan Islam agar berjalan dengan baik dan tidak tercemar oleh apa saja tindakan yang tidak wajar¹²².

2.5.3.2 Maqāṣid al-tabi'iyah (المقاصد التبعية)

Maqāṣid al-tabi'iyah (objektif sampingan) matlamat yang mengambil kira keseronokan dan nikmat yang dikecapi oleh *mukallaf* ketika berusaha untuk memenuhi matlamat asal atau boleh juga dijelaskan sebagai tujuan yang perlu dicapai bagi memenuhi keperluan pencapaian objektif asal tadi¹²³. *Maqāṣid al-tabi'iyah* boleh dibahagikan kepada dua; iaitu objektif syariah yang terkandung dalam sesuatu arahan dan objektif *mukallaf* dalam melaksanakan arahan berkenaan¹²⁴.

Pertama, objektif syariah yang terkandung dalam sesuatu arahan. Antara contoh jenis pertama di atas ialah “sebab” dan “syarat” yang menentukan berlaku atau tidaknya sesuatu tindakan dalam memenuhi arahan berkenaan. Ia bukan merupakan maksud asal arahan berkenaan, tetapi sesuatu yang perlu berlaku di samping melaksanakan maksud asal arahan berkenaan¹²⁵.

Kedua, objektif *mukallaf* dalam melaksanakan arahan berkenaan. Antara contohnya ialah apa yang benar-benar menjadi tujuannya dalam melaksanakan arahan

¹²¹ Aḥsan Liḥasānah, *al-Fiqh al-Maqāṣidī 'ind al-Imām al-Shāṭibī wa 'Atharuhu 'alā Mabāḥith 'Uṣūl al-Tashrī' al-Islāmī*, 23.

¹²² Al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī 'Uṣūl al-Sharī'ah*, 145.

¹²³ *Ibid.*, 146.

¹²⁴ *Ibid.*, 150-151.

¹²⁵ Muḥammad 'Aḥmad al-Qayātī Muḥammad, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind al-Imām al-Mālik*, 88.

syariat berkenaan. Misalnya, dalam melakukan perkahwinan, apakah tujuannya untuk mendapat zuriat atau menikmati kecantikan dan keindahan seseorang wanita atau untuk menguasai hartanya atau juga untuk menumpang kedudukan keluarganya atau malah untuk menghalalkan wanita berkenaan berkahwin lagi dengan bekas suaminya selepas bercerai talak tiga¹²⁶.

Berdasarkan huraian di atas jelas bahawa yang lebih utama ialah melaksanakan kehendak *maqāṣid al-aṣliyyah* sesuatu hukum itu. Kemudian barulah disusuli pelaksanaan *maqāṣid al-tabi'iyah* boleh diberi perhatian dalam hierarki keutamaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya *maqāṣid al-tabi'iyah* itu perlu datang dahulu, seperti wuduk bagi solat maka ia perlu dilihat sebagai sebahagian yang tidak terpisah daripada *maqāṣid al-aṣliyyah* itu sendiri. Begitu juga ia perlu berlaku serentak, seperti rukun-rukun dalam solat. Malah kalau pun ia merupakan natijah daripada *maqāṣid al-aṣliyyah* seperti menikmati hubungan suami isteri dalam sesuatu pernikahan. Syaratnya, motif utama dalam melakukan perkahwinan itu ialah untuk mencapai objektif asalnya iaitu mendapat zuriat¹²⁷.

Hal ini tertakluk, jika *maqāṣid al-tabi'iyah* itu lahir berdasarkan kehendak syarak tetapi jika objektif berkenaan lahir dari kehendak *mukallaf* sendiri, misalnya keuntungan dunia daripada ibadat yang dilakukan maka yang boleh diberi perhatian hanyalah terhadap apa-apa yang tidak bertentangan dengan *maqāṣid al-aṣliyyah* sahaja¹²⁸.

¹²⁶ *Ibid.*

¹²⁷ Mahmood Zuhi Abdul Majid et al., *Maqasid al-Syari'ah*, 35.

¹²⁸ *Ibid.*

2.5.4 Maqasid Dari Perspektif Kekuatan Hujah (المقاصد بحسب الأدلة التي تدل عليها)

(وبحسب وضوح تلك الأدلة في تأكيدها)

Pembahagian maqasid ini adalah berdasarkan rujukan dalil dan tahap kejelasan dalil-dalil tersebut dalam menerangkan sesuatu matlamat syarak. Ianya boleh dibahagikan kepada *maqāṣid qaṭ‘ī* dan *maqāṣid zannī*¹²⁹.

2.5.4.1 Maqāṣid al-qaṭ‘iyyah (المقاصد القطعية)

Maqāṣid al-qaṭ‘ī bermaksud *dalālah* (petunjuknya) jelas jika diteliti di dalam setiap bait ayat al-Quran dan intipati hadis, ianya meliputi sebab-sebab dan kemungkinan-kemungkinan (hikmah di sebalik hukum syarak), menjadikan matlamat syarak itu jelas tanpa perlu lagi kepada andaian¹³⁰.

Contoh matlamat syarak yang *qaṭ‘ī* ialah pengulangan ayat al-Quran dalam bentuk penafian (larangan) berulang-ulang terhadap kiasan dan andaian melebihi-lebih tentang maksud *taysīr* (kemudahan) yang dikehendaki oleh Allah SWT¹³¹ dalam firmanNya yang berikut:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ.. ﴿١٨٥﴾

Al-Baqarah 2: 185

Terjemahan: Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...

Maksud ‘kemudahan’ ditegaskan dengan cara mengulangi ayat berikutnya ولا (يريد الله بكم اليسر) selepas ayat (يريد بكم العسر). Allah SWT menjadikan *dalālah* ayat hampir dengan *naṣ*. Penelitian ini menyimpulkan bahawa antara tujuan-tujuan syarak ialah

¹²⁹ Muḥammad Aḥmad al-Qayātī Muḥamad, *Maqāṣid al-Sharī‘ah ‘ind al-Imām al-Mālik*, 90-93.

¹³⁰ *Ibid.*, 90.

¹³¹ Ibn ‘Āṣḥūr, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, 45.

kemudahan, kerana dalil-dalil yang diteliti umum dan berulang. Semuanya bersifat *qaṭ'ī* yang dimuktamadkan oleh penggubal syarak kerana ia daripada al-Quran yang sifat *matannya* (intisarinnya) memang muktamad¹³².

2.5.4.2 Maqāṣid al-ẓanniyyah (المقاصد الظنية)

Maqāṣid al-ẓannī ialah matlamat yang diekstrak daripada proses *istiqrā' nāqis* (penelitian kurang sempurna). Ibnu 'Āshūr berpendapat mencapai *maqāṣid al-ẓannī* lebih mudah melalui penelitian secara tidak menyeluruh terhadap tindakan-tindakan syarak, kerana penelitian seumpama itu memberikan kita pengetahuan tentang *Shāri'* (penggubal syarak) dan semua yang dititik beratkan oleh perundangan syarak¹³³.

Pengklasifikasian kepada *qaṭ'ī* dan *ẓannī* ini penting apabila seseorang pengkaji berhadapan dengan dua dalil yang seolah-olah berlawanan. Pada ketika itu beliau boleh mengambil langkah-langkah sama ada mendahulukan penggunaan dalil *qaṭ'ī*, atau menjadikan dalil *ẓannī* berbentuk umum dan dalil *qaṭ'ī* berbentuk khusus; atau dengan menggunakan jalan penyelesaian lain. Pengklasifikasian ini juga penting untuk membezakan orang-orang yang mengingkarinya secara lisan sama ada ia terkeluar daripada Islam atau tidak. Sekiranya sesuatu dalil itu bertaraf *qaṭ'ī*, mengingkarinya menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada Islam¹³⁴.

¹³² *Ibid.*

¹³³ *Ibid.*

¹³⁴ *Ibid.*, 46.

2.5.5 Maqasid Dari Perspektif *Ḥaqīqah* Dan *I'tibār*

Pembahagian maqasid berdasarkan fakta dan pertimbangan, Ibnu 'Āshūr membahagikannya kepada empat bahagian, iaitu¹³⁵:

2.5.5.1 Maqāṣid al-ḥaqīqah (المقاصد الحقيقية)

Maqāṣid al-ḥaqīqah boleh diterjemah secara mudah sebagai matlamat tersurat, iaitu tampak jelas pada luaran. Ibnu 'Āshūr menjelaskan sebagai hikmah yang jelas tampak dengan sendirinya. Kesesuaian dan penolakannya dengan maslahat mampu dicapai oleh akal sihat, melalui pemerhatian manfaat, kebergunaan dan kemudaratannya secara umum diketahui dan disadari secara adat kebiasaan mahupun undang-undang. Misalnya menyedari perbuatan adil itu berguna, perbuatan menyakiti diri itu memudaratkan¹³⁶.

Akal fikiran mampu mentafsir maqasid jenis ini tanpa terlebih dahulu perlu kepada pengetahuan syarak atau adat, kerana ia terbina atas dasar kesesuaiannya dengan akal yang sihat. Ibnu 'Āshūr mengaitkannya dengan akal yang sihat bagi mengasingkan aplikasi akal tidak waras atau rosak dalam pendefinisian ini, seperti menyukai perbuatan zalim dan mahukan kebinasaan¹³⁷.

2.5.5.2 Maqāṣid al-i'tibār (المقاصد الاعتبار)

Maqāṣid al-i'tibār ialah hikmah yang dirujuk berdasarkan tanggapan, namun masih dalam kerangka menghasilkan maslahat dan menolak kerosakan. Berbeza dengan *maqāṣid al-ḥaqīqah* yang tampak jelas dengan sendiri, hikmah andaian ini adalah

¹³⁵ *Ibid.*, 55.; Aḥsan Liḥasānah, *al-Fiqh al-Maqāṣidī 'ind al-Imām al-Shāṭibī wa 'Atharuhu 'alā Mabāḥith 'Uṣūl al-Tashrī' al-Islāmī*, 20-22.

¹³⁶ Ibn 'Āshūr, Muḥammad Ṭāhir, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islamiyyah*, 55.

¹³⁷ Aḥsan Liḥasānah, *al-Fiqh al-Maqāṣidī 'ind al-Imām al-Shāṭibī wa 'Atharuhu 'alā Mabāḥith Uṣūl al-Tashrī' al-Islāmī*, 21.

rentetan daripada fakta-fakta tertentu yang jelas zatnya, atau ada hubungan dengan perkara-perkara tambahan seperti hubungan kekeluargaan dan ikatan persaudaraan. Contohnya, hikmah di sebalik pengharaman mengahwini saudara susuan dan suruhan melayannya seperti saudara kandung¹³⁸.

Ibnu ‘Āshūr berpendapat seseorang sarjana hukum mestilah benar-benar mengalami tanggapan berkenaan. Jika pada andaian keseluruhannya, dia mendapati bahawa itulah matlamat syarak yang diinginkan Allah SWT, dikategorikannya matlamat itu sebagai permasalahan *furū’* (cabang) yang hampir kepada *uṣūl* (induk). Pada masa yang sama, Ibnu ‘Āshūr menegaskan perlunya seseorang sarjana hukum tidak melangkaui lokasi (asal) matlamat itu. Jika andaiannya lebih kuat mengatakan bahawa itu adalah matlamat syarak yang bersifat mampan, maka ketika ini dia perlu membuktikan asalnya (matlamat itu) dan melangkaui lokasi (asal), seperti pertimbangan mensyaratkan lelaki menjadi pemimpin dan *qāḍī* berdasarkan *urf* (kebiasaan) umum yang berterusan di dunia ketika itu, dengan tidak melantik wanita untuk jawatan-jawatan berkenaan¹³⁹.

2.5.5.3 Maqāsid al-‘urfiyah al-‘āmmah (المقاصد العرفية العامة)

Merujuk kepada pengalaman yang dilalui sendiri oleh masyarakat awam. Ia muncul dari pengalaman dan disesuaikan demi kebaikan masyarakat umum¹⁴⁰. Maqasid jenis ini dibina berasaskan pengalaman, selain penemuan terhadap kesesuaian matlamat ini

¹³⁸ Ibn ‘Āshūr, Muḥammad Ṭāhir, *Maqāsid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, 57.

¹³⁹ Aḥsan Liḥasānah, *al-Fiqh al-Maqāsidī ‘ind al-Imām al-Shāṭibī wa ‘Atharuhu ‘alā Mabāḥith Uṣūl al-Tashrī‘ al-Islāmī*, 21.

¹⁴⁰ Ibn ‘Āshūr, Muḥammad Ṭāhir, *Maqāsid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, 56.

dengan kemaslahatan awam. Contohnya, mengetahui sikap berbuat baik adalah satu perbuatan yang perlu diamalkan dalam hidup bermasyarakat¹⁴¹.

2.5.5.4 Maqāṣid al-‘urfiyah al-khāṣṣah (المقاصد العرفية الخاصة)

Maqāṣid al-‘urfiyah al-khāṣṣah merujuk kepada pengalaman yang dilalui sendiri oleh masyarakat awam. Ia muncul daripada pengalaman dan disesuaikan demi kebaikan masyarakat umum. Tetapi, kebiasaan tersebut tidak bersifat eksklusif. Ia dipertimbangkan sebagai maqāṣid kerana mengandungi manfaat dan maslahat. Contohnya, syarat yang ditetapkan untuk melantik seorang khalifah hendaklah berbangsa Quraish¹⁴².

Kesemua maqāṣid yang berbeza jenis ini, tidak sama dengan maqāṣid yang bersifat *waham* (persepsi, bayangan atau andaian) iaitu tiada neraca dan pertimbangan yang boleh digunakan untuk mengaplikasikannya ke dalam syariat. Konsep *waham* ialah andaian yang dibayangkan sendiri tanpa adanya asal nyata yang boleh dirujuk. Contohnya seperti reaksi semulajadi manusia terhadap mayat; menjauhkan diri lantaran perasaan takut yang muncul selepas menyaksikan sekujur mayat ketika bersendirian¹⁴³. Ini adalah ilusi dan kecelaruan minda. Minda merangsang perbuatan, mewujudkannya atau menciptanya, kemudian sedar dan bertindak berdasarkan bayangan tersebut¹⁴⁴.

Takhayyul (khayalan) juga termasuk dalam konsep *waham* iaitu idea yang tercipta akibat suka berkhayal dan membuat andaian. Minda dikuasai oleh imaginasi berupa beberapa makna tidak logik tersimpan di dalam kotak memori¹⁴⁵. Maqāṣid

¹⁴¹ Aḥsan Liḥasānah, *al-Fiqh al-Maqāṣidī ‘ind al-Imām al-Shāṭibī wa ‘Atharuhu ‘alā Mabāḥith Uṣūl al-Tashrī‘ al-Islāmī*, 21.

¹⁴² Ibn ‘Āṣḥūr, Muḥammad Ṭāhir, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, 57-58.

¹⁴³ *Ibid.*, 58.

¹⁴⁴ Aḥsan Liḥasānah, *al-Fiqh al-Maqāṣidī ‘ind al-Imām al-Shāṭibī wa ‘Atharuhu ‘alā Mabāḥith Uṣūl al-Tashrī‘ al-Islāmī*, 22.

¹⁴⁵ Ibn ‘Āṣḥūr, Muḥammad Ṭāhir, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, 58.

sebegini tidak boleh dianggap sebagai maqasid syariah kerana syariat tidak mengambil kira imaginasi dan khayalan¹⁴⁶.

Ibnu ‘Āshūr juga berpendapat bahawa perkara-perkara imaginasi ini, walaupun tidak boleh dijadikan matlamat syarak dalam perundangan, ia boleh dijadikan mekanisme merealisasikan sebahagian matlamat syarak. Seperti dalam medium dakwah dengan menggunakan kaedah *tarhīb* (membayangkan yang hebat-hebat) dan *targhīb* (membayangkan yang indah-indah) dengan tujuan menarik minat *mad’u* (orang yang didakwah)¹⁴⁷. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَنُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا ... ﴿١٢﴾

Al-Hujurāt 49: 12

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati...

Tetapi, dalam hal ini seseorang sarjana hukum dituntut melakukan pembezaan antara dua tahap berkenaan dan tidak terlibat dalam menjadikan hukum-hakam fiqh sebagai permasalahan *furū’* atas dasar *waham*, seperti menghukumkan terbatal puasa jika mengumpat kerana (kononnya) telah memakan daging saudaranya¹⁴⁸.

¹⁴⁶ Aḥsan Liḥasānah, *al-Fiqh al-Maqāṣidī ‘ind al-Imām al-Shāḥibī wa ‘Atharuhu ‘alā Mabāḥith Uṣūl al-Tashrī‘ al-Islāmī*, 22.

¹⁴⁷ Ibn ‘Āshūr, Muḥammad Ṭāhir, *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islamiyyah*, 60.

¹⁴⁸ *Ibid.*, 60.

2.5.6 Maqasid Dari Perspektif Perkaitan Dengan Kolektif Atau Individu (المقاصد

(باعتبار تعلقها بعموم الأمة وأفرادها

Maqasid syariah yang ditinjau dari perspektif kaitannya dengan kesejagatan ummah dan individu terbahagi kepada dua, iaitu ¹⁴⁹:

2.5.6.1 Maqāṣid al-kulliyah (المقاصد الكلية)

Maqāṣid al-kulliyah merujuk kepada pencapaian kebaikan ummah sejagat, atau sebahagian masyarakat atau kawasan. Pencapaian kebaikan untuk ummah sejagat menjurus kepada perkara-perkara besar seperti melindungi umat Islam dan mempertahankannya daripada musuh luar dan dalam negara, memelihara masyarakat daripada berpecah belah, melindungi Mekah dan Madinah, menjaga al-Quran daripada pupus dan lenyap sama sekali atau memelihara *mushaf* daripada sebarang anasir pengubahsuaian atau pemalsuan, memastikan kesinambungan generasi penghafaz al-Quran, selain penghafaz hadis bagi mengelakkan percampuran hadis-hadis *mawḍū'* lagi palsu tentang kerasulan Nabi Muhammad SAW yang boleh menimbulkan kekacauan dalam kalangan umat Islam dan semua yang berkaitan dengannya¹⁵⁰.

2.5.6.2 Maqāṣid al-juz'iyah atau al-ba'diyyah atau al-fardiyyah (المقاصد الجزئية أو

(البعضية أو الفردية)

Maqāṣid al-juz'iyah ialah sesuatu perkara yang matlamatnya demi kemaslahatan sebahagian masyarakat atau individu. Contoh *maqāṣid al-juz'iyah* adalah manfaat jual

¹⁴⁹ Al-Jundī, Sāmih 'Abd al-Wahab, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah*, 164-165.; Al-Khādimī, *al-Ijtihad al-Maqāṣidī Hujjiyatuh, Dawābituh, Majalatuh*, 40-41.; Ibn 'Āshūr, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islamiyyah*, 96-97.

¹⁵⁰ *Ibid.*, 96.

beli, perkahwinan dan talak atau perceraian¹⁵¹.

2.5.6.3 Maqāṣid al-aghlabiyyah¹⁵² (مقاصد أغلبية)

Maqāṣid al-aghlabiyyah bermaksud matlamat yang berkait dengan menjaga kemaslahatan majoriti dan menolak kerosakan daripada berlaku kepada umat manusia. Misalnya, pelaksanaan perbankan Islam demi menjaga harta ummah, pembinaan hospital, klinik, pusat-pusat perubatan, universiti, sekolah dan lain-lain yang menjurus kepada pemeliharaan majoriti masyarakat¹⁵³.

2.5.7 Maqasid Dari Perspektif Keadaan (المقاصد باعتبار الزمن)

Pembahagian maqasid dari perspektif keadaan terbahagi kepada dua¹⁵⁴, iaitu:

2.5.7.1 Maqāṣid al-dunyawiah (المقاصد الدنيوية)

Maqasid ini bertujuan mewujudkan kebaikan dan menolak keburukan untuk manusia semasa kehidupan di atas dunia. Contohnya, kepercayaan kepada rukun iman dan kepatuhan kepada rukun Islam adalah untuk kebaikan kehidupan manusia di dunia. Begitu juga penegakan hukum Allah iaitu hudud, qisas dan ta'zir untuk menolak keburukan dan menjadikan kehidupan manusia lebih baik¹⁵⁵.

¹⁵¹ Al-Khādīmī, *al-Ijtihad al-Maqāṣidi Hujjīyatuh, Dawabituh, Majalatuh*, 41.

¹⁵² *Maqāṣid* ini adalah tambahan pembahagian yang ketiga sebagaimana yang dilakukan oleh Imām al-Ghazālī. Lihat Al-Jundī, Sāmih 'Abd al-Wahab, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind Ibn al-Qayyim al-Jawziyah*, 165.

¹⁵³ *Ibid.*

¹⁵⁴ Muḥammad Bakr Ismā'īl Ḥabīb, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Ta'silā wa Taf'ilā*, 211-212.

¹⁵⁵ *Ibid.*

2.5.7.2 Maqāṣid al-ukhrawiah (المقاصد أخروية)

Maqasid ini menghasilkan kebaikan pahala dan menjauhkan seksaan neraka di hari akhirat kelak. Bahkan Allah SWT menggalakkan para hambaNya memperbanyakkan amalan untuk mencapai kebaikan di hari akhirat. Al-'Izz bin 'Abd al-Salam menyebut bahawa matlamat yang bersifat balasan di akhirat sama ada berupa kebaikan atau keburukan tidak akan diketahui kecuali melalui *naqal* iaitu *naṣ* dari al-Quran dan hadis. Kemaslahatan akhirat bersifat abadi kerana balasan akhirat berupa syurga yang kekal dan keredaan Allah SWT melalui peluang melihat 'wajah'Nya. Manusia yang cerdik akan lebih mengutamakan maslahat akhirat yang kekal berbanding maslahat dunia yang sementara kerana mereka sendiri tahu membezakan kedua-duanya¹⁵⁶.

2.6 KAEDAH MENGENALI MAQASID SYARIAH (طرق اثبات المقاصد الشرعية)

Penentuan sesuatu itu adalah maqasid syariah seperti yang dikehendaki oleh penggubal syariat iaitu Allah SWT bukanlah satu perkara yang mudah. Justeru itu, sarjana hukum Islam telah menggariskan beberapa kaedah untuk mengenali maqasid syariah¹⁵⁷, iaitu:

2.6.1 Penelitian Secara Komprehensif (الاستقراء)

Penelitian secara komprehensif melibatkan kaedah penelitian secara deduktif terhadap dalil-dalil yang *menthabit*kan maqasid syariah. Penelitian ini boleh berlaku dalam dua keadaan sama ada penelitian terhadap semua dalil yang ada ataupun sebahagian daripada dalil. Penelitian terhadap semua dalil sudah tentu akan menghasilkan natijah yang *qat'ī* manakala penelitian terhadap sebahagian dalil pula akan menghasilkan

¹⁵⁶ *Ibid.*

¹⁵⁷ Muḥammad 'Aḥmad al-Qayātī Muḥammad, *Maqāṣid al-Sharī'ah 'ind al-Imām al-Mālik*, 114.

natijah yang *zannī*. Kaedah kedua ini lebih popular digunakan oleh sarjana hukum Islam. Kesahihan kaedah ini terletak pada hakikat bahawa ia boleh memberi maklumat secara terperinci¹⁵⁸.

2.6.2 Penelitian Terhadap *'Illah Al-Ḥukm*

Kaedah ini merupakan penelitian terhadap *'illah* hukum-hakam syarak. Kaedah ini tertumpu kepada usaha untuk mengkaji rahsia di sebalik setiap hukum atau lebih dikenali sebagai *masālik al-'illah* di dalam ilmu *uṣūl al-fiqh*. Terdapat pelbagai kaedah untuk menentukan *'illah* sesuatu hukum, antaranya ialah *ijmā'* ulama terhadap sesuatu *'illah*, *naṣ* al-Quran, isyarat, kemunasabahan, memerhatikan keserupaan antara hukum dan sebagainya¹⁵⁹.

2.6.3 Penelitian Terhadap Suruhan Dan Larangan Allah SWT

Kaedah ini berasaskan penelitian secara deduktif terhadap pemahaman wujudnya maqasid syariah tertentu di sebalik suruhan dan larangan yang ditentukan oleh Allah SWT. Maqasid syariah di sebalik suruhan ialah melakukan perkara tersebut, sementara maqasid syariah di sebalik larangan ialah meninggalkan perkara yang dilarang tersebut¹⁶⁰.

¹⁵⁸ *Ibid.*, 114-115.

¹⁵⁹ Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 308.

¹⁶⁰ Al-Khādīmī, *Ilm al-Maqāṣid al-Shar'īyyah*, 67-68.

2.7 MAQASID SYARIAH DALAM PENSYARIATAN ZAKAT

Dalam menjelaskan maqasid pensyariatan zakat, pengkaji meletakkan penggunaan perkataan hikmah adalah sama sebagaimana istilah maqasid syariah. Hal ini dapat dilihat dalam penjelasan ulama fiqh dan ulama *uṣul* yang telah mengungkapkan maksud maqasid dengan *al-hikmah*¹⁶¹. Contoh ungkapan yang biasa digunakan bagi merujuk penggunaan makna yang sama ialah ‘ini maqasidnya adalah sekian atau ‘ini hikmahnya adalah sekian’. Jelas bahawa dalam contoh tersebut tidak ada perbezaan antara kedua-dua penggunaan perkataan tersebut. Para ulama fiqh juga banyak menggunakan perkataan hikmah berbanding penggunaan perkataan maqasid¹⁶². Justeru itu, penggunaan perkataan hikmah sebenarnya merujuk kepada maqasid syariah.

Perbahasan ini dikuatkan dengan pandangan Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān iaitu pengistilahan maqasid dan hikmah disisi ulama fiqh dan selain mereka adalah sama tanpa ada sebarang perbezaan (*tatābuq*):

على أن جمهور الفقهاء كانوا يذهبون في اجتهاداتهم إلى أن ما شرعه الله من أحكام، لم يشرعه الله إلا لمصلحة جلب منفعة لهم، أو دفع مضرة عنهم، فلهذا كانت تلك المصلحة هي الغاية المقصودة من التشريع، وتسمى حكمة. ثم قال: (أما حكمة الحكم)، فهي الباعث على تشريعه، والمصلحة التي قصدتها الشارع من شرعه الحكم.

Terjemahan: Majoriti fuqaha berpendapat pada ijtihad mereka bahawa apa yang telah disyariatkan Allah SWT daripada segala hukum, tidaklah Allah SWT mensyariatkan melainkan untuk mencapai *maṣlahah* atau menolak kemudaratan. Oleh itu masalah merupakan tujuan pelaksanaan syariat dan ia dinamakan juga sebagai hikmah. *Hikmah al-hukm* ialah merupakan motif pensyariatan dan *maṣlahah* yang telah ditunjukkan oleh Allah SWT bagi syariat yang dihukumi¹⁶³.

¹⁶¹ Al-Amidī, Sayf al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad, *al-Iḥkam fī ‘Uṣūl al-Aḥkām* (t.tp.: Muassasah al-Nūr, 1388H), 3: 202.

¹⁶² Al-Raysūnī, *Nazariyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām al-Shāṭibī*, 9.

¹⁶³ Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān. Adillah al-Tashrī‘ al-Muta‘aridah wa Wujuh al-Tarjih Baynaha, 242-243.

Tanggapan segelintir masyarakat bahawa setiap hukum-hakam yang dikategorikan sebagai ibadah tidak boleh difikirkan hikmah dan rahsianya adalah kurang tepat jika dinilai melalui kajian dan penelitian yang lebih kritis dan mendalam. Berdasarkan pelbagai ayat al-Quran dan hadis boleh diperhatikan objektif ibadah yang tersirat di sebaliknya. Jelas bahawa ajaran Islam bukanlah hanya sekadar bersifat *ta'abbud*¹⁶⁴ semata-mata sehingga tidak boleh difikirkan objektifnya¹⁶⁵.

Pensyariatian zakat sangat unik berbanding dengan ibadah-ibadah yang lain, ini kerana ia menggabungkan antara dua tanggungjawab iaitu terhadap Allah (*ḥaq Allah*) serta tanggungjawab terhadap manusia (*ḥaq al-'abd*). Oleh itu, objektif pensyariatannya juga terbahagi kepada dua sama ada memberi erti mendekatkan diri kepada Allah SWT (*al-taqarrub*) berdasarkan ibadah semata-mata (*ibādah maḥḍah*) yang bersifat *ta'abbud*, atau juga bermaksud memenuhi kehendak fakir miskin atau lebih dikenali sebagai *ibādah māliyah* yang lebih bersifat *mu'allal*¹⁶⁶.

Perintah melaksanakan ibadah zakat mengandungi pelbagai rahsia dan objektif syarak di dalamnya bagi memastikan *maṣlaḥah* dijaga dan menolak *mafsadah* daripada menimpa kehidupan manusia. Kepentingan memastikan maqasid pensyariatian zakat dipenuhi dan dicapai adalah suatu perkara yang sangat penting bagi menjamin keberkesanan sistem zakat dalam sesebuah negara.

Menurut Abdul Monir Yaacob, maqasid pensyariatian zakat terdapat dalam setiap aktiviti kutipan dan agihan zakat. Mengeluarkan zakat dan mengagihkan adalah tuntutan agama dan pelaksanaannya adalah bertujuan memelihara agama. Memelihara agama adalah suatu kewajipan yang telah disyaratkan. Pengagihan kepada golongan yang ditentukan oleh syarak mempunyai *maṣlaḥah* kepada negara dan pihak-pihak yang

¹⁶⁴ *Ta'abbud* bermaksud pengabdian kepada Allah semata-mata tanpa melihat kepada hikmah yang terkandung di sebaliknya. Manakala *ta'līl* pula bermaksud memahami segala yang tersirat daripada perintah Allah.

¹⁶⁵ Raysūnī, *Madkhal ilā Maqāṣid al-Sharī'ah*, 29-30.

¹⁶⁶ Raysūnī, *Naẓariyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām al-Shāḥibī*, 181-186.

ditentukan. Pengabaian daripada melaksanakan adalah suatu pelanggaran hukum Allah yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan hadis¹⁶⁷. Begitu juga kutipan zakat yang dikenakan kepada golongan dan harta tertentu juga mempunyai *maṣlahah* untuk kebaikan semua pihak.

Terdapat pelbagai lagi maqasid di sebalik pelaksanaan ibadah zakat yang telah diwajibkan ke atas umat Islam. Maqasid zakat boleh dilihat dari pelbagai perspektif antaranya ialah dalam konteks agama, pembayar zakat, penerima zakat, pembangunan negara, ekonomi dan sosial.

2.7.1 Maqasid Zakat Dalam Konteks Agama

Dalam konteks agama, maqasid ibadah zakat dilihat berperanan membentuk kepatuhan dan ketaatan manusia kepada Allah SWT supaya menjadi hamba yang beriman dan bertakwa. Selain itu, ia dapat melahirkan manusia yang bersyukur dengan nikmat pemberian Allah SWT dan dapat membersihkan diri dari dosa.

2.7.1.1 Bukti kepatuhan dan ketaatan kepada perintah Allah SWT

Harta kekayaan sangat bermakna kepada manusia jika dimanfaatkan ke jalan yang dituntut oleh Islam. Sekiranya harta dibelanjakan ke jalan yang bermanfaat, maka pastinya aset berkenaan akan menjadi penjamin untuk masuk ke dalam syurga kelak. Oleh itu, jika ibadah zakat dilaksanakan dengan penuh keinsafan dan ruh Islam, maka pasti mendapat keberkatan dan keredaan dari Allah SWT. Sebaliknya, jika ingkar mengeluarkan zakat sedangkan mengetahui kewajipan dan kepentingannya, maka

¹⁶⁷ Abdul Monir Yaacob, "Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat" dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001), 4-5.

balasan Allah menanti di kemudian hari¹⁶⁸ sebagaimana firman Allah SWT dalam surah ali-'Imrān:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ
سَيُطَوَّقُونَ مَا مَخَّلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ...

Ali-'Imrān 3: 180

Terjemahan: Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya - menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka, bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak...

Imām al-Ghazzālī berpandangan objektif utama pensyariatkan zakat adalah untuk membuktikan sepenuhnya kepatuhan, ketaatan, pengabdian diri dan keimanan kepada Allah SWT¹⁶⁹. Hakikatnya segala harta adalah hak milik mutlak Allah SWT. Manusia hanyalah sebagai khalifah yang diamanahkan untuk mengurus dan mentadbir harta disekeliling ini dengan sebaiknya.

Sebagai bukti menyatakan kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT maka manusia diuji dengan kewajipan berzakat iaitu dengan mengeluarkan kadar tertentu daripada harta yang disayangi yang dikurniakan kepada hambaNya¹⁷⁰.

Terdapat pelbagai *naş* al-Quran dan hadis yang menuntut pelaksanaan kewajipan zakat bagi membuktikan pengabdian diri kepada Allah SWT dengan menuruti perintahNya¹⁷¹. Antara firman Allah SWT tersebut ialah:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّكْعِينَ

¹⁶⁸ Hisham Sabri dan Zulkifli Hasan, "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan" (Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kuantan, 8-9 Ogos 2006).

¹⁶⁹ Al-Ghazzālī, 'Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Semarang: Karya Toha Putera), 214

¹⁷⁰ 'Abdullah bin Mansūr al-Ghafilī, *Nawāzil al-Zakāh Dirāsah Fiqhiyyah Ta'siliyyah li Mustajiddat al-Zakāt* (Riyād: Dār al-Mayman, 2008), 48.; Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, (terj.) Radiah Abdul Kader (Kuala Lumpur: A.S. Nordeen, 2007), 208

¹⁷¹ *Ibid.*

Terjemahan: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.

Dalam ayat di atas, Allah SWT menjelaskan perbuatan menunaikan zakat adalah antara sifat orang mukmin yang taat dan patuh pada perintah yang telah ditetapkan.

Firman Allah SWT lagi:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَتَخَشَّ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ ۖ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Al-Taubah 9: 18

Terjemahan: Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

Berdasarkan ayat di atas, seseorang mukmin menghambakan diri kepada Allah SWT dengan menjalankan perintahNya melalui pelaksanaan kewajipan zakat sesuai dengan kadar yang telah ditetapkan syarak dan membelanjakannya juga pada jalan yang dibenarkan syarak.

Zakat bukanlah suatu cukai harta, tetapi sebagai lambang ketaatan dan ibadah mendekatkan diri kepada Allah SWT. Seorang hamba yang beriman menunaikan zakat demi meraih pahala dan balasan berganda dari Allah SWT¹⁷². Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ
أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾

Al-Baqarah 2: 277

¹⁷² *Ibid.*, 49.

Terjemahan: Sesungguhnya orang beriman dan beramal soleh yang mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.

Firman Allah SWT lagi:

لَكِنَّ الرَّاْسِخُوْنَ فِي الْعِلْمِ مِنْهُمْ وَالْمُؤْمِنُونَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ
وَالْمُقِيمِينَ الصَّلَاةَ وَالْمُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالْمُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أُولَئِكَ

سُنُّونَهُمْ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١٦٢﴾

Al-Nisā' 4: 162

Terjemahan: Tetapi orang yang teguh serta mendalam ilmu pengetahuannya di antara mereka dan orang yang beriman, sekaliannya beriman dengan apa yang telah diturunkan kepadamu (Al-Quran), dan kepada apa yang telah diturunkan dahulu daripadamu, khususnya orang yang mendirikan sembahyang, dan orang yang menunaikan zakat, serta yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; mereka itulah yang Kami akan berikan kepadanya pahala (balasan) yang amat besar.

2.7.1.2 Menzahirkan rasa bersyukur

Zakat juga melambangkan manifetasi menyatakan kesyukuran hamba kepada khāliqnya atas nikmat harta yang dikurniakan. Oleh itu Allah SWT telah menjanjikan akan menyuburkan harta dan menambah nikmat bagi orang yang bersyukur sebagaimana firmanNya:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Ibrāhīm 14: 7

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras.

Kefahaman ayat di atas menunjukkan, mensyukuri nikmat merupakan kewajiban ke atas seorang Muslim. Sifat syukur menjamin kesinambungan dan pertambahan

nikmat itu sendiri. Menunaikan zakat merupakan pengakuan hamba terhadap sifat pemurah Allah SWT, mensyukuri nikmat yang diberikanNya dan menggunakannya pada jalan ketaatan dan keredhaanNya.

2.7.1.3 Membersihkan diri dari dosa

Melalui ibadah zakat juga ia dapat membersihkan diri seseorang daripada dosa sebagaimana yang telah dinyatakan dalam firman Allah SWT:

حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةٌ تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

At-Taubah 9: 103

Terjemahan: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Menurut Imām al-Nawāwī, ayat di atas adalah berkaitan dengan hikmah pembersihan dari dosa-dosa. Terdapat juga hadis yang menegaskan makna berkenaan, sebagaimana dalam riwayat Muaz bin Jabal r.a, sabda baginda SAW:

وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ

Terjemahan: Sedekah itu memadamkan kesalahan sebagaimana air memadamkan api.¹⁷³

Demikianlah *naş* yang dinyatakan di atas menunjukkan objektif syarak di sebalik kewajipan berzakat. Tujuan dan hikmah itu terangkum dalam dua perkataan iaitu (تطهرهم وتزكئهم) yang bermaksud, “dengan zakat itu Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk)”.

¹⁷³ At-Tarmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā At-Tarmidhī, “At-Tarmidhī” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1706 (Kitāb Az-Zakāh, Bāb Mā Zukira fī Faḍli As-Ṣolāt, no. hadith 614).

2.7.2 Maqasid Zakat Dalam Konteks Pembayar Zakat

Berzakat merupakan perbuatan mengeluarkan harta yang dimiliki dengan menyerahkan kepada asnaf yang berhak untuk menerima harta tersebut. Terdapat pelbagai objektif yang hendak dicapai oleh syarak dalam konteks pembayar zakat.

2.7.2.1 Menghilangkan sifat bakhil dan kedekut

Melalui berzakat dapat memupuk jiwa menjadi pemurah, melatih diri menunaikan amanah dan menyampaikan hak-hak kepada pemiliknya¹⁷⁴. Hal ini secara tidak langsung dapat menghiasi akhlak dengan sifat dermawan dan pemurah selain membuang sifat kikir dan kedekut, kerana sifat semulajadi manusia memang sangat sayangkan harta benda¹⁷⁵. Firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

At-Taubah 9: 103

Terjemahan: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Kedekut merupakan penyakit yang dibenci dan tercela. Sifat ini menjadikan manusia selalu ingin memiliki, ego, cinta dunia dan suka mengumpulkan harta. Sifat ini

¹⁷⁴ K.H.Sjechul Hadi Permono, *Sumber-sumber Penggalan Zakat* (Jakarta: Pustaka Firdaus, 1993), 34

¹⁷⁵ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 33.

akan mencambahkan sikap mahu memonopoli semua manfaat. Tentang hakikat ini, Allah SWT berfirman:

وَكَانَ الْإِنْسَانُ قَتُورًا ۝

Al-Isrā' 17: 100

Terjemahan: Adalah manusia itu bertabiat bakhil kedekut.

Firman Allah lagi:

وَأَحْضَرْتِ الْأَنْفُسُ الشُّحَّ ۝

Al-Nisā' 4: 128

Terjemahan: Sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia.

Sifat kedekut merupakan faktor terbesar yang menyebabkan manusia sangat bergantung kepada urusan dunia dan berpaling dari akhirat. Sifat ini menjadi penyebab kesengsaraan. Nabi SAW bersabda:

تَعِسَ عَبْدُ الدِّينَارِ وَالذَّرْهَمِ وَالقَطِيفَةِ وَالْحَمِصَةِ إِنْ أُعْطِيَ رَضِيَ وَإِنْ لَمْ يُعْطَ لَمْ يَرْضَ

Terjemahan: Celakalah hamba dinar, hamba dirham dan hamba perut. Jika diberi dia senang, tetapi jika tidak diberi dia marah. Celakalah dia dan tersungkurlah. Apabila terkena duri semoga tidak dapat mencabutnya¹⁷⁶.

Cinta kepada dunia dan harta dengan cara yang salah boleh membawa kepada perlakuan maksiat dan dosa. Sekiranya seseorang terselamat dari fitnah kedua-duanya dan terhindar dari sifat kedekut, maka kejayaan pasti dinikmati. Sebagaimana firman

Allah SWT:

¹⁷⁶ Al- Bukhārī, Abū Abdullah Muḥammad bin Ismā'il Al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ Bukhārī" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 540 (Kitāb ar-Raqāq, Bāb Mā Yuttaqī Min Fitnati Al-Māl, no. hadith 6435).; Al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ Bukhārī" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 232 (Kitāb al-Jihād, Bāb al-Hirāsah fī al-Ghazwi fī Sabilillāh, no. hadith 2886).

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْأَيْمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَمِثْلَهُمْ تُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا تَجِدُونَ فِي
 صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ
 يُوقِ شَحْنَفِيسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

Al-Hashr 59: 9

Terjemahan: Orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.

Mengenai orang-orang yang kedekut dan bakhil, Allah SWT berfirman:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمْ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ
 سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخُلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا
 تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١٨٠﴾

Al-‘Imrān 3: 180

Terjemahan: Jangan sekali-kali orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya - menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan.

Oleh itu, zakat dikenakan kepada orang kaya adalah dengan tujuan sebagai latihan mendidik hati nuraninya. Dengan amalan memberi melalui zakat, sedikit demi sedikit hatinya akan terlepas dari belenggu kekayaan, dan hilang sikap tamak serta bakhil dalam dirinya. Dengan demikian, lahirlah sikap baru iaitu sebagai seorang yang bersifat pemurah, tidak bakhil. Pelaksanaan zakat akan melahirkan individu Muslim yang bebas tetapi bertanggungjawab dalam masyarakatnya di mana mereka bebas untuk

mencari kekayaan, tetapi tidak lupa tanggungjawabnya terhadap golongan yang kurang bermampuan.

2.7.2.2 Membersihkan harta pembayar zakat dari kekotoran

Harta yang dimiliki dianggap kotor kerana dalam usaha mencari kekayaan, kadang-kala secara tidak sengaja berlaku pencerobohan terhadap orang lain. Keadaan tersebut boleh menyebabkan harta yang dikumpul itu dicemari oleh hak orang lain. Oleh itu, Allah telah menggariskan kaedah bagi membersihkan pencemaran dan kekotoran tersebut dengan mengeluarkan zakat. Zakat bertujuan untuk membersihkan harta, kerana harta kekayaan seseorang itu bukan haknya seorang, tetapi ada mengandungi hak orang lain iaitu golongan miskin seperti yang tersebut dalam surah az-Dharyāt ayat 19:

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

Az-Dharyāt 51: 19

Terjemahan: Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

Malah jika tiada berlaku pencerobohan sekalipun, hak orang yang berhajat tetap ada pada harta berkenaan atas dasar jaminan sosial yang ditetapkan oleh Islam. Kaedah bagi membersihkan harta berkenaan juga adalah dengan menunaikan zakat. Jelas bahawa, kekotoran dan pencemaran tersebut tidak akan bersih kecuali dengan penunaian hak-hak orang lain¹⁷⁷.

Justeru itu, Nabi SAW melarang pemberian zakat kepada ahli keluarganya kerana harta zakat menurut baginda adalah kotoran manusia. Maka dengan berzakat kekotoran berkenaan disucikan. Sabda Nabi SAW:

¹⁷⁷ Wawan Shofwan Shalehuddin, *Risalah Zakat, Infak dan Sedekah* (Bandung: Tafakur, 2011), 16.

إِنَّ الصَّدَقَةَ لَا تَنْبَغِي لِإِلِّ مُحَمَّدٍ إِنَّمَا هِيَ أَوْسَاحُ النَّاسِ

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah (zakat) tidak dihalalkan bagiku (Nabi Muhammad SAW) dan keluarga kerana sesungguhnya zakat itu adalah kotoran manusia¹⁷⁸.

Jābir Ibn Samrah dan ‘Abdullah Ibn ‘Umar juga pernah menegaskan bahawa seseorang yang telah menunaikan zakat kekayaan bermakna mereka telah membersihkan diri dan harta mereka.¹⁷⁹

2.7.2.3 Menyubur dan menambahkan keberkatan harta

Zakat menambahkan kuantiti harta dan menjadikan kehidupan bertambah berkat. Sebagaimana sedia maklum, antara maksud zakat dalam bahasa Arab ialah pertumbuhan. Walaupun pada zahirnya, harta berkenaan akan mengalami kekurangan akibat daripada pengeluaran zakat namun pada hakikatnya, ia akan mempertingkatkan kegiatan ekonomi masyarakat dan mungkin juga akan memberi pulangan yang lebih kepada diri pengeluar zakat itu sendiri¹⁸⁰.

Syariat telah menyokong makna “pertumbuhan” ini dengan membawa kepada kewajiban berzakat. Firman Allah SWT:

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

Al-Baqarah 2: 276

Terjemahan: Allah memusnahkan riba dan menyuburkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya, Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran, dan selalu melakukan dosa.

¹⁷⁸ Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 848-849 (Kitāb al-Zakāh, Bāb Tark Isti‘māl Ali al-Nabīyi ‘alā al-Ṣādāqāh, no. hadith 1072).

¹⁷⁹ Mujaini Tarimin, “Zakat Penggajian Pendapatan: Satu Penilaian Dari Sudut Hukum dan Amalan di Malaysia,” 11.; Ibn Abī Shaybah, 353.; Abū Ubayd, 147.

¹⁸⁰ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 41.

Ayat di atas bermaksud memperbanyakkan dan menumbuhkan harta hasil dari perbuatan bersedekah dan berzakat. Firman Allah SWT lagi:

﴿ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ مُخْلَفٌ وَهُوَ خَيْرُ الرَّزِقِينَ ﴾

Al-Sabā' 34: 39

Terjemahan: Segala yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya dan Dia sebaik-baik pemberi rezeki.

Ayat di atas menunjukkan Allah SWT menggantikannya dengan kurniaan lain di dunia, membalasnya dengan pahala di akhirat.

Sabda Nabi SAW:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا : اللَّهُمَّ! أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا
وَيَقُولُ الْآخَرُ : اللَّهُمَّ! أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا

Terjemahan: Tidak ada satu hari di mana manusia berpagi-pagi kecuali ada dua malaikat turun, salah satu dari keduanya berkata, “Ya Allah berikanlah pengganti kepada orang yang berinfaq.” Manakala yang satu lagi berkata, “Ya Allah berikanlah kebinasaan kepada orang yang menahan dan membinasa¹⁸¹.

Sabda Nabi SAW lagi:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا وَمَا تَوَاضَعُ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ

Terjemahan: Sedekah tidak mengurangkan harta¹⁸².

Ini menunjukkan bahawa Allah telah memberi jaminan kepada orang yang mengeluarkan zakat bahawa harta mereka tidak akan berkurang malah makin bertambah dan berkembang melalui keberkatan berzakat.

¹⁸¹ Al-Bukhārī, Abū ‘Abdullah Muḥammad bin Ismā‘īl Al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ Bukhārī,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 113 (Kitāb al-Zakāh, Bāb Qawl Allāh Ta‘alā Faammā man A‘tā wa al-Taqā, no. hadith 1442).; Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 837 (Kitāb al-Zakāh, Bāb fī al-Munfiq wa al-Mumsik, no. hadith 1010).

¹⁸² Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1130 (Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb al-Istiḥbāb al-‘Afwi wa al-Tawādu‘, no. hadith 2588).

2.7.3 Maqasid Zakat Dalam Konteks Penerima Zakat

Objektif zakat dalam konteks agihan zakat berbeza-beza mengikut golongan penerima zakat sebagaimana yang telah ditentukan oleh *naş* sebanyak lapan asnaf.

2.7.3.1 Membersihkan hati dari sifat cemburu, dengki dan iri hati

Orang miskin dan fakir yang melihat orang di sekelilingnya hidup senang dengan harta melimpah sedangkan dirinya diselubungi derita kemiskinan, berkemungkinan menjadi penyebab timbulnya rasa dendam, cemburu, dengki, permusuhan dan kebencian dalam hati mereka terhadap orang kaya. Sekiranya dibiarkan sifat negatif ini pasti akan menjadi barah dalam masyarakat. Senario ini pastinya menjejaskan hubungan sesama Muslim, malah berpotensi memutuskan tali persaudaraan dan menyemarakkan kebencian¹⁸³.

Cemburu, dengki dan kebencian adalah penyakit berbahaya yang mengancam masyarakat dan menjejaskan strukturnya. Islam sedaya upaya cuba mengatasi hal ini dengan menjelaskan risiko penyakit berkenaan, dalam masa yang sama mensyariatkan kewajipan zakat. Ini adalah metode praktikal dan efektif dalam mengatasi penyakit-penyakit tersebut, selain menyebarkan rasa kasih sayang dan harmoni di kalangan masyarakat Muslim¹⁸⁴.

¹⁸³ Zulkifli Mohamad al-Bakri, *Aḥkām wa Fatāwā al-Zakāh* (Selangor: Darul Syakir Enterprise, 2010), 17.

¹⁸⁴ Shofian Ahmad et al., *Zakat Membangun Ummah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd., 2002), 24.

2.7.3.2 Usaha dakwah kepada Allah SWT

Antara lain tujuan zakat adalah untuk menyampaikan dakwah supaya beriman kepada Allah dan menyebarkan agama Islam di atas muka bumi. Pengaruh zakat dalam usaha dakwah terserlah melalui pengkategorian asnaf. Penyusunan ini bertujuan mendekatkan hati mereka kepada Islam, seterusnya istiqamah dan tetap dengan ajaran Islam. Kesemuanya disyariatkan demi mendukung dan menguatkan usaha dakwah kepada Allah SWT¹⁸⁵.

Dalam konteks *ḥifẓ al-dīn* iaitu penjagaan dari sudut agama yang dikaitkan dengan pegangan akidah umat Islam boleh dilihat dari sudut membantu meringankan golongan asnaf muallaf yang baru memeluk agama Islam agar mereka kekal berpegang dengan akidah Islam dan terus istiqamah menjaga agama (*ḥifẓ al-dīn*). Kajian yang dilakukan oleh Mohd Mahyeddin menunjukkan, antara faktor yang mendorong kepada muallaf keluar daripada Islam ialah kerana pujukan keluarga akibat kesempitan wang¹⁸⁶.

Menjaga agama (*ḥifẓ al-dīn*) juga dikaitkan dengan pemberian zakat kepada asnaf *fī sabīlillāh* iaitu mereka yang berperang untuk menjaga akidah dan agama Allah SWT daripada dihancurkan oleh musuh-musuh Islam¹⁸⁷. Hal ini juga menegaskan kepentingan zakat dalam *jihād fī sabīlillāh* seperti pandangan jumhur ulama malah ada yang berpendapat bahawa zakat adalah satu daripada elemen-elemen jihad¹⁸⁸.

¹⁸⁵ ‘Abdullah bin Maṣṣūr al-Ghafilī, *Nawāzil al-Zakāh Dirāsah Fiqhiyyah Ta’siliyyah li Mustajiddat al-Zakāt*, 56.

¹⁸⁶ Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad dan Azman Ab. Rahman, “Peranan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Murtad Dalam Kalangan Muallaf di Malaysia: Satu Tinjauan Awal,” *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 7, no. 2, (2001), 153.

¹⁸⁷ Ibn ‘Abidīn, *Hāshiyat Raad al-Mukhtār* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1995), 2: 375.; Lihat Al-Sarakhsī, Muḥammad Ibn Abī Sahl, *Al-Mabsūṭ* (Miṣr: Maktabah Maṭba‘ah Sa‘adah, t.t.), 3:10.; Lihat Abī al-Barakāt Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad Al-Dardīr, *al-Sharah al-Kabīr ‘alā Mukhtaṣar Khalīl*, (Qāhīrah: Ihyā al-Kutub al-‘Arabīyyah ‘Isā al-Bāb al-Ḥalabī, t.t), 2: 163.; Lihat Al-Nawawī, *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥathab*, 6: 200.; Lihat al-Bahutī, Maṣṣūr Ibn Yūnus Idrīs, *Kashf al-Qinā’ ‘an Matan al-Iqnā’* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1982), 2: 282.

¹⁸⁸ ‘Abdullah bin Maṣṣūr al-Ghafilī, *Nawāzil al-Zakāh Dirāsah Fiqhiyyah Ta’siliyyah li Mustajiddat al-Zakāt*, 56.

Fī sabīlillāh ini juga telah diperluaskan tafsiran kepada perkara yang bersifat semasa dan fleksibel iaitu melakukan amalan untuk ketaatan, *taqarrub* dan menjaga agama Allah SWT atau yang berkaitan dengan kepentingan umum (*maṣāliḥ al-‘ammah*)¹⁸⁹. Ia juga termasuk mereka yang menuntut ilmu bertujuan untuk menjaga kepentingan agama dan manfaat umat Islam atau seumpamanya.

2.7.3.3 Membantu meningkatkan kecemerlangan pendidikan

Kehormatan dan kemuliaan diri, keluarga, agama, bangsa dan negara adalah terletak pada kekuatan ilmu pengetahuan di dalam sesebuah masyarakat. Ilmu yang bermanfaat akan menjadikan setiap individu Muslim itu maju dan berdaya saing¹⁹⁰.

Pada masa kini, pembiayaan sangat diperlukan untuk mendapatkan pendidikan bagi menampung kos yuran, buku rujukan, tempat tinggal dan sebagainya. Bagi individu yang bergelar pelajar lazimnya tidak memiliki pendapatan sendiri dan bergantung pada pihak tertentu untuk membiayai seperti ibu-bapa, biasiswa, pinjaman dan sebagainya. Oleh itu, dana zakat adalah alternatif yang boleh membantu golongan pelajar untuk memenuhi keperluan pembiayaan pengajian.

Dalam konteks *ḥifẓ al-‘aql*, bantuan zakat antara mekanisma yang boleh membantu membiayai para pelajar untuk memenuhi tuntutan fardhu kifayah¹⁹¹ terutama kepada pelajar asnaf fakir dan miskin atau agihan zakat kepada asnaf *fī sabīlillāh*¹⁹². Bantuan zakat untuk pendidikan yang diberikan akan dapat membantu melahirkan ilmuan dalam kalangan umat Islam dalam pelbagai bidang kemahiran dan kepakaran

¹⁸⁹ Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa falsafatihā fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, cet. ke-25 (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2006), 2: 656.

¹⁹⁰ Zakaria Stapa et al., “Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah,” *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 20.

¹⁹¹ Hasan ‘Alī Kūrkulī, “Maṣārif al-Zakāh fī al-Islām,” (disertasi master fiqh uṣūl, Jām‘iah Umu al-Qurā Kuliyyah al-Sharī‘ah Wa al-Dirasāt Islāmiyyah Makkah al-Mukarramah, 1983), 119.

¹⁹² Ni‘amat ‘Abd al-Laṭif Mashūr, *al-Zakāh al-Usus al-Shar‘iyyah Wa al-Dawwūr al-‘Inmā’i Wa al-Tawzī‘*, (Bayrūt: al-Mū’assasah al-Jām‘iyyah li al-Dirasāt wa al-Nashar wa al-Tawzī‘i, 1988), 83.

yang kebanyakannya dikuasai oleh orang bukan Islam. Melalui pembiayaan zakat ini juga *maṣlahah* umat Islam akan terus terpelihara demi kesejahteraan umat Islam keseluruhannya.

Ini menunjukkan pembiayaan pendidikan menggunakan dana zakat juga dapat memberikan manfaat jangka panjang ke arah melahirkan golongan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Secara tidak langsung akan memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara Islam kembali.

2.7.4 Maqasid Zakat Dalam Konteks Pembangunan Negara

Zakat turut dilihat mempunyai peranan dalam konteks pembangunan negara supaya kestabilan dan keseimbangan dapat dicapai dengan baik.

2.7.4.1 Mewujudkan keharmonian dan ketenteraman dalam negara

Maqasid pensyariatkan zakat seterusnya ialah mewujudkan suasana aman dan tenteram dalam kehidupan masyarakat di dalam sesebuah negara. Perkara ini boleh digambarkan melalui ketiadaan berlaku kes jenayah, rompakan dan sebagainya apabila golongan yang memerlukan kewangan dibantu dengan wang zakat.

Statistik jenayah menunjukkan kes jenayah secara keseluruhannya meningkat daripada 70,745 kes kepada 212, 678 kes dari tahun 1980 hingga 2009, dan telah menurun kepada 128, 544 kes pada tahun 2014. Dalam laporan jenayah indeks, kes kecurian harta mencapai jumlah kira-kira 80 peratus secara keseluruhan indeks dan 20 peratus lagi merupakan jenayah kekerasan.¹⁹³ Antara faktor yang mendorong kepada

¹⁹³ Amin Khan, "Bolehkah Kita Percaya Pada Statistik Jenayah?", laman sesawang *mstar*, dicapai 14 Februari 2016, <http://www.mstar.com.my/lain-lain/suara/2015/05/06/pemandu-rekod-jenayah/>.

berlakunya kes jenayah adalah disebabkan oleh pengangguran, kemiskinan dan kegawatan ekonomi.¹⁹⁴

Melalui pemberian zakat, ia dapat membantu memenuhi keperluan masyarakat bagi golongan asnaf yang telah ditetapkan. Sekiranya keperluan asas hidup tidak dipenuhi, maka ia akan menyebabkan berlakunya kemudaratan dalam masyarakat seperti wujudnya keadaan kucar-kacir, berlaku kecurian, rompakan dan sebagainya bagi mendapatkan keperluan yang dikehendaki.

Dalam hal ini, Syaikh 'Ali al-Jarjawi ada menjelaskan bahawa antara hikmah menunaikan zakat ialah membawa keamanan ke dalam negara. Beliau telah membentangkan pelbagai hujah dan alasan bagi membenarkan kenyataan tersebut yang jelas menunjukkan bala bencana menimpa masyarakat, negeri, negara dan tempat di mana pengabaian untuk mengeluarkan zakat berlaku. Kesan yang lebih membimbangkan lagi membawa kepada kes jenayah, pembunuhan, rompakan dan juga ramai yang ditangkap dan dimasukkan ke penjara disebabkan oleh kesempitan kewangan¹⁹⁵.

2.7.5 Maqasid Zakat Dalam Konteks Pembangunan Ekonomi

Zakat merupakan satu sistem kehartaan dan ekonomi ummah Islam yang berperanan untuk membangunkan diri manusia dan budaya mereka. Justeru itu, zakat yang terkumpul adalah salah satu sumber tetap perbendaharaan Islam. Menurut Islam, harta tidak boleh dibekukan dalam bentuk simpanan sahaja tanpa dikeluarkan. Allah SWT berfirman:

¹⁹⁴ Laman sesawang *Astro Awani*, dicapai 14 Februari 2016, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengangguran-merupakan-punca-individu-terlibat-dalam-kegiatan-jenayah-samun-19933>.

¹⁹⁵ Al-Jarjāwīy, 'Alī Aḥmad, *Ḥikmah al-Tashrī' wa Falsafatuhu*, terj. Puli Taslim MA (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2009), 148-150.

Terjemahan: Supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja.

Dalam melaksanakan tuntutan Ilahi dalam berzakat, maka secara tidak langsung ia mampu memberikan keseimbangan dari aspek pembangunan ekonomi dalam kalangan masyarakat¹⁹⁶. Bahkan jika ditinjau dengan lebih jauh lagi, ia dijana untuk memberikan keselesaan kepada masyarakat Islam di muka bumi ini secara kolektif. Namun begitu, harus diingat bahawa sumbangan zakat yang diperolehi perlu digunakan dengan sebaiknya dan tidak membazir¹⁹⁷. Ia adalah keperluan optimum bagi meneruskan kehidupan secara semulajadi¹⁹⁸.

Di Malaysia, kepentingan hasil zakat kepada negara amnya dan masyarakat Muslim khususnya, tidak dapat dinafikan. Hasil kutipan zakat datang daripada pelbagai sumber seperti perniagaan, pendapatan, ternakan, wang simpanan dan lain-lain lagi¹⁹⁹. Sebagai contoh, peningkatan hasil kutipan zakat pendapatan di Malaysia daripada tahun 2002 sehingga tahun 2012 dengan purata sebanyak 27 peratus setiap tahun. Bagi tahun 2012, jumlah keseluruhan hasil kutipan zakat pendapatan di Malaysia dicatatkan sebanyak RM939.75 juta²⁰⁰. Pendapatan zakat ini kemudiannya digunakan untuk tujuan pembangunan ummah terutamanya dalam usaha membantu kerajaan untuk mengurangkan golongan miskin.

Kekuatan yang dimiliki oleh dana zakat amat besar sehingga mampu memberikan impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini telah

¹⁹⁶ Yūṣuf al-Qarḍāwī, *Fiqh al-Zakāt*, cet. ke-14 (t.tp.: Mu'assasah al-Risālah, 1997), 2: 880.

¹⁹⁷ Al-Shurnablālī, 'Ammar bin 'Alī, *Maraqī al-Falāḥ bi Imdad al-Miftāḥ* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 264.

¹⁹⁸ Hisham Sabri dan Zulkifli Hasan, "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan," 6.

¹⁹⁹ Ram Al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris, Md Hairi Md Hussain, "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan," *Jurnal Pengurusan*, 30 (2010), 49.

²⁰⁰ Norlela bt Zaman & Hairunnizam Wahid, "Pewartaan Zakat Pendapatan dan Trend Kutipan Zakat Pendapatan: Kajian di Malaysia" (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9), Kuala Terengganu, Terengganu, 17 – 19 Oktober 2014)

berlaku semasa pemerintahan khulafa al-rashidin sehinggakan sumber kewangan negara dan perkembangan ekonomi mencapai tahap yang amat memberangsangkan²⁰¹.

2.7.5.1 Membangun pertumbuhan ekonomi umat Islam

Zakat mempunyai pengaruh positif yang sangat signifikan dalam menggerak dan merangsang kitaran ekonomi Islam. Hal ini kerana pertumbuhan harta individu pembayar zakat memberikan kekuatan dan memajukan ekonomi masyarakat²⁰². Sebagaimana zakat juga dapat menghalang monopoli harta di tangan orang-orang kaya sahaja. Allah SWT berfirman:

مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ
فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Al-Hashr 59: 7

Terjemahan: Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulallah, dan bagi kaum kerabat (Rasulallah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulallah (SAW) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).

²⁰¹ Hisham Sabri dan Zulkifli Hasan, "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan".

²⁰² Patmawati Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat Tinjauan Empirikal", *Jurnal Syariah* 16 (2008), 225.

Kemampuan dari segi harta benda oleh kebanyakan anggota masyarakat mendorong pemiliknya untuk membeli keperluan hidup. Senario ini merancakkan kuasa beli terhadap barangan komoditi, seterusnya mendorong peningkatan produksi dan membuka peluang-peluang kerja sekaligus membasmi kadar pengangguran. Semua ini memberi manfaat yang besar kepada ekonomi Islam²⁰³.

Menurut KH Didin Hafifuddin, zakat bersifat ekonomi dan keagamaan di mana zakat dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi, kerana apabila zakat sudah diagihkan kepada asnaf, sudah pasti mereka akan membelanjakan dana tersebut untuk kegunaan mereka seharian. Proses ini menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi kerana pusingan ekonomi itu berlaku antara permintaan dengan pengeluaran. Selain itu, melalui agihan zakat ia dapat meningkatkan kuasa beli golongan asnaf di mana penerima mampu menjalankan kegiatan ekonomi atau melakukan pelaburan menggunakan wang tersebut yang seterusnya akan mengaktifkan kegiatan ekonomi dalam negara.²⁰⁴

Penggunaan sumber zakat secara profesional dan bertanggungjawab akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi daerah dan negara. Zakat bertindak sebagai salah satu sumber dalam menyelesaikan masalah semasa berlakunya kegawatan ekonomi. Dengan adanya zakat, ia dapat menyelesaikan masalah golongan miskin dan memerlukan.²⁰⁵ Zakat juga menyekat kecenderungan golongan kaya untuk menyimpan beku wang dan menyediakan dorongan kuat untuk membuat pelaburan yang produktif.²⁰⁶

Melalui agihan zakat kepada asnaf yang layak, zakat juga berupaya meningkatkan perbelanjaan pengguna yang seterusnya dapat menjana pertumbuhan

²⁰³ Rif'at Abd. Latif Masyhur, *Al-Zakāh: Al-Asas al-Shar'iy wa al-Tanmiy wa al-Tawzī'iy*, terj. Abū Mazayā al-Hafiz (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002), 352.

²⁰⁴ Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor & Mohd Sayidi Mokhtar Mat Roni, "Impak Agihan Zakat Terhadap Pembangunan Negara" dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*, ed. Abd Halim Mohd Noor et al. (Selangor: Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi Mara, 2013), 83-84.

²⁰⁵ Maizatul Saadiah Mohamad, Siti Mariam Ali & Maymunah Ismail, "Kutipan dan Agihan Zakat ke Arah Pertumbuhan Ekonomi Negeri Melaka" dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*, ed. Abd Halim Mohd Noor et al. (Selangor: Institut Kajian Zakat 135.Malaysia, Universiti Teknologi Mara, 2013),

²⁰⁶ Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, 224

ekonomi negara.²⁰⁷ Agihan zakat kepada golongan berpendapatan rendah dapat meningkatkan permintaan agregat dan merangsang pertumbuhan ekonomi kerana kecenderungan mengguna sut golongan miskin lebih tinggi daripada kecenderungan mengguna sut golongan kaya, yang akhirnya dapat membantu mempercepatkan pencapaian status negara berpendapatan tinggi.²⁰⁸

Ini menunjukkan zakat berperanan dalam membantu golongan miskin dan yang memerlukan bagi meningkatkan taraf hidup mereka sekaligus dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

2.7.5.2 Zakat dapat menyelesaikan masalah ketidakseimbangan pendapatan dan masalah ekonomi individu dan negara

Zakat adalah unik kerana ia merupakan instrumen semula jadi yang membantu keseimbangan pendapatan negara melalui pengagihan pendapatan daripada golongan kaya kepada kumpulan miskin. Menolong golongan miskin adalah kewajipan golongan kaya kerana daripada hartanya ada hak orang lain iaitu orang miskin.²⁰⁹


Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kepada pemilik harta dalam Islam menjalankan hakikat harta supaya sentiasa beredar menjadi modal dan kebajikan kepada orang ramai, sehingga harta itu menjadi harta yang sentiasa menjadi dalam keadaan cair. Tidak sepatutnya harta itu habis dimakan oleh sistem zakat yang wajib dibayar setiap datang *hawl* atau disebabkan sistem agihan yang statik. Ancaman akan dikenakan kepada pemilik harta yang tidak berupaya menguruskan harta secara optimum sebagaimana firman Allah SWT berikut:

²⁰⁷ Nur Azura Sanusi, Norazlina Abd. Wahab & Nor Fadzlin Mohammad Bahar, "Gelagat Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan: Kajian Kes Universiti Utara Malaysia (UUM)" dalam *Aplikasi Zakat Dalam Ekonomi Gunaan*, ed. Nur Azura Sanusi (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 85.

²⁰⁸ Zarina Kadri, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor, "Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi," (prosiding, PERKEM IV, 2012), 2: 1263.

²⁰⁹ Zarina Kadri, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor, "Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi," 1264.

وَالَّذِينَ يَكْتُمُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ



At-Taubah 9: 34

Terjemahan: Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

Melalui kewajipan pembayaran zakat, ia berupaya membasmi kemiskinan dan menjamin keseimbangan jurang antara golongan berada dengan golongan miskin melalui pengagihan semula kekayaan dalam masyarakat sama ada melalui bantuan berbentuk produktif atau tidak produktif.²¹⁰ Wang yang diambil dari golongan yang berada dapat disalurkan kepada mereka yang kurang mampu, bagi mengembalikan kuasa beli kepada golongan miskin. Selain dapat merapatkan jurang perbezaan sosio-ekonomi dalam kalangan masyarakat sesebuah negara, cara ini juga dapat memberi kesenangan hidup yang dirasakan bersama dalam sebuah institusi kekeluargaan. Dengan cara ini jugalah maka wujud suatu suasana harmoni di mana yang kaya akan terus dengan kekayaannya, sementara yang miskin tidak melarat dalam negaranya sendiri.²¹¹

Ini dibuktikan antara dengan kajian yang telah dijalankan oleh Patmawati Ibrahim terhadap asnaf fakir dan miskin di Selangor. Kajian beliau mendapati bahawa mengikut indeks Gini-Coefficient, agihan zakat berjaya mengurangkan ketakseimbangan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin²¹². Selain itu, beliau juga turut menyatakan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lain antaranya Ismail

²¹⁰ Noor Haslina Mohamad Akhir & Ismar Liza Mahani Ismail, "Kecekapan Pengurusan Institusi Zakat: Strategi Ke Arah Peningkatan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat" dalam *Aplikasi Zakat Dalam Ekonomi Gunaan*, ed. Nur Azura Sanusi (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 65.

²¹¹ Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, 228.

²¹² Patmawati Ibrahim, "Economic Role of Zakat in Introducing Inequality and Poverty in Selangor", (tesis kedoktoran, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia).; Patmawati Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal," *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008), 223-244.

Salleh dan Rogayah Ngah yang turut mendapati zakat membaiki agihan pendapatan kasar di kalangan para petani di Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu.²¹³

2.7.5.3 Zakat membangunkan ekonomi masyarakat miskin

Kemiskinan adalah penyakit yang sangat bahaya kepada diri, aqidah, akhlak, pemikiran, rumahtangga, masyarakat dan negara. Oleh itu, agama Islam memerintahkan penganutnya untuk memerangi kemiskinan dan menghulurkan bantuan kepada orang-orang yang memerlukan. Ini berdasarkan kekerapan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang menyeru umat Islam untuk membantu golongan miskin. Sasaran golongan yang akan menerima zakat sudah ditentukan dalam surah al-Taubah seramai lapan golongan dengan mengutamakan fakir dan miskin. Hal ini menunjukkan sasaran zakat ialah hendak menghapuskan kemiskinan dan kemelaratan dalam masyarakat Islam²¹⁴. Isu kemiskinan juga sangat diambil berat oleh Nabi SAW sebagaimana yang telah dijelaskan kepada para Sahabat bahawa zakat perlu dibelanjakan untuk membantu golongan fakir dan miskin²¹⁵. Sehubungan dengan itu, sarjana hukum Islam telah bersepakat bahawa keutamaan dalam agihan zakat ialah untuk membasmi kemiskinan²¹⁶.

Dalam konteks *hifz al-nafs*, pemberian zakat yang diagihkan kepada golongan fakir dan miskin adalah untuk memenuhi keperluan asas bagi kesinambungan kehidupan seperti keperluan untuk mendapatkan makanan, pakaian, rawatan, tempat perlindungan

²¹³ Ismail Muhd Salleh & Rogayah Ngah, "Distribution of the Zakat Burden on Padi Producers in Malaysia", dalam Patmawati Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal".

²¹⁴ Al-Qardāwī, *Fiqh al-Zakāt*, 2: 556.

²¹⁵ Maksud hadis: Ajarkan kepada mereka bahawa dikenakan zakat yang akan diambil dari orang kaya dan diberikan kepada golongan miskin.; Al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 109. (Kitāb Zakāt, Bāb Wujūb az-Zakāt, no hadith 1395).

²¹⁶ Hasan Bahrom, Ahmad Jailani Sidek, Mohamed Azam Mohamed Adil, "Zakat Modal Perniagaan Asnaf Fakir dan Miskin: Analisis Terhadap Tahap Pencapaian" dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf* (Selangor: UPENA UiTM, 2010), 2.

dan seumpamanya²¹⁷. Jika tiada, ia boleh menyebabkan berlakunya kemusnahan dalam kehidupan manusia akibat kelaparan, kesakitan, ancaman keselamatan, kebuluran dan sebagainya.

Zakat berperanan mengubah keadaan orang yang sedang dalam kesusahan kerana kutipan zakat yang terkumpul menjadi dana yang akan diagihkan semula kepada asnaf secara adil dan saksama serta membangunkan kehidupan. Golongan fakir dan miskin dapat turut serta menikmati hasil kekayaan individu atau masyarakat melalui kewajipan berzakat. Sejarah telah membuktikan pada zaman pemerintahan Khalifah Umar 'Abd al-Aziz, dana zakat dapat mengubah taraf hidup masyarakat miskin sehingga dana zakat pada masa itu tidak dapat diagihkan lagi kerana semua rakyat tidak memerlukan bantuan. Malah mereka tidak layak menerima bantuan kerana mereka mempunyai tenaga, jiwa dan harta yang cukup²¹⁸.

2.7.5.4 Zakat mampu membantu mengimbangi pendapatan per kapita rakyat

Dalam pembentukan sesuatu masyarakat, sudah pasti wujudnya perbezaan dalam capaian pendapatan isi rumah. Jurang perbezaan dari segi sumber kekayaan sudah pasti terhasil kesan kekuasaan Ilahi dan kudratNya. Sebahagiannya menerima rezeki yang melimpah ruah manakala yang lain pula terpaksa berhempas pulas dalam mencari sesuap nasi. Begitulah senario yang berlaku dalam stratifikasi ekonomi sesebuah masyarakat. Justeru itu, Allah SWT telah menetapkan agar golongan yang kurang berkemampuan dari aspek material diberikan pembelaan yang sewajarnya. Manakala

²¹⁷ Al-Qarādāwī, Yūsuf, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Mut'alliqah Bi al-Māl* (Dublin: al-Daūrah al-Majma al-hāminah 'Asharah Li al-Majlis al-'Urūbā Li al-'Ifā' Wa al-Buhūth, 2008), 81.

²¹⁸ Ibn al-Jawzī, *Sirah wa Manāqib 'Umar 'Abd al-'Azīz* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1984), 106-107.; 'Aḥmad Shalabī, *Mausū'ah al-Tarikh wa al-Haḍarat al-Islamiyyah* (Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah, 1978), 2: 88.

individu yang berkemampuan dan mempunyai latarbelakang kewangan mencukupi, maka perlu mengeluarkan zakat²¹⁹.

Zakat yang terurus dengan baik akan menghasilkan nisbah per kapita rakyat yang seimbang. Perkara ini dapat dilihat dalam perintah Nabi Muhammad SAW kepada Muaz bin Jabal yang dilantik menjadi wakil di negeri Yaman:

فَاعْلَمُوهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيُنَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Terjemahan: Nyatakan kepada penduduk Yaman bahawa Allah mewajibkan kepada mereka zakat yang dikutip daripada orang kaya kemudian diagihkan kepada orang miskin setempat.²²⁰

Prinsip dan tujuan mewajibkan zakat kepada harta orang kaya adalah supaya sistem zakat dapat mengimbangi pendapatan perkapita dan sistem agihan. Keseimbangan ini akan mewujudkan keadilan ekonomi dalam masyarakat Islam secara berterusan.²²¹

Dalam konteks *hifz al-nasl*, antara tujuan perkahwinan di dalam Islam ialah untuk melahirkan zuriat dan keturunan. Setiap anak yang dilahirkan pasti memerlukan kewangan untuk meneruskan kehidupan. Bagi golongan fakir dan miskin tanggungan nafkah anak-anak antara bebanan yang sering dihadapi dalam kehidupan seharian. Islam menyediakan kemudahan bantuan zakat untuk membantu golongan ini meneruskan kesinambungan zuriat serta kehidupan berkeluarga.

Zakat juga mampu menghilangkan kebimbangan dan meringankan bebanan kepada pasangan yang dikurniakan anak yang ramai untuk membiayai sara hidup. Zakat juga berperanan menghalang golongan fakir dan miskin mempergunakan anak-anak mereka kepada perbuatan yang memudaratkan seperti menjual anak, menggugurkan

²¹⁹ Hisham Sabri dan Zulkifli Hasan, "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan," 2-3.

²²⁰ Al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyad: Dār al-Salām, 2008), 109. (Kitāb Zakāt, Bāb Wujūb az-Zakāt, no hadīth 1395).

²²¹ Mujaini Tarimin, "Zakat Penggajian Pendapatan: Satu Penilaian Dari Sudut Hukum dan Amalan di Malaysia," dalam *Zakat Menuju Pengurusan Profesional* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005), 10.

anak, meminta sedekah bagi meneruskan kehidupan. Allah SWT memberi jaminan setiap anak yang dilahirkan dijamin rezekinya berdasarkan FirmanNya:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا



Al-Isrā' 17:31

Terjemahan: Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.

Oleh itu, jelas sekali bahawa pensyariatkan zakat berperanan meringankan beban golongan fakir dan miskin untuk meneruskan kesinambungan kehidupan dan keturunan agar terus sejahtera.

2.7.5.5 Zakat dapat mempertahankan kesinambungan dan kemantapan aliran ekonomi

Ekonomi sesebuah negara mempunyai hayat yang tidak menentu dan mengalami pasang surut. Sistem agihan zakat, termasuk juga agihan kepada si penghutang iaitu asnaf *al-ghārimīn*, bertujuan memulihkan orang yang terbelenggu dengan hutang. Dalam keadaan ini, institusi zakat bertanggungjawab membantu golongan tersebut melalui dana zakat supaya dapat berperanan semula dalam aktiviti pembangunan ekonomi negara. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحِلُّ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةَ رَجُلٍ تَحْمَلُ حَمَالَةً فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ فَسَأَلَ حَتَّى يُصِيبَهَا ثُمَّ يُمْسِكُ وَرَجُلٍ أَصَابَتْهُ جَائِعَةٌ فَاجْتَا حَتَّى مَالَهُ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ فَسَأَلَ حَتَّى يُصِيبَ قَوْمًا مِنْ عَيْشٍ أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ وَرَجُلٍ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ

Terjemahan: Dilarang umat Islam meminta-minta, kecuali pada tiga sebab iaitu berhutang, hartanya dihanyutkan air, terbakar atau dibelanjakan untuk tanggungan sehingga tidak mempunyai harta langsung.²²²


Melalui pengagihan zakat kepada asnaf, ia dapat meningkatkan kuasa beli mereka. Peningkatan kuasa beli boleh membantu menjana ekonomi negara secara tidak langsung kerana ia mewujudkan kesan rantaian terhadap sektor ekonomi yang lain. Permintaan pengguna yang bertambah ini akan menggerakkan pengeluaran dalam ekonomi. Di samping itu pertambahan tahap penggunaan agregat akan menghasilkan permintaan berkesan terhadap barangan keluaran industri dalam negara. Peningkatan dalam permintaan akan menggalakkan penawaran oleh pengeluar. Maka pengeluaran akan ditingkatkan untuk memenuhi permintaan tersebut. Peningkatan permintaan agregat dalam negara bermakna merancakkan aktiviti ekonomi bagi menambah output keluaran, justeru dapat merangsang pertumbuhan serta pembangunan ekonomi.²²³

2.7.5.6 Zakat dapat mencegah berlaku inflasi

Antara sebab berlaku inflasi ialah kekurangan pengeluaran berbanding permintaan, belanja mengurus yang tinggi dan sistem riba yang meluas serta pengangguran yang meningkat. Sistem ekonomi Islam berupaya mengatasi gejala inflasi dengan menekankan konsep masyarakat bekerja dengan produktif, mengelakkan pembaziran, serta pengharaman riba. Allah SWT berfirman:

²²² Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 842 (Kitāb Al-Zakāh , Bāb Man Taḥillu Lahu al-Masalah, no. hadith 1044).

²²³ Zarina Kadri, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor, “Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi,” 1265.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ
الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا ... 

Al-Baqarah 2: 275

Terjemahan: Orang yang mengamalkan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan, terhoyong haying kerana sentuhannya disebabkan mereka berkata: “Sesungguhnya jual beli itu hanyalah seperti riba”.

Oleh sebab itu Islam melarang keras dana zakat diagihkan atau disalurkan kepada orang yang berada (kaya dan berkemampuan). Hadis Nabi Muhammad barsabda seperti yang diriwayatkan ‘Abdullāh bin Omar:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِعَنِيٍّ وَلَا لِذِي
مِرَّةٍ سِوَيِّ

Terjemahan: Zakat tidak boleh diagihkan kepada orang yang berada dan orang yang mempunyai pekerjaan.²²⁴

Menurut Muhammad Abdul Mannan, zakat mewujudkan keseimbangan antara permintaan dan penawaran barang, seterusnya memudahkan arah aliran pengeluaran dalam negara serta melicinkan kemajuan ekonomi dan kemakmuran negara. Semakin bertambah masyarakat yang mempunyai kuasa beli akan menyebabkan berlakunya peningkatan permintaan. Bagi memenuhi keperluan masyarakat, pengeluar berusaha meningkatkan pengeluaran yang mana akan turut mempengaruhi peningkatan guna tenaga yang membawa kepada penawaran pekerjaan. Justeru itu, pendapatan negara juga akan turut bertambah.²²⁵

²²⁴ Al-Tarmidhī, “Jāmi Al-Tarmidhī,” 1710 (Kitāb Al-Zakāh, Bāb Mā Ja’a Man La Tahillu Lahu al-Ṣadaqah, no. hadith 652).

²²⁵ Muhammad Abdul Mannan, *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, 229.

2.7.6 Maqasid Zakat Dalam Konteks Sosial

Dalam konteks sosial, zakat memainkan peranan menyusun kehidupan masyarakat agar lebih aman, harmoni dan terhindar dari segala konflik negatif yang boleh tercetus kesan daripada hubungan masyarakat yang tidak berkerjasama. Kepentingan hasil zakat sebagai medium pembangunan ummah tidak dapat dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Jika kutipan zakat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa, maka taraf hidup masyarakat akan menjadi lebih baik. Melalui zakat, ia dapat mewujudkan kesatuan masyarakat dan jaminan sosial serta memupuk hubungan sosial yang baik dalam masyarakat.

2.7.6.1 Mewujudkan kesatuan masyarakat dan jaminan sosial

Konsep jaminan sosial dalam Islam bukan bermaksud untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara secara keseluruhan, tetapi sebaliknya menyediakan asas bagi memenuhi keperluan ekonomi masyarakat dalam bentuk dan ukuran yang paling minimum dan menyeluruh kepada semua orang. Dalam hal ini, zakat merupakan medium yang berperanan secara langsung kepada asas jaminan sosial. Harta yang terkumpul akan disalurkan kegunaannya untuk tujuan kebajikan dan keredhaan Allah sebagaimana yang terangkum dalam konsep jaminan sosial. Harta yang dibelanjakan melalui konsep jaminan sosial ini sebahagian besarnya akan menambah kuasa beli setiap individu yang berkenaan dalam masyarakat.²²⁶

Zakat memainkan peranan penting dalam masyarakat sebagai ejen jaminan sosial (*damān al-ijtimā'ī*), bagi menjamin setiap anggota masyarakat mendapat

²²⁶ Hailani Muji Tahir, *Institusi Baitulmal Dalam pembangunan Negara* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007), 73.

keperluan asasi kehidupan²²⁷. Keperluan berupa makanan, pakaian, tempat tinggal, melangsaikan hutang, membantu orang-orang yang tersekat kembali ke negara mereka, membebaskan hamba dan bentuk-bentuk kerjasama lain yang ditetapkan dalam Islam²²⁸.

Zakat adalah satu bentuk perkongsian dengan kaedah mengambil harta daripada golongan kaya dan berada untuk diberikan kepada yang miskin, melarat dan melata serta mereka yang memerlukan. Falsafah zakat juga menggambarkan keseimbangan sosial di dalam Islam. Semakin kaya sesebuah masyarakat, semakin meningkat kutipan zakat. Semakin meningkat kutipan zakat maka semakin terbela golongan asnaf-asnaf zakat.²²⁹

Nabi SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى

Terjemahan: Perumpamaan orang mukmin dalam berkasih sayang, berkasihan belas dan menaruh simpati adalah seperti satu tubuh. Apabila salah satu anggota yang sakit, maka seluruh anggota tubuh akan merasai demam dan tidak dapat tidur malam²³⁰.

Zakat merupakan medium memupuk kerjasama, kasih sayang dan perpaduan sesama manusia. Melaluinya, risiko perosak masyarakat dapat dihindari termasuklah sifat cemburu, dengki, dendam dan iri hati. Zakat membolehkan sesama Muslim bekerjasama atas dasar kebajikan dan taqwa, selain merealisasikan matlamat penciptaan sebenar makhluk iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT²³¹.

²²⁷ Ariffin Omar, *Sedekah Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2006), 199.

²²⁸ Al-Qaradāwī, Yūsūf, *Mushkilah al-Faqr wa Kayfa 'Alijuha al-Islām* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2003), 104-105. Shofian Ahmad et al., *Zakat Membangun Ummah*, 25.

²²⁹ Zarina Kadri, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor, "Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi," 1264.

²³⁰ Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, "Ṣaḥīḥ Muslim", dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 1130 (Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Tarāḥum al-Mu'minin wa Ta'ātufulhim wa Ta'āduḍihim, no. hadith 2586).

²³¹ 'Uthmān Ḥusayn 'Abdullah, *al-Zakāh al-Ḍaman al-Ijtimā' i al-Islāmī* (Manṣūrah: Dār al-Wafa', 1989), 17.

2.7.6.2 Memupuk hubungan sosial

Objektif zakat bertujuan menguatkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang dalam kalangan umat Islam. Hubungan ukhwah yang terjalin ini melalui institusi zakat boleh memberikan impak yang amat baik serta menyatupadukan umat manusia. Golongan yang kurang berkemampuan akan dibantu oleh golongan kaya dengan memberikan sumbangan material mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syarak. Oleh itu, jika difokuskan kepada agenda kerajaan negeri, maka secara tidak langsung ia akan mengurangkan kadar kemiskinan di setiap negeri. Kesannya sudah pasti dirasai oleh pembangunan sosioekonomi di negeri berkenaan²³².

Dengan adanya pengagihan dan pengaliran harta daripada orang kaya kepada golongan asnaf melalui saluran zakat, ia dapat mewujudkan hubungan kasih sayang dan saling menghargai antara satu sama lain yang melambangkan kemesraam dan keharmonian yang amat mendalam dalam kalangan mereka.²³³ Zakat juga boleh merapatkan hubungan klasifikasi sosial dalam masyarakat. Golongan berada bersikap prihatin manakala golongan miskin pula tidak akan mengambil harta dengan cara yang tidak dibenarkan syariat melalui jenayah mencuri, menipu dan sebagainya. Keadaan ini akan mewujudkan satu suasana yang harmoni dalam hubungan tersebut dan saling hormat menghormati²³⁴.

2.8 KESIMPULAN

Maqasid syariah merupakan objektif yang ingin dicapai oleh syarak dalam pensyariaan hukum. Secara umum maqasid syariah bertujuan untuk menarik *maṣlahah* dan menolak

²³² Hisham Sabri dan Zulkifli Hasan, "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan", 6-7.

²³³ Ariffin Omar, *Sedekah: Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2006), 200.

²³⁴ Shofian Ahmad et al., *Zakat Membangun Ummah*, 24.

mafsadah dalam kehidupan manusia. Maqasid syariah merupakan suatu pendekatan bagaimana sumber-sumber hukum itu perlu dianalisis atau ditafsirkan bagi memenuhi keperluan penentuan hukum dalam realiti yang ada. Dengan kata lain, ia bukan asas kepada penentuan hukum, tetapi sebaliknya orientasi dalam memahami atau berurus dengan asas berkenaan. Proses memutuskan fatwa dengan mengambilkira pertimbangan maqasid syariah bermaksud menentukan hukum berdasarkan objektif yang hendak dicapai oleh syariat Islam melalui *naş* syarak atau sumber-sumber hukum yang lain seperti *qiyās*, *maşlahah*, *'urf*, *sadd al-dhari'ah* dan sebagainya. Justeru itu, perlu disepadukan antara *uşul al-fiqh* sebagai metodologi penyelidikan hukum Islam dan maqasid syariah sebagai satu asas penganalisan hukum.

Para sarjana hukum fiqh perlu menguasai dan mahir dalam menguasai pendekatan menganalisis maqasid syariah supaya fatwa yang diputuskan benar-benar mencapai objektif. Proses untuk menganalisis maqasid syariah adalah suatu usaha yang bersifat bersepadu dan memerlukan keilmuan syariah yang komprehensif. Kaedah untuk menentukan sesuatu itu adalah maqasid syariah yang dikehendaki oleh penggubal syariat iaitu Allah SWT bukanlah satu perkara yang mudah. Justeru itu, para sarjana hukum fiqh telah menggariskan beberapa kaedah untuk mengenali maqasid syariah iaitu penelitian secara komprehensif (الاستقراء), penelitian terhadap *'illah al-hukm* dan penelitian terhadap suruhan dan larangan dari Allah SWT.

Pensyariatan hukum ke atas zakat merangkumi pelbagai objektif bagi memastikan kemaslahatan bermasyarakat dan mengelakkan dari berlaku *mafsadah* dalam kehidupan. Terdapat pelbagai maqasid di sebalik pelaksanaan ibadah zakat yang telah diwajibkan ke atas umat Islam. Maqasid zakat boleh dilihat dari pelbagai perspektif antaranya ialah dalam konteks agama, pembayar zakat, penerima zakat, pembangunan negara, ekonomi dan sosial. Jika diperhatikan setiap ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW semuanya membawa maksud melaksanakan maqasid syariah.

Dalam proses memahami hukum, seseorang sarjana hukum fiqh bukan hanya perlu memahami dalil-dalil hukum tersebut semata-mata, malah perlu melihat dengan lebih jauh lagi iaitu dengan memahami aspek maqasid hukum tersebut disyariatkan. Oleh itu, keperluan memahami maqasid syariah bagi sarjana hukum fiqh dan para mufti sangat penting untuk memastikan penilaian yang dibuat terhadap sesuatu itu selari dengan kehendak penggubal syariah iaitu Allah SWT.

University of Malaya

BAB 3: SENARIO FATWA-FATWA ZAKAT DI MALAYSIA

3.1 PENGENALAN

Bab ini akan menjelaskan sistem pentadbiran fatwa di Malaysia yang merangkumi Jawatankuasa Fatwa di peringkat Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa-fatwa di peringkat negeri-negeri. Seterusnya akan memperincikan prosedur atau proses pengeluaran fatwa yang perlu dipatuhi oleh para mufti dan jawatankuasa penggubal fatwa di Malaysia. Kemudiannya, bab ini akan memperincikan pengaruh mazhab Syafie dalam fatwa-fatwa di Malaysia sehingga berlaku keterbukaan penerimaan kepada pendapat lain pada waktu ini.

Ringkasnya, penulisan dalam bab ini akan menggambarkan kedudukan mazhab Syafie di Malaysia yang telah menjadi asas dan tapak kepada penggubalan fatwa-fatwa di Malaysia sejak dahulu lagi sehingga ke masa kini.

3.2 PENTADBIRAN FATWA DI MALAYSIA

Pengaruh Mazhab Syafie dalam institusi fatwa di Malaysia mempunyai hubungan rapat dengan sejarah kedatangan dan penyebaran Islam di negara ini¹. Mazhab Syafie telah berkembang dan mendominasi proses penentuan hukum di negara ini sehingga

¹ Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992), 192.; Omar Awang, "The Major Arabic Sources Which Determined the Structure of Islamic Thought in the Malay Archipelago Before the Nineteenth Century A.D. in the Field of Law, Theology and Sufism" dalam *Islamika*, ed. Lutpi Ibrahim (Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981), 82.; Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Madhhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia* (Kajang: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1982).; T.W. Arnold, *The Preaching of Islam* (London: t.p., 1913), 363-364.; Othman Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981), 26.; Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 12.; S.Q. Fatimi, *Islam Come to Malaysia* (Singapura: Sociology Research Institute, 1963), 6.; John Crawford, *History of the Indian Archipelago* (London: Frank Cass and Co. Ltd., 1877), 3: 77.

menjadikan kedudukan mazhab Syafie berada di tingkat utama dalam semua aspek hukum, terutama dalam urusan berkaitan ibadat².

3.2.1 Institusi Fatwa Di Malaysia

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa institusi fatwa di Malaysia telah lama wujud semenjak sebelum mencapai kemerdekaan lagi³. Kewujudan institusi ini dapat dilihat melalui bukti sejarah iaitu semasa pemerintahan Inggeris di Negeri-negeri Selat, satu ordinan yang dikenali sebagai Mohamedan Marriage Ordinance, (No.5) tahun 1880 (No.XXV) (Pindaan 1908) telah digubal untuk mewujudkan jawatan mufti pada masa tersebut⁴. Terdapat juga pandangan yang menyatakan keperluan kepada pelantikan mufti juga berlaku sejak sebelum kedatangan penjajah barat⁵. Sehingga kini, penubuhan institusi fatwa turut diperkukuh oleh undang-undang negeri, iaitu melalui Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri⁶.

Secara umumnya, terdapat dua kategori institusi fatwa di Malaysia iaitu institusi fatwa peringkat negeri dan institusi fatwa peringkat kebangsaan. Kedua-dua institusi fatwa ini ditubuhkan di bawah peruntukan perundangan yang berbeza⁷.

² Anisah Ab. Ghani et al., "Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab Dalam Isu-Isu Mazhab" *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007), 198.; Noor Naemah Abd. Rahman, "Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih," *Jurnal Fiqh* no.4 (2007), 85-86.

³ Mohamed Azam Mohamed Adil, "Pengaruh Adat Tempatan Dalam Menentukan Fatwa di Malaysia" dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Md. @ Ahmad et al. (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh & Usul APIUM, 2000), 460-461.

⁴ Abdul Monir Yaacob, "Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia" dalam *Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN* (Kuala Lumpur: IKIM, 1998), 120.

⁵ Mahmood Zuhdi Ab Majid, "Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia," *Jurnal Syariah* 12, no. 2 (2004), 87.

⁶ Arik Sanusi Yeop Johari, "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan" dalam *Monograf al-Ifta' (Siri 1)*, ed. Wan Morsita Wan Sudin (Selangor: JAKIM, 2001), 77.

⁷ Zaini Nasohah, "Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia," *Jurnal Islamiyyat* 27, no. 1 (2005), 26 & 31.; Arik Sanusi Yeop Johari, "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan," 78.

Institusi fatwa di peringkat negeri pula terbahagi kepada 14 institusi yang mewakili 14 buah negeri di Malaysia⁸. Setiap institusi ini diketuai oleh mufti dan dibantu oleh ahli jawatankuasa fatwa masing-masing dalam proses mengeluarkan hukum atau fatwa⁹. Jawatankuasa fatwa antara negeri-negeri di Malaysia mempunyai pelbagai nama yang berbeza, namun memainkan fungsi dan peranan yang sama. Antaranya ialah Lembaga Fatwa¹⁰, Majlis Fatwa¹¹, Jemaah Ulama¹², Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak¹³, Jawatankuasa Syariah¹⁴ dan Jawatankuasa Fatwa¹⁵. Institusi fatwa negeri-negeri di Malaysia ditadbir berdasarkan undang-undang tertentu bagi setiap negeri yang meliputi peruntukan-peruntukan berkaitan pelantikan mufti dan timbalannya, bidangkuasa, prosedur penetapan fatwa, pembentukan jawatankuasa fatwa dan kesalahan-kesalahan berkaitannya sama ada tentang berfatwa dan melakukan perbuatan yang bertentangan dengan kehendak fatwa¹⁶.

Manakala institusi fatwa peringkat kebangsaan pula dikenali dengan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (JFMK) yang ditubuhkan pada awal tahun 1970. Jawatankuasa ini ditubuhkan selaras dengan peruntukan dalam Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal

⁸ Anisah Ab. Ghani, "Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Ibadat di Malaysia," *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007), 186.

⁹ Hasnan Kasan, "Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syariyyah," *Jurnal Pengajian Umum* no. 2, (2001), 38.

¹⁰ Ordinan Majlis Islam (Incorporation) (Sarawak), (Chapter 105, Seksyen 36)

¹¹ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Sabah), 1992, (Seksyen 38)

¹² Enakmen Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu (Kelantan), 1994, (Seksyen 33).

¹³ Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor), 1989, (Seksyen 34); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991 (Seksyen 39); Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, Seksyen 31).

¹⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 1992, (Seksyen 37); Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka), 1991, (Seksyen 33); Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan), 1992, (Seksyen 33); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Perlis), 1963, (Seksyen 8/Pindaan 1988); dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pulau Pinang), 1993, (Seksyen 39).

¹⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor), 1978, (Seksyen 15); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 1965, (Seksyen 36); Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu), 2003, (Seksyen 53).

¹⁶ Wan Ab. Rahman Khudzri et al., "Pendekatan Penetapan Fatwa di Malaysia: Impaknya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Semasa" (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 10.

Ugama Islam Malaysia (MKI)¹⁷ yang bertindak sebagai sebuah institusi berautoriti yang mengeluarkan fatwa di peringkat kebangsaan dalam rangka menyelaraskan dan menyeragamkan keputusan fatwa di Malaysia¹⁸.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh seorang pengerusi yang dilantik oleh MKI, mufti bagi setiap negeri, lima orang alim ulama dalam kalangan professional di samping seorang ahli daripada Perkhidmatan Kehakiman atau Undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-raja, menurut perkara 11(a) Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKBHEAIM)¹⁹.

Dalam konteks perundangan, keputusan hukum yang dikeluarkan oleh JFMK tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang sehinggalah ia diterima dan diwartakan oleh negeri-negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri perlu merujuk kepada pandangan JFMK sebelum mengeluarkan fatwa terutama yang berkaitan dengan perkara-perkara yang melibatkan kepentingan nasional²⁰.

3.2.2 Prosedur Pengeluaran Fatwa Di Malaysia

Institusi fatwa berperanan sebagai sebuah badan yang berkuasa untuk menetapkan, mengeluarkan dan mengendalikan urusan fatwa di Malaysia²¹. Proses dan prosedur pengeluaran fatwa ini tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang terdapat di

¹⁷ Suwaid Tapah, "Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa" dalam *Fatwa di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 27.; Arik Sanusi Yeop Johari, "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan," 78.

¹⁸ Mohd. Mohadis Yasin, "Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* no. 1 (2007), 119-135.; Nor Naemah et al., "Metode Pengeluaran Fatwa di antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFK) dan Majlis Ulama Indonesia (MUI) Analisis Perbandingan" (makalah, Seminar Antarabangsa Hubungan Indonesia-Malaysia 2005, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 7-8 Ogos 2005).; Abdul Monir Yaacob, "Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia," 139.

¹⁹ Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Fasal 11 (a) (i-iv) dan Fasal 13.

²⁰ Arik Sanusi Yeop Johari, "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan," 81.

²¹ Sheikh Ghazali Abdul Rahman, "Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan," (makalah, Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawai Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Dewan Senat, Universiti Sains Islam Malaysia, 24 Oktober 2012), 1.; Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia*, 13.

negeri-negeri tersebut²². Perbincangan ini akan mengemukakan enakmen negeri-negeri tertentu sahaja iaitu Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk menjelaskan keseluruhan proses fatwa tersebut kerana kesemua enakmen mengenai fatwa adalah menyentuh keseluruhan proses tersebut tanpa banyak perbezaan.

Proses pengeluaran fatwa di Malaysia dijalankan sama ada oleh pihak mufti dan Jawatankuasa Fatwa yang diperintahkan oleh Sultan atau Yang Dipertuan Agong (YDPA), berdasarkan inisiatif pihak institusi fatwa sendiri atau permohonan daripada mana-mana pihak atau individu²³.

Sebagai contoh, Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan²⁴:

47. Tertakluk kepada seksyen 51, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan kontroversi berhubung dengan Hukum Syarak.

Seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 pula memperuntukkan²⁵:

34. (1) Mufti hendaklah, atas perintah Yang di Pertuan Agong, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menyiarkan dalam Warta suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubung dengan Hukum Syarak.

Sehubungan itu, adalah jelas bahawa jika wujud persoalan berbangkit atau pertikaian mengenai hukum syarak, maka hanya institusi fatwa sahaja yang diberikan

²² Mahmood Zuhdi Ab Majid, "Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia," *Jurnal Syariah* 12, no.2 (2004), 89.; Wan Ab. Rahman Khudzri et.al. "Pendekatan Penetapan Fatwa di Malaysia: Impaknya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Semasa," 11.

²³ Sheikh Ghazali Abdul Rahman, "Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan," 4.

²⁴ Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Seksyen 47, 2003.

²⁵ Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan seksyen 34, 1993.

kuasa oleh undang-undang untuk mengeluarkan fatwa²⁶.

Prosedur pengeluaran fatwa dimulakan apabila mufti mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan dijalankan mengikut kaedah pengeluaran fatwa yang telah ditetapkan. Terdapat dua proses penyediaan fatwa di peringkat ini, iaitu proses pertama yang melibatkan penyediaan proposal kes yang merangkumi isu, skop, kerelevanan, data yang diperlukan, konteks yang perlu, belanjawan dan 'gantt chart' jadual pelaksanaan. Proses kedua pula melibatkan penyediaan kertas kerja yang merangkumi tujuan, latar belakang, masalah (isu utama), akta/peruntukan/pandangan yang ada, rujukan/sandaran dalil/cara pendalilan, analisis/implikasi hukum (hujah menerima dan menolak), asas pertimbangan, keputusan/kaedah penyelesaian/syor/cadangan²⁷. Sebagai contoh di negeri Selangor, Seksyen 48 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan²⁸:

48. (1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.

Contoh lain, Seksyen 37 (6) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 pula memperuntukkan²⁹:

(6) Sebelum Mufti membuat fatwa, dia boleh menyebabkan satu kajian-kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.

Seterusnya satu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa hendaklah diadakan bagi membincang dan menimbangkan isu atau persoalan, berdasarkan kajian atau

²⁶ Sebelum pindaan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam di negeri-negeri yang kebanyakannya dibuat sekitar akhir 80an dan awal 90an, fatwa adalah di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam negeri-negeri dan dikeluarkan oleh Majlis. Majlis mempunyai kuasa untuk membuat dan menyiarkan fatwa sama ada dengan kuasanya sendiri ataupun melalui Jawatankuasa Fatwa yang dilantik oleh Majlis. Lihat contoh; Seksyen 38 (1)-(3), Enakmen Pentadbiran Uagama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982.

²⁷ Sheikh Ghazali Abdul Rahman, "Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan," 4-5.

²⁸ Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Seksyen 47, 2003.

²⁹ Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan seksyen 34, 1993.

penyelidikan yang telah dibuat untuk menetapkan fatwa yang akan dicadangkan. Sekiranya persoalan yang timbul adalah bersifat hukum asas yang bersifat ringkas dan mudah serta telah dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran dan hadis, maka mufti boleh terus menjawab dan menjelaskan hukum terhadap persoalan tersebut. Sebaliknya, jika persoalan itu menyentuh isu atau kepentingan nasional, maka mufti boleh merujuk persoalan itu kepada JFMK, selepas diperakui oleh Pihak Berkuasa Fatwa Negeri³⁰. Sebagai contoh di negeri Selangor, Seksyen 48 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan³¹:

(2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

Contoh lain, Seksyen 37 (5) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 pula memperuntukkan³²:

(5) Bilamana Mufti bercadang hendak membuat fatwa di bawah Seksyen 34 dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

Seterusnya, mufti akan mengemukakan fatwa yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa kepada Sultan atau YDPA untuk membuat syor dan mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta³³. Sebagai contoh di negeri Selangor, Seksyen 48 (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan³⁴:

(3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis.

³⁰ Sheikh Ghazali Abdul Rahman, "Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan," 5.

³¹ Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Seksyen 47, 2003.

³² Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan seksyen 34, 1993.

³³ Sheikh Ghazali Abdul Rahman, "Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan," 5.

³⁴ Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Seksyen 47, 2003.

(4) Majlis boleh, selepas menimbang teliti fatwa itu, membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta*.

(5) Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.

(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam *Warta*.

Contoh lain, Seksyen 34 (2),(3) dan (4) Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 pula memperuntukkan³⁵:

(2) Tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen (1).

(3) Apabila disiarkan dalam *Warta*, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi.

(4) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai autoritatif mengenai semua perkara yang dinyatakan di dalamnya.

Fatwa yang telah disiarkan atau dimaklumkan di dalam *Warta* adalah bersifat mengikat dan perlu dipatuhi oleh penduduk Islam yang berada di dalam negeri tersebut. Demikianlah beberapa prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan perlu dilalui dalam membentuk fatwa di Malaysia.

³⁵ Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan seksyen 34, 1993.

3.2.3 Pengaruh Mazhab Syafie Dalam Proses Pengeluaran Fatwa Di Malaysia

Dalam proses pengeluaran fatwa di Malaysia³⁶, peruntukan undang-undang secara jelas menyatakan rujukan kepada mazhab Syafie. Lazimnya, fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh majlis fatwa negeri-negeri ini akan terikat dengan pendapat mazhab Syafie. Amalan ini dapat dilihat dalam peruntukan undang-undang berkaitan pentadbiran fatwa di setiap negeri-negeri kecuali negeri Perlis³⁷. Ini dapat dilihat berdasarkan peruntukan undang-undang yang terdapat di beberapa buah negeri yang menyatakan seperti berikut:

“Tatkala membuat dan mengeluarkan sebarang fatwa di atas mana-mana masalah hukum syara’ atau nas menurut sebagaimana cara yang telah disebutkan di atas ini maka hendaklah mufti itu lazimnya mengikut *qaul-qaul* yang muktamad dalam mazhab Syafi’i³⁸”.

“Pada ketika membuat atau mengeluarkan apa-apa fatwa seperti yang tersebut di atas tadi Majlis atau Jawatankuasa Ugama Islam hendaklah kelazimannya mengikut kul yang muktamad di dalam mazhab Syafie. Tetapi jika fikiran diikuti kul itu akan berlawanan dengan faedah umum, Majlis atau Jawatankuasa Ugama bolehlah, melainkan diperintahkan oleh DYMM yang lain, ikut kul-kul yang daif daripada mazhab Syafie: tetapi demikian juga jika sekiranya difikirkannya dengan kul yang muktamad atau kul daif daripada mazhab Syafie akan berlawanan dengan faedah umum. Majlis atau Jawatankuasa Ugama boleh dengan izin yang khas oleh DYMM Sultan ikut kul-kul salah satu daripada tiga mazhab yang lain yang mana-mana difikirkan munasabah, tetapi di dalam mana-mana fatwa yang dibuat dengan jalan ini hendaklah diterangkan dengan jelas peraturan-peraturan dan dasar-dasarnya yang hendak diikuti³⁹”.

“Tatkala mengeluarkan sesuatu fatwa dengan jalan yang telah diisyaratkan dahulu itu maka hendaklah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa pada lazimnya mengikut *qaul* yang muktamad daripada mazhab Syafi’i. Dengan syaratnya jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad itu akan menjadi berlawanan dengan *maṣlahah* orang ramai maka bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa mengikut *qaul* yang dhoif daripada mazhab Syafi’i melainkan sekiranya DYMM bertitah yang berlainan dengannya. Dengan syaratnya jika Majlis atau Jawatankuasa Fatwa memikirkan bahawa

³⁶ Fatwa di Malaysia bukan sekadar penerangan berkaitan hukum Syarak yang tidak disertakan dengan nas tetapi penerangan hukum Syarak yang bersifat perundangan yang boleh dikuatkuasakan dan diambil tindakan bagi penduduk Islam yang melanggarnya. Demikian juga makna fatwa jika dilihat dari sudut perundangan bermaksud fatwa mufti yang diwartakan. Lihat Ahmad Hidayat Buang, “Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia,” *Jurnal Syariah* 10, no. 1 (2002), 40.

³⁷ Ahmad Hidayat Buang, “Analisa Fatwa-fatwa Semasa Malaysia” (Seminar Kakitangan Jabatan Syariah Dan Undang-undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 9 September 2000), 2.

³⁸ Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Terengganu, Bil. 4 Tahun 1955, Fasal 21 (1).

³⁹ Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor, No.3, Tahun 1952, Seksyen 42 (1).

dengan mengikut sama ada *qaul* yang muktamad atau *qaul* yang dhoif daripada mazhab Syafi'i itu akan berlawanan dengan muslihat orang ramai maka bolehlah Majlis atau Jawatankuasa Fatwa dengan mendapat izin yang khusus daripada DYMM mengikut mana-mana satu *qaul* daripada mazhab yang tiga lagi iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali mengikut bagaimana yang difikirkan sesuai akan tetapi di dalam mana-mana fatwa yang demikian maka syarat-syarat dan dasar-dasar yang akan diikuti itu hendaklah diterangkan dengan sejelas-jelasnya dan dengan semua huraian mustahak⁴⁰”.

Berdasarkan contoh-contoh peruntukan undang-undang yang berkait keterikatan kepada rujukan fatwa di atas, ia jelas menggambarkan terdapat susunan hierarki di dalam kaedah rujukan untuk mengeluarkan fatwa. Pada peringkat pertama, Jawatankuasa Fatwa perlu merujuk kepada pandangan muktamad mazhab Syafie terlebih dahulu. Pada peringkat kedua, rujukan fatwa berpindah kepada pandangan *da'if* mazhab Syafie. Pada peringkat seterusnya, rujukan fatwa beralih kepada pandangan mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ) yang lain iaitu mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali dengan berasaskan kepada keperluan kemaslahatan awam dan faedah umum melalui izin khas DYMM Sultan⁴¹.

Berdasarkan susunan hierarki di atas, pandangan yang muktamad dalam mazhab lain tidak bermakna terkeluar dari pemakaian mazhab Syafie secara total. Ini kerana boleh jadi sebahagian pandangan (*qawl*) yang muktamad dalam mazhab lain ini menjadi pandangan lemah (*da'if*) dalam mazhab Syafie⁴². Begitu juga *rājiḥ* ataupun *marjūḥ* bukannya bukannya bersifat statik bahkan boleh bertukar ganti mengikut perubahan zaman dan tempat. Ini kerana hukum-hakam yang bersifat *ijtihādiyyah* itu akan berubah berdasarkan perubahan zaman dan tempat⁴³.

Dapat difahami juga, bahawa pandangan yang lemah boleh dipakai apabila terdapat keperluan yang tinggi dan keperluan itu akan menjadi penguat dan alasan yang

⁴⁰ Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah (Bil 9/ 1962), Seksyen 38 (1).

⁴¹ Noor Naemah Abd. Rahman, “Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih,” 87.

⁴² Ridzwan Ahmad, “Sikap Liberal Dalam Memahami Fiqh Mazhab Syafi'i: Realiti Dan Fenomena Di Malaysia,” *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007), 122.

⁴³ ‘Abd al-‘Aziz al-Khayyat, *Nazriyyāt al-‘Urf* (‘Ammān: Maktabah al-Aqṣā, 1977), 72-81.

kukuh kepada pemakaian pandangan yang lemah kerana pengamalan berdasarkan pandangan yang lemah dalam berfatwa tanpa justifikasi yang kukuh tidak dibenarkan⁴⁴.

Berdasarkan penerangan tersebut, pada lazimnya peruntukan fatwa hendaklah berdasarkan kepada pandangan muktamad mazhab Syafie. Sekiranya bertentangan dengan faedah umum, maka ia boleh beralih kepada pandangan *da'if* mazhab Syafie dan seterusnya berdasarkan pandangan salah satu daripada tiga mazhab yang lain.

3.2.4 Anjakan Pengurusan Fatwa Di Malaysia

Susunan hierarki dalam rujukan fatwa yang mengutamakan pandangan mazhab Syafie jelas membuktikan bahawa amalan tersebut mengikat berdasarkan peruntukan undang-undang pentadbiran fatwa di Malaysia sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Walau bagaimanapun mutakhir ini terdapat beberapa fatwa yang diputuskan melangkaui susunan hierarki yang menyebabkan berlaku anjakan dalam kaedah penetapan fatwa di Malaysia⁴⁵.

Anjakan ini pada permulaannya melibatkan perpindahan rujukan fatwa daripada pandangan muktamad Syafie kepada pandangan muktamad tiga mazhab ASWJ yang lain. Namun, anjakan ini menjadi semakin ketara apabila rujukan fatwa diperluaskan kepada pandangan atau ijtihad lain yang difikirkan munasabah dan sesuai oleh mufti dan Jawatankuasa Fatwa⁴⁶.

Antara contoh-contoh enakmen pentadbiran fatwa yang menunjukkan anjakan dalam rujukan fatwa di Malaysia ialah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah⁴⁷ seperti berikut:

⁴⁴ Al-Shāfi'ī, *Hasyiah Qalyubī Wa 'Umayrah* (Beirūt : Dār al-Fikr, t.t.), 1: 13.

⁴⁵ Noor Naemah Abd. Rahman, "Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih," 86.

⁴⁶ Noor Naemah Abd. Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa," *Jurnal Syariah* 10, no. 2 (2002), 27.

⁴⁷ Enakmen Undang-undang Islam Sabah (No. 13, 1992), Seksyen 40 (1), (2) dan (3)

“Semasa mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 35 atau mengesahkan apa-apa pendapat di bawah seksyen 39. Mufti hendaklah lazimnya mengikut pandangan-pandangan yang diterima (*qawl muktamad*) mazhab Syafi‘i”.

“Jika mufti berpendapat bahawa dengan mengikut *qawl muktamad* mazhab Syafi‘i akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam. Mufti bolehlah mengikut *qawl muktamad* mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali”.

“Jika mufti berpendapat bahawa tiada satu pun *qawl muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam. Mufti bolehlah menyelesaikan soalan itu mengikut hematnya sendiri dengan tidak terikat dengan *qawl muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat”.

Manakala Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)

1422H/2004M⁴⁸ memperuntukkan:

“Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 50 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53. Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut pendapat-pendapat yang diterima (*qaul muktamad*) mazhab Syafi‘i”.

“Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad* mazhab Syafi‘i suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil. Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul muktamad* mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali”.

“Jika Jawatankuasa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat ini”.

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor 1989⁴⁹ menjelaskan:

“Semasa mengeluarkan fatwa di bawah seksyen 31 atau mengesahkan sebarang pendapat di bawah seksyen 35, mufti hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul muktamad* mazhab Syafi‘i”.

⁴⁸ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, 1422H/2004M, Seksyen 40 (1), (2) dan (3).

⁴⁹ Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor 1989, Seksyen 36 (1), (2) dan (3).

“Jika mufti berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul* muktamad dari mazhab Syafi‘i boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, mufti bolehlah mengikut *qaul* muktamad dari mazhab Hanafi, mazhab Maliki atau mazhab Hanbali”.

“Jika mufti berpendapat bahawa tiada suatu daripada *qaul* muktamad dari empat mazhab boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, mufti bolehlah memutuskan *masalah* itu mengikut pendapatnya dengan tidak terikat dengan *qaul* muktamad dari mana-mana mazhab yang empat”.

Contoh-contoh peruntukan enakmen di atas secara jelas menggambarkan terdapat ruang yang lebih luas diberikan kepada mufti dan Jawatankuasa Fatwa untuk mengambil kira pandangan hukum dan ijihad daripada mazhab ASWJ yang lain, bahkan kepada mana-mana pandangan di luar daripada empat mazhab tersebut sehingga kepada tahap ijihad yang lebih luas. Mufti dan Jawatankuasa Fatwa diberi kebebasan dalam menentukan kaedah yang sesuai untuk digunapakai bagi menyelesaikan isu dan permasalahan yang berbangkit di dalam masyarakat berasaskan keperluan dan kepentingan awam⁵⁰.

3.2.5 Klasifikasi Bentuk Fatwa Di Malaysia

Pentadbiran institusi fatwa di Malaysia tidak mempunyai suatu kerangka kerja yang seragam mengenai bentuk-bentuk fatwa yang telah dikeluarkan. Secara umumnya fatwa di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga bentuk⁵¹, iaitu:

⁵⁰ Noor Naemah Abd. Rahman, “Amalan Fatwa Di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab Dan Keperluan Tarjih,” 89.

⁵¹ Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia*, 80-83.; Ahmad Hidayat Buang, “Bentuk dan Statistik Fatwa,” *Fatwa di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah Dan Undang-undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), 124.

3.2.5.1 Fatwa yang diwartakan

Fatwa yang diwartakan ialah fatwa yang diputuskan oleh mufti atau Jawatankuasa Fatwa setelah mendapat perkenan daripada Sultan atau Raja. Terdapat juga di sesetengah negeri memerlukan fatwa yang diputuskan untuk mendapat kelulusan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan Penasihat Undang-undang Negeri sebelum diwartakan melalui warta kerajaan. Fatwa yang telah diwartakan akan menjadi undang-undang dan akan mengikat masyarakat Islam di negeri tersebut supaya dipatuhi⁵².

3.2.5.2 Fatwa yang tidak diwartakan

Fatwa yang tidak diwartakan adalah fatwa yang diputuskan oleh mufti dan Jawatankuasa Fatwa yang tidak diwartakan menjadi undang-undang. Ini bermakna, tidak semua isu dan permasalahan yang diajukan menjadi fatwa yang diwartakan. Walau bagaimanapun, sekiranya sesuatu fatwa dipohon secara rasmi melalui surat atau pertanyaan, maka ia akan dianggap sebagai dokumen kerajaan dan tertakluk kepada peraturan yang berkaitan dengannya. Justeru, terdapat beberapa fatwa dianggap sulit daripada pengetahuan masyarakat awam seperti di negeri Selangor, fatwa yang melibatkan sensitiviti sesuatu kaum dianggap sulit. Begitu juga dengan hasil keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dianggap sulit walaupun dari sudut undang-undang tidak mempunyai sebarang kuasa⁵³.

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.*

3.2.5.3 Fatwa yang merupakan soal jawab secara lisan atau bertulis mufti

Fatwa ini merupakan jawapan secara lisan atau bertulis untuk persoalan dan isu yang dijawab langsung oleh para mufti kepada pihak yang bertanya. Fatwa dalam bentuk ini dianggap tidak rasmi dan tidak boleh digunakan bagi tujuan rasmi termasuk sebagai bahan bukti di mahkamah⁵⁴.

3.2.6 Fatwa Dalam Undang-Undang Di Malaysia

Sistem perundangan Islam di Malaysia menyatakan bahawa fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh individu atau sekumpulan individu yang berkelayakan dan mempunyai autoriti sahaja⁵⁵. Lazimnya, fatwa hanya dikeluarkan melalui Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan⁵⁶ dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri⁵⁷.

Bagi urusan penguatkuasaan fatwa, mufti dan Jabatan Mufti tidak bertanggungjawab untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa. Sebaliknya, mufti dan Jabatan Mufti berperanan menyelesaikan sesuatu persoalan hukum sahaja⁵⁸. Fatwa yang diwartakan akan mengikat masyarakat Islam yang menetap di dalam negeri tersebut sekaligus menjadi kewajipan masyarakat Islam untuk mengikuti dan berpegang kepada fatwa tersebut⁵⁹.

Dari sudut perundangan, keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh MJFK dan Jawatankuasa Fatwa tidak boleh dikuatkuasakan sebagai undang-undang sebelum ia

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Nooh Gadot, "Pengurusan Fatwa di Malaysia" dalam *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-negara ASEAN* (Negeri Sembilan: INFAD KUIM, 2006), 57.

⁵⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>

⁵⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/mufti-dan-jawatankuasa-fatwa-negeri-negeri>

⁵⁸ Nooh Gadot, "Pengurusan Fatwa di Malaysia," 69.

⁵⁹ *Ibid.*

diterima dan diwartakan oleh negeri-negeri⁶⁰.

3.3 SENARIO FATWA-FATWA ZAKAT DI MALAYSIA

Pengurusan fatwa di Malaysia telah berkembang sesuai dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Pembaharuan dalam proses dan prosedur pengeluaran fatwa serta keterbukaan dalam menerima rujukan fatwa telah mengubah senario pengeluaran fatwa termasuk fatwa yang berkaitan zakat. Fatwa-fatwa tersebut dikeluarkan bagi menjawab isu dan permasalahan semasa yang tidak dibincangkan di dalam fiqh klasik. Oleh yang demikian, kajian ini akan menjalankan analisis tentang statistik jumlah fatwa zakat di Malaysia yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia⁶¹ (MJFMK) dan Jawatankuasa-jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri⁶² untuk melihat senario perkembangan fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Fatwa-fatwa tersebut akan dianalisis daripada beberapa perspektif seperti proses, prosedur dan kaedah rujukan fatwa sama ada bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie atau menggunakan pandangan selain daripada mazhab Syafie. Maklumat daripada keputusan analisis itu akan memberikan suatu gambaran bahawa terdapat fatwa-fatwa zakat yang dominannya diputuskan bersandarkan kepada mazhab Syafie, dan terdapat juga beberapa fatwa-fatwa zakat yang sudah mula mengambilkira pandangan di luar mazhab Syafie seperti pandangan mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan juga pandangan ulama kontemporari.

Undang-undang pentadbiran agama Islam di negeri-negeri kecuali negeri Perlis, secara jelas memperuntukkan prosedur pengeluaran fatwa supaya rujukan fatwa dalam

⁶⁰ Arik Sanusi Yeop Johari, "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan," 81.

⁶¹ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia adalah berperanan untuk menyelaraskan fatwa-fatwa di Malaysia.

⁶² Setiap negeri di Malaysia mempunyai jawatankuasa fatwa masing-masing.

membuat keputusan hukum perlu bersandarkan kepada mazhab Syafie⁶³. Peruntukan undang-undang tersebut jelas memberikan gambaran bahawa fatwa-fatwa zakat pada suatu ketika dahulu boleh dikatakan terikat dan didominasi dengan pandangan hukum fiqh daripada mazhab Syafie.

Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa terdapat perubahan dalam peruntukan undang-undang berkaitan prosedur pengeluaran fatwa yang membenarkan rujukan fatwa berdasarkan pandangan-pandangan mazhab ASWJ yang lain⁶⁴. Ini jelas menggambarkan keterbukaan institusi fatwa di Malaysia dalam menerima pandangan selain mazhab Syafie dalam penetapan fatwa-fatwa zakat seiring dengan perubahan peruntukan undang-undang yang berlaku.

3.3.1 Statistik Fatwa Zakat Di Malaysia

Senario perkembangan fatwa-fatwa zakat di Malaysia dapat dilihat dengan lebih tepat melalui analisis fatwa-fatwa berkaitan zakat. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat sebanyak 191 fatwa berkenaan zakat telah diputuskan di Malaysia. Setelah dianalisis, sejumlah 164 fatwa zakat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri di Malaysia bermula dari tahun 1965 sehingga 2013. Fatwa-fatwa zakat tersebut terdiri daripada yang diwartakan dan tidak diwartakan.

Jumlah fatwa zakat yang dikeluarkan oleh MJFMK adalah sebanyak 27 fatwa. Walau bagaimanapun, kesemua fatwa zakat tersebut tidak diwartakan kerana fatwa yang diputuskan oleh MJFMK tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang. Berikut adalah jadual fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri di Malaysia dan MJFMK.

⁶³ Ahmad Hidayat Buang, "Analisa Fatwa-fatwa Semasa Malaysia," 2.

⁶⁴ Noor Naemah Abdul Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa," 21.

Jadual 3.1. Jumlah Fatwa Zakat Yang Telah Diputuskan Oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia Dan MJFMK

Bil	Negeri	Tahun	Pewartaan		Jumlah Fatwa Zakat
			Diwartakan	Tidak	
1	Perak	1990 – 2011	2	2	4
2	Johor	2000 – 2013	1	6	7
3	Kedah	1965 – 2008	-	8	8
4	Kelantan	1990 – 2007	-	10	10
5	Melaka	2000 – 2014	10	4	14
6	Negeri Sembilan	1998 – 2014	2	5	7
7	Pulau Pinang	1976 – 2001	1	7	8
8	Sarawak	1996 – 2010	-	7	7
9	Selangor	1986 – 2009	12	10	22
10	Terengganu	1988 – 2010	-	35	35
11	Wilayah Persekutuan	1997 – 2014	5	3	8
12	Perlis	1988 – 1990	-	5	5
13	Sabah	2003	1	-	1
14	Pahang	2012	-	1	1
15	MJFMK	1979 – 2012	-	27	27
	Jumlah	1965 – 2014	34	157	191

Sumber: Pelbagai, Portal Rasmi Fatwa Malaysia⁶⁵.

Berdasarkan Jadual 3.1, negeri yang paling banyak mengeluarkan fatwa berkaitan zakat adalah Terengganu iaitu sebanyak 35 fatwa. Manakala negeri yang paling sedikit mengeluarkan fatwa berkaitan zakat adalah Pahang dan Sabah iaitu masing-masing 1 fatwa sahaja. Berkemungkinan faktor jumlah pengeluaran fatwa zakat banyak dan sedikit dipengaruhi oleh pertimbangan institusi fatwa sama ada perlu dikeluarkan sebagai fatwa atau hanya sebagai jawapan hukum semata-mata sahaja.

Fatwa zakat yang paling awal dikeluarkan adalah dari negeri Kedah sekitar tahun 1965. Seterusnya diikuti sepuluh tahun berikutnya pada sekitar tahun 1976 fatwa zakat dikesan dari Pulau Pinang. Berkemungkinan negeri Kedah adalah negeri terawal mempunyai sistem catatan dan simpanan rekod yang baik berbanding negeri-negeri lain terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan.

⁶⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 18 Ogos 2014.

3.3.2 Pengelasan Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia

Fatwa-fatwa zakat di Malaysia boleh dikategorikan kepada dua iaitu; pertama, koleksi fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri⁶⁶ di Malaysia; dan kedua, fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan oleh MJFMK. Koleksi fatwa-fatwa zakat tersebut telah diperolehi dari buku keputusan MJFMK⁶⁷, portal rasmi fatwa Malaysia⁶⁸, laman web Pejabat Mufti Negeri-negeri dan buku-buku koleksi fatwa-fatwa.

Kaedah penganalisan sandaran pandangan fatwa zakat dilakukan dengan meneliti sumber rujukan fatwa dan pandangan hukum yang dibuat oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa mengikut tiga kategori iaitu pertama, fatwa yang jelas menyebut pandangan ulama Shafi'iyah, rujukan bersumberkan kitab fiqh mazhab Syafie atau selari dengan pandangan mazhab Syafie; kedua, fatwa yang jelas merujuk kepada pendapat mazhab-mazhab lain; dan ketiga, fatwa yang jelas merujuk kepada pendapat sarjana kontemporari.

Jadual-jadual di bawah akan menunjukkan penganalisan terhadap fatwa-fatwa zakat dari sudut sandaran pandangan keputusan fatwa zakat yang telah dikeluarkan mengikut negeri-negeri dan MJFMK.

⁶⁶ Setiap negeri berbeza nama jawatankuasa fatwa.

⁶⁷ JAKIM, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia* (Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM, 2009).

⁶⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat>

3.3.2.1 Fatwa Zakat Negeri Perak

Jadual 3.2. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Perak

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Perakuan keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan mengenai penetapan kadar zakat fitrah	/		
2	Permohonan menetapkan dasar pemberian zakat dan fitrah kepada keturunan Syed oleh Majlis Agama Islam Perak	/		
3	Zakat atas gaji / pendapatan	/		
4	Fatwa mengenai kadar wajib zakat tanaman	/		

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perak dari tahun 1990 hingga 2011 adalah merangkumi fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Terdapat dua fatwa yang diwartakan berkaitan isu zakat iaitu fatwa tentang zakat atas gaji atau pendapatan⁶⁹ yang diputuskan pada 22 Mac 1990 dan fatwa mengenai kadar wajib zakat tanaman⁷⁰ yang diputuskan pada 9 Mei 2011. Manakala fatwa zakat yang tidak diwartakan pula terdapat dua iaitu permohonan menetapkan dasar pemberian zakat dan fitrah kepada keturunan Syed oleh Majlis Agama Islam Perak⁷¹ yang diputuskan pada 10 April 2003 dan perakuan keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan mengenai penetapan kadar zakat fitrah⁷² yang diputuskan pada 8 Julai 2004.

⁶⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-atas-gaji-pendapatan-0>

⁷⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-kadar-wajib-zakat-tanaman>

⁷¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permohonan-menetapkan-dasar-pemberian-zakat-dan-fitrah-kepada-keturunan-syed-oleh-0>

⁷² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-perakuan-keputusan-muzakarah-fatwa-majlis-kebangsaan-mengenai-penetapan-kadar-0>

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perak di atas, didapati fatwa mengenai penetapan kadar zakat fitrah, fatwa pemberian zakat dan fitrah kepada keturunan Syed, fatwa kadar wajib zakat tanaman dan fatwa zakat gaji atau pendapatan adalah bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Berkaitan fatwa zakat gaji atau pendapatan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perak sebenarnya adalah tidak selaras dengan fatwa-fatwa negeri-negeri lain⁷³ dan juga fatwa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan⁷⁴ yang telah memfatwakan kewajipan zakat gaji tanpa perlu menunggu *hawl* sebagaimana pandangan popular yang dikeluarkan oleh al-Qaradāwī.

3.3.2.2 Fatwa Zakat Negeri Johor

Jadual 3.3. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Johor

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Hukum menggunakan wang zakat asnaf untuk diberikan kepada kumpulan penyelidikkan al quran braile elektronik untuk kegunaan golongan orang kurang upaya (OKU)	/		
2	Pengeluaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	/		
3	Keharusan bayaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran atau penerimaan	/		
4	Pembayaran zakat perniagaan	/		
5	Zakat KWSP: Wajib atau Tidak?	/		
6	Zakat fitrah ke atas tahanan dan banduan Islam di institusi penjara	/		
7	Zakat gaji dan pendapatan			/

Sumber: Pelbagai

⁷³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-dan-pendapatan>; <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>; <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-0>.

⁷⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-pendapatan-professional-2>

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dari tahun 2000 hingga 2013 adalah merangkumi fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Terdapat satu sahaja fatwa yang diwartakan iaitu fatwa zakat KWSP: wajib atau tidak⁷⁵ yang diputuskan pada 1 April 2008. Manakala fatwa zakat yang tidak diwartakan pula terdapat enam fatwa iaitu hukum menggunakan wang zakat asnaf untuk diberikan kepada kumpulan penyelidikan al-Quran braile elektronik untuk kegunaan golongan orang kurang upaya (OKU)⁷⁶ yang diputuskan pada 7 Ogos 2013, pengeluaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)⁷⁷ yang diputuskan pada 21 Jun 2012, keharusan bayaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran atau penerimaan⁷⁸ yang diputuskan pada 14 Jun 2012, pembayaran zakat perniagaan⁷⁹ yang diputuskan pada 8 September 2010, zakat fitrah ke atas tahanan dan banduan Islam di institusi penjara⁸⁰ yang diputuskan pada 18 Oktober 2001 dan zakat gaji dan pendapatan⁸¹ yang diputuskan pada 17 April 2000.

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor di atas, didapati semua keputusan fatwa adalah bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie kecuali fatwa zakat gaji dan pendapatan yang menggunakan pandangan ulama semasa iaitu al-Qaraḍāwī.

⁷⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-kwsp-wajib-atau-tidak-0>

⁷⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-menggunakan-wang-zakat-asnaf-untuk-diberikan-kepada-kumpulan-penyelidikan-al-qur>

⁷⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pengeluaran-zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp>

⁷⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/keharusan-bayaran-zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp-sejurus-pengeluaran-atau-pe>

⁷⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-perniagaan>

⁸⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-fitrah-ke-atas-tahanan-dan-banduan-islam-di-institusi-penjara-0>

⁸¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-dan-pendapatan>

3.3.2.3 Fatwa Zakat Negeri Kedah

Jadual 3.4. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Kedah

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Zakat tanaman / pertanian	/		
2	Hukum pemberian zakat bapa kepada anak lelakinya yang berhutang	/		
3	Pembayaran zakat fitrah dengan wang		/	
4	Zakat tanaman pertanian	/		
5	Pindah zakat	/		
6	Memberi zakat kepada ibu bapa	/		
7	Pemberian zakat kepada asnaf	/		
8	Fatwa penanaman padi secara berkelompok ⁸²		/	

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dari tahun 1965 hingga 2008 kesemuanya tidak diwartakan. Terdapat lapan fatwa zakat antaranya ialah zakat tanaman atau pertanian⁸³ yang diputuskan pada 30 Januari 2008, hukum pemberian zakat bapa kepada anak lelakinya yang berhutang⁸⁴ yang diputuskan pada 26 Julai 2007, fatwa penanaman padi secara berkelompok⁸⁵ yang diputuskan pada 13 Oktober 1996, pembayaran zakat fitrah dengan wang⁸⁶ yang diputuskan pada 11 November 1989, zakat tanaman pertanian⁸⁷ yang diputuskan pada 15 Julai 1968, pindah zakat⁸⁸ yang diputuskan pada 19 Mei 1968, memberi zakat

⁸² Jabatan Mufti Negeri Kedah, *Himpunan Fatwa Jilid 2* (Kedah: Jabatan Mufti negeri Kedah, t.t.), 8-9.

⁸³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-tanamanpertanian>

⁸⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pemberian-zakat-bapa-kepada-anak-lelakinya-yang-berhutang>

⁸⁵ Jabatan Mufti negeri Kedah, *Himpunan Fatwa Jilid 2*, 8-9.

⁸⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-dengan-wang>

⁸⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-tanaman-pertanian-0>

⁸⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pindah-zakat>

kepada ibu bapa⁸⁹ yang diputuskan pada 26 November 1966 dan pemberian zakat kepada asnaf⁹⁰ yang diputuskan pada 6 Januari 1965.

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah di atas, didapati keputusan fatwa zakat tanaman pertanian, hukum pemberian zakat bapa kepada anak lelakinya yang berhutang, pindah zakat, memberi zakat kepada ibu bapa, dan pemberian zakat kepada asnaf adalah bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Manakala fatwa pembayaran zakat fitrah dengan wang adalah diputuskan dengan bertaqlid kepada mazhab Hanafi, begitu juga dengan fatwa penanaman padi secara berkelompok.

3.3.2.4 Fatwa Zakat Negeri Kelantan

Jadual 3.5. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Kelantan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Hukum memberi zakat kepada orang bukan Islam bagi tujuan dakwah	/		
2	Perincian tentang tafsiran asnaf lapan dan kadar zakat yang ditetapkan kepada setiap asnaf	/		
3	Fatwa penggunaan kumpulan wang zakat bagi bantuan penyelenggaraan tanah kubur	/		
4	Fatwa berhubung dengan zakat padi		/	
5	Fatwa mengenai zakat harta-harta pendapatan			/
6	Fatwa mengenai zakat penggajian			/
7	Fatwa mengenai bayaran zakat gaji bulanan yang dibuat oleh majikan dengan izin atau permintaan pembayar zakat itu sendiri			/

⁸⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/memberi-zakat-kepada-ibubapa>

⁹⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pemberian-zakat-kepada-asnaf>

Jadual 3.5. sambungan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
8	Fatwa mengenai urusan zakat dan pengurusan wang awam Majlis Agama Islam Kelantan	/		
9	Fatwa mengenai projek ekonomi dengan pendapatan wang zakat	/		
10	Mengenai pemindahan zakat ke daerah lain	/		

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan oleh Jama'ah Ulama Negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2007 adalah kesemuanya tidak diwartakan. Terdapat sepuluh fatwa zakat antaranya ialah hukum memberi zakat kepada orang bukan Islam bagi tujuan dakwah⁹¹ yang diputuskan pada 28 Oktober 2007, perincian tentang tafsiran asnaf lapan dan kadar zakat yang ditetapkan kepada setiap asnaf⁹² yang diputuskan pada 28 Oktober 2007, fatwa penggunaan kumpulan wang zakat bagi bantuan penyelenggaraan tanah kubur⁹³ yang diputuskan pada 24 Ogos 2003, fatwa berhubung dengan zakat padi⁹⁴ yang diputuskan pada 12 September 1999, fatwa mengenai zakat harta-harta pendapatan⁹⁵ yang diputuskan pada 12 September 1999, fatwa mengenai zakat penggajian⁹⁶ yang diputuskan pada 16 Mac 1999, fatwa mengenai bayaran zakat gaji bulanan yang dibuat oleh majikan dengan izin atau permintaan pembayar zakat itu

⁹¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-memberi-zakat-kepada-orang-bukan-islam-bagi-tujuan-dakwah>

⁹² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perincian-tentang-tafsiran-asnaf-lapan-dan-kadar-zakat-yang-ditetapkan-kepada-setiap>

⁹³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-penggunaan-kumpulan-wang-zakat-bagi-bantuan-penyelenggaraan-tanah-kubur>

⁹⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-berhubung-dengan-zakat-padi-dari-projek-penanaman-padi-yang-diusahakan-secara>

⁹⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-zakat-harta-harta-pendapatan>

⁹⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-zakat-penggajian>

sendiri⁹⁷ yang diputuskan pada 17 April 1995, fatwa mengenai urusan zakat dan pengurusan wang awam Majlis Agama Islam Kelantan⁹⁸ yang diputuskan pada 18 Ogos 1993, fatwa mengenai projek ekonomi dengan pendapatan wang zakat⁹⁹ yang diputuskan pada 8 Disember 1991 dan mengenai pemindahan zakat ke daerah lain¹⁰⁰ yang diputuskan pada 1 Disember 1990.

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jama'ah Ulama Negeri Kelantan di atas, didapati keputusan fatwa berkaitan hukum memberi zakat kepada orang bukan Islam bagi tujuan dakwah, perincian tentang tafsiran asnaf lapan dan kadar zakat yang ditetapkan kepada setiap asnaf, fatwa penggunaan kumpulan wang zakat bagi bantuan penyelenggaraan tanah kubur, fatwa mengenai urusan zakat dan pengurusan wang awam Majlis Agama Islam Kelantan, fatwa mengenai projek ekonomi dengan pendapatan wang zakat dan fatwa mengenai pemindahan zakat ke daerah lain adalah dilihat bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Manakala fatwa yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie ialah fatwa berhubung dengan zakat padi, fatwa mengenai zakat harta-harta pendapatan, fatwa mengenai zakat penggajian, fatwa mengenai bayaran zakat gaji bulanan yang dibuat oleh majikan dengan izin atau permintaan pembayar zakat itu sendiri.

⁹⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>

⁹⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-urusan-zakat-dan-pengurusan-wang-awam-majlis-agama-islam-kelantan>

⁹⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-projek-ekonomi-dengan-pendapatan-wang-zakat>

¹⁰⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/mengenai-pemindahan-zakat-ke-daerah-lain-0>

3.3.2.5 Fatwa Zakat Negeri Melaka

Jadual 3.6. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Melaka

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Pembayaran zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS) bersama syarikat DIGI			/
2	Pembayaran zakat menggunakan mana-mana kad kredit Islamik			/
3	Membayar zakat fitrah melalui khidmat sistem pesanan ringkas (SMS)			/
4	Penetapan semula kadar 'uruf pemakaian emas di negeri Melaka dan kaedah pengiraan zakat ke atasnya	/		
5	Hukum pelaburan menggunakan wang zakat	/		
6	Kaedah pengiraan zakat harta bagi negeri Melaka	/		
7	Kaedah pengiraan kadar nisab zakat harta bagi negeri Melaka	/		
8	Keharusan membayar zakat melalui kad kredit/Bank Islam dan kewajipan qadha' zakat			/
9	Kaedah pengurusan lebihan agihan zakat negeri Melaka	/		
10	Hukum pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS)			/
11	Hukum memasukkan lebihan agihan zakat negeri Melaka ke dalam tabung Baitulmal	/		
12	Permohonan menetapkan kadar zakat fitrah negeri Melaka bagi tahun 1426H/2005M		/	
13	Permohonan menetapkan kadar zakat fitrah negeri Melaka bagi tahun 1425H/2004M		/	
14	Zakat pendapatan			/

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka dari tahun 2000 hingga 2014 adalah merangkumi fatwa yang diwartakan dan fatwa yang

tidak diwartakan. Terdapat sepuluh fatwa yang diwartakan iaitu fatwa pembayaran zakat menggunakan mana-mana kad kredit Islamik¹⁰¹ yang diputuskan pada 26 Februari 2014, fatwa membayar zakat fitrah melalui khidmat sistem pesanan ringkas (SMS)¹⁰² yang diputuskan pada 25 Februari 2011, fatwa penetapan semula kadar 'uruf pemakaian emas di negeri Melaka dan kaedah pengiraan zakat ke atasnya¹⁰³ yang diputuskan pada 27 April 2010, hukum pelaburan menggunakan wang zakat¹⁰⁴ yang diputuskan pada 3 Jun 2009, kaedah pengiraan zakat harta bagi negeri Melaka¹⁰⁵ yang diputuskan pada 2 April 2009, kaedah pengiraan kadar nisab zakat harta bagi negeri Melaka¹⁰⁶ yang diputuskan pada 2 Februari 2009, keharusan membayar zakat melalui kad kredit/Bank Islam dan kewajipan qadha' zakat¹⁰⁷ yang diputuskan pada 18 Disember 2008, kaedah pengurusan lebihan agihan zakat negeri Melaka¹⁰⁸ yang diputuskan pada 18 Disember 2008, hukum pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS)¹⁰⁹ yang diputuskan pada 11 September 2008 dan zakat pendapatan¹¹⁰ yang diputuskan pada 22 Mei 2000.

¹⁰¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-menggunakan-mana-mana-kad-kredit-islamik>

¹⁰² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/membayar-zakat-fitrah-melalui-khidmat-sistem-pesanan-ringkas-sms>

¹⁰³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penetapan-semula-kadar-uruf-pemakaian-emas-di-negeri-melaka-dan-kaedah-pengiraan-zaka-0>

¹⁰⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pelaburan-menggunakan-wang-zakat>

¹⁰⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengiraan-zakat-harta-bagi-negeri-melaka>

¹⁰⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengiraan-kadar-nisab-zakat-harta-bagi-negeri-melaka>

¹⁰⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/keharusan-membayar-zakat-melalui-kad-kreditbank-islam-dan-kewajipan-qadha-zakat>

¹⁰⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengurusan-lebihan-agihan-zakat-negeri-melaka>

¹⁰⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pembayaran-zakat-fitrah-melalui-khidmat-pesanan-ringkas-sms>

¹¹⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pendapatan-1>

Manakala fatwa zakat yang tidak diwartakan pula terdapat empat fatwa iaitu pembayaran zakat fitrah melalui SMS bersama syarikat DIGI¹¹¹ yang diputuskan pada 26 Jun 2014, hukum memasukkan lebih agihan zakat negeri Melaka ke dalam tabung Baitulmal¹¹² yang diputuskan pada 2 Mac 2006, permohonan menetapkan kadar zakat fitrah negeri Melaka bagi tahun 1426H/2005M¹¹³ yang diputuskan pada 18 Ogos 2005 dan permohonan menetapkan kadar zakat fitrah negeri Melaka bagi tahun 1425H/2004M¹¹⁴ diputuskan pada 25 Ogos 2004.

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Melaka di atas, terdapat enam keputusan fatwa dilihat bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie iaitu berkaitan fatwa penetapan semula kadar 'uruf pemakaian emas di negeri Melaka dan kaedah pengiraan zakat ke atasnya, hukum pelaburan menggunakan wang zakat, kaedah pengiraan zakat harta bagi negeri Melaka, kaedah pengiraan kadar nisab zakat harta bagi negeri Melaka, kaedah pengurusan lebih agihan zakat negeri Melaka dan hukum memasukkan lebih agihan zakat negeri Melaka ke dalam tabung Baitulmal.

Manakala fatwa yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie terdapat lapan fatwa iaitu pembayaran zakat fitrah melalui SMS bersama syarikat DIGI, fatwa pembayaran zakat menggunakan mana-mana kad kredit Islamik, fatwa membayar zakat fitrah melalui khidmat sistem pesanan ringkas (SMS), keharusan membayar zakat melalui kad kredit/Bank Islam dan kewajipan qadha' zakat, hukum pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), permohonan menetapkan kadar zakat

¹¹¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-melalui-sms-bersama-syarikat-digi>

¹¹² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-memasukkan-lebih-agihan-zakat-negeri-melaka-ke-dalam-tabung-baitulmal>

¹¹³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permohonan-menetapkan-kadar-zakat-fitrah-negeri-melaka-bagi-tahun-1426h2005m-0>

¹¹⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permohonan-menetapkan-kadar-zakat-fitrah-negeri-melaka-bagi-tahun-1425h2004m>

fitrah negeri Melaka bagi tahun 1426H/2005M, permohonan menetapkan kadar zakat fitrah negeri Melaka bagi tahun 1425H/2004M dan zakat pendapatan.

3.3.2.6 Fatwa Zakat Negeri Sembilan

Jadual 3.7. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Sembilan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Hukum zakat fitrah ke atas orang tahanan atau banduan Islam di penjara	/		
2	Hukum memberi zakat orang bukan Islam bagi tujuan dakwah	/		
3	Hukum agihan zakat secara persendirian	/		
4	Bayaran zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS)			/
5	Pembayaran zakat menggunakan kad kredit			/
6	Nisab zakat harta dan kadar zakat fitrah		/	
7	Zakat pendapatan			/

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan dari tahun 1998 hingga 2014 adalah merangkumi fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Terdapat dua fatwa yang diwartakan iaitu fatwa nisab zakat harta dan kadar zakat fitrah¹¹⁵ yang diputuskan pada 7 Oktober 2002 dan fatwa zakat pendapatan¹¹⁶ yang diputuskan pada 8 Jun 1998. Manakala fatwa zakat yang tidak diwartakan pula terdapat lima fatwa iaitu hukum zakat fitrah ke atas orang tahanan atau banduan Islam di penjara¹¹⁷ yang diputuskan pada 22 Mei 2014, hukum memberi zakat

¹¹⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/nisab-zakat-harta-dan-kadar-zakat-fitrah-0>

¹¹⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pendapatan-2>

¹¹⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-zakat-fitrah-ke-atas-orang-tahanan-banduan-islam-di-penjara>

orang bukan Islam bagi tujuan dakwah¹¹⁸ yang diputuskan pada 11 Disember 2012, hukum agihan zakat secara persendirian¹¹⁹ yang diputuskan pada 24 September 2012, bayaran zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS)¹²⁰ yang diputuskan pada 5 Ogos 2009 dan pembayaran zakat menggunakan kad kredit¹²¹ yang diputuskan pada 30 Jun 2009.

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan di atas, terdapat tiga keputusan fatwa dilihat bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie iaitu berkaitan fatwa hukum zakat fitrah ke atas orang tahanan atau banduan Islam di penjara, hukum memberi zakat orang bukan Islam bagi tujuan dakwah dan hukum agihan zakat secara persendirian. Manakala fatwa yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie terdapat empat fatwa iaitu fatwa bayaran zakat fitrah melalui sistem pesanan ringkas (SMS), fatwa pembayaran zakat menggunakan kad kredit, fatwa nisab zakat harta dan kadar zakat fitrah dan fatwa zakat pendapatan.

3.3.2.7 Fatwa Zakat Negeri Pulau Pinang

Jadual 3.8. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Pulau Pinang

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Zakat penggajian			/
2	Isu sumber zakat sebagai pinjaman	/		
3	Perlantikan LHDN sebagai amil zakat	/		
4	Wang zakat	/		

¹¹⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-memberi-zakat-orang-bukan-islam-bagi-tujuan-dakwah>

¹¹⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-agihan-zakat-secara-persendirian>

¹²⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bayaran-zakat-fitrah-melalui-sistem-pesanan-ringkassms>

¹²¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-menggunakan-kad-kredit>

Jadual 3.8. sambungan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
5	Zakat padi	/		
6	Perlantikan pegawai zakat	/		
7	Zakat wang simpanan masjid	/		
8	Zakat fitrah anak angkat	/		

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang dari tahun 1976 hingga 2001 adalah merangkumi fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Terdapat satu sahaja fatwa yang diwartakan iaitu fatwa zakat pengajian¹²² yang diputuskan pada 26 April 2001. Manakala fatwa zakat yang tidak diwartakan pula terdapat tujuh fatwa iaitu fatwa isu sumber zakat sebagai pinjaman¹²³ yang diputuskan pada 13 Mei 2000, fatwa perlantikan LHDN sebagai amil zakat¹²⁴ yang diputuskan pada 14 Januari 1998, fatwa wang zakat¹²⁵ yang diputuskan pada 14 Januari 1998, fatwa zakat padi¹²⁶ yang diputuskan pada 8 Oktober 1996, fatwa perlantikan pegawai zakat¹²⁷ yang diputuskan pada 29 Mei 1995, fatwa zakat wang simpanan masjid¹²⁸ yang diputuskan pada 4 Mei 1983 dan fatwa zakat fitrah anak angkat¹²⁹ yang diputuskan pada 1 Oktober 1976.

¹²² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-penggajian-1>

¹²³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/isu-sumber-zakat-sebagai-pinjaman-0>

¹²⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perlantikan-lhdn-sebagai-amil-zakat-0>

¹²⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/wang-zakat-0>

¹²⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-padi-1>

¹²⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perlantikan-pegawai-zakat-0>

¹²⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-wang-simpanan-masjid-0>

¹²⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-fitrah-anak-angkat>

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang di atas, terdapat tujuh keputusan fatwa dilihat bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie iaitu berkaitan fatwa isu sumber zakat sebagai pinjaman, fatwa perlantikan LHDN sebagai amil zakat, fatwa wang zakat, fatwa zakat padi, fatwa perlantikan pegawai zakat, fatwa zakat wang simpanan masjid dan fatwa zakat fitrah anak angkat. Manakala fatwa yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie terdapat satu sahaja iaitu fatwa zakat penggajian yang menggunakan pandangan ulama semasa iaitu al-Qaradāwī.

3.3.2.8 Fatwa Zakat Negeri Sarawak

Jadual 3.9. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Sarawak

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Hukum pengeluaran dan penerimaan zakat bagi yang telah diisytiharkan muflis	/		
2	Manual agihan zakat	/		
3	Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran – satu alternatif	/		
4	Penyelarasan kaedah penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia		/	
5	Pungutan zakat gaji melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	/		
6	Zakat syarikat koperasi	/		
7	Zakat gaji			/

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak dari tahun 1996 hingga 2010 adalah kesemuanya tidak diwartakan. Terdapat tujuh fatwa yang tidak diwartakan iaitu fatwa hukum pengeluaran dan penerimaan zakat bagi yang

telah diisytiharkan muflis¹³⁰ yang diputuskan pada 13 Julai 2010, fatwa manual agihan zakat¹³¹ yang diputuskan pada 15 April 2008, fatwa zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran – satu alternatif¹³² yang diputuskan pada 14 November 2007, fatwa penyelarasan kaedah penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia¹³³ yang diputuskan pada 27 Jun 2002, fatwa pungutan zakat gaji melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri¹³⁴ yang diputuskan pada 18 Oktober 1997, fatwa zakat syarikat koperasi¹³⁵ yang diputuskan pada 23 November 1996 dan fatwa zakat gaji¹³⁶ yang diputuskan pada 23 November 1996.

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak di atas, terdapat lima keputusan fatwa dilihat bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie iaitu berkaitan fatwa hukum pengeluaran dan penerimaan zakat bagi yang telah diisytiharkan muflis, fatwa manual agihan zakat, fatwa zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran – satu alternatif, fatwa pungutan zakat gaji melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri dan fatwa zakat syarikat koperasi. Manakala fatwa yang tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie terdapat dua iaitu fatwa zakat gaji yang menggunakan pandangan ulama semasa iaitu al-Qaradāwī dan fatwa penyelarasan kaedah penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia yang menggunakan pandangan mazhab Hanafi.

¹³⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pengeluaran-dan-penerimaan-zakat-bagi-yang-telah-diisytiharkan-muflis>

¹³¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/manual-agihan-zakat>

¹³² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp-sejurus-pengeluaran-satu-alternatif>

¹³³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penyelarasan-kaedah-penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia-0>

¹³⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pungutan-zakat-gaji-melalui-lembaga-hasil-dalam-negeri-0>

¹³⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-syarikat-koperasi-0>

¹³⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-0>

3.3.2.9 Fatwa Zakat Negeri Selangor

Jadual 3.10. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Selangor

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Menetapkan harga zakat fitrah negeri Selangor tahun 1430H/2009M		/	
2	Zakat ke atas pendapatan felda dan syarikat-syarikatnya	/		
3	Bayaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran- satu alternatif	/		
4	Harga zakat fitrah negeri Selangor bagi tahun 1428H/2007M		/	
5	Hukum mengagihkan zakat secara persendirian dan qada	/		
6	Kutipan zakat padi melalui pemotongan terus dari kupon subsidi padi di negeri Selangor	/		
7	Fatwa tentang hukum zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultan	/		
8	Penyelarasan kaedah penentuan harga zakat fitrah seluruh malaysia		/	
9	Pembayaran zakat melalui kad kredit/kad Bank Islam			/
10	Pengesahan status modal berbayar dan pendahuluan MAIS dalam kepada MAIS Zakat sdn. bhd.	/		
11	Menentukan satu kaedah tetap bagi zakat KWSP	/		
12	Fatwa tentang zakat ke atas syarikat yang dimiliki oleh pelbagai jenis pemegang saham yang bercampur Muslim dan non-Muslim	/		
13	Fatwa tentang harga zakat padi	/		
14	Fatwa tentang kaedah pembayaran zakat KWSP	/		
15	Fatwa tentang zakat pendapatan			/
16	Pembayaran zakat melalui perkhidmatan Maybank2u (internet)			/
17	Pelaburan harta zakat bahagian asnaf amil	/		
18	Cadangan mewujudkan kad ahli zakat	/		
19	Penetapan kadar upah amil zakat fitrah di negeri Selangor	/		

Jadual 3.10. sambungan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
20	Wang koperasi serbaguna Pegemas Berhad dan bayaran / mengeluarkan zakat	/		
21	Zakat komoditi utama seperti: kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, nenas dan lain-lain	/		
22	Bagaimana caranya koperasi mengeluarkan zakat	/		

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor dari tahun 1986 hingga 2009 merangkumi fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Terdapat dua belas fatwa yang diwartakan iaitu fatwa menetapkan harga zakat fitrah negeri Selangor tahun 1430H/2009M¹³⁷ yang diputuskan pada 18 Mac 2009, zakat ke atas pendapatan felda dan syarikat-syarikatnya¹³⁸ yang diputuskan pada 7 Jun 2007, bayaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran - satu alternatif¹³⁹ yang diputuskan pada 7 Jun 2007, harga zakat fitrah negeri Selangor bagi tahun 1428H/2007M¹⁴⁰ yang diputuskan pada 9 April 2007, hukum mengagihkan zakat secara persendirian dan qada¹⁴¹ yang diputuskan pada 9 April 2007, kutipan zakat padi melalui pemotongan terus dari kupon subsidi padi di negeri Selangor¹⁴² yang diputuskan pada 18 April 2005,

¹³⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/menetapkan-harga-zakat-fitrah-negeri-selangor-tahun-1430h2009m>

¹³⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-ke-atas-pendapatan-felda-dan-syarikat-syarikatnya-0>

¹³⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bayaran-zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp-sejurus-pengeluaran-satu-alternatif-0>

¹⁴⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/harga-zakat-fitrah-negeri-selangor-bagi-tahun-1428h2007m-0>

¹⁴¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-mengagihkan-zakat-secara-persendirian-dan-qada>

¹⁴² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kutipan-zakat-padi-melalui-pemotongan-terus-dari-kupon-subsidi-padi-di-negeri-selangor>

fatwa tentang hukum zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultan¹⁴³ yang diputuskan pada 24 Julai 2002, fatwa menentukan satu kaedah tetap bagi zakat KWSP¹⁴⁴ yang diputuskan pada 30 Ogos 2001, fatwa tentang zakat ke atas syarikat yang dimiliki oleh pelbagai jenis pemegang saham yang bercampur Muslim dan non-Muslim¹⁴⁵ yang diputuskan pada 24 Julai 2001, fatwa tentang harga zakat padi¹⁴⁶ yang diputuskan pada 22 Mei 2001, fatwa tentang kaedah pembayaran zakat KWSP¹⁴⁷ yang diputuskan pada 22 Mei 2001 dan fatwa tentang zakat pendapatan¹⁴⁸ yang diputuskan pada 16 Januari 2001.

Manakala fatwa zakat yang tidak diwartakan pula terdapat sepuluh fatwa iaitu fatwa penyelarasan kaedah penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia yang diputuskan pada 16 April 2002, fatwa pembayaran zakat melalui kad kredit/kad Bank Islam yang diputuskan pada 19 Februari 2002, fatwa pengesahan status modal berbayar dan pendahuluan MAIS dalam kepada MAIS Zakat Sdn. Bhd. yang diputuskan pada 15 November 2001, fatwa pembayaran zakat melalui perkhidmatan Maybank2u (internet) yang diputuskan pada 16 Januari 2001, fatwa pelaburan harta zakat bahagian asnaf amil yang diputuskan pada 23 Ogos 1999, fatwa cadangan mewujudkan kad ahli zakat yang diputuskan pada 21 Jun 1999, penetapan kadar upah amil zakat fitrah di negeri Selangor yang diputuskan pada 19 Januari 1998, wang koperasi serbaguna Pegemas Berhad dan bayaran / mengeluarkan zakat yang diputuskan pada 15 Jun 1993, zakat komoditi utama seperti: kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, nenas serta lain-lain yang diputuskan

¹⁴³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-hukum-zakat-ke-atas-firma-firma-dan-syarikat-konsultan>

¹⁴⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/menentukan-satu-kaedah-tetap-bagi-zakat-kwsp>

¹⁴⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-ke-atas-syarikat-yang-dimiliki-oleh-pelbagai-jenis-pemegang-saham>

¹⁴⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-harga-zakat-padi>

¹⁴⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-kaedah-pembayaran-zakat-kwsp>

¹⁴⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-pendapatan>

pada 22 Oktober 1992 dan bagaimana caranya koperasi mengeluarkan zakat yang diputuskan pada 18 Oktober 1986.

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor di atas, terdapat enam keputusan fatwa dilihat tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Antaranya ialah fatwa menetapkan harga zakat fitrah negeri Selangor tahun 1430H/2009M, fatwa harga zakat fitrah negeri Selangor bagi tahun 1428H/2007M dan penyelarasan kaedah penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia yang menggunakan pandangan mazhab Hanafi. Seterusnya adalah fatwa tentang zakat pendapatan yang menggunakan pandangan ulama semasa iaitu al-Qaraḍāwī. Akhir sekali fatwa pembayaran zakat melalui kad kredit/kad Bank Islam dan fatwa pembayaran zakat melalui perkhidmatan Maybank2u (internet) menggunakan pandangan sarjana hukum kontemporari.

3.3.2.10 Fatwa Zakat Negeri Terengganu

Jadual 3.11. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Terengganu

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Kajian semula upah amil zakat (orang perseorangan) 1/8 bahagian	/		
2	Pembayaran zakat oleh syarikat senaraian awam	/		
3	Pengelasan jenis zakat	/		
4	Zakat bagi kegunaan pengurusan MAIDAM	/		
5	Wang zakat terkumpul	/		
6	Pembayaran zakat fitrah melalui sistem khidmad pesanan ringkas (SMS)			/
7	Pembiayaan kewangan kepada gadaian Islam melalui peruntukan wang zakat	/		
8	Mohon pandangan mengenai zakat perhiasan wanita	/		

Jadual 3.11. sambungan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
9	Pengeluaran zakat emas yang dilombong oleh syarikat kerajaan	/		
10	Zakat sinf fisabilillah bagi membayar gaji penguatkuasa syariah kontrak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	/		
11	Zakat dari sinf fisabilillah untuk membayar gaji kakitangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	/		
12	Wang zakat bagi menampung perbelanjaan pengurusan muassasah gadaian Islam Terengganu	/		
13	Zakat bagi membayar gaji kakitangan zakat dan elaun mubaligh	/		
14	Hasil keuntungan/wang hibah (simpanan pelaburan) menerusi akaun zakat	/		
15	Kajian kemungkinan wang zakat digunakan bagi membayar gaji kakitangan zakat dan elaun mubaligh	/		
16	Kaedah bagi menentukan harga zakat fitrah untuk seluruh negeri		/	
17	Cara niat zakat melalui borang pungutan gaji			/
18	Wang zakat untuk bantuan kepada pesakit buah pinggang	/		
19	Zakat padi: adakah dikenakan setelah ditolak kos		/	
20	Kaedah pengiraan zakat gaji			/
21	Pembayaran zakat gaji melalui potongan gaji bulanan			/
22	Zakat perniagaan	/		
23	Skim bantuan zakat butir sinf ibnu sabil	/		
24	Zakat padi yang dikendalikan secara mini estet oleh Pertubuhan Peladang	/		
25	Wang dividen daripada zakat yang disimpan di dalam bank	/		
26	Zakat wang KWSP	/		
27	Sistem zakat secara korporat	/		
28	Zakat gaji dan bayaran bulanan			/
29	Skim bantuan zakat di bawah sinf al-gharimin	/		
30	Skim zakat kepada orang yang berhutang	/		
31	Zakat pertanian	/		

Jadual 3.11. sambungan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
32	Zakat padi	/		
33	Skim pelaburan di bawah akaun khas zakat	/		
34	Pengagihan asnaf-asnaf zakat	/		
35	Wang zakat (asnaf fakir/miskin)	/		

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu adalah kesemuanya tidak diwartakan dari tahun 1988 hingga 2010. Terdapat tiga puluh lima fatwa zakat yang tidak diwartakan seperti di dalam jadual di atas. Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu di atas, terdapat empat keputusan fatwa dilihat tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Antaranya ialah fatwa kaedah bagi menentukan harga zakat fitrah untuk seluruh negeri¹⁴⁹ dan zakat padi: adakah dikenakan setelah ditolak kos¹⁵⁰ yang menggunakan pandangan mazhab Hanafi. Seterusnya adalah fatwa zakat gaji serta bayaran bulanan¹⁵¹, cara niat zakat melalui borang pungutan gaji¹⁵², kaedah pengiraan zakat gaji¹⁵³ dan pembayaran zakat gaji melalui potongan gaji bulanan¹⁵⁴ yang menggunakan pandangan ulama semasa iaitu al-

¹⁴⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-bagi-menentukan-harga-zakat-fitrah-untuk-seluruh-negeri-0>

¹⁵⁰ Keputusan Fatwa Negeri Terengganu, dicapai 24 Januari 2016, <http://mufti.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/media/38/3b588319aa294496c924006279bc2886.pdf>

¹⁵¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-2>

¹⁵² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cara-niat-zakat-melalui-borang-pungutan-gaji-0>

¹⁵³ Keputusan Fatwa Negeri Terengganu, dicapai 24 Januari 2016, <http://mufti.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/media/38/3b588319aa294496c924006279bc2886.pdf>

¹⁵⁴ Keputusan Fatwa Negeri Terengganu, dicapai 24 Januari 2016, <http://mufti.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/media/38/3b588319aa294496c924006279bc2886.pdf>

Qaraḍāwī. Akhir sekali fatwa pembayaran zakat fitrah melalui sistem khidmad pesanan ringkas (SMS)¹⁵⁵ yang menggunakan pandangan sarjana hukum kontemporari.

3.3.2.11 Fatwa Zakat Wilayah Persekutuan

Jadual 3.12. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Wilayah Persekutuan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Isu wang para pembayar yang tidak dikenalpasti bank yang dibuat oleh para pembayar kepada pusat pungutan zakat (PPZ) MAIWP			/
2	Fatwa terhadap kewajipan membayar zakat emas ke atas pelaburan emas	/		
3	Menggunakan wang zakat bagi pelaburan jangka pendek	/		
4	Zakat penggajian			/
5	Perlantikan syarikat sebagai amil	/		
6	Kadar zakat fitrah di Wilayah Persekutuan bagi tahun 1417H/1997M		/	
7	Kadar zakat fitrah di Wilayah Persekutuan bagi tahun 1423H/2002-2003M		/	
8	Kadar zakat fitrah di Wilayah Persekutuan bagi tahun 1427H/2006M		/	

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan adalah terdiri daripada yang diwartakan dan tidak diwartakan bermula tahun 1997 hingga 2004. Terdapat lima fatwa yang diwartakan dan tiga fatwa zakat yang tidak diwartakan seperti di dalam jadual di atas.

Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan di atas, terdapat lima keputusan fatwa yang dilihat tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie.

¹⁵⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-melalui-sistem-khidmad-pesanan-ringkas-sms-0>

Antaranya ialah fatwa kadar zakat fitrah di Wilayah Persekutuan bagi tahun 1417H/1997M¹⁵⁶, bagi tahun 1423H/2002-2003M¹⁵⁷ dan bagi tahun 1427H/2006M¹⁵⁸ yang menggunakan pandangan mazhab Hanafi. Seterusnya adalah fatwa zakat pengajian¹⁵⁹ yang menggunakan pandangan ulama semasa iaitu al-Qaradāwī. Akhir sekali fatwa isu wang para pembayar yang tidak dikenal pasti bank yang dibuat oleh para pembayar kepada pusat pungutan zakat (PPZ) MAIWP¹⁶⁰ yang menggunakan pandangan sarjana hukum kontemporari.

3.3.2.12 Fatwa Zakat Negeri Perlis

Jadual 3.13. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Perlis

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Zakat KWSP	/		
2	Zakat perniagaan saham dan kaedah perlaksanaannya	/		
3	Kaedah penggunaan wang zakat berlebihan	/		
4	Permohonan Zakat kepada pemohon luar negeri Perlis	/		
5	Bagaimanakah mengeluarkan zakat biji-bijian?		/	

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis adalah kesemuanya tidak diwartakan bermula tahun 1988 hingga 1990. Walaupun Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis terkenal memutuskan fatwa tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab, namun terdapat beberapa fatwa yang telah diputuskan

¹⁵⁶ Jabatan Perdana Menteri, *Buku Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2010* (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri, 2012), 7.

¹⁵⁷ *Ibid.*, 9

¹⁵⁸ *Ibid.*, 10

¹⁵⁹ *Ibid.*, 7

¹⁶⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/isu-wang-para-pembayar-yang-tidak-dikenalpasti-bank-yang-dibuat-oleh-para-pembayar-kepa>

kelihatan selari dengan pandangan mazhab Syafie. Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis di atas, terdapat satu sahaja keputusan fatwa yang dilihat tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie iaitu fatwa bagaimanakah mengeluarkan zakat biji-bijian¹⁶¹ yang selari dengan pandangan mazhab Hanafi.

3.3.2.13 Fatwa Zakat Negeri Sabah

Jadual 3.14. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Sabah

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Fatwa zakat fitrah bagi tahun 1424H bersamaan 2003M	/		

Sumber: Pelbagai

Fatwa zakat yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah hanya terdapat satu sahaja iaitu berstatus diwartakan pada tahun 2003. Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa zakat yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Negeri Sabah di atas, keputusan fatwa zakat fitrah¹⁶² tersebut dilihat bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie.

¹⁶¹ Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali ke 14/2014, *Keputusan Berkaitan Zakat Buah-Buahan*, (Hotel Harbour View Kuching Sarawak, 4-5 Mei 2014).

¹⁶² JAKIM, *Buku Fatwa Negeri-Negeri Yang Diwartakan* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), 174.

3.3.2.14 Fatwa Zakat Negeri Pahang

Jadual 3.15. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Negeri Pahang

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Harga beras zakat fitrah	/		

Sumber: Pelbagai

Fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang hanya terdapat satu sahaja iaitu berstatus tidak diwartakan pada tahun 2012. Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang di atas, keputusan fatwa harga beras zakat fitrah¹⁶³ tersebut dilihat bersandarkan kepada pandangan mazhab Hanafi.

3.3.2.15 Fatwa Zakat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Jadual 3.16. Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa Zakat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
1	Status kewajipan zakat ke atas syarikat Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)	/		
2	Kajian semula hukum agihan semula zakat secara persendirian	/		
3	Hukum memberi zakat kepada orang bukan Islam bagi tujuan dakwah	/		
4	Hukum mengagihkan zakat secara persendirian dan qada zakat	/		

¹⁶³ Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang, dicapai 27 Januari 2016, <http://mufti.pahang.gov.my/index.php/2012-12-11-06-41-06/2012-12-11-06-44-13/2012-12-11-06-44-58/2012/60-harga-beras-zakat-fitrah-1433h>

Jadual 3.16. sambungan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
5	Bayaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejurus pengeluaran - Satu alternatif	/		
6	Zakat ke atas pendapatan FELDA dan syarikat-syarikatnya	/		
7	Cadangan supaya bayaran zakat yang disalurkan oleh badan-badan korporat diselaraskan pembayarannya mengikut kelayakan negeri-negeri di Malaysia	/		
8	Zakat Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA)	/		
9	Zakat fitrah ke atas orang tahanan dan banduan Islam di institusi penjara	/		
10	Zakat ke atas syarikat yang dimiliki oleh Tabung Haji	/		
11	Penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia		/	
12	Zakat gaji beserta kadarnya			/
13	Penyelarasan kaedah penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia		/	
14	Zakat syarikat/anak syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB)	/		
15	Zakat ke atas bank-bank dan syarikat-syarikat perniagaan yang berlandaskan syariah yang syarikat induknya di miliki oleh orang bukan Islam	/		
16	Zakat ke atas syarikat yang dimiliki oleh berbagai jenis pemegang saham yang bercampur Muslim Dan Non-Muslim	/		
17	Wanita dan orang bukan Islam sebagai amil zakat gaji dan pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri		/	
18	Zakat ke atas firma-firma dan syarikat konsultan	/		
19	Zakat gaji & pendapatan professional -2			/
20	Hukum zakat korban dan aqiqah ke atas ternakan rusa	/		
21	Zakat gaji & pendapatan professional			/
22	Zakat ke atas syarikat	/		
23	Zakat ke atas MARA	/		
24	Zakat koperasi Shamelin dan seumpamanya	/		
25	Zakat wang KWSP	/		

Jadual 3.16. sambungan

Bil	Tajuk Fatwa	Analisis Sandaran Pandangan Keputusan Fatwa		
		Mazhab Syafie	Mazhab Lain-lain	Pandangan Semasa
26	Sistem metrik dalam urusan zakat	/		
27	Pembayaran zakat oleh Tabung Haji	/		

Sumber: Pelbagai

Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah kesemuanya tidak diwartakan dari tahun 1979 hingga 2012. Terdapat dua puluh tujuh fatwa zakat yang tidak diwartakan seperti di dalam jadual di atas. Setelah dianalisis sandaran pandangan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di atas, terdapat enam keputusan fatwa dilihat tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Antaranya ialah fatwa penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia¹⁶⁴ dan penyelarasan kaedah penentuan harga zakat fitrah seluruh Malaysia¹⁶⁵ yang menggunakan pandangan mazhab Hanafi. Seterusnya zakat gaji beserta kadarnya¹⁶⁶, zakat gaji serta pendapatan professional-(2)¹⁶⁷ dan zakat gaji serta pendapatan professional¹⁶⁸ yang menggunakan pandangan ulama semasa iaitu al-Qaraḍāwī. Akhir sekali fatwa wanita dan orang bukan Islam sebagai amil zakat gaji dan pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri¹⁶⁹ yang menggunakan pandangan sarjana hukum kontemporari.

¹⁶⁴ JAKIM, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, 69.

¹⁶⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penyelarasan-kaedah-penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia>.

¹⁶⁶ JAKIM, *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*, 69.

¹⁶⁷ *Ibid.*, 62-63.

¹⁶⁸ *Ibid.*

¹⁶⁹ *Ibid.*, 67.

3.3.3 Status Pewartaan Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia

Analisis terhadap fatwa-fatwa berkaitan zakat di atas menunjukkan bahawa fatwa-fatwa tersebut boleh dikategorikan sebagai fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Terdapat 34 fatwa zakat diwartakan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri di Malaysia, manakala 157 fatwa zakat lagi tidak diwartakan merangkumi 27 fatwa zakat yang diputuskan oleh MJFMK dan 130 fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri di Malaysia.

3.3.4 Tahun Dikeluarkan Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia

Analisis yang dijalankan ke atas fatwa-fatwa berkaitan zakat tidak dapat mengenal pasti secara tepat maklumat berkaitan tarikh atau tahun pengeluaran dan keputusan fatwa-fatwa zakat serta tarikh mulanya dikeluarkan dan diputuskan sesuatu fatwa zakat. Fatwa-fatwa zakat yang diambil kira untuk tujuan kajian ini adalah meliputi fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri bermula dari tahun 1965 sehingga 2014 dan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh MJFMK bermula dari tahun 1979 sehingga 2012.

3.3.5 Perincian Dan Huraian Keputusan Fatwa

Keputusan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa adalah bersifat ringkas dan kebanyakan tiada menyatakan sumber rujukan yang digunakan. Dalam erti kata lain, fatwa-fatwa tersebut hanya berperanan untuk memberi khidmat penjelasan hukum kepada orang awam dan bukannya untuk disediakan bagi tujuan ilmiah dan akademik yang tinggi. Oleh yang demikian, keputusan fatwa tersebut dikeluarkan dalam format yang ringkas dan tidak disertakan sumber rujukan serta alasan yang berkaitan.

3.3.6 Sandaran Pandangan Dalam Keputusan Fatwa-Fatwa Zakat Di Malaysia

Berdasarkan analisis terhadap fatwa-fatwa zakat yang telah dijalankan, majoriti daripada keputusan-keputusan fatwa adalah bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie dan terdapat sebahagian yang bersandarkan kepada pandangan mazhab-mazhab lain dan ulama kontemporari. Antara pandangan di luar mazhab Syafie yang dijadikan sandaran keputusan fatwa-fatwa zakat di Malaysia ialah pandangan mazhab Hanafi dalam fatwa pengeluaran zakat fitrah dengan wang¹⁷⁰ dan fatwa penolakan kos tanaman sebelum dikenakan zakat padi¹⁷¹. Seterusnya adalah pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam fatwa zakat gaji¹⁷² dan fatwa potongan zakat gaji¹⁷³.

Dapatan analisis ini menunjukkan berlaku anjakan dan perubahan terutama daripada aspek rujukan fatwa daripada bersandarkan pandangan mazhab Syafie kepada menerima pandangan selain mazhab Syafie dalam membuat keputusan fatwa. Walau bagaimanapun, MJFMK dan Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri di Malaysia masih terikat dengan pandangan mazhab Syafie dalam memutuskan keputusan fatwa-fatwa zakat.

¹⁷⁰ *Ibid.*, 69.; Jabatan Mufti Johor, *Fatwa Mufti Kerajaan Johor yang difatwakan oleh Dato' Syed Alwi bin Tohir al-Haddad*, cet. ke-3 (Johor: Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor, 1981), 1: 99-100.

¹⁷¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>; Keputusan Fatwa Negeri Terengganu bagi Tahun 1999, dicapai 6 Januari 2016, <http://mufti.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/media/38/3b588319aa294496c924006279bc2886.pdf>

¹⁷² Lihat "fatwa zakat gaji atau pendapatan," Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>; Jabatan Perdana Menteri, *Buku Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2010*, 7.; Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-pendapatan>.

¹⁷³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>

3.4 FATWA-FATWA ZAKAT DI LUAR PANDANGAN MAZHAB SYAFIE

Pembaharuan dalam proses dan prosedur pengeluaran fatwa serta perkembangan hukum telah mengubah senario pengeluaran fatwa termasuk fatwa yang berkaitan zakat. Fatwa-fatwa tersebut dilihat mengalami anjakan dan perubahan bagi tujuan penyesuaian dan memenuhi kemaslahatan masyarakat Islam. Perkembangan hukum yang dimaksudkan itu ialah daripada bersandarkan pandangan mazhab Syafie kepada pandangan mazhab-mazhab yang lain serta pandangan ulama kontemporari. Kajian ini mengenalpasti 26 fatwa zakat yang tidak bersandarkan kepada mazhab Syafie daripada keseluruhan 191 fatwa zakat yang telah diklasifikasikan kepada enam tema. Berdasarkan analisis yang dijalankan, enam tema fatwa zakat tersebut ialah fatwa zakat gaji, fatwa potongan zakat gaji, fatwa penolakan kos tanaman sebelum pembayaran zakat padi, fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang, fatwa pelantikan amil wanita dan fatwa kaedah pembayaran zakat.

3.4.1 Fatwa Zakat Gaji

Jadual 3.17. Fatwa-fatwa Zakat Gaji Mengikut Negeri di Malaysia

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	W. Persekutuan	09 April 1999	Diwartakan pada 29 April 1999
2	Selangor	16 Januari 2001	Diwartakan pada 9 Mei 2002
3	Melaka	22 Mei 2000	Diwartakan
4	Sarawak	23 Nov 1996	Tidak diwartakan
5	Pulau Pinang	26 April 2001	Diwartakan pada 26 April 2001
6	Kelantan	12 Sept 1999	Tidak diwartakan
		16 Mac 1999	Diwartakan pada 22 Julai 1999
7	Perak	22 Mac 1990	Diwartakan pada 16 Feb 2004
8	Johor	17 April 2000	Tidak diwartakan
9	N.Sembilan	8 Jun 1998	Diwartakan pada 2 Julai 1998

Jadual 3.17. sambungan

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
10	MJFKM	Muzakarah Kali Ke-31 dan Muzakarah Khas yang bersidang pada 9 Dec 1992	Tidak diwartakan
		Muzakarah Khas pada 22 Jun 1997	Tidak diwartakan
		Muzakarah Kali Ke-56 pada 7 May 2003	Tidak diwartakan

Sumber: Fatwa Negeri

i) Fatwa zakat gaji di Wilayah Persekutuan¹⁷⁴ ialah:

Zakat Penggajian:

Zakat wajib dikeluarkan ke atas pendapatan daripada penggajian Islam termasuklah apa-apa upah, gaji, elaun, imbuhan dan bonus.

Oleh itu adalah wajib bagi seseorang Islam mengeluarkan zakat daripada pendapatan yang layak dikenakan zakat daripada penggajian tersebut.

ii) Fatwa zakat gaji di Selangor¹⁷⁵ ialah:

Fatwa Tentang Zakat Pendapatan:

Keputusan:

- (1) *Hukum zakat pendapatan adalah wajib ke atas umat Islam.*
- (2) *Semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di Selangor hendaklah membayar zakat pendapatan kepada Pusat Zakat Selangor.*

iii) Fatwa zakat gaji di Melaka¹⁷⁶ ialah:

Zakat Pendapatan:

Zakat ke atas pendapatan bagi penggajian adalah wajib dikeluarkan oleh setiap orang Islam yang layak bagi seluruh Negeri Melaka.

¹⁷⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>

¹⁷⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-pendapatan>

¹⁷⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pendapatan-1>

iv) **Fatwa zakat gaji di Sarawak¹⁷⁷ ialah:**

Zakat Gaji:

1.1 *Gaji, tunggakan gaji, pelbagai elaun dan lain-lain pendapatan yang berkaitan dengan pengajian setelah ditolak keperluan asas, pembiayaan kerja, hutang dan apa-apa pembiayaan yang menjadi sebab sebenar pembiayaan seseorang itu apabila cukup nisabnya adalah wajib dizakat.*

1.2 *Nisab zakat gaji adalah sama dengan nisab zakat emas dan perak. Nisab zakat emas ialah 85 gram (25.2259 mayam) dan nisab zakat perak ialah 595 gram (176.5913 mayam)*

v) **Fatwa zakat gaji di Pulau Pinang¹⁷⁸ ialah:**

Zakat Penggajian

Keputusan:

Zakat ke atas pendapatan dan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat.

Keterangan/Hujah:

Penggajian adalah bayaran yang diterima oleh seseorang sebagai gaji atau upah kerja atau perkhidmatan yang dilakukan mengikut masa tertentu termasuk elaun dan imbuhan atau bonus daripada apa-apa pekerjaan dan perkhidmatan profesional dan bukan profesional.

vi) **Fatwa zakat gaji di Kelantan¹⁷⁹ ialah:**

Fatwa mengenai Zakat Penggajian

Keputusan:

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 16 Mac 1999 telah membincangkan mengenai fatwa zakat penggajian.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 dan 39 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan menerusi Jamaah Ulama' yang bersidang pada 27 Zulkaedah 1419H bersamaan

¹⁷⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-0>

¹⁷⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-penggajian-1>

¹⁷⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-zakat-penggajian>

16 Mac 1999M dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan membuat Fatwa seperti berikut:

- 1) Pendapatan gaji yang diperolehi oleh kakitangan kerajaan atau badan-badan berkanun atau syarikat-syarikat atau sebagainya dari institusi-institusi yang menjalankan perniagaan atau perkhidmatan yang mempunyai sistem penggajian yang teratur adalah diwajibkan zakat jika nilai jumlah peruntukan gaji bagi seseorang kakitangan itu sampai nisab yang dikira atas nisab mata wang dan melintasi haul, di mana dia menerima bahagian terakhir daripada peruntukan gaji tahunan;
- 2) Permulaan haul zakat gaji dikira pada hari atau bulan seseorang itu dipanggil melaporkan diri untuk memulakan tugas jawatannya kerana hari atau bulan itu dikira sebagai masa permulaan dia berhak menerima bahagian-bahagian peruntukan gaji tahunannya dan kadar zakatnya ialah sebanyak 2.5% atau 1/40;
- 3) Bahawa gaji atau pendapatan yang dikenakan zakat ialah meliputi gaji pokok serta lain-lain yang dikira sebagai imbuhan tetap sahaja dan tidak termasuk imbuhan berubah;
- 4) Zakat dikenakan atas gaji atau pendapatan setelah ditolak perbelanjaan dharuriyat, iaitu keperluan asasi yang paling sederhana untuk diri dan keluarga di bawah tanggungannya menurut Hukum Syarak.

Dalam fatwa yang lain pula, Kelantan memutuskan¹⁸⁰:

Fatwa Mengenai Zakat Harta-Harta Pendapatan

Keputusan:

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 12 Sep 1999 telah membincangkan mengenai fatwa zakat harta-harta pendapatan. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

Harta-harta pendapatan yang diperolehi dari usaha samada dalam bentuk gaji, elaun, ganjaran, pampasan atau pendapatan pemindahan atau pendapatan yang diperolehi melalui kerjaya yang bercorak profesional, kepakaran atau kemahiran diri adalah diwajibkan zakat apabila cukup nisobnya menurut nisob Zakat Logam (emas, perak) atau matawang, tanpa syarat haul. Kadar zakatnya ialah 1/40 setelah ditolak perbelanjaan dharuriyat yang paling sederhana.

Demikian juga diwajibkan zakat pendapatan dari harta tak alih seperti bangunan premis, rumah, kenderaan dan lain-lain yang diperolehi menerusi sewaan, pajakan dan lain-lain yang tidak termasuk dalam

¹⁸⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-zakat-harta-harta-pendapatan>

urusan jual beli atau urusan perniagaan. Zakat dikenakan keatas pendapatan bulanan setelah ditolak perbelanjaan pengurusan.

vii) Fatwa zakat gaji di Perak¹⁸¹ ialah:

Zakat Atas Gaji / Pendapatan:

"Bahawa gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan haul itu adalah merupakan syarat yang diittifaqkan oleh Jumhur Ulama dalam mazhab yang empat. Syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat."

viii) Fatwa zakat gaji di Johor¹⁸² ialah:

Zakat Gaji Dan Pendapatan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 12 Muharam 1421 bersamaan 17 April 2000 telah membincangkan mengenai Zakat Gaji Dan Pendapatan.

Alhamdulillah fatwanya:

"Gaji dan pendapatan wajib dikeluarkan zakat bila mana cukup syarat-syaratnya."

Kaedah pengiraan zakat penggajian atau pendapatan di Negeri Johor adalah seperti berikut:

Iaitu pendapatan kasar setahun semasa ditolak dengan keperluan asas sebenar pada tahun semasa. Sekiranya sama atau melebihi nisbah, maka zakatnya 2.5% atau 1/40.

Yang dimaksudkan keperluan asas sebenar pada tahun semasa adalah seperti berikut:

- i. Saraan-saraan hidup yang diperlukan bagi:
 - a. sara diri - RM 8,000.00*
 - b. isteri - RM 3,000.00 x bilangan anak*
 - c. anak - RM 1,000.00 x bilangan anak*
 - d. mereka yang di bawah tanggungannya (kadar sebenarnya dan yang munasabah)**
- ii. Perubatan (kadar sebenarnya dan yang munasabah)*
- iii. Pendidikan (kadar sebenarnya dan yang munasabah)*

¹⁸¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-atas-gaji-pendapatan-0>

¹⁸² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-dan-pendapatan>

ix) **Fatwa zakat gaji di Negeri Sembilan¹⁸³ ialah:**

Zakat Pendapatan:

Zakat ke atas pendapatan bagi penggajian adalah wajib dikeluarkan oleh setiap orang Islam yang layak bagi seluruh Negeri Sembilan.

xi) **Fatwa zakat gaji Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia¹⁸⁴ ialah:**

Zakat Gaji & Pendapatan Professional:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 dan Muzakarah Khas yang bersidang pada 9 Dec 1992 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Professional.

Muzakarah telah memutuskan bahawa:

- 1. Umat Islam boleh mengeluarkan zakat daripada pendapatan gaji dan Jabatan Hasil Dalam Negeri hendaklah memberi rebet zakat ke atas jumlah yang dibayar itu.*
- 2. Pendapatan professional diwajibkan zakat kerana ia termasuk dalam zakat perniagaan.*

Dalam fatwa yang lain pula, (MJFKM) memutuskan¹⁸⁵:

Zakat Gaji & Pendapatan Professional-2:

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 22 Jun 1997 telah membincangkan Zakat Gaji & Pendapatan Professional.

Muzakarah telah memutuskan bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat.

¹⁸³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pendapatan-2>

¹⁸⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-pendapatan-professional>

¹⁸⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-pendapatan-professional-2>

Fatwa yang lain pula, (MJFKM) memutuskan¹⁸⁶:

Zakat Gaji Beserta Kadarnya:

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-56 yang bersidang pada 7 May 2003 telah membincangkan Zakat Gaji Beserta Kadarnya.

Muzakarah telah memutuskan bahawa asas pengiraan zakat gaji dan pendapatan adalah berdasarkan kepada pendapatan kasar setahun dan kadar zakat yang dikenakan ialah sebanyak 2.5% daripada jumlah pendapatan tersebut.

3.4.2 Fatwa Skim Potongan Zakat Gaji

Jadual 3.18. Fatwa-Fatwa Potongan Zakat Gaji

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	Kelantan	17 April 1995	Tidak diwartakan

Sumber: Fatwa Negeri

i) Fatwa potongan zakat gaji Kelantan¹⁸⁷ ialah:

Fatwa Mengenai Bayaran Zakat Gaji Bulanan Yang Dibuat Oleh Majikan Dengan Izin Atau Permintaan Pembayar Zakat Itu Sendiri

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 17 April 1995 telah membincangkan mengenai bayaran zakat gaji bulanan yang di buat oleh majikan dengan izin atau permintaan pembayar zakat itu sendiri. Mensyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

(1) Zakat yang dibayar melalui potongan gaji bulanan adalah sah, dengan syarat hendaklah disertakan niat pada setiap kali ianya dikeluarkan.

(2) Si pembayar zakat hendaklah mewakilkan kepada majikan bagi pengeluaran zakat gaji untuk dirinya tiap-tiap bulan. Pihak majikan hendaklah berniat mengeluarkan zakat bagi pihak orang yang diwakilinya secara umum setiap kali potongan zakat dibuat.

¹⁸⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-beserta-kadarnya>

¹⁸⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>

3.4.3 Fatwa Penolakan Kos Tanaman ke atas Zakat Padi

Jadual 3.19. Fatwa-fatwa Penolakan Kos Tanaman Zakat Padi

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status	Keputusan
1	Kedah	13 Oktober 1996	Tidak diwartakan	Tolak kos
2	Kelantan	12 Sept 1999	Tidak diwartakan	Tolak kos
3	Terengganu	21 November 1999	Tidak diwartakan	Tolak kos
4	Perlis	4-5 Mei 2014	Tidak diwartakan	Tolak kos

Sumber: Fatwa Negeri

i) **Fatwa penolakan kos tanaman zakat padi Kedah¹⁸⁸ ialah:**

Fatwa Penanaman Padi Secara Berkelompok

Keputusan:

Zakat dikira berdasarkan perolehan bersih padi setelah ditolak segala hutang perbelanjaan yang ditanggung oleh petani semasa mengusahakan pertanian pada tiap-tiap musim. Kaedah ini dilakukan dengan bertaklid kepada mazhab Abi Hanifah yang mensyaratkan harta yang wajib dizakatkan itu iaitu harta yang bersih dari hutang dan dari keperluan asas pemilikinya umpama nafkah, rumah kediaman dan pakaian dan umpama alat perkakas kerja dan kenderaan. Ini akan meringankan beban yang dipikul oleh petani dan mereka akan mengeluarkan zakat dengan penuh kerelaan dan kutipan zakat akan menjadi bertambah mudah.

ii) **Fatwa penolakan kos tanaman zakat padi Kelantan¹⁸⁹ ialah:**

Fatwa Berhubung Dengan Zakat Padi Dari Projek Penanaman Padi Yang Diusahakan Secara Ladang

Keputusan:

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 12 Sep 1999 telah membincangkan mengenai fatwa berhubung dengan zakat padi dari projek penanaman padi yang diusahakan secara ladang. Mesyuarat telah membuat keputusan fatwa seperti berikut:

¹⁸⁸ Jabatan Mufti Negeri Kedah, *Himpunan Fatwa Jilid 2*, 8-9.

¹⁸⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-berhubung-dengan-zakat-padi-dari-projek-penanaman-padi-yang-diusahakan-secara>

- 1) Bahawa padi yang dihasilkan dari projek penanaman padi secara estet diwajibkan zakat ke atas pemilik-pemilik tanah apabila cukup nisobnya berdasarkan atas pendapatan bersih masing-masing setelah ditolak kos pengurusan projek yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana.
- 2) Bagi tujuan menyelaraskan serta memudahkan urusan pengeluaran zakat tersebut, agensi pelaksana boleh mengeluarkan zakat bagi pihak pemilik-pemilik tanah setelah mendapat persetujuan masing-masing.

iii) Fatwa penolakan kos tanaman zakat padi Terengganu¹⁹⁰ ialah:

Persoalan Berkaitan Zakat Padi

Keputusan:

Kewajipan zakat padi dikenakan setelah ditolak kos menanam, upah membajak tanah, harga baja, upah membaja serta upah menuai.

iv) Fatwa penolakan kos tanaman zakat padi Perlis¹⁹¹ ialah:

Keputusan Berkaitan Zakat Buah-buahan

Keputusan:

1. ...
2. ...
3. Bagi tujuan pengiraan kadar zakat yang dikenakan, mesyuarat memutuskan bahawa:
 - i. Kos keperluan sara hidup hanya ditolak bagi petani sepenuh masa iaitu petani yang bergantung sepenuhnya kepada aktiviti pertanian sahaja bagi menyara hidupnya.
 - ii. Jika ditolak kos pengeluaran dan kos sara hidup, maka dikenakan zakat sebanyak 10%. Tetapi jika tidak ditolak sebarang kos, zakat yang dikenakan adalah sebanyak 5%.

¹⁹⁰ Keputusan Fatwa Negeri Terengganu bagi Tahun 1999, dicapai 6 Januari 2016, <http://mufti.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/media/38/3b588319aa294496c924006279bc2886.pdf>

¹⁹¹ Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali ke 14/2014, *Keputusan Berkaitan Zakat Buah-Buahan*, (Hotel Harbour View Kuching Sarawak, 4-5 Mei 2014).

3.4.4 Fatwa Pembayaran Zakat Fitrah Menggunakan Wang

Jadual 3.20. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Fitrah Menggunakan Wang

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	Kedah	11 November 1989	Tidak diwartakan
2	N.Sembilan	7 Oktober 2002	Diwartakan pada 21 Nov 2002
3	Perak	8 Julai 2004	Tidak diwartakan
4	Melaka	11 September 2008	Tidak diwartakan
5	Selangor	18 Mac 2009	Diwartakan pada 30 Julai 2009

Sumber: Fatwa Negeri

i) **Fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang di Kedah¹⁹² ialah:**

Pembayaran Zakat Fitrah Dengan Wang

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 11 November 1989 telah membincangkan mengenai Pembayaran Zakat Fitrah Dengan Wang. Mesyuarat berpendapat adalah harus kaum muslimin di negeri ini mengeluarkan zakat fitrah yang wajib ke atas mereka dengan harga makanan yang biasa dimakan (beras).

Keterangan/Hujah:

Taqlid kepada Mazhab Imam Abu Hanifah

ii) **Fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang di Negeri Sembilan¹⁹³ ialah:**

Kadar Zakat Fitrah:

Kadar zakat fitrah bagi tahun 1423H/2002M ialah RM4.90 seorang.

¹⁹² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-dengan-wang>

¹⁹³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/nisab-zakat-harta-dan-kadar-zakat-fitrah-0>

iii) **Fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang di Perak¹⁹⁴ ialah:**

Perakuan Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Mengenai Penetapan Kadar Zakat Fitrah

Jawatankuasa Syariah yang bersidang pada hari ini 20 Jamadil Awal 1425 bersamaan 8 Julai 2004 buat kali ke 163 bersetuju menaikkan kadar timbangan beras dari 2.27 kepada 2.60 kilogram bersamaan satu gantang Baghdad berdasarkan sukatan Negeri Sembilan dan Kelantan.

iv) **Fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang di Melaka¹⁹⁵ ialah:**

Permohonan Menetapkan Kadar Zakat Fitrah Negeri Melaka Bagi Tahun 1426H/2005M

Keputusan:

Setelah berbincang dan meneliti kertas permohonan, Ahli Jawatankuasa Fatwa telah sebulat suara memutuskan seperti berikut:-

a) Kadar Zakat Fitrah Negeri Melaka bagi tahun 1426H/2005M adalah berdasarkan sukatan 2.6 kilogam beras tempatan pada kadar RM 4.50 seorang.

b) Kadar sukatan satu gantang Baghdad bagi beras Super Tempatan (Gred A) adalah bersamaan dengan 2.6 kilogram.

v) **Fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang di Selangor¹⁹⁶ ialah:**

Menetapkan Harga Zakat Fitrah Negeri Selangor Tahun 1430H/2009M

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 1/2009 yang bersidang pada 18 Mac 2009 telah membincangkan dan memutuskan berkenaan Menetapkan Harga Zakat Fitrah Negeri Selangor Tahun 1430H/2009M adalah seperti berikut:

1. Harga zakat fitrah bagi tahun 1430H bersamaan tahun 2009M adalah ditetapkan sebanyak RM7.00/seorang; dan

¹⁹⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-perakuan-keputusan-muzakarah-fatwa-majlis-kebangsaan-mengenai-penetapan-kadar-0>

¹⁹⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permohonan-menetapkan-kadar-zakat-fitrah-negeri-melaka-bagi-tahun-1426h2005m-0>

¹⁹⁶ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/menetapkan-harga-zakat-fitrah-negeri-selangor-tahun-1430h2009m>

2. Semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di Negeri Selangor hendaklah membayar zakat fitrah kepada penolong amil yang dilantik oleh Majlis Agama Islam bagi tahun 1430H/2009M.

3.4.5 Fatwa Pelantikan Amil Wanita

Jadual 3.21. Fatwa-fatwa Pelantikan Amil Wanita

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	MJFMK kali ke-50	10 Mei 2001	Tidak diwartakan

Sumber: Fatwa Negeri

- i) **Fatwa pelantikan amil wanita oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia¹⁹⁷ ialah:**

Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-50 yang bersidang pada 10 Mei 2001 telah membincangkan Wanita Dan Orang Bukan Islam Sebagai Amil Zakat Gaji Dan Pendapatan Di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Muzakarah telah memutuskan bahawa orang bukan Islam tidak boleh dilantik menjadi amil zakat dan wanita Islam boleh dilantik menjadi amil zakat gaji dan pendapatan di LHDN.

3.4.6 Fatwa-Fatwa Kaedah Pembayaran Zakat Melalui Perkhidmatan

Perbankan Internet Online, SMS, Mesin ATM Dan Kad Kredit Di Malaysia

3.4.6.1 Fatwa pembayaran zakat melalui SMS

Jadual 3.22. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Melalui SMS

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	Melaka	26 Jun 2014	Tidak diwartakan
		25 Februari 2011	Diwartakan pada 29 Sept 2011
		11 September 2008	Diwartakan pada 19 Nov 2009

¹⁹⁷ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/wanita-dan-orang-bukan-islam-sebagai-amil-zakat-gaji-dan-pendapatan-di-lembaga-hasi>

Jadual 3.22. sambungan

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
2	Terengganu	20 September 2006	Tidak diwartakan
3	Negeri Sembilan	5 Ogos 2009	Tidak diwartakan

Sumber: Fatwa Negeri

i) **Fatwa pembayaran zakat melalui SMS negeri Melaka ialah:**

Pembayaran Zakat Fitrah Melalui SMS Bersama Syarikat DIGI¹⁹⁸

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka bil. 3/2013 yang bersidang pada 17 Sya'ban 1434H bersamaan 26 Jun 2013 telah membincangkan mengenai Pembayaran Zakat Fitrah Melalui SMS Bersama Syarikat DIGI. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:

Pembayaran zakat fitrah melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang ditawarkan oleh Syarikat Digi Telecommunications adalah harus dengan syarat syarikat tersebut hendaklah dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka (Majlis) sebagai agen yang hanya akan membuat pungutan zakat fitrah melalui kaedah SMS di Negeri Melaka bagi suatu tempoh yang dibenarkan oleh pihak Majlis Agama Islam Melaka.

Dalam fatwa yang lain pula menyatakan:

Fatwa Keharusan Membayar Zakat Fitrah Melalui Khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS)¹⁹⁹

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 1/2011 yang bersidang pada 22 Rabiulawal 1432H bersamaan 25 Februari 2011M sebulat suara bersetuju memutuskan bahawa:

- 1. Pihak Maxis hanya diiktiraf sebagai agen dan bukannya amil untuk memungut kutipan zakat fitrah kerana menggunakan perkhidmatan SMS.*
- 2. Bayaran upah hendaklah diambil dari PZM dan bukan dari pembayar fitrah yang menggunakan perkhidmatan SMS.*
- 3. Memandangkan semakin banyak syarikat telekomunikasi terdapat di Malaysia dan kemungkinan memohon untuk memberi perkhidmatan seperti ini maka mesyuarat bersetuju untuk mewartakan fatwa ini secara umum.*
- 4. Sighah fatwa yang dipersetujui adalah seperti berikut:*

¹⁹⁸ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-melalui-sms-bersama-syarikat-digi>

¹⁹⁹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/membayar-zakat-fitrah-melalui-khidmat-sistem-pesanan-ringkas-sms>

“Pembayaran zakat fitrah melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah harus dengan syarat pihak yang menyediakan perkhidmatan tersebut hendaklah dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka (Majlis) sebagai agen yang hanya akan membuat pungutan zakat fitrah melalui kaedah SMS di Negeri Melaka bagi suatu tempoh yang dibenarkan oleh Majlis Agama Islam Melaka”.

Fatwa yang lain pula menyatakan:

Hukum Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)²⁰⁰

Pembayaran zakat fitrah melalui khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah harus dengan syarat pihak Celcom Mobile Sdn. Bhd. hendaklah dilantik oleh Majlis Agama Islam Melaka sebagai amil atau agen yang hanya akan membuat pungutan zakat fitrah melalui kaedah SMS di Negeri Melaka bagi suatu tempoh tertentu yang dibenarkan oleh pihak Majlis.

ii) Fatwa pembayaran zakat melalui SMS negeri Terengganu ialah:

Pembayaran zakat fitrah melalui Sistem Khidmat Pesanan Ringkas [SMS]²⁰¹

Keputusan:

Mesyuarat membuat keputusan bahawa: Pembayaran zakat fitrah melalui sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) hendaklah dikaji semula supaya kaedah pengeluaran zakat itu mengikut hukum syarak. Perkara-perkara yang perlu dikaji semula ialah:

- i. Kadar yang menjadi wang zakat dikeluarkan daripada wang pengeluar zakat tidak melalui proses pengeluar berhutang dahulu kepada syarikat pengendali SMS.*
- ii. Syarikat perkhidmatan SMS mengenakan caj kos perkhidmatan kepada pengguna yang merupakan bayaran tambahan kepada pengeluar zakat. Caj kos ini hendaklah dihapuskan.*
- iii. Disyorkan supaya syarikat yang mengendalikan penerimaan bayaran zakat melalui SMS diberi upah secara ' الجعالة ' (Janji hadiah) bukannya ditetapkan kadar perolehannya sebanyak 1/8, 1/16 atau sebagainya.'*

²⁰⁰ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pembayaran-zakat-fitrah-melalui-khidmat-pesanan-ringkas-sms>

²⁰¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-melalui-sistem-khidmat-pesanan-ringkas-sms-0>

iii) **Fatwa pembayaran zakat melalui SMS Negeri Sembilan ialah:**

Bayaran Zakat Fitrah Melalui Sistem Pesanan Ringkas(SMS)²⁰²

Saya bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Darul Khusus, dengan ini membuat dan mengeluarkan keputusan berikut:

- i. *Pembayaran zakat fitrah melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) adalah harus.*
- ii. *Pembayar zakat fitrah melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) tidak dikenakan apa-apa bayaran perkhidmatan.*
- iii. *Syarikat telekomunikasi hendaklah menyediakan satu sistem (antara 10-15 minit) untuk memaklumkan kepada pembayar sama ada pembayaran yang dibuat melalui SMS berjaya atau gagal.*
- iv. *Sebarang bayaran perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi adalah ditanggung oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan dan bukannya diambil daripada hasil kutipan zakat fitrah yang diperolehi.*

3.4.6.2 Fatwa Pembayaran Zakat Melalui Kad Kredit

Jadual 3.23. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Melalui Kad Kredit

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	Melaka	18 Disember 2008	Diwartakan pada 19 November 2009
		26 Februari 2014	Diwartakan pada 26 Februari 2014

Sumber: Fatwa Negeri

i) **Fatwa pembayaran zakat melalui kad kredit negeri Melaka ialah:**

Keharusan Membayar Zakat Melalui Kad Kredit/Bank Islam²⁰³

Keputusan:

Harus membayar zakat dengan menggunakan kad kredit/kad Bank Islam sebagai kemudahan kepada umat Islam di Negeri Melaka untuk melunaskan kewajipan tersebut. Namun demikian, keharusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

²⁰² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bayaran-zakat-fitrah-melalui-sistem-pesanan-ringkassms>

²⁰³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/keharusan-membayar-zakat-melalui-kad-kreditbank-islam-dan-kewajipan-qadha-zakat>

- (a) Keseluruhan kos yang terlibat dalam urusan tersebut termasuk pembangunan sistem, penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan, caj transaksi dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Pusat Zakat Melaka dan bukan pihak pembayar zakat; dan
- (b) Kaedah pembayaran tersebut hanya sebagai suatu pilihan atau alternatif kepada pembayar zakat yang berminat dan bukan suatu kemestian.

Dalam fatwa yang lain pula menyatakan:

Pembayaran Zakat Menggunakan Mana-Mana Kad Kredit Islamik²⁰⁴

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka bil. 4/2013 yang bersidang pada 26 Rabiul Akhir 1435H/ 26 Februari 2014M telah membincangkan mengenai Pembayaran Zakat Menggunakan Mana-Mana Kad Kredit Islamik. Mesyuarat telah membuat keputusan seperti berikut:

- i. *Hukum pembayaran zakat menggunakan mana-mana kad kredit yang berlandaskan syariah berasaskan konsep Bai' 'Inah, Wadi'ah, Tawarruq, Ujrah atau Qardh atau kombinasi mana-mana konsep tersebut adalah harus; dan*
- ii. *Apa jua kos yang terlibat dalam urusan tersebut termasuk pembangunan sistem, penyediaan perkhidmatan, penyelenggaraan, caj transaksi dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Pusat Zakat Melaka dan bukan pihak pembayar zakat.*
- iii. *Bersetuju keputusan ini diwartakan sebagai fatwa.*

3.4.6.3 Fatwa Pembayaran Zakat Melalui Internet Banking Online

Jadual 3.24. Fatwa-fatwa Pembayaran Zakat Melalui Internet Banking Online

Bil	Negeri	Tarikh Keputusan	Status
1	Selangor	16 Jan 2001	Tidak diwartakan

Sumber: Fatwa Negeri

²⁰⁴ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-menggunakan-mana-mana-kad-kredit-islamik>

i) **Fatwa pembayaran zakat melalui kad kredit negeri Selangor ialah:**

*Pembayaran Zakat Melalui Perkhidmatan Maybank2u (Internet)*²⁰⁵

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa hukum pembayaran zakat melalui perkhidmatan Maybank2U (INTERNET) adalah harus.

Kaedah pembayaran zakat dengan cara ini adalah terhad kerana zakat harta sahaja tidak termasuk zakat fitrah.

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor juga memutuskan bahawa pihak Maybank yang menjalankan perkhidmatan Maybank2U (INTERNET) tidak dikira sebagai amil zakat.

3.5 KESIMPULAN

Pengaruh dan kedudukan mazhab Syafie telah menjadi asas di dalam sistem perundangan Islam di Malaysia sejak dahulu lagi sehingga ke masa kini. Pengurusan fatwa di Malaysia juga berkembang sesuai dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Pembaharuan dalam proses dan prosedur pengeluaran fatwa telah mengubah senario pengeluaran fatwa termasuk fatwa yang berkaitan zakat. Berdasarkan analisis yang dijalankan, terdapat beberapa fatwa zakat yang membincangkan permasalahan isu yang sama dan berulang dalam jawatankuasa negeri yang sama atau jawatankuasa antara negeri-negeri yang lain. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian besar yang lain membincangkan permasalahan isu yang berbeza di antara satu sama lain.

Analisis terhadap fatwa-fatwa zakat mendapati terdapat perubahan atau anjakan terhadap fatwa-fatwa zakat di Malaysia. Perubahan dan anjakan tersebut boleh dilihat dari dua aspek iaitu pertama dari bersandarkan pandangan mazhab Syafie kepada

²⁰⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-melalui-perkhidmatan-maybank2u-internet>

pandangan mazhab lain, kedua perbincangan permasalahan-permasalahan baru yang menggunakan pandangan sarjana kontemporari. Senario ini menggambarkan ruang yang lebih luas diberikan untuk mengambil kira pandangan dan ijtihad daripada mazhab ASWJ yang lain, dan tidak hanya terikat kepada mazhab Syafie di dalam pengeluaran keputusan fatwa zakat di Malaysia.

Antara fatwa zakat yang dilihat menggunakan pandangan mazhab lain ialah fatwa penolakan kos tanaman sebelum pembayaran zakat padi, pembayaran zakat fitrah menggunakan wang, dan pelantikan amil wanita. Fatwa-fatwa tersebut telah diputuskan berdasarkan sandaran kepada pandangan mazhab Syafie, namun wujud keperluan untuk perubahan kepada keputusan fatwa yang baharu demi mencapai kemaslahatan dan kemudahan umat Islam. Namun, masih terdapat fatwa-fatwa di negeri-negeri tertentu yang kekal mengguna pakai sandaran kepada pandangan mazhab Syafie seperti pandangan yang tidak membenarkan penolakan kos tanaman dalam pembayaran zakat padi.

Manakala keputusan fatwa-fatwa zakat yang mengguna pakai pandangan sarjana kontemporari pula ialah fatwa zakat gaji, fatwa potongan zakat gaji dan fatwa kaedah pembayaran zakat semasa melalui SMS, kad kredit serta perbankan internet. Permasalahan ini adalah isu-isu baru yang tidak pernah dibincangkan di dalam fiqh klasik.

Dalam beberapa keputusan fatwa zakat yang diputuskan ada menyebut secara langsung mengguna pakai pandangan di luar mazhab Syafie seperti dinyatakan menggunakan pandangan mazhab Hanafi dan pandangan al-Qaradāwī iaitu tokoh sarjana hukum kontemporari. Terdapat juga fatwa zakat yang tidak dinyatakan sandaran kepada mana-mana pandangan, tetapi boleh diselarikan dengan pandangan tersebut kerana berlainan dengan pandangan mazhab Syafie.

Berdasarkan realiti anjakan dan perubahan sandaran hukum fatwa zakat yang berlaku di Malaysia, terdapat ruang untuk menganalisis fatwa-fatwa zakat dari perspektif maqasid syariah. Penulisan bab seterusnya akan menganalisis pertimbangan maqasid syariah dalam fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh pihak-pihak yang berautoriti. Hal ini bertujuan memastikan objektif pensyariatian zakat tercapai dan *maṣlahah* manusia benar-benar terjamin serta terpelihara.

University of Malaya

BAB 4: ANALISIS MAQASID SYARIAH DALAM FATWA-FATWA ZAKAT DI MALAYSIA

4.1 PENGENALAN

Setelah melihat senario fatwa-fatwa zakat di Malaysia dalam bab terdahulu dan mengenalpasti beberapa fatwa zakat yang telah diputuskan, ia dilihat mengalami anjakan dan perubahan. Oleh itu, bab ini akan menganalisis pengambilkiraan maqasid syariah dalam fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh pihak jawatankuasa fatwa di peringkat kebangsaan dan negeri-negeri di Malaysia. Berdasarkan kepada realiti anjakan dan perubahan sandaran hukum fatwa zakat yang berlaku di Malaysia, didapati terdapat ruang untuk menganalisis fatwa-fatwa zakat dari perspektif maqasid syariah. Hal ini bertujuan memastikan objektif pensyariaan zakat tercapai dan *masalah* manusia benar-benar terjamin serta dipelihara dengan baik.

Kajian ini mengenalpasti 26 fatwa zakat yang tidak bersandarkan kepada mazhab Syafie daripada keseluruhan 191 fatwa zakat yang telah diklasifikasikan kepada enam tema. Antara fatwa zakat yang dianalisis dari perspektif maqasid syariah berdasarkan tema ialah fatwa zakat gaji, fatwa potongan zakat gaji, fatwa penolakan kos tanaman sebelum pembayaran zakat padi, pembayaran zakat fitrah menggunakan wang, pelantikan amil wanita dan fatwa kaedah pembayaran zakat semasa melalui khidmat sistem pesanan ringkas (SMS), kad kredit serta sistem perbankan internet.

4.2 ANALISIS MAQASID SYARIAH DALAM FATWA-FATWA ZAKAT

Analisis terhadap fatwa-fatwa zakat yang diklasifikasikan mengikut enam tema berikut akan dibincangkan secara terperinci dengan meneliti aspek perbahasan para sarjana hukum fiqh dan seterusnya menganalisis aspek maqasid syariah di sebalik penentuan fatwa tersebut.

4.2.1 Zakat Gaji Dan Pendapatan

Penerimaan hukum zakat gaji dan pendapatan mencerminkan fleksibiliti hukum fiqh yang mampu diadaptasi dan berkembang mengikut peredaran masa¹. Zakat gaji dan pendapatan juga selari dengan konsep pengembangan harta zakat (*al-namā*)². Hal ini menunjukkan sifat Islam sebagai agama yang meraikan keperluan dan perubahan zaman³.

Menurut Ḥusayn Shakhṭaḥ, pada zaman awal Islam, penggunaan istilah upah dan gaji yang terdapat pada hari ini iaitu yang diperolehi daripada majikan dinamakan sebagai *al-‘aṭīyah*. Sementara sumber pendapatan yang diperolehi oleh pekerja bebas iaitu tanpa majikan atau diperolehi daripada pelanggan pula dikenali sebagai *al-māl al-mustafād*. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini kedua-dua istilah tersebut telah menggunakan istilah yang sama iaitu *al-māl al-mustafād* tanpa perlu dibezakan⁴.

¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional dari Perspektif Mazhab Shafie: Satu Penyesuaian Semula," *Jurnal Syariah* 1, no. 2 (1993), 296.

² Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengamalan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2012), 114.

³ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *‘Ilām al-Muwāqī‘in ‘an Rabb al-‘Alamin* (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 2006), 598-599.; Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan" dalam *Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 5.; Paizah Ismail, "Perubahan-perubahan Perlu Dalam Fiqh Jenayah Berasaskan Teori Fiqh Malaysia" dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail et al. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000), 205.

⁴ Shakhṭaḥ, Ḥusayn, *al-Muḥāsabah al-Zakāt (terj.)*, cet. ke-2 (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2005), 409-410.; Mujaini Tarimin, "Zakat Penggajian (Pendapatan): Satu Penilaian Dari Sudut Hukum Dan Amalan Di Malaysia" dalam *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 3.

Pendefinisian pendapatan kerja dan perkhidmatan profesional merujuk kepada sesuatu hasil atau ganjaran yang diperolehi daripada kerja atau perkhidmatan yang dilaksanakan, sama ada sebagai seorang yang bekerja bagi pihak orang lain dengan mendapat gaji, upah atau bekerja sendiri dengan mengambil bayaran daripadanya⁵.

Pendapatan juga disebut dengan pelbagai istilah antaranya ialah gaji, upah, hadiah, bonus, elaun, honorarium, pampasan, pencen, bayaran perkhidmatan, bayaran profesional dan lain-lain bentuk pulangan semasa hidup, bersara atau mati dengan syarat bukan disebabkan pelaburan atau perniagaan⁶.

Pendapatan seumpama ini adalah hasil lumayan yang diperolehi oleh masyarakat pada masa kini dan mempunyai impak dalam ekonomi masyarakat⁷. Justeru itu, persoalan tentangnya perlu diberi perhatian penting dalam masalah zakat memandangkan kedudukan zakat sebagai salah satu instrumen pembahagian kekayaan dalam masyarakat⁸.

Pada awalnya perbincangan mengenai isu zakat pendapatan kerja dan perkhidmatan profesional telah dibincang dan dirumuskan pada sekitar awal tahun 1950an oleh tokoh-tokoh sarjana hukum fiqh, antaranya ialah ‘Abd Raḥmān Ḥassan, Muḥammad Abū Zahrah dan ‘Abd Wahāb Khalāf dan Muḥammad al-Ghazzālī⁹. Sebelum daripada itu, perbincangan berkaitan zakat ini telah pun diasaskan oleh Ibn Ḥazm dalam *al-Muḥallā*¹⁰, Ibn Qudāmah dalam *al-Mughnī*¹¹ dan al-Kahlānī dalam *Subul al-Salām*¹². Seterusnya, zakat pendapatan kerja dan perkhidmatan professional

⁵ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 333.; Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengamalan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2012), 25.

⁶ Mujaini Tarimin, “Pelaksanaan Zakat Gaji dan Pendapatan Serta Kadarnya” dalam *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 31.

⁷ Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengamalan di Malaysia*, 15-116.

⁸ *Ibid.*, 15.

⁹ Lihat al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa falsafatihā fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, cet. ke-25 (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2006), 1: 489.

¹⁰ Ibn Ḥazm, Abī Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa’id, *al-Muḥallā* (Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, 2005), 6: 96-100.

¹¹ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, cet. ke-6 (‘Urdun: Bayt al-Afkār al-Duwalīyah, t.t.), 1: 512-513.

¹² Al-Kahlānī, *Subul al-Salām*, cet. ke-4 (Qāhirah: al-Ḥalabī, 1960), 2: 129.

diperluaskan perbahasannya oleh Yūsuf al-Qaradāwī melalui karangan beliau yang berjudul *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkamihā wa falsafatihā fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*¹³.

Di Malaysia, zakat gaji dan pendapatan mula dibincangkan pada sekitar tahun 1970an yang dirintis oleh Abdul Rashid Dail bersama sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia¹⁴. Kemuncaknya pada awal tahun 1990an, konsep zakat gaji dan pendapatan dapat diterima oleh masyarakat, bahkan mula dilaksanakan di Malaysia secara berperingkat-peringkat melalui fatwa yang diputuskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa fatwa negeri¹⁵.

4.2.1.1 Perbahasan sarjana hukum tentang zakat gaji dan pendapatan

Dalam perbahasan menentukan hukum berkaitan zakat gaji dan pendapatan ini, terdapat tiga perkara yang menjadi perbincangan dalam kalangan sarjana hukum fiqh iaitu konsep *al-māl al-mustafād*, penentuan *ḥawl* dan penentuan nisab serta kadar bayaran.

4.2.1.1.1 Konsep al-māl al-mustafād

Pada asasnya, perbincangan berkaitan konsep *al-māl al-mustafād* sangat luas merangkumi perolehan yang baru melalui apa sahaja kaedah dan cara yang halal. Secara mudah, *al-māl al-mustafād* boleh dikategorikan kepada empat bahagian iaitu¹⁶:

¹³ Lihat al-Qaradāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkamihā wa falsafatihā fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 488-519.

¹⁴ Mujaini Tarimin, "Pelaksanaan Zakat Pendapatan Dan Permasalahannya" dalam *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005), 19.

¹⁵ Lihat dalam bab tiga berkaitan senarai fatwa-fatwa zakat gaji dan pendapatan yang telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa.

¹⁶ Shakhṭaḥ, Ḥusayn, *al-Muḥāsabah al-Zakāt (terj.)*, 414-415.; Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengamalan di Malaysia*, 31-32.

- a) Hasil daripada usaha perdagangan atau ternakan secara individu atau bersyarikat. Keuntungan jualan atau pembiakan ternakan atau pembelian dalam masa dianggap sebagai *al-māl al-mustafād*. Pendapatan itu dicampurkan dengan modal induk dan dikira bersama jumlah pendapatan. Penambahan harta-harta tersebut termasuk harta yang boleh diwajibkan zakat.
- b) Pendapatan melalui ganjaran atau upah daripada sesuatu pekerjaan atau perkhidmatan yang telah disempurnakan oleh ahli profesional tetapi tidak termasuk dalam kategori perniagaan seperti upah perubatan, akauntan, jurubina, peguam dan sebagainya. Pendapatan kategori ini juga dikenali dengan hasil daripada khidmat perundingan dan professional yang dilakukan oleh seseorang.
- c) Pendapatan berasaskan kepada kerja yang diarahkan oleh majikan. Bayaran yang diterima dalam bentuk upah, gaji atau suguhati atau sesuatu yang seumpamanya daripada majikan.
- d) Pendapatan pindahan iaitu yang diperolehi berasaskan sesuatu keadaan seperti kematian, perkahwinan atau tamat tempoh perkhidmatan. Pendapatan tersebut dinamakan hadiah, pusaka, atau subsidi.

Berdasarkan kepada penjelasan *al-māl al-mustafād* di atas, al-Qaradāwī turut bersetuju penentuan kewajipan hukum zakat gaji dan pendapatan dikenakan atas asas pertimbangan dikategorikan ke dalam kumpulan zakat *al-māl al-mustafād*¹⁷.

Berhubung pendapat para sarjana hukum fiqh terhadap kewajipan zakat *al-māl al-mustafād* ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian¹⁸. Golongan pertama menolak kewajipan dan bertegas menyatakan zakat *al-māl al-mustafād* tidak mempunyai dalil, tetapi orang yang berkemampuan digalakkan menyumbang kepada individu atau

¹⁷ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 488.

¹⁸ Mujaini Tarimin, *Zakat Penggajian (Pendapatan): Satu Penilaian dari Sudut Hukum dan Amalan di Malaysia* (Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2012), 3-4.

institusi. Pemberian tersebut hanya dianggap sebagai sumbangan sahaja dan bukan zakat. Hal ini disebabkan zakat merupakan ibadah yang tidak boleh ditambah atau dikurang. Sebaliknya ibadah zakat sudah dibina dengan *naş* wahyu yang mantap¹⁹.

Golongan kedua pula mewajibkan zakat *al-māl al-mustafād* berasaskan kepada dalil *maşlahah*. Kewajipan zakat mempunyai kepentingan umum dan khusus kepada kebajikan pembayar zakat dan penerimanya. Oleh itu, tidak menjadi suatu kesalahan bagi kerajaan mengenakan kutipan zakat kepada masyarakat Islam²⁰. Manakala golongan ketiga pula mewajibkan zakat *al-māl al-mustafād* berdasarkan *naş* wahyu daripada al-Quran, hadis dan ijtihad. Oleh itu, menjadi suatu kesalahan kepada pihak pemerintah yang mengabaikan tanggungjawab mengenakan zakat ini²¹.

Dalam mewajibkan dan mengharuskan zakat *al-māl al-mustafād* antara dalil yang digunakan ialah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا اَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْاَرْضِ
وَلَا تَيْمَمُوْا الْاَحْيٰثَ مِنْهُ تُنْفِقُوْنَ وَلَسْتُمْ بِاٰخِذِيْهِ اِلَّا اَنْ تُغْمِضُوْا فِيْهِ وَاَعْلَمُوْا اَنَّ
اَللّٰهَ غَنِيٌّ حَمِيْدٌ

Al-Baqarah 2: 267

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (keluarkan zakat) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu, dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu menafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mahu mengambilnya melainkan dengan menjeling terhadapnya, dan ketahuilah, bahawa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

Ayat di atas memberi penekanan agar mempelbagaikan sumber zakat harta yang diperoleh melalui daya usaha atau kerjaya. Penekanan ini telah dizahirkan melalui

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*

kalimah (مَأْكَسِبْتُمْ) yang bermaksud setiap sesuatu yang kamu usahakan. Al-Suyūṭī menjelaskan kalimah *mubhamah* (samar) iaitu (مَا) memberi pengertian umum²². Ini bermakna, ayat ini menunjukkan kepada apa sahaja hasil pekerjaan yang diperolehi secara halal pada bila-bila masa dan di mana sahaja, wajib dikenakan zakat.

Menurut bahasa, kalimah (الكسب) bermaksud mencari atau mengumpulkan harta²³ untuk membiayai sara hidup diri dan keluarga, melunaskan hutang, menjana pelaburan dan simpanan²⁴. Menurut tafsiran ‘Abdullāh ibn ‘Abbās, dan al-Ṭabarī, kalimah (مَأْكَسِبْتُمْ) bermaksud mereka yang berusaha dengan susah payah atau mudah untuk mengumpulkan emas dan perak (wang)²⁵.

Seterusnya, ayat lain yang menjelaskan kewajipan zakat *al-māl al-mustafād* ialah:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا بَيْعَ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ
وَلَا شَفَعَةً ۗ وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

Al-Baqarah 2: 254

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (zakat) sebahagian dari rezeki yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang hari yang pada hari itu tidak ada lagi jual beli dan tidak ada lagi persahabatan yang akrab dan tidak ada lagi syafa'at, dan orang-orang kafir itulah orang-orang yang zalim.

Penggunaan kalimah (مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ) dalam ayat di atas juga menjadi dalil kepada kewajipan penentuan zakat *al-māl al-mustafād*. Menurut tafsiran al-Ṭabarī²⁶ dan al-

²² Al-Suyūṭī, *Itqān fī ‘Ulūm al-Qurān* (Qāhirah: Al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Ammah lil Kitāb, 1975), 3: 48.

²³ Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Qāhirah, *Mu‘jam al-Wasīṭ* (Shirkah Musahamah al-Miṣriyyah, 1960), 2: 786.; Ibn Faris al-Qazwinī, *Mu‘jam Maqāyis al-Lughāt* (Miṣr: Muṣṭafā al-Halabī, 1991), 6: 179.

²⁴ Aḥmad ibn Ḥanbal, *Musnad* (Qāhirah: al-Maṭba‘ah al-Yamaniyyah, 1314H), 6: 31-42.

²⁵ Al-Fayrūzabadī, *Tanwīr al-Miqyās min Tafsīr Ibn ‘Abbās* (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.), 38.; Al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifat, 1983), 3: 54.

²⁶ Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992), 3: 4.

Shawkānī²⁷, ayat tersebut menjelaskan bahawa setiap orang Islam yang kaya wajib mengeluarkan zakat pendapatan. Jika mereka mengelakkan diri daripada kewajipan berzakat, mereka boleh digolongkan sebagai orang kafir dan boleh dianggap sebagai golongan yang menzalimi diri sendiri.

Selain itu, hadis yang dijadikan sandaran kepada pengenaan zakat *al-māl al-mustafād* ialah sabda Rasulullah SAW:

على كل مسلم صدقة، قالوا: يا نبي الله فمن لم يجد؟ قال: يعمل بيده فينفع نفسه
ويتصدق، قالوا: فإن لم يجد؟ قال: يعين ذا الحاجة الملهوف، قالوا: فإن لم يجد؟
قال: فليعمل بالمعروف وليمسك عن الشر فإنها له صدقة

Terjemahan: “Setiap orang Islam diwajibkan zakat”. Mereka berkata kepada Rasulullah: Wahai Nabi Allah, kalau kami tidak memiliki harta, bagaimana? Jawab baginda: Berusahalah kamu dengan sepenuh tenaga bagi menyara diri kemudian bayarlah zakat. Mereka berkata lagi: Usaha kami tidak berhasil? Jawab baginda: Berilah pertolongan kepada orang yang berhajat. Mereka berkata lagi: Kalau kami tidak berupaya. Sabda baginda: Bergiatlah dalam perkara makruf mencegah terjadinya keburukan. Sesungguhnya pekerjaan itu bagi kamu adalah sedekah (zakat)²⁸”.

Al-Qurtubī menjelaskan bahawa hadis di atas menunjukkan bahawa zakat pendapatan hukumnya adalah wajib²⁹ berdasarkan lafaz hadis (على كل مسلم صدقة) yang bermaksud “Setiap orang Islam diwajibkan sedekah”.

Pada masa kini, seseorang yang menawarkan perkhidmatan akan mendapat upah. Kepakaran dan perkhidmatan yang mereka curahkan itu akan dinilai dengan wang ringgit. Upah atau hasil pendapatan merupakan harta yang wajib dikenakan zakat. Namun, hadis di atas pada zahirnya memberi makna yang luas kepada konsep zakat kerana zakat yang dimaksudkan oleh hadis itu tidak tertumpu kepada keuntungan harta

²⁷ Al-Shawkānī, *Fath al-Qādir* (Miṣr: Muṣṭafā al-Halabī, 1924), 1: 270-271.

²⁸ Al-Bukhārī, Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Ismā‘il Al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ Bukhārī” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 113 (Kitāb al-Zakāh: Bāb ‘Alā Kulli Muslim Ṣadāqah Fa Man Lam Yajid Fal Ya‘mal bi al-Ma‘rūf; al-Nasāī, no. hadīth 1445).

²⁹ Al-Aynī, *Umdat al-Qārī* (Qāhirah: Muṣṭafa al-Halabī, 1972), 282.

modal semata-mata atau kepada zakat wajib yang telah ditetapkan strukturnya dalam kitab fiqh, bahkan kewajipan zakat merangkumi segala pendapatan perkhidmatan yang dilakukan oleh setiap ahli profesional³⁰.

Dalam hadis yang lain, Abū Dhar al-Ghifārī pernah bertanya kepada Rasulullah SAW:

عن أبي ذر -رضي الله عنه- أيضاً أن ناساً من أصحاب رسول الله -صلى الله عليه وسلم- قالوا للنبي -صلى الله عليه وسلم-: يا رسول الله ذهب أهل الدثور بالأجور، يصلون كما نصلي، ويصومون كما نصوم، ويتصدقون بفضول أموالهم، قال: أوليس قد جعل الله لكم ما تصدقون، إن بكل تسبيحة صدقة، وكل تكبيرة صدقة، وكل تحميدة صدقة، وكل تهليل صدقة، وأمر بالمعروف صدقة، ونهي عن منكر صدقة، وفي بضع أحدكم صدقة

Terjemahan: Bagaimanakah kami hendak mengeluarkan zakat (*ṣadaqah*) sedangkan kami tidak berharta: Sabda baginda: “*Ṣadaqah* itu banyak cabang, antaranya adalah mengucap takbir, tasbih, tahmid, istighfar, melakukan amar makruf, membersihkan halangan di jalan, memimpin orang buta, merawat orang bisu dan pekak, menunjukkan jalan orang yang sesat, membantu orang lemah. Semuanya ini adalah di antara cabang-cabang *ṣadaqah*. Malah bersama dengan isteri juga dikira *ṣadaqah* yang akan mendapat pahala³¹”.

Berdasarkan hadis-hadis di atas, ia menunjukkan bahawa institusi zakat diharuskan mengutip zakat bukan daripada sumber modal kebendaan (*al-maddiyyah*) semata-mata sahaja. Malah seseorang individu yang memberi perkhidmatan perundingan atau sebagai jururunding yang membimbing pelanggannya akan menggunakan kepakaran (*kalimah ṭayyibah*) untuk mendapatkan ganjaran juga diwajibkan mengeluarkan zakat pendapatan³².

Begitu juga dengan perkhidmatan yang ditawarkan seperti profesion juru ukur, doktor, seniman, pengarang, pegawai, pensyarah, guru dan lain-lain lagi. Kesemua

³⁰ *Ibid.*, 249.

³¹ Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “*Ṣaḥīḥ Muslim*” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 837 (*Az-Zakāh: Bāb Bayān Anna Ism al-Ṣadāqah yaqa‘ ‘alā kullī naw‘ min al-ma‘rūf*, no. *hadīth* 1006).

³² Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengamalan di Malaysia*, 105.

perkhidmatan tersebut akan dibayar gaji, upah, elaun, bonus dan lain-lain lagi. Persoalan yang timbul apakah perkhidmatan tersebut tidak diwajibkan zakat. Sedangkan, kedua-dua hadis di atas difahami secara tradisional yang diertikan sebagai kerja sosial yang dilakukan secara sukarela (*taṭawwū'*) atau sebagai ibadah sampingan pun telah dikenakan zakat. Pada masa kini, kefahaman terhadap perkhidmatan yang disebut dalam hadis di atas yang bersifat sukarela boleh diperluaskan kepada perkhidmatan professional. Ini kerana perkhidmatan professional pada hari ini telah menjadi bidang pekerjaan untuk mendapatkan upah yang lumayan. Hal ini menunjukkan bahawa hadis di atas memberikan pengertian yang amat rasional dan praktikal, sesuai dengan perubahan dunia pekerjaan masa kini³³.

4.2.1.1.2 Penentuan *ḥawl*

Dalam perbincangan zakat gaji ini juga, isu yang sering diketengahkan ialah apakah gaji, perolehan atau pendapatan dalam bentuk yang dinyatakan di atas akan terus dikenakan zakat pada masa ianya diterima atau tertakluk kepada syarat *ḥawl*. Syarat *ḥawl* adalah suatu keperluan dalam zakat. Syarat ini telah disepakati oleh para tabi'in dan para ulama fiqh. *Ḥawl* yang yang diambilkira untuk mengeluarkan zakat ialah menurut perkiraan anak bulan bukan menurut perkiraan matahari³⁴. Syarat *ḥawl* adalah berasaskan hadis:

لا زكاة في مال حتى يحول عليه الحول

Terjemahan: Tidak dikenakan zakat atas harta sehingga ia cukup *ḥawl*³⁵.

³³ *Ibid.*, 105-106.

³⁴ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. ke-2 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1985), 2: 744.

³⁵ Hadith riwayat Ibn Mājah, Abī 'Abdullah Muḥammad bin Yāzīd 'Ar-Rābī'yī Ibn Mājah, "Sunan Ibn Mājah" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz 'Al al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 2583 (Az-Zakāh: Bāb Man Istafāda Māl, no. hadīth 1792).

Menurut mazhab Hanāfi disyaratkan cukup nisab di penghujung *ḥawl* iaitu pada awal dan akhir *ḥawl* sama ada harta itu kekal dengan sempurna atau tidak maka harta itu wajib dikenakan zakat. Zakat juga wajib jika harta itu menjadi kurang pada pertengahan *ḥawl* kemudian menjadi sempurna akhirnya. Kekurangan nisab dalam masa *ḥawl* tidak mencacatkan sekiranya nisab itu sempurna pada penghujung *ḥawl*. Sesuatu pertambahan di pertengahan *ḥawl* seperti penerimaan hibah dan pewarisan, perlulah dicampur bersama dengan harta yang sedia ada dan diwajibkan zakat. Ini adalah untuk memudahkan pengeluar zakat serta dapat mengelak kesusahannya untuk mengira *ḥawl* bagi setiap kali perolehan kerana ia akan merumitkan, sedangkan pensyaratan *ḥawl* adalah untuk memudahkan manusia mengeluarkan zakat³⁶.

Dalam mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali disyaratkan *ḥawl* mestilah sempurna dan berterusan dari awal hingga akhir *ḥawl*. Sekiranya nisab sempurna pada permulaan *ḥawl*, kemudian menjadi kurang di pertengahan *ḥawl* walaupun seketika, maka zakat tidak diwajibkan. Sesuatu pertambahan di pertengahan *ḥawl* adalah tidak dicampur bersama dengan harta yang sedia ada, sebaliknya memulakan pengiraan baru semula. Menurut pendapat jumbuh, setiap harta perolehan hendaklah dikira *ḥawl* baru, kerana itu adalah tuntutan keadilan. Syarat berlalunya *ḥawl* adalah diaplikasi pada zakat emas dan perak, perniagaan dan binatang. Manakala tidak menjadi syarat *ḥawl* ke atas zakat tanaman yang dikenakan sebaik sahaja dituai atau dipetik. Demikianlah konsep syarat *ḥawl* menurut pandangan-pandangan mazhab fiqh³⁷.

Al-Qaraḍāwī telah menjelaskan pembayaran zakat gaji dan pendapatan tanpa perlu sempurna tempoh *ḥawl*. Beliau juga telah mengutarakan pandangan hukum *al-māl al-mustafād* berdasarkan pandangan sahabat dan tabi'in yang memperkenalkan tanpa

³⁶ Al-Kasānī, al-Imām 'Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd al-Ḥanafī, *Badā'i al-Sana'i*, cet. ke-2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 2: 404.

³⁷ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. ke-2 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1985), 2: 745-747.

perlu *hawl* antaranya ialah Ibn ‘Abbās, Ibn Mas‘ūd, Mu‘āwiyah, al-Şādiq, al-Baqīr, al-Naşir, Dāud al-Zāhirī begitu juga ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz, al-Ḥasan, al-Zuhrī dan al-‘Auzā’ī³⁸.

Manakala pandangan sebaliknya adalah daripada ‘Alī, Ibn ‘Umar, Anas dan ‘Aishah yang menolak pengambilan terus zakat dari *al-māl al-mustafād*. Begitu juga dengan pandangan Imām Abū Ḥanifah, Imām Mālik dan Imām Shāfi‘ī. Al-Qaraḍāwī banyak menyatakan pandangan dari Ibn Ḥazm bermazhab al-Zāhirī yang mempertikaikan pandangan Imam mazhab Sunni³⁹.

Berdasarkan penerangan ini, ia dapat disimpulkan bahawa pada asasnya pungutan zakat secara terus dan tanpa syarat *hawl* daripada harta *al-māl al-mustafād* ini adalah pendapat mazhab Shi‘ah dan mazhab Zāhirī sahaja. Malah pendapat tersebut ditentang oleh mazhab Sunni. Kesimpulan ini selari dengan kenyataan Ibn Ḥazmin dalam kitabnya *al-Muḥallā*⁴⁰.

Al-Qaraḍāwī juga telah membahagikan pandangan terhadap *al-māl al-mustafād* kepada tiga bahagian iaitu, pertama ialah sekiranya harta perolehan merupakan keuntungan daripada harta yang sebelumnya yang telah dizakatkan seperti harta perniagaan, pembiakan ternakan secara komersial dan lain-lain lagi, maka perolehan itu perlu dicampurkan dengan kumpulan asal dan sebahagian daripadanya termasuk dalam perkiraan *hawl* dan nisab. Hal ini kerana perkaitan antara dua kumpulan itu sangat rapat. Berdasarkan kepada kaedah ini, segala modal dan keuntungan tersebut akan dizakatkan secara bersama. Ini adalah bentuk zakat yang biasa difahami⁴¹.

Kedua ialah sekiranya perolehan berkenaan merupakan harga kepada harta yang telah dizakatkan dan belum sampai *hawlnya*. Contohnya, harga jualan hasil tanaman

³⁸ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 490.

³⁹ *Ibid.*, 503-504.

⁴⁰ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, “Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional,” 35.

⁴¹ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 491.

yang telah dizakatkan atau harga hasil ternakan yang telah dizakatkan. Maka ia tidak akan dikenakan zakat pada waktu itu bagi mengelakkan dua kali zakat pada harta yang sama⁴².

Ketiga ialah berkenaan perolehan yang bukan keuntungan pelaburan daripada sebarang harta yang dimilikinya. Sebaliknya diperoleh melalui cara tersendiri seperti dalam bentuk upah atas sesuatu kerja yang dilakukan, pendapatan daripada modal yang tidak diperniagakan, hadiah dan sebagainya. Perolehan dari jenis ini boleh terus diambil zakat tanpa tertakluk kepada syarat *ḥawl*⁴³.

Al-Qaraḍāwī dalam mengemukakan kategori ketiga, selanjutnya menimbulkan beberapa persoalan antaranya apakah pendapatan dan perolehan seperti itu perlu menunggu cukup *ḥawl* setahun sebelum dikenakan zakat atas asas ia adalah wang simpanan. Bolehkah ia dicampurkan saja dengan kumpulan sejenis yang sudah ada dan *ḥawl*nya dikira mengikut harta asal itu. Adakah zakat akan terus dikutip daripadanya sesudah cukup nisab dan tiada halangan lain seperti tanggungan hutang dan keperluan asasi⁴⁴.

Bagi menjawab persoalan tersebut, al-Qaraḍāwī mengakui bahawa pendapat yang popular dalam kalangan para ulama fiqh ialah memilih kategori pertama iaitu mensyaratkan *ḥawl* dan mengambil zakat daripadanya sebagai harta simpanan. Walau bagaimanapun, beliau tidak memilih pandangan popular tersebut, sebaliknya memilih kategori ketiga sebagai alternatif iaitu terus mengambil zakat daripada kumpulan perolehan berkenaan secara tersendiri tanpa tertakluk kepada syarat *ḥawl*⁴⁵.

Al-Qaraḍāwī dalam usaha menegakkan pandangan beliau bahawa *al-māl al-mustafād* sepertimana yang dihuraikan dikenakan zakat tanpa tertakluk kepada syarat

⁴² *Ibid.*

⁴³ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 491.

⁴⁴ *Ibid.*, 491-492.

⁴⁵ *Ibid.*, 492.

ḥawl. Beliau telah mempertikaikan hadis-hadis yang mensyaratkan *ḥawl* secara umum dan menyatakan hadis-hadis berkenaan *da'īf* serta tidak sesuai dijadikan hujah. Contohnya, hadis khusus tentang *ḥawl al-māl al-mustafād* diriwayatkan Ibn 'Umar r.a.:

عن ابن عمر قال من استفاد مالا فلا زكاة فيه حتى يحول عليه الحول عند ربه

Terjemahan: Seseorang yang memperoleh pendapatan, maka tidak wajib zakat ke atasnya sehinggalah ia cukup *ḥawl* di tangan pemiliknya⁴⁶.

Selain itu, terdapat hadis yang memberi pengertian umum yang mensyaratkan *ḥawl* dalam mewajibkan zakat. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh 'Aishah r.a.:

لا زكاة في مال حتى يحول عليه الحول

Terjemahan: Tidak dikenakan zakat atas harta sehingga ia cukup *ḥawl*⁴⁷.

Seterusnya ialah hadis yang telah diriwayatkan oleh 'Alī r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عن علي رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إذا كانت لك مائة درهم وحال عليها الحول ففيها خمسة دراهم ربع عشرها وليس عليك شيء أي في الذهب حتى يكون لك عشرون دينارا وحال عليها الحول ففيها نصف دينار فما زاد فبحساب ذلك وليس في مال زكاة حتى يحول عليه الحول

Terjemahan: Kalau yang ada pada kamu itu dua ratus dirham dan mencapai *ḥawl*, maka zakat ke atasnya sebanyak lima dirham. Dan tidak ada apa-apa kewajipan (zakat emas) ke atas kamu kecuali ia berjumlah dua puluh dinar. Maka kalau cukup *ḥawl* diwajibkan padanya setengah dinar. Apa yang lebih daripada itu dikira mengikut nisbah itu juga, tidak ada zakat pada sesuatu harta sehingga sempurna *ḥawl*⁴⁸.

⁴⁶ At-Tirmidhī, Abī 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā At-Tirmidhī, "Jāmi'at-Tirmidhī" *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 1708 (Abwāb Az-Zakāh: Bāb Mā Ja'a Lā Zakāh 'Alā Al-Māl Al-Mustafādi Hattā Yahūla 'Alāihi Al-Haūl, no. hadīth 632).

⁴⁷ Ibn Mājah, Abī 'Abdullah Muḥammad bin Yāzīd Ār-Rābī'yī Ibn Mājah, "Sunan Ibn Mājah" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 2583 (Az-Zakāh: Bāb Man Istafāda Māl, no. hadīth 1792).

⁴⁸ Abī Dāwūd, Abī Dāwūd Sulaymān bin Āl-'Āsh'āṭh, "Sunan Abī Dāwūd" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 1340 (Kitāb Az-Zakāh: Bāb Fī Zakāh Āl-Sāi'mah, no. hadīth 1573).

Selain hadis-hadis di atas, terdapat juga riwayat daripada para Sahabat Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa zakat *al-māl al-mustafād* ini tertakluk kepada syarat *ḥawl*. Antara *athar* tersebut ialah riwayat Muḥammad ibn Abū Bakr:

ان ابا بكر الصديق لا يأخذ من المال زكاة حتى يحول عليه الحول

Terjemahan: Bahawa Ab Bakr al-Siddiq tidak memungut zakat kecuali sesudah harta itu cukup *ḥawl*⁴⁹.

Riwayat yang lain pula daripada ‘Umrah binti ‘Abd Raḥmān yang menyebut bahawa ‘Aishah berkata:

لا تزكي حتى يحول عليه الحول: تعني المال المستفاد

Terjemahan: Dia tidak perlu membayar zakat sehingga cukup *ḥawl*⁵⁰.

Seterusnya riwayat ‘Asim ibn Dumrah bahawa ‘Alī RA berkata:

من استفاد مالا فلا زكاة عليه حتى يحول عليه الحول

Terjemahan: Sesiapa yang memperoleh harta maka tidak wajib zakat padanya sehingga ia cukup *ḥawl*⁵¹.

Al-Qaraḍāwī mengulas, amat jelas sekali bahawa syarat *ḥawl* dalam mengenakan zakat ke atas *al-māl al-mustafād* tidak disokong oleh mana-mana hadis *marfu‘* kepada Rasulullah SAW⁵². Beliau juga menjelaskan tanda lemahnya hadis-hadis tentang syarat *ḥawl* pada zakat *al-māl al-mustafād* ialah para sahabat, *tabi‘in* dan para

⁴⁹ Āl-Imām Mālik, “Sharḥ Āl-Zarqānī ‘Alā Mūwaṭṭā’ Āl-Imām Mālik” dalam *Mūwaṭṭā’ Āl-Imām Mālik*, ed. Muḥammad bin ‘Abd Āl-bāqī Āl-Zarqānī (Maktabah Āl-Thaqāfah Āl-Dīnīyah, 2003), 142 (Kitāb: al-Zakāh, Bāb al-Zakāh fī Āl-‘Aīn Min Āl-Zahab wā āl-Warq, no. hadīth 578).

⁵⁰ Ibn Hazm, *al-Muhalla*, 306.

⁵¹ At-Tirmidhī, Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā At-Tirmidhī, “Jāmi‘ At-Tirmidhī” *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Šālih bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 1708 (Abwāb Az-Zakāh: Bāb Mā Jāa Lā Zakāh ‘Alā Al-Māl Al-Mustafādi Hattā Yahūla ‘Alāhi Al-Haūl, no. hadīth 631).

⁵² Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 497.

ulama terkemudian berbeza pendapat tentang syarat *ḥawl*⁵³. Seperti yang telah disebutkan di atas bahawa Abū Bakar, ‘Alī, ‘Aishah dan Ibn ‘Umar berpendapat zakat atas pendapatan seperti itu wajib dikeluarkan pada waktu ianya diterima. Manakala Ibn ‘Abbās, Ibn Mas‘ud dan Mu‘āwiyah berpendapat sebaliknya tidak tertakluk kepada *ḥawl*⁵⁴.

Manakala pandangan golongan yang menyatakan tidak disyaratkan *ḥawl* pula berhujah dengan *athar-athar* dari Ibn ‘Abbās, Ibn Mas‘ud, Mu‘āwiyah, dan Umar ‘Abd al-‘Azīz yang menunjukkan para sahabat dan tabi‘in mengutip zakat pada hari diterima tanpa menunggu *ḥawl* berlalu seperti berikut:

عَنْ عِكْرِمَةَ ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ ، فِي الرَّجُلِ يَسْتَفِيدُ الْمَالَ ، قَالَ : " يُزَكِّيهِ يَوْمَ يَسْتَفِيدُهُ

Terjemahan: Tentang orang yang memperoleh harta, katanya: dia perlu membayar zakatnya pada hari dia memperoleh harta itu⁵⁵.

عَنْ هُبَيْرَةَ بْنِ يَرِيمَ ، قَالَ : كَانَ عَبْدُ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ " يُعْطِينَا الْعَطَاءَ فِي زُئْلِ صِعَارٍ ، ثُمَّ يَأْخُذُ مِنْهُ الزَّكَاةَ

Terjemahan: Dari Hubairah bin Yaryam berkata, bahawa Abdullah ibn Mas‘ud memberikan pemberian kepada kami dalam kempit-kempit yang kecil dan kemudian mengambil zakat daripadanya⁵⁶.

عن ابن شهاب ، قال : أول من أخذ من الأ عطية الزكاة معاوية

Terjemahan: Orang yang pertama sekali mengambil zakat daripada pemberian ialah Mu‘āwiyah ibn Abī Sufian⁵⁷.

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ *Ibid.*, 498.

⁵⁵ Abū ‘Ubayd al-Qaṣim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Bayrūt: Dār al-Shuruq, 1989), 506.

⁵⁶ *Ibid.*, 504.

⁵⁷ Abī Bakar Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī Al-Baiḥaqī, dalam *Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā’ (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2003), 184 (Kitāb Al-Zakāh: Bāb al Waqt al ladhī tujibu fihi al-Ṣadaqah, no. hadīth 7357).; Al-Suyuṭī, *Tanwīr al-awalik* (Bayrūt: al-Maktabah al-Thaqafiyah, 1984), 1: 242.

كَانَ عُمَرُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ ، إِذَا أَعْطَى الرَّجُلَ عُمَّالَتَهُ ، " أَخَذَ مِنْهَا الزَّكَاةَ " ، وَإِذَا رَدَّ
الْمُظْلَمُ أَخَذَ مِنْهَا الزَّكَاةَ ، " وَكَانَ يَأْخُذُ الزَّكَاةَ مِنَ الْأَعْطِيَةِ ، إِذَا خَرَجَتْ لِأَصْحَابِهَا

Terjemahan: Apabila ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz memberikan gaji pada seseorang, maka beliau akan memungut zakat terus. Begitu juga apabila mengembalikan harta orang dizalimi, maka beliau akan memungut zakat terus dari pemilik tersebut⁵⁸.

Selain hujah-hujah berasaskan hadis dan *athar* yang telah dibentangkan di atas, al-Qaraḍāwī selanjutnya berhujah berasaskan objektif syariah, *maṣlahah* atau kepentingan masyarakat semasa yang merupakan salah satu daripada sumber hukum Islam yang muktabar. Beliau menyatakan mempercepatkan pembayaran zakat dan tidak menunggu tempoh *ḥawl* sangat memberi manfaat kepada penerima zakat dan memudahkan pengurusan zakat. Kaedah pembayaran zakat ini juga selari dengan kehendak Islam yang menganjurkan kebajikan, saling bantu membantu, memelihara masyarakat dan merasai kesakitan bersama⁵⁹.

Menunggu *ḥawl* berlalu akan menyebabkan perbelanjaan wang berterusan, menyebabkan pendapatan yang ada akan habis dan mengabaikan tugas membelanjakan harta di jalan Allah dan membantu orang yang memerlukan⁶⁰. Beliau juga berhujah, sekiranya petani diwajibkan membayar zakat lima peratus atau sepuluh peratus sejourus sahaja selepas menuai, ini adalah suatu yang boleh dipertikaikan dan dilihat tidak adil bagi jurutera, peguam, doktor yang memperolehi pendapatan besar dan lumayan untuk menunggu tempoh setahun sebelum membayar zakat⁶¹.

Mahmood Zuhdi menganalisis pandangan dan hujah al-Qaraḍāwī pada mulanya berasaskan hadis-hadis dan akhirnya menggunakan *maṣlahah* untuk menguatkan hujah. Beliau bersetuju dengan al-Qaraḍāwī dalam penggunaan kaedah *maṣlahah* untuk zakat

⁵⁸ Abū ‘Ubayd al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl* (Bayrūt: Dār al-Shuruq, 1989), 533.

⁵⁹ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 504.

⁶⁰ *Ibid.*, 507.

⁶¹ *Ibid.*

gaji dan pendapatan. Beliau juga menjelaskan penggunaan *maṣlahah* tidak bertentangan dengan kaedah penentuan hukum. Menurut beliau, ini adalah suatu bentuk fatwa kontemporari yang tidak bermaksud mengabaikan fatwa klasik⁶².

Al-Ghazzālī bersetuju dengan pandangan al-Qaradāwī bahawa zakat dikenakan ke atas modal dan sumber pendapatan daripada pekerjaan. Gaji adalah menyerupai pendapatan petani dalam bentuk hasil tuaian dan tidak perlu dikenakan syarat *ḥawl* setahun⁶³. Shakhatah pula bersetuju dengan idea al-Ghazzālī bahawa pendapatan daripada pekerjaan menyerupai pendapatan petani dalam bentuk hasil tuaian berdasarkan kaedah *qiyās*. Pendapatan daripada pekerjaan berbeza dengan keuntungan perniagaan kerana keuntungan tertakluk kepada modal yang dilaburkan dan zakatnya perlu dikira berdasarkan *ḥawl* setahun⁶⁴. Berdasarkan perbincangan tersebut, Jaduw berpandangan harta yang dikenakan zakat berdasarkan *ḥawl* tahunan terbahagi kepada dua iaitu modal (*ra's al-māl*) dan pendapatan dari pekerjaan (*iradiyyah*). Zakat dikenakan ke atas keuntungan dan nisab tahunan kepada kategori pertama (modal) dengan tujuan perkembangan dan pelaburan modal. Sebaliknya zakat tidak dikenakan syarat *ḥawl* setahun kepada kategori kedua iaitu pendapatan kerana sekiranya dikenakan syarat *ḥawl* setahun, maka pendapatan tersebut akan habis dibelanjakan dan mendatangkan kezaliman kepada golongan miskin⁶⁵.

Asas dan hujah penolakan syarat *ḥawl* yang dibincangkan di atas menerima kritikan daripada para sarjana dan pihak berautoriti. Kritikan tersebut menegaskan hadis

⁶² Mahmood Zuḥdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 346.

⁶³ Al-Ghazzālī, Muḥammad, *Al-Islām wa al-Awza' al-Iqtisādiyyah* (Qāhirah: Dār al-Kutub al-Ḥadithah, 1961), 166-167.

⁶⁴ Shahatah, Shauqi Ismail, *Muḥasabat Zakāh al-Māl: 'Ilman wa 'Amalan* (Misr: Maktabah al-Anjilu, 1970) 159.

⁶⁵ Jaduw, Muḥammad Aḥmad, "Muḥasabat al-Zakāh 'ala al-Murattabat wa al-Ujur wa al-Mihan al-Hurrah wa Ghayr al-Tijariyyah", dalam *Abḥath Nadwat al-Ṭatbiq al-Mu'asir li al-Zakāh* (Al-Azhar University: S.A. Kamel Center for Islamic Economics, 2002), 2: 22-25.

Ibn ‘Umar adalah berstatus *marfu*⁶⁶. Ibn Rushd pula menjelaskan penerimaan syarat *ḥawl* telah berlaku ijmak di kalangan jumah fuqaha⁶⁷. Menurut Rafiq al-Miṣr, hadis-hadis berkaitan *ḥawl* adalah tetap kuat dan tidak sebagaimana dakwaan al-Qaraḍāwī yang melemahkan status hadis berkaitan *ḥawl*⁶⁸. Shauqi Ismail Shahatah juga berpendapat zakat hasil kerja ini perlu tertakluk kepada *ḥawl*, sama seperti *ḥawl* perniagaan dan sebagainya⁶⁹.

Di Malaysia, walaupun hampir semua negeri mewajibkan zakat gaji tanpa perlu menunggu berlalu tempoh *ḥawl*, kritikan terhadapnya tetap berlaku dalam kalangan sarjana hukum⁷⁰. Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak adalah tidak mengikut arus perdana.

“Bahawa gaji atau pendapatan termasuk dalam kategori yang wajib zakat apabila cukup nisab dan haul itu adalah merupakan syarat yang diittifaqkan oleh Jumhur Ulama dalam mazhab yang empat. Syarat ini tidak berlaku pada gaji atau pendapatan maka gaji atau pendapatan tidak wajib zakat⁷¹”.

Fatwa tersebut memutuskan zakat pendapatan perlu dibayar apabila berlalu *ḥawl* dan berpegang pada hadis:

عن ابن عمر قال من استفاد مالا فلا زكاة فيه حتى يحول عليه الحول عند ربه

Terjemahan: Seseorang yang memperoleh pendapatan, maka tidak wajib zakat ke atasnya sehinggalah ia cukup *ḥawl* di tangan pemiliknya⁷².

⁶⁶ Luqman Abdullah, Wan Marhaini Wan Ahmad & Wan Zulkifli Wan Hasan, “Zakat on Salary and Wages: The Unsettled Juristic Issues” (International Conference of Global Islamic Studies 2014, Salford University UK, 5 Jun 2014), 197.

⁶⁷ Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid* (Qāhīrah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyah, 1996), 1: 277.

⁶⁸ Al-Miṣr, Rafiq Yūnus, *Buḥūth fī al-Zakāh*, cet. ke-2 (Dimashq: Dār al-Maktabī, 2009), 107.

⁶⁹ Shahātah, Shauqī Ismā‘īl, *Tanẓīm wa Muḥasabat al-Zakāh fī al-Taṭbiq al-Mu‘āsir*, cet. ke-2 (Qāhīrah: al-Zahra’ li al-‘Ilm ‘Arabī, 1988), 251-263.

⁷⁰ Luqman Abdullah, Wan Marhaini Wan Ahmad & Wan Zulkifli Wan Hasan, “Zakat on Salary and Wages: The Unsettled Juristic Issues,” 197.

⁷¹ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-atas-gaji-pendapatan-0>

⁷² At-Tirmidhī, Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā At-Tirmidhī, “Jāmi‘ At-Tirmidhī” *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Šālih bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 1708 (Az-Zakāh: Bāb Mā Jā Lā Zakāh ‘Alā Al-Māl Al-Mustafādi Hattā Yahūla ‘Alāihī Al-Haūl, no. hadīth 632).

Alī Jad al-Haq menjawab persoalan yang diajukan oleh pihak autoriti agama di Malaysia yang bertanya berkaitan zakat gaji dan pendapatan adalah seperti berikut:

“Pendapatan yang diperolehi dari kerja seperti upah dan gaji adalah tidak boleh dizakatkan pada hari diterima pendapatan tersebut, sebaliknya perlu menunggu setahun⁷³”.

Walaupun pandangan al-Qaraḍāwī berkaitan zakat gaji dan pendapatan adalah popular dalam kalangan ahli ekonomi dan sarjana hukum kontemporari, ianya masih dipertikaikan oleh sarjana hukum yang lain. Isu *ḥawl* masih lagi diperbahaskan sehingga ke hari ini dan masih tidak selesai dalam kewajipan zakat gaji.

4.2.1.1.3 Penentuan nisab serta kadar bayaran

Seterusnya, isu yang timbul dari perbincangan kewajipan terhadap zakat gaji ialah penentuan nisab serta kadar bayaran. Terdapat beberapa teori yang dikemukakan dalam hal ini, Muḥammad al-Ghazzālī berpandangan nisab zakat pendapatan kerja ialah sama dengan nisab hasil pertanian berasaskan kemungkinan kedua-duanya dikenakan zakat tanpa tertakluk kepada syarat *ḥawl*⁷⁴. Ini bermaksud zakat akan dikenakan kepada individu yang memperoleh pendapatan kerja setahun iaitu sama dengan nilai harga 400 gantang padi setelah ditolak segala perbelanjaan perlu⁷⁵. Manakala menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī pula, nisab zakat pendapatan kerja seharusnya berdasarkan nisab zakat wang iaitu senilai 20 *mithqal* atau 85 gram emas berasaskan kepada kebiasaan pendapatan kerja yang diterima dalam bentuk wang⁷⁶.

Namun, timbul persoalan tentang bagaimanakah nisab perlu dikira berdasarkan

⁷³ Jad al-Ḥaq, ‘Alī Jad al-Ḥaq, *Buḥuth wa Fatāwa Islāmiyyah fi Qadhāyā Mu‘asira* (Cairo: Dār al-Ḥadīth, 2004),

⁷⁴ Muḥammad al-Ghazzālī, *Al-Islām wa al-Auda‘ al-Iqtisādiyyah* (Qāhirah: t.tp., t.t.), 166.

⁷⁵ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 352.

⁷⁶ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw‘ al-Qur‘ān wa al-Sunnah*, 512.

situasi pendapatan yang diterima oleh ahli professional dan pekerja dengan cara yang berbeza-beza seperti pendapatan secara harian, mingguan, berkala, bulanan dan sebagainya. Dalam hal ini, Yūsuf al-Qaraḏāwī memberi dua kaedah penyelesaian⁷⁷.

Kaedah pertama ialah nisab perlu dikira berasaskan jumlah pada setiap kali pendapatan berkenaan diterima. Jika jumlah berkenaan mencecah kadar nisab, seperti gaji yang tinggi atau hadiah yang besar yang diperoleh oleh para pegawai dan pekerja yang diperoleh oleh ahli-ahli professional, ia akan dikenakan zakat. Namun sekiranya pendapatan yang diterima itu tidak mencukupi nisab maka tiada zakat yang boleh diwajibkan ke atasnya⁷⁸.

Kaedah kedua pula ialah nisab perlu dikira berasaskan pendapatan setahun. Pandangan para sarjana hukum fiqh terhadap kewajaran mencampurkan hasil galian yang diperoleh daripada semasa ke semasa dalam satu usaha perlombongan yang sama bagi tujuan menentukan nisab boleh dijadikan asas kepada pandangan ini. Begitulah juga dengan pandangan para sarjana hukum fiqh terhadap kewajaran mencampurkan hasil pertanian dalam tempoh masa setahun⁷⁹.

Seterusnya, kadar bayaran yang perlu dipungut ialah sebanyak 2.5 peratus. Kadar tersebut adalah berasaskan kepada pengertian umum zakat mata wang yang tidak membezakan sama ada mata wang berkenaan merupakan harta perolehan (*al-māl al-mustafād*) atau simpanan daripada pendapatan lain⁸⁰.

Demikianlah, meskipun dari aspek persamaan dapat dilihat antara hasil pendapatan kerja dengan hasil pertanian iaitu sama-sama pendapatan yang dikenakan zakat tanpa terikat dengan syarat *ḥawl*. Namun, perbezaan antara kedua-duanya lebih memberi kesan dalam menentukan hukum. Perbezaan tersebut ialah pendapatan kerja

⁷⁷ *Ibid.*, 513.

⁷⁸ *Ibid.*, 513.

⁷⁹ *Ibid.*, 513 - 514.

⁸⁰ *Ibid.*, 518.

dihasilkan melalui kerja, manakala hasil pertanian diperoleh melalui modal, iaitu tanah⁸¹.

4.2.1.2 Analisis maqasid syariah dalam fatwa zakat gaji dan pendapatan di Malaysia

Penentuan hukum zakat gaji dan pendapatan menunjukkan berlaku anjakan paradigma dalam amalan fatwa di Malaysia dengan mengambil pandangan sarjana hukum kontemporari⁸². Berlaku keterbukaan dan kelonggaran dalam membuat keputusan hukum zakat gaji dan pendapatan dengan menerima pakai pandangan di luar daripada mazhab Syafie⁸³. Penentuan hukum zakat gaji dan pendapatan diputuskan melalui disiplin *uṣūl al-fiqh* yang menitikberatkan aspek maqasid syariah, ianya juga disesuaikan dengan kaedah fiqh yang menjelaskan perubahan fatwa yang disebabkan perubahan masa, tempat, amalan kebiasaan dan keadaan⁸⁴.

Para sarjana hukum bersetuju zakat harta pendapatan perlu ditunaikan demi kemaslahatan masyarakat Islam. Hal ini memandangkan gaji atau upah daripada pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang mampu menjadikannya kaya dan berharta⁸⁵. Gaji atau upah adalah suatu bentuk harta baru yang perlu dikenakan zakat selain daripada emas, perak, galian, hasil perniagaan, hasil ternakan dan sebagainya.

Pengeluaran zakat gaji dan pendapatan dilihat penting kerana kewajipan pengeluaran zakat dalam konteks ini akan memberi kebajikan dan kemaslahatan kepada masyarakat Islam. Sebaliknya jika zakat gaji dan pendapatan tidak diwajibkan, ini akan

⁸¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 355.

⁸² Lihat fatwa-fatwa zakat gaji dan pendapatan dalam bab tiga.

⁸³ Wan Zulkifli Wan Hassan, "Pengaruh Mazhab Syafie Dalam Fatwa Mengenai Zakat Di Terengganu: Kajian Dari Tahun 1953 – 2005" (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 225.

⁸⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Ilām al-Muwāqī'īn 'an Rabb al-'Ālāmīn* (Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 2006), 598-599.

⁸⁵ Hamizul Abdul Hamid, *Eksklusif Zakat* (Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2012), 49.

membawa kerugian kepada maqasid penambahan dana zakat untuk kepentingan umat Islam. Pengenaan zakat gaji dan pendapatan perlu diberi perhatian penting memandangkan kedudukan peranan zakat dilihat sebagai satu instrumen pembahagian harta di kalangan masyarakat yang memerlukan.

Dari sudut sejarah, pada zaman awal Islam aktiviti ekonomi yang utama ialah pertanian dan perniagaan, maka hukum yang disyariatkan juga sesuai dengan keadaan pada masa tersebut dan sesuai dengan maqasid syariah ketika itu. Hal ini kerana kegiatan pertanian dan perniagaan ialah sumber utama pendapatan pada masa itu. Pada hari ini, sumber pendapatan utama umat Islam telah berubah bentuk dari perniagaan dan pertanian kepada perkhidmatan bergaji tetap. Jika pada zaman dahulu pertanian dan perniagaan dikenakan zakat kerana ia merupakan sumber pendapatan utama, maka adalah wajar dan menepati maqasid syariah sekiranya sumber pendapatan berasaskan gaji pada masa kini yang merupakan sumber pendapatan utama juga dikenakan zakat. Justeru itu, adalah tidak wajar memakai kefahaman lama tentang kewajipan zakat, sedangkan bentuk pendapatan utama telah berubah pada hari ini.

Dari perspektif *maqāsid ḥifz al-māl*, sekiranya zakat gaji dan pendapatan tidak dikenakan keadaan ini sudah tentu akan menyebabkan berlaku kepincangan dalam sistem sosial umat Islam. Orang yang bekerja dengan gaji yang lumayan akan terus melipatgandakan harta, manakala dana untuk membantu golongan fakir, miskin dan asnaf yang lain akan terus menyusut menyebabkan jurang antara kaya dan miskin semakin melebar. Justeru itu, zakat berperanan untuk merapatkan jurang perbezaan tersebut.

Maqasid mewajibkan zakat harta kepada dan orang kaya ialah supaya sistem zakat dapat mengimbangi pendapatan perkapita dan sistem agihan untuk mewujudkan keadilan ekonomi secara berterusan. Wajarkah seorang pegawai atau ahli profesional atau golongan yang mendapat gaji, elaun bernilai sebanyak RM30,000 hingga

RM100,000 lebih setahun tidak diwajibkan zakat? Perlu difahami istilah kaya ialah seseorang yang berpendapatan tinggi dan memiliki harta yang banyak. Golongan berpendapatan tinggi mestilah membantu golongan yang tidak bernasib baik melalui mekanisme zakat. Inilah keadilan sistem ekonomi yang dituntut oleh Islam.

Seterusnya, antara lain maqasid zakat ialah untuk membersihkan harta dan pemiliknya itu sendiri. Persoalan yang timbul adakah petani, penternak dan ahli perniagaan sahaja yang hartanya tidak bersih dan berhati kotor? Adakah pendapatan yang bersumber daripada gaji, subsidi dan pendapatan ahli profesional itu tidak perlu disucikan? Mengapakah harta mereka dibezakan dengan harta lain? Mengapakah status kaya juga tidak dipandang sama rata di antara petani dan penternak dengan pegawai tinggi dan ahli profesional?

Maqasid mengenakan zakat ke atas gaji dan pendapatan juga adalah sesuai dengan prinsip Islam dalam melatih memupuk sikap keperihatinan dan kasih sayang seseorang terhadap yang lain dalam masyarakat. Sehubungan itu, Allah SWT berfirman dengan sifat-sifat orang bertaqwa iaitu suka memberikan infak, antaranya ialah:

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

Al-Baqarah 2: 3

Terjemahan: Dan dari apa yang kami rezeikan kepada mereka, mereka belanjakan.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ ... ﴿٢٥٤﴾

Al-Baqarah 2: 254

Terjemahan: Wahai orang yang beriman, nafkahkanlah sebahagian dari apa yang kami rezeikan kepada kamu.

Selain itu, sekiranya *hawl* tidak disyaratkan dalam kewajipan mengeluarkan zakat gaji dan pendapatan, pasti akan memudahkan pentadbiran zakat. Sebaliknya, jika *hawl* disyaratkan ke atas setiap individu yang mempunyai pendapatan, sama ada banyak

atau sedikit sudah tentu perlu memastikan tarikh bilakah cukup *ḥawl*nya. Hal ini boleh membebankan dan merumitkan lagi pentadbiran pengurusan zakat.

Menurut perspektif al-Qaraḍāwī, maqasid yang dipertimbangkan dengan mengambilkira penerima zakat. Kesan menetapkan syarat *ḥawl* pada zakat pendapatan berkemungkinan akan menyebabkan zakat tersebut tidak wajib dan bererti melepaskan ramai pegawai tinggi serta ahli-ahli profesional daripada kewajipan membayar zakat atas pendapatan yang lumayan. Terdapat segolongan terus melaburkan sebahagian daripada pendapatan sebaik sahaja ianya diterima, dan ada pula yang terus menghabiskan pendapatan yang diterima itu tanpa menabung. Ini bermaksud zakat hanya akan dikenakan ke atas golongan yang bersikap sederhana sahaja dalam berbelanja. Sewajarnya, keadaan seperti ini tidak harus berlaku di bawah sistem Islam yang adil. Keadaan ini boleh menyebabkan segelintir masyarakat tidak mahu mengeluarkan rezeki pemberian Allah SWT dan tidak berasa belas kasihan kepada golongan yang tidak berkemampuan.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan penetapan syarat *ḥawl* dalam zakat pendapatan juga mengambilkira maqasid pengeluar zakat. Dalam hal ini, *ḥawl* boleh melepaskan orang yang tidak cukup syarat daripada mengeluarkan zakat kerana zakat bukan satu penindasan terhadap pengeluar zakat. Meletakkan syarat *ḥawl* tidak membuatkan golongan pendapatan profesional terlepas dari pembayaran zakat.

Pertimbangan maqasid syariah yang diambil dalam menguatkan hujah hukum zakat gaji dan pendapatan tanpa menunggu tempoh *ḥawl* ialah memberi manfaat kepada penerima zakat dan memudahkan pengurusan zakat. Kaedah pembayaran zakat ini juga selari dengan kehendak Islam yang menganjurkan kebajikan, saling bantu membantu, memelihara masyarakat dan merasai kesukaran bersama.

Sekiranya petani diwajibkan membayar zakat lima peratus atau sepuluh peratus sejurus sahaja selepas menuai, ini adalah suatu yang dilihat tidak adil bagi jurutera,

peguam, doktor, pekerja sektor awam atau swasta yang memperolehi pendapatan besar dan lumayan untuk menunggu tempoh setahun sebelum membayar zakat. Keadilan dalam pembayaran zakat perlu diutamakan supaya tidak membebankan dalam keadaan para petani pada hari ini mengusahakan dalam skala tanaman padi yang kecil dan tidak mempunyai keuntungan yang besar berbanding pendapatan para profesional dan pekerja. Justeru itu, dengan tidak mensyaratkan *hawl* terhadap nisab gaji dan pendapatan dapat menghilangkan keraguan tentang konsep pensyariaan zakat.

Demikianlah di atas telah diperincikan maqasid zakat gaji dan pendapatan yang telah dipersetujui dan disokong oleh Mahmood Zuhdi⁸⁶, Mujaini Tarimin⁸⁷, Marwazi⁸⁸, Anhar Opir⁸⁹, Abdul Halim Tawil⁹⁰, Abdul Jamil⁹¹ dan Asniza Ahmad⁹². Pengambilkiraan maqasid syariah tersebut telah dipertimbangkan oleh jawatankuasa fatwa dalam memutuskan fatwa zakat gaji dan pendapatan.

Kesimpulannya, dapat dilihat maqasid zakat gaji dan pendapatan secara tersirat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak iaitu pemberi dan penerima. Zakat dapat memurnikan hati pemberi dan memberikan keberkatan pada hartanya. Zakat juga dapat mengeluarkan golongan yang miskin dan lain-lain asnaf daripada bebanan masalah yang dihadapi golongan tersebut.

Tindakan mewajibkan zakat pendapatan atau gaji merupakan satu tindakan penting yang dilihat bertepatan dengan maqasid syariah dan memelihara kemaslahatan

⁸⁶ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2016.

⁸⁷ Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

⁸⁸ Marwazi Dziauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

⁸⁹ Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

⁹⁰ Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2016.

⁹¹ Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2016.

⁹² Asniza Ahmad (Penolong Mufti Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan), dalam temubual bertulis melalui emel, 20 Januari 2016.

umat Islam. Bahkan, keputusan mewajibkan zakat pendapatan ini dibincangkan dengan begitu kritis oleh para sarjana hukum fiqh di seluruh dunia.

4.2.2 Potongan Zakat Gaji

Pelaksanaan Skim Potongan Gaji (SPG) adalah suatu mekanisme pembayaran zakat gaji atau pendapatan secara ansuran bulanan melalui potongan dalam slip gaji yang telah dilaksanakan di Malaysia⁹³. SPG memberi kemudahan kepada para majikan dan kakitangan kerajaan juga swasta untuk menunaikan tanggungjawab membayar zakat pendapatan secara mempercepatkan bayaran zakat sebelum tamat tempoh *ḥawl* atau dinamakan sebagai *ta'jīl al-zakāh*⁹⁴.

Inovasi kaedah bayaran zakat melalui potongan gaji telah dilaksanakan dengan pelbagai nama oleh institusi-institusi zakat negeri-negeri di Malaysia. Antaranya ialah, Skim Thohir di Wilayah Persekutuan⁹⁵, Skim Berkat di Selangor⁹⁶, Skim Infaq di Johor⁹⁷, Skim Potongan Zakat Bulanan di Pulau Pinang⁹⁸, Skim Potongan Zakat Berjadual di Negeri Sembilan⁹⁹ dan Skim Zakat Pendapatan Melalui Potongan Gaji di Sarawak¹⁰⁰.

⁹³ Portal Rasmi Majlis Agama Islam Johor, dicapai 18 Februari 2016, http://www.majj.gov.my/?page_id=157; Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor, dicapai 18 Februari 2016, <http://www.zakatselangor.com.my/cara-bayaran/skim-berkat-skim-potongan-gaji/>

⁹⁴ Lihat fatwa bab 3, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>

⁹⁵ Portal Rasmi Pusat Pungutan Zakat MAIWP, dicapai 18 Februari 2016, <http://www.zakat.com.my/skim-thohir>

⁹⁶ Portal Rasmi Lembaga Zakat Selangor, dicapai 18 Februari 2016, <http://www.zakatselangor.com.my/cara-bayaran/skim-berkat-skim-potongan-gaji/>

⁹⁷ Portal Rasmi Majlis Agama Islam Johor, dicapai 18 Februari 2016, http://www.majj.gov.my/?page_id=157

⁹⁸ Portal Rasmi Zakat Pulau Pinang, dicapai 18 Februari 2016, <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/2013-06-30-10-58-09/potongan-gaji>

⁹⁹ Portal Rasmi Pusat Zakat Negeri Sembilan, dicapai 18 Februari 2016, <http://www.zakatns.com.my/v5/info-zakat/skim-potongan-zakat-berjadual-spzb>

¹⁰⁰ Portal Rasmi Tabung Baitulmal Sarawak, dicapai 18 Februari 2016, <https://www.tbs.org.my/www/?page=96>

Walau bagaimanapun, isu hukum yang timbul dalam pelaksanaan SPG ini ialah mempraktikkan *ta'jīl al-zakāh* secara bertentangan dengan konsep yang sebenar. *Ta'jīl al-zakāh* yang dipraktikkan adalah sebelum jumlah pendapatan yang menjadi penentuan nisab benar-benar dimiliki oleh pekerja atau peserta SPG atau dengan erti kata lain *ta'jīl* dilaksanakan sebelum nisab dimiliki sepenuhnya¹⁰¹. Sebaliknya, konsep *ta'jīl al-zakāh* yang sebenar dalam perbincangan fiqh adalah merujuk kepada mempercepatkan pembayaran zakat sebelum tempoh *ḥawl* berlalu ke atas nisab yang telah sempurna¹⁰².

Seterusnya, pelaksanaan SPG ini juga menimbulkan isu hukum langkah untuk menjadikan 'andaian jumlah pendapatan tahunan' sebagai penentuan nisab sedangkan sebahagian daripada pendapatan tersebut masih belum dimiliki dan belum pasti lagi, menjadikan skim ini tidak mematuhi sebab wajib zakat dan syarat wajib zakat.

Berdasarkan hal ini, ia boleh dirumuskan bahwa isu yang berbangkit daripada SPG ini ialah pelaksanaan *ta'jīl al-zakāh* yang dilihat tidak menepati konsep sebenar dan 'andaian jumlah pendapatan tahunan' untuk menentukan nisab dipertikaikan kerana pemilikan tidak sempurna. Terdapat segolongan pekerja atau peserta SPG yang pendapatannya tidak mencapai paras nisab, tetapi telah mengeluarkan zakat pendapatan terlebih dahulu melalui skim ini yang dikatakan berkonsep *ta'jīl al-zakāh*. Dalam isu ini, golongan yang mencukupi nisab dengan pemilikan sempurna tidak mempunyai halangan hukum, kerana sarjana hukum menerima isu mempercepatkan bayaran zakat sebelum tempoh *ḥawl* seperti yang telah dibincangkan¹⁰³.

¹⁰¹ Secara amalnya, SPG ini telah dilaksanakan di seluruh Malaysia, walaupun fatwa berkaitan potongan zakat gaji tidak dikeluarkan oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri.

¹⁰² Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, 755.

¹⁰³ Luqman Abdullah, Wan Marhaini Wan Ahmad & Wan Zulkifli Wan Hasan, "Zakat on Salary and Wages: The Unsettled Juristic Issues," 198.

4.2.2.1 Perbahasan sarjana hukum tentang potongan zakat gaji

Perbincangan di bawah adalah meliputi perbahasan konsep *ta'jīl al-zakāh*, penentuan cukup nisab melalui 'andaian jumlah pendapatan tahunan' dan pemilikan sempurna.

4.2.2.1.1 Perbahasan keharusan *ta'jīl al-zakāh*

Konsep berkaitan *ḥawl* telah pun dibincangkan dalam sub topik terdahulu¹⁰⁴. Namun, dalam isu potongan zakat gaji ini timbul isu *ta'jīl al-zakāh* iaitu mempercepatkan bayaran zakat sebelum sempurna tempoh *ḥawl* setahun. Terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan sarjana hukum fiqh tentang keharusan *ta'jīl al-zakāh* iaitu mempercepatkan pembayaran zakat sebelum sempurna tempoh *ḥawl*. Pendapat tersebut terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan yang mengharuskan dan golongan yang tidak mengharuskan.

Golongan pertama berpendapat harus mempercepatkan pembayaran zakat dengan melonggarkan syarat sempurna *ḥawl*¹⁰⁵. Pembayaran awal zakat adalah merujuk kepada pembayaran zakat sebelum sempurna *ḥawl*. Ianya boleh berlaku sebelum atau selepas sempurna *ḥawl*. Majoriti ulama dari kalangan Hanafī, Mālikī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī menyatakan tidak diharuskan pembayaran awal zakat sebelum sempurna nisab kerana tidak mempunyai sebab wajibnya¹⁰⁶. Pembayaran awal zakat hanya dibenarkan apabila sempurna nisab berasaskan kepada kaedah fiqh:

ان تقديم الحكم على شرطه اذا تقدم سببه جائز

¹⁰⁴ Lihat perbincangan konsep *ḥawl* dalam sub topik 4.2.1.1.2.

¹⁰⁵ Luqman Abdullah, Wan Marhaini Wan Ahmad & Wan Zulkifli Wan Hasan, "Zakat on Salary and Wages: The Unsettled Juristic Issues," 195.

¹⁰⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 755.

Terjemahan: Mendahulukan hukum ke atas syarat ketika wujud sebab, maka hukumnya harus¹⁰⁷”.

Justeru itu, apabila sebab iaitu nisab telah wujud, maka ketidaksempurnaan *ḥawl* tidak akan memberi kesan kepada pelaksanaan zakat. Dari sudut hukum, harus mempercepatkan pembayaran zakat sebelum sampai masa atau tempoh *ḥawl*¹⁰⁸. Pembayaran awal zakat dibenarkan berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh ‘Alī r.a.:

عَنْ عَلِيٍّ : أَنَّ عَبَّاسًا سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيُعَجَّلَ زَكَاةَ مَالِهِ قَبْلَ مَحَلِّهَا ,
فَرَّخَصَ لَهُ فِي ذَلِكَ

Terjemahan: Sesungguhnya al-‘Abbās meminta izin daripada Rasulullah SAW untuk mempercepatkan bayaran zakatnya sebelum tiba tempoh *ḥawl*, maka Rasulullah SAW membenarkan beliau berbuat demikian¹⁰⁹.

Berdasarkan hadis di atas, jelas menunjukkan Rasulullah SAW memberi keizinan kepada al-‘Abbās r.a. melakukan *ta’jīl al-zakāh*. Selain itu, majoriti sarjana hukum fiqh menggunakan kaedah *qiyās* dalam mengharuskan hukum mempercepatkan bayaran zakat. Perkara ini dapat di*qiyā*skan dengan mempercepatkan bayaran hutang sebelum tempoh masa yang ditetapkan dan harus membayar kifarah sumpah sebelum melanggar sumpah tersebut. Ianya menyerupai hak-hak harta yang perlu dipercepatkan penunaianya¹¹⁰.

Manakala golongan kedua iaitu ulama *Zāhirī* dan *Mālikī* pula berpendapat, tidak

¹⁰⁷ Al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs, *al-Dhakhīrah*, (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994), 3: 137.

¹⁰⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 756.

¹⁰⁹ Hadith riwayat At-Tirmidhī, Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā At-Tirmidhī, “Jāmi‘ At-Tirmidhī” *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1713 (Abwāb Az-Zakāh: Bāb Mā Jāa Fī Ta’jīl Az-Zakāh, no. hadīth 678).; Hadith riwayat Ibn Mājah, Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Yāzīd Ār-Rābī‘yī Ibn Mājah, “Sunan Ibn Mājah” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 2584 (Az-Zakāh: Bāb Ta’jīl Az-Zakāh Qabla Maḥallihā, no. hadīth 1795).

¹¹⁰ Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 756.

harus mempercepatkan pembayaran zakat sebelum sempurna tempoh *ḥawl*¹¹¹. Antara dalil yang menjadi hujah pegangan golongan ini ialah sabda Rasulullah SAW berikut:

لا زكاة في مال حتى يحول عليه الحول

Terjemahan: Tidak dikenakan zakat atas harta sehingga ia cukup *ḥawl*¹¹².

Golongan ini juga menjelaskan individu yang melakukan *ta'jīl al-zakāh* sama seperti individu yang menunaikan solat sebelum masuk waktu dan berpuasa wajib sebelum tiba bulan Ramadan. Selain itu, zakat adalah ibadah yang memerlukan syarat iaitu kadar tertentu dan waktu tertentu. Dalam konteks zakat, pengambilkiraan terhadap syarat nisab dan *ḥawl* perlu diberi perhatian. Oleh itu, tidak harus didahulukan zakat sebelum *ḥawl* sama seperti tidak diharuskan didahulukan sebelum cukup nisab. Tanpa syarat tersebut, *muzakkī* tidak diwajibkan melaksanakan zakat. Ini menunjukkan kelayakan orang yang memberi zakat juga sukar untuk dipastikan secara berterusan sehingga ke akhir *ḥawl*.¹¹³

Seterusnya, golongan ini juga menolak hujah golongan pertama yang mengqiyaaskan keharusan *ta'jīl al-zakāh* sebelum tempoh *ḥawl* dengan keharusan membayar awal hutang adalah tidak tepat kerana hutang pada asalnya wajib dibayar awal. Namun, berbeza dengan zakat yang sepatutnya masih belum wajib lagi dibayar awal sehinggalah berakhirnya tempoh *ḥawl*.

Pendapat al-Tabari juga digunakan bagi menolak perumpamaan orang yang melakukan *ta'jīl al-zakāh* adalah sama seperti berpuasa wajib sebelum tiba bulan Ramadan dan menunaikan solat sebelum masuk waktu. Beliau menolak perbandingan tersebut dengan berhujah:

¹¹¹ *Ibid.*

¹¹² Hadith riwayat Ibn Mājah, Abī ‘Abdullah Muḥammad bīn Yāzīd Ār-Rābī‘yī Ibn Mājāh, “Sunan Ibn Mājāh” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Šālih bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 2583 (*Az-Zakāh: Bāb Man Istaḥādā Māl*, no. hadīth 1792).

¹¹³ Ibn Qudamah al-Maqdisī, *Al-Mughni*, cet. ke-6 (‘Urdun: Bayt al-Afkār al-Duwalīyah), 1: 514-515.; Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, 756.

Terjemahan: Orang yang menyamakan zakat dengan puasa dan solat sebenarnya tiada persamaan (dalam perkara *ta'jīl al-zakāh*). Hal ini kerana tiada perselisihan di kalangan ulama salaf dan khalaf bahawa zakat yang wajib pada ternakan seseorang yang lari daripada membayar zakat, kemudian ditemui oleh amil dan diambil zakat tersebut secara paksaan, zakat tersebut sah dan gugur kewajipannya. Sementara solat fardu pula, sepakat di kalangan ulama bahawa sekiranya seseorang tidak mahu menunaikan solat, kemudian dia dipaksa melakukannya juga, solat tersebut tidak sah dan tidak gugur kewajipannya. Jelaslah di situ perbezaan di antara *ta'jīl al-zakāh* dengan solat kerana solat tidak sah kecuali dengan perbuatan dan niatnya sendiri untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT¹¹⁴.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pendapat yang mengharuskan zakat dibayar sebelum tempoh *ḥawl* dilihat mengambilkira kemaslahatan. Hal ini kerana cukup nisab merupakan sebab kepada kewajipan zakat sementara *ḥawl* pula hanyalah syarat kewajipan mengeluarkan zakat, sedangkan kewujudan hukum adalah suatu perkara yang berkait dengan sebab dan bukannya syarat.

Walaupun betul *ta'jīl al-zakāh* yang diaplikasikan dalam SPG dilaksanakan sebelum berlalu tempoh *ḥawl*, tetapi ia juga dilakukan sebelum nisab benar-benar mencukupi. Pengiraan nisab secara tahunan daripada sejumlah pendapatan yang belum dimiliki lagi tidak membolehkan *ta'jīl al-zakāh* dilakukan kerana peserta SPG masih tidak boleh dianggap patuh kepada kewajipan berzakat sehinggalah peserta benar-benar memiliki nisab tersebut. Justeru *ta'jīl al-zakāh* yang dilakukan dalam SPG tidak menepati kehendak syariat Islam yang mensyaratkan ia dilakukan setelah wujudnya sebab wajib secara pasti.

¹¹⁴ Ibn Battal, 'Alī bin Khalāf bin 'Abd al-Mālik bin Battal, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, cet. ke-2 (Tahqīq: 'Abū Tamīm Yasir bin 'Ibrāhīm (Riyaḍ: Maktabah al-Rushd, t.t.), 3: 501.

4.2.2.1.2 Penentuan cukup nisab melalui ‘andaian jumlah pendapatan tahunan’

Secara umum nisab bermaksud kadar tertentu iaitu sesuatu harta tidak dikenakan zakat kecuali sesudah mencapai kadar jumlah yang tertentu. Keperluan syarat ini jelas sekali dapat difahami dari nas-nas yang memperkatakan tentang kewajipan zakat ke atas harta-harta tertentu¹¹⁵. Konsep asas berkaitan nisab zakat pendapatan telah pun dibincangkan dalam sub topik terdahulu¹¹⁶.

Namun, dalam isu potongan zakat gaji ini timbul isu kecukupan nisab yang dilihat daripada andaian jumlah pendapatan tahunan. Sedangkan konsep sebenar cukup nisab untuk melayakkan seseorang berzakat ialah disyaratkan nisab tersebut wujud dan tetap (*mustaqir*). Dalam pelaksanaan SPG, nisab dikira daripada anggaran pendapatan kasar tahunan. Jumlah pendapatan tahunan yang menjadi ukuran kepada nisab ini telah dihitung seawal penyertaan dalam SPG walaupun jumlah gaji tahunan tersebut hanya akan didapati sepenuhnya pada penghujung tahun bekerja. Oleh itu, peserta yang menyertai SPG dikehendaki mengeluarkan zakat secara ansuran pada bulan pertama penyertaan kerana telah dianggap patuh kepada kewajipan berzakat berdasarkan andaian jumlah pendapatan tahunan¹¹⁷.

Penentuan cukup nisab melalui ‘andaian jumlah pendapatan tahunan’ disokong dengan hujah hadis al-‘Abbas r.a. yang mempercepatkan pembayaran zakatnya (*ta’jīl al-zakāh*) kepada Rasulullah SAW. Hadis ini menunjukkan bahawa *ta’jīl al-zakāh* bukan sahaja berlaku sebelum *ḥawl* malah sebelum wujud nisab lagi kerana tiada jaminan bahawa al-‘Abbas r.a. memiliki nisab sehingga dua tahun ketika beliau mempercepatkan pembayaran zakatnya. Tambahan pula, ia adalah harta tanaman atau

¹¹⁵ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 107.

¹¹⁶ Lihat perbincangan konsep *ḥawl* dalam sub topik 4.2.1.1.3.

¹¹⁷ Suryani Masnan, “Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor”, 170.

ternakan yang tidak memberi jaminan kecukupan nisab dan berkekalannya nisab sehingga dua tahun, berbeza dengan gaji pada hari ini yang memberi jaminan bahawa ia akan diperolehi keseluruhannya pada tahun tersebut¹¹⁸.

Perbincangan tentang penentuan cukup nisab melalui ‘andaian jumlah pendapatan tahunan’ telah ditolak dengan penjelasan hadis al-‘Abbas r.a. sebenarnya merupakan hujah *ta’jīl al-zakāh* setelah al-‘Abbas r.a. memiliki nisab yang sempurna dan sebelum berakhirnya tempoh *ḥawl*¹¹⁹. Tambahan pula, fuqaha telah bersepakat bahawa *ta’jīl al-zakāh* hanya boleh dilakukan setelah cukup nisab sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini¹²⁰. Berkaitan hujah tiada jaminan berkekalan nisab pula, sememangnya tiada jaminan bahawa nisab tersebut akan berkekalan sehingga setahun atau dua tahun, tetapi *ta’jīl al-zakāh* tersebut berlaku setelah wujudnya nisab pada awal *ḥawl*, sama ada harta tersebut adalah ternakan atau tanaman. Sekiranya tidak, masakan seluruh fuqaha bersepakat bahawa tidak boleh *ta’jīl al-zakāh* kecuali setelah wujud nisab¹²¹.

Selain itu, isu jaminan nisab akan terus berkekalan sehingga setahun atau dua tahun pada hadis al-‘Abbas r.a. dan masalah jaminan nisab akan berkekalan wujud sehingga atau pada akhir tahun dalam pelaksanaan SPG, adalah dua isu yang berbeza. Ini adalah kerana, nisab yang sudah wujud pada hadis al-‘Abbas r.a. telah menjadikan seseorang telah mula patuh pada kewajipan berzakat, sedangkan jaminan nisab akan wujud daripada andaian jumlah pendapatan tahunan dalam pelaksanaan SPG masih tidak menjadikan seseorang itu patuh kepada kewajipan berzakat, apatah lagi untuk melakukan *ta’jīl zakat*¹²².

Suryani Masnan, dalam kajiannya menegaskan walaupun pihak berautoriti di Malaysia menerima pandangan al-Qaraḍāwī yang melonggarkan syarat *ḥawl* dalam

¹¹⁸ *Ibid.*, 172-173.

¹¹⁹ al-Sarakhsi, *Al-Mabsūt*, j.2, 177.

¹²⁰ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 755.

¹²¹ Suryani Masnan, “Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor”, 175.

¹²² *Ibid.*, 175.

zakat *al-māl al-mustafād*, tetapi perlu memastikan hanya pekerja yang mencapai paras nisab zakat sahaja yang membayar. Jika tidak, zakat tersebut tidak sah. Pengabaian *ḥawl* dalam memilih mempercepatkan bayaran zakat adalah diterima sebahagian mazhab dan zakat adalah sah, tetapi membayar zakat sebelum mencapai paras nisab adalah ditolak¹²³.

4.2.2.1.3 Pemilikan sempurna

Sesuatu harta yang diwajibkan zakat disyaratkan dimiliki oleh pemiliknya dengan pemilikan yang sempurna atau dalam erti kata lain pemiliknya dapat menguruskan harta tersebut sekehendaknya tanpa terikat dengan hak orang lain selagi dalam batasan syarak¹²⁴. Kemudian barulah nisab ditentukan daripada harta yang sedang dimilikinya secara pasti itu¹²⁵.

Dalam pelaksanaan SPG, penentuan nisab ditentukan daripada anggaran jumlah pendapatan tahunan iaitu sebahagian daripada jumlah pendapatan tahunan tersebut masih belum dimiliki lagi oleh pekerja yang berpendapatan bulanan yang masih tidak melepasi paras nisab.

Pihak yang menyatakan pemilikan sempurna telah wujud dalam jumlah pendapatan tahunan secara andaian berhujah walaupun penentuan nisab dilakukan daripada jumlah pendapatan tahunan yang masih belum dimiliki sepenuhnya, tetapi pembayaran ansuran zakat secara bulanan diambil daripada gaji yang telah diterima secara bulanan¹²⁶.

¹²³ Suryani Masnan, “Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor” (disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 116.

¹²⁴ al-Qaradāwī, Yūsuf, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 143-144; Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j.2: 741-744.

¹²⁵ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 102.

¹²⁶ Suryani Masnan, “Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor”, 183.

Walaupun pemilikan sempurna telah wujud dalam gaji bulanan yang diterima, tetapi perlu diambil perhatian bahawa syarat pemilikan sempurna bukan sahaja perlu wujud ketika zakat diambil, tetapi ia perlu wujud seawal nisab dihitung lagi. Nisab hendaklah dihitung daripada harta yang telah dimiliki secara sempurna. Ini adalah kerana, tanpa pemilikan sempurna terhadap harta ketika penghitungan nisab, ia tidak dikira sebagai satu kekayaan yang boleh mewajibkan seseorang mengeluarkan zakat. Sekiranya alasan ini diterima, pihak pelaksana SPG mesti mengambilkira berlaku kemungkinan bahawa pekerja tersebut tidak memiliki gajinya pada bulan-bulan seterusnya dengan sebab tidak dapat meneruskan kerja lagi. Berdasarkan metode pelaksanaan SPG, nyata syarat pemilikan sempurna dalam pelaksanaan kaedah pembayaran zakat pendapatan tidak dipatuhi¹²⁷.

4.2.2.2 Analisis maqasid syariah dalam fatwa potongan zakat gaji di Malaysia

Analisis maqasid syariah yang akan dijelaskan ini merangkumi dua perspektif iaitu perspektif pihak yang bersetuju dengan pelaksanaan SPG dan perspektif pengkaji sendiri dengan melakukan penilaian serta pentarjihan terhadap pertembungan antara dua maqasid.

Menurut perspektif pihak yang bersetuju dengan pelaksanaan SPG berpandangan pelaksanaan SPG ini dilihat dapat mengurangkan rasa beban para pembayar pada setiap hujung tahun atau ketika sempurna tempoh *ḥawl* untuk membayar zakat dalam jumlah yang besar sekaligus. Potongan zakat daripada gaji bulanan dibuat bagi mengelakkan daripada menunggu lama untuk mengeluarkan zakat pada akhir *ḥawl*. Ini adalah suatu bentuk *maṣlahah* dan kemudahan kepada para pembayar yang sudah pasti memiliki pendapatan tetap

¹²⁷ *Ibid.*, 184.

secara bulanan dalam tempoh setahun. Justeru itu, potongan zakat gaji secara bulanan dapat membantu para pembayar zakat mengurus kewangan melalui pembayaran awal zakat tanpa membelakangkan syarat *ḥawl* dan nisab yang perlu dipatuhi.

Seterusnya, maqasid mempercepatkan pembayaran zakat pendapatan supaya pembayar zakat tidak hilang kelayakan kerana kekurangan nisab di hujung tahun. Abd. Rashid dan Suryani juga turut menyatakan perkara yang sama tentang pembayaran zakat secara *ta'jīl* dapat mengelakkan pembayar terkeluar daripada kelayakan membayar zakat pendapatan kerana berkemungkinan hasil pendapatan telah dibelanjakan sehingga tidak berbaki cukup nisab pada penghujung tempoh *ḥawl*¹²⁸.

Zakat merupakan satu ibadah yang berkait rapat dengan Allah, harta dan kepentingan manusia. Zakat lebih utama dibayar awal daripada menunggu waktu yang ditetapkan iaitu *ḥawl* sebagai syarat sah zakat, apatah lagi terhadap zakat *al-māl al-mustafād* yang lebih utama dibayar jika tidak disyaratkan *ḥawl*. Ini adalah mengambilkira pertimbangan *maṣlahah* dengan dana zakat yang terkumpul awal tersebut dapat membantu masyarakat yang terdesak memerlukan berbanding dengan kutipan yang berada di hujung *ḥawl*. Selain itu, ia memudahkan zakat diagihkan kepada yang berhak secara bulanan. Seterusnya, maqasid di sebalik SPG ini juga adalah tertunai dan terlaksana kewajipan berzakat di kalangan pekerja yang mempunyai pendapatan tetap.

Seterusnya, dari aspek memberi kemudahan kepada para pekerja sektor awam dan swasta dalam menunaikan zakat pendapatan melalui potongan bulanan. Potongan tersebut akan berlaku secara automatik dalam penyata

¹²⁸ Abd. Rashid Dail, "Zakat Gaji dan pendapatan Bebas: Satu Analisa Tentang Strukturnya," 9.; Suryani Masnan, "Kaedah Taksiran Zakat Pendapatan Menurut al-Qaradawi: Kajian Perbandingan Dengan Skim Potongan Gaji (SPG)" dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari* (Melaka: IKaZ UiTM Melaka, 2013).

pendapatan tanpa perlu bimbang terlupa melaksanakan kewajipan berzakat dan melakukan pembayaran secara manual yang melibatkan sejumlah peruntukan masa dan tenaga. Maqasid yang dinilai dari aspek ini ialah memudahkan urusan selari dengan prinsip agama yang tidak menyusahkan dan membebankan dalam pelaksanaan ibadah.

Dalam konteks *maqāsid ḥifẓ al-dīn*, SPG juga dilihat memudahkan pengurusan kutipan zakat pendapatan. SPG dianggap sebagai inovasi dalam pelaksanaan ibadah zakat supaya agama tidak dilihat statik dan beku. SPG merupakan kaedah pembayaran semasa seiring dengan pembangunan dan perkembangan teknologi pada masa kini.

Maqasid SPG yang telah dibentangkan di atas adalah selaras dengan pandangan dan penpapat tokoh berautoriti iaitu Mahmood Zuhdi¹²⁹, Mujaini Tarimin¹³⁰, Marwazi¹³¹, Anhar Opir¹³², Abdul Halim Tawil¹³³, Abdul Jamil¹³⁴ dan Asniza Ahmad¹³⁵. Pengambilkiraan maqasid syariah tersebut juga telah dipertimbangkan oleh jawatankuasa fatwa dalam proses memutuskan fatwa skim potongan zakat gaji dan pendapatan atau SPG.

Manakala menurut perspektif pengkaji, penilaian maqasid syariah terhadap pelaksanaan SPG ini perlu dipertimbangkan dengan mengambilkira pertembungan antara dua maqasid untuk mendahulukan maqasid pengeluar zakat atau penerima zakat. Walaupun pelaksanaan *ta'jīl al-zakāh* dalam SPG

¹²⁹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2016.

¹³⁰ Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

¹³¹ Marwazi Dziauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

¹³² Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

¹³³ Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2016.

¹³⁴ Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2016.

¹³⁵ Asniza Ahmad (Penolong Mufti Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan), dalam temubual bertulis melalui emel, 20 Januari 2016.

sebelum berlalu tempoh *ḥawl* adalah betul, tetapi ia juga dilihat dilakukan sebelum nisab benar-benar mencukupi. Pengiraan nisab secara tahunan daripada sejumlah pendapatan yang belum dimiliki lagi tidak membolehkan *ta'jīl al-zakāh* dilakukan kerana peserta SPG masih tidak boleh dianggap patuh kepada kewajipan berzakat sehinggalah peserta benar-benar memiliki nisab tersebut. Justeru *ta'jīl al-zakāh* yang dilakukan dalam SPG ini dilihat tidak menepati maqasid syariah kerana bertentangan dengan konsep sebenar yang mensyaratkan dilakukan setelah wujudnya sebab wajib zakat secara pasti.

Dari perspektif maqasid kepada pengeluar zakat, ianya dilihat tidak melambangkan keadilan dalam pengagihan kekayaan kerana peserta SPG seolah-olah perlu membayar zakat walaupun tidak cukup nisab dan memiliki sepenuhnya gaji tersebut. Dalam hal ini maqasid pengeluar zakat perlu dipertimbangkan keutamaan terlebih dahulu kerana dibimbangi kelayakan untuk mengeluarkan zakat tidak wujud dari harta yang benar-benar dimiliki dan sebaliknya tergelong dalam penerima zakat.

4.2.3 Penolakan Kos Tanaman Ke Atas Zakat Padi

Pertanian adalah salah satu sumber pendapatan dan kegiatan ekonomi bagi manusia, dengan mempunyai tanah dan tanaman yang subur boleh menjadikan seseorang itu kaya. Oleh kerana itu jugalah hasil yang dikeluarkan dari bumi tersebut diwajibkan zakat, iaitu zakat pertanian. Zakat pertanian juga dikenali sebagai *al-'usyr*, zakat *al-zuru' wa al-thimar*, atau zakat *al-mu'asyirat*. Walaupun ia mempunyai nama yang berbeza namun ia tetap mempunyai maksud yang sama¹³⁶.

¹³⁶ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 353.

Zakat pertanian umumnya adalah hak yang wajib ditunaikan sebanyak sepuluh peratus atau lima peratus (mengikut kaedah pengairan) daripada hasil pertanian (yang tertentu), pada waktu hasil tersebut dituai (atau setelah dilakukan pentaksiran) yang mencukupi atau melebihi lima *ausuq*¹³⁷. Zakat pertanian yang dikenakan ke atas tanaman di Malaysia ialah padi. Terdapat beberapa perkara penting yang menjadi perbincangan dalam kalangan sarjana hukum fiqh bagi menentukan kadar zakat pertanian. Antaranya ialah kewajaran menolak kos operasi tanaman dan juga kos sara hidup. Persoalan yang timbul adalah adakah zakat pertanian dikeluarkan apabila telah cukup nisabnya iaitu lima *ausuq* tanpa ditolak kos tanaman dan kos sara hidup terlebih dahulu, atau diambil kira kedua-dua kos tersebut¹³⁸.

Pada asasnya, fatwa yang diputuskan oleh jawatankuasa fatwa negeri-negeri di Malaysia adalah berdasarkan kepada pandangan mazhab Syafie yang mewajibkan zakat dikeluarkan daripada hasil kasar yang diperolehi tanpa perlu menolak kos operasi tanaman dan kos sara hidup. Namun jika dilihat pada masa kini, terdapat fatwa baru yang diputuskan semula dengan bersandarkan kepada pandangan mazhab Hanafi yang membenarkan penolakan semua kos yang ditanggung oleh para petani. Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa negeri yang masih mengekalkan fatwa asal yang berasaskan kepada pandangan mazhab Syafie dalam isu penolakan kos ini¹³⁹.

¹³⁷ ‘Abdul Karīm Zaidān, *al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim* (Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1993), 1: 343; Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Hj Abdullah & Mohd Anuar Ramli, “Al-Qaradawi’s Juristic Perspectives on Zakāh of Agricultural Wealth As Reflected in His Fiqh al-Zakāh: A Brief Survey” (makalah, National Seminar on Contemporary Fiqh: Issues and Challenges, UIAM, 18-19 Disember 2012), 288.

¹³⁸ Muhammad Firdaus Ab Rahman, Hussein ‘Azeemi Abdullah Tahidi dan Azman Ab Rahman, “Analisa Ketidakselarasan Taksiran Zakat Pertanian di Malaysia” (makalah, 5th Islamic Economics System Conference (iECONS 2013), anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM, di Berjaya Times Square Hotel Kuala Lumpur, 4-5 September 2013), 88-90.; Nurul Hidayah Mansor, “Analisis Perbandingan Amalan Kaedah Pembayaran Zakat Tanaman: Kajian Di Negeri Selangor dan Perlis” (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012), 51-54.; Mohd Shukri Hanapi dan Zahri Hamat, “Kos Penanaman (KP) Dan Kos Sara Hidup (KSH) Dalam Perakaunan Zakat Padi di Malaysia,” *Journal of Techno-Social* 6, no. 1, (2015), 47-55.

¹³⁹ Lihat dalam bab tiga berkaitan senarai fatwa-fatwa penolakan kos-kos zakat tanaman yang telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa.

4.2.3.1 Perbincangan sarjana hukum tentang penolakan kos tanaman ke atas zakat padi

Para sarjana hukum fiqh berbeza pandangan dalam menentukan kaedah pentaksiran zakat pertanian sama ada membenarkan atau tidak membenarkan penolakan terhadap kos-kos yang terlibat. Justeru itu, perbincangan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pertama, perbincangan tentang pandangan sarjana hukum fiqh terhadap penolakan kos operasi tanaman; dan kedua, perbincangan tentang pandangan sarjana hukum fiqh terhadap penolakan kos sara hidup petani¹⁴⁰.

4.2.3.1.1 Penolakan kos operasi tanaman

Para sarjana hukum fiqh mempunyai pelbagai pandangan terhadap penolakan kos operasi tanaman. Pandangan tersebut dapat diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu, pertama ialah pandangan yang tidak membenarkan penolakan kos operasi tanaman, manakala kedua ialah pandangan yang membenarkan penolakan kos operasi tanaman¹⁴¹.

Majoriti sarjana hukum fiqh berpendapat bahawa kos operasi tanaman mestilah ditanggung oleh para petani dan nisab zakat dikira apabila mereka memperoleh hasil tanaman dan tidak perlu menolak kos operasi tanaman apabila hendak mengeluarkan zakat¹⁴². Menurut pandangan majoriti sarjana hukum fiqh ini, kos operasi tanaman tidak perlu ditolak terlebih dahulu kerana tiada *naş* yang menyatakan perlu menolak kos operasi tanaman. *Naş* yang ada hanyalah menerangkan kadar pengeluaran zakat sebanyak lima peratus atau sepuluh peratus berdasarkan kaedah pengairan yang

¹⁴⁰ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 399.

¹⁴¹ *Ibid.*, 402-404.; Mahmood Zuḥdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 277 - 280.

¹⁴² Ibn Hazm, *al-Muhalla*, 286-287.; Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 810.

digunakan oleh para petani sama ada tanaman yang menggunakan pengairan semula jadi atau pengairan yang menggunakan tenaga buruh¹⁴³.

Berdasarkan kepada hujah majoriti sarjana hukum fiqh ini, maka kos operasi tanaman perlu ditanggung oleh petani dan zakat diwajibkan terhadap semua hasil pertanian tanpa perlu menolak terlebih dahulu kos operasi tanaman. Oleh sebab itu, kadar pengeluaran zakat pertanian ialah lima peratus atau sepuluh peratus berdasarkan kaedah pengairan tanaman tersebut. Menurut al-Buhuti, kadar sepuluh peratus dikenakan jika pengairan yang sampai ke ladang tidak mengeluarkan modal yang banyak atau kerja yang berat kerana beban pengairan menyebabkan tinggi rendahnya kadar tersebut. Tanaman yang dikenakan zakat pada kadar lima peratus ialah tanaman yang diairi dengan bantuan binatang, kincir air, jentera dan sebagainya¹⁴⁴ seperti hadis-hadis Nabi SAW berikut:

فيما سقت السماء والعيون أو كان عثريا العشر ، وما سقي بالنضح نصف العشر

Terjemahan: Pada apa yang dijirus oleh langit atau mata air atau takungan sepuluh peratus, dan pada apa yang dijirus dengan tenaga lima peratus¹⁴⁵.

فيما سقت الأنهار والغيم العشر ، وفيما سقي بالسانية نصف العشر

Terjemahan: Yang dijirus oleh sungai dan hujan sepuluh peratus dan dijirus dengan unta lima peratus¹⁴⁶.

Menurut Ibn Hazm, zakat perlu dipungut daripada semua hasil berkenaan tanpa ditolak kos terlebih dahulu adalah selari dengan pendapat Imām Mālik, al-Shāfi'ī dan Abū Ḥanifah. Hujah Ibn Hazm ialah bahawa Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat ke atas tamar, gandum dan barli secara menyeluruh apabila mana-mana jenis hasil

¹⁴³ *Ibid.*

¹⁴⁴ Al-Bahutī, Manūūr bin Yunus bin 'Idrīs, *Kashāf al-Qinā'* (Lubnān: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabī, 1999), 2: 274.

¹⁴⁵ Al-Bukhārī, Abī 'Abdullah Muḥammad bin Ismā'il Al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ Bukhārī" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 117 (Kitāb al-Zakāh: Bāb Al-'Ushr fī mā Yuskhā min Mā' al-Samā' wa Al-Mā' al-Jārī, no. hadīth 1483).

¹⁴⁶ Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, "Ṣaḥīḥ Muslim" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 832 (Az-Zakāh: Bāb Mā fīhi al-'Ushr aū Niṣfu al-'Ushr, no. hadīth 981).

tanaman itu mencapai jumlah lima *ausuq*. Baginda tidak pernah menggugurkan zakat itu kerana perbelanjaan yang dibelanjakan oleh para pekebun dan tuan kepunyaan pokok berkenaan. Justeru itu, hak yang diwajibkan oleh Allah itu tidak boleh digugurkan tanpa berasaskan *naş* al-Quran atau hadis¹⁴⁷.

Ibn Humam turut menyokong pandangan Ibn Hazm dalam hal ini dengan menyatakan syariat Islam telah mempelbagaikan kadar bayaran berasaskan kepelbagaian kos. Sekiranya pemotongan kos perlu dibuat sebelum zakat dikeluarkan tentu sekali kadar bayaran tidak dipelbagaikan, iaitu dikenakan sepuluh peratus atas semua hasil tanaman. Ini kerana penurunan kadar sampai lima peratus tentu sekali berdasarkan kos yang dibelanjakan untuk tanaman berkenaan¹⁴⁸. Pendapat Ibn Humām tentang kepelbagaian nisbah yang ditentukan oleh syariat adalah berdasarkan kadar guna tenaga dalam pengairan, iaitu aspek paling asas dalam membezakan antara satu kebun dengan kebun yang lain. Sedangkan kos-kos yang lain tidak ditentukan oleh syariat sama ada diambil kira atau tidak¹⁴⁹.

Manakala sarjana hukum fiqh yang berpandangan zakat pertanian perlu dikenakan tolakan kos operasi tanaman sebelum ditunaikan zakat ialah Ibn ‘Arabi, Abū Ubayd, al-Qaraḍāwī, ‘Atiyyah, Syahaṭah. Ibn ‘Arabī berpendapat sewajarnya kos tanaman ditolak terlebih dahulu dan zakat dipungut daripada yang baki¹⁵⁰. Hujah Ibn ‘Arabī berasaskan hadis Nabi SAW berikut:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يقول إذا خرصتم فخذوا ودعوا الثلث فإن لم تدعوا
الثلث فدعوا الربع

¹⁴⁷ Ibn Hazm, *al-Muhalla*, 287.

¹⁴⁸ Ibn al-Ḥumām, *Fatḥ al-Qadir* (Qāhirah: al-Halabī, 1970), 2: 250.

¹⁴⁹ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 404.

¹⁵⁰ *Ibid.*, 403.

Terjemahan: Bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila kamu membuat taksiran maka ambillah zakat, dan tinggalkanlah satu pertiga. Jika tidak satu pertiga pun, satu perempat¹⁵¹.

Menurut Ibn ‘Arabi, hadis di atas menunjukkan satu pertiga atau satu perempat lebih kurang sama dengan kos yang dibelanjakan sebagaimana kajian yang telah dibuat. Oleh itu, hadis ini adalah sandaran yang membenarkan kos tanaman ditolak terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat¹⁵².

Menurut Abū ‘Ubayd, kos yang ada kaitan dengan pertanian boleh ditolak daripada hasil tuaian kerana kos operasi tanaman ini merupakan satu bebanan yang ditanggung oleh petani. Pandangan Abū ‘Ubayd ini berdasarkan satu peristiwa yang diriwayatkan oleh Jabir bin Zaid r.a mengenai tindakan seorang lelaki yang telah berhutang dan menggunakan wang hasil hutangnya untuk perbelanjaan keluarga dan ladangnya. Bagi menjelaskan perkara ini, Jabir bin Zaid r.a merujuk kepada pandangan Ibn ‘Abbās r.a. dan Ibn ‘Umar r.a. seperti berikut:

عَنْ جَابِرِ بْنِ زَيْدٍ ، قَالَ فِي الرَّجُلِ يَسْتَدِينُ ، فَيُنْفِقُ عَلَى أَهْلِهِ وَأَرْضِهِ ، قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ " : يَفْضِي مَا أَنْفَقَ عَلَى أَرْضِهِ " ، وَقَالَ ابْنُ عُمَرَ " : يَفْضِي مَا أَنْفَقَ عَلَى أَرْضِهِ وَأَهْلِهِ

Terjemahan: Daripada Jabir Ibn Zayd, katanya: Dalam kes seseorang yang berhutang dan kemudian membelanjakannya kepada keluarganya. Kata Ibn ‘Abbās, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan untuk kebunnya sahaja. Sedangkan kata Ibn ‘Umar, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan atas kebunnya dan juga keluarganya¹⁵³.

¹⁵¹ Hadith riwayat At-Tirmidhī, Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā At-Tirmidhī, “Jāmi‘ At-Tirmidhī” *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1709 (Abwāb Az-Zakāh: Bāb Mā Jāa fī al-Kharṣ, no. hadīth 643).; Abī ‘Ubayd al-Qāsim bin Sālam, *Kitāb al-Amwāl* (Bayrūt: Dār al-Shuruq, 1989), 588.

¹⁵² Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 403.

¹⁵³ Abī ‘Ubayd al-Qāsim bin Sālam, *Kitāb al-Amwāl* (Bayrūt : Dār al-Fikr, 1988) 611.

Abū ‘Ubayd menyatakan Ibn ‘Abbās r.a. dan Ibn ‘Umar r.a. bersependapat bahawa zakat pertanian dikeluarkan setelah petani menolak hutang yang dijadikan modal untuk kos mengusahakan sesuatu tanaman. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa adalah wajar menolak hutang kos operasi tanaman sebelum dikenakan zakat terhadap sesuatu tanaman berdasarkan pandangan Ibn ‘Abbās r.a. dan Ibn ‘Umar r.a.¹⁵⁴.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa sekiranya seseorang petani itu berhutang untuk membeli bahan input untuk penanaman padinya seperti berhutang untuk membeli baja, racun, biji benih, upah menuai, membajak dan sebagainya, maka petani tersebut dibenarkan untuk menolak terlebih dahulu kos operasi tanaman.

Seterusnya, al-Qaraḍāwī dalam permasalahan ini membuat kesimpulan bahawa kos perlu ditolak terlebih dahulu kerana ia merupakan satu bebanan kepada petani. Al-Qaraḍāwī juga berpendapat berdasarkan hadis yang disebutkan di atas yang menunjukkan bahawa petani perlu dikasihani, tidak perlu dibebankan dengan zakat yang berat dan meninggalkan sebahagian hasil tanaman untuk keperluan hidup mereka¹⁵⁵.

Selain itu, al-Qaraḍāwī juga mengemukakan rasional keperluan penolakan kos operasi tanaman terlebih dahulu adalah berdasarkan kepada maqasid syariah, antaranya ialah pertama, bebanan dan kos merupakan faktor yang memberi kesan dalam hukum. Kadar pengeluaran zakat berbeza disebabkan adanya bebanan dan kos. Contohnya, bagi pengairan yang memerlukan peralatan atau tenaga manusia kadar pengeluaran zakat ialah lima peratus sahaja. Begitu juga dengan zakat binatang ternakan, sekiranya penternak perlu mencari makanan untuk binatang ternakannya sepanjang tahun, maka binatang ternakan tersebut tidak dikenakan zakat ternakan. Jika di*qiyā*skan perkara ini

¹⁵⁴ *Ibid.*

¹⁵⁵ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 404.

dengan zakat padi, maka wajarlah kos operasi tanaman itu tidak dikenakan zakat¹⁵⁶. Kedua, zakat diwajibkan kerana adanya pertumbuhan. Hakikat kesuburan ialah pertambahan. Ini bermaksud kesuburan pada harta berkenaan tidak dianggap berlaku jika kos penyuburan sama banyak atau lebih daripada penghasilan¹⁵⁷.

Pandangan al-Qaraḍāwī ini disokong oleh Shahatāh dan ‘Atiyyah yang berpandangan kos operasi tanaman terkait secara langsung dengan pertanian. Misalnya, kos pembelian bahan kimia (racun dan baja), upah (tenaga kerja dan penghantaran), biji benih, bayaran sewa tanah, cukai dan perbelanjaan pemulihan tanah¹⁵⁸. Dalam menyatakan pandangan berhubung kos operasi tanaman ini, Shahatāh bersandarkan ketetapan yang dibuat oleh *al-Hay’ah al-Syar’iyyah al-‘Alamiyyah li al-Zakāh* bahawa kos yang dibenarkan untuk tolakan itu adalah kos yang ada kaitan dengan perbelanjaan pertanian, tanpa membenarkan penolakan perbelanjaan yang tiada kaitan dengan pertanian¹⁵⁹.

Berdasarkan pandangan sarjana hukum fiqh yang membenarkan penolakan kos operasi tanaman dapat disimpulkan bahawa kos operasi tanaman dibenarkan ditolak daripada hasil kasar pertanian. Pandangan ini selari dengan *athar* yang diriwayatkan oleh Jabir bin Zaid bahawa Ibn Umar r.a. dan Ibn ‘Abbās r.a. yang membenarkan penolakan hutang atau perbelanjaan terhadap pertanian, kemudian lebih daripada hasil pertanian barulah dikeluarkan zakat.

Oleh itu, Abū ‘Ubayd, ‘Atiyyah, Shahatāh dan al-Qaraḍāwī berijtihad bahawa setiap kos berhubung peralatan pertanian, jentera, perbelanjaan dan upah pekerja merupakan beban seperti pengairan yang perlu dikurangkan kadar zakat. Namun begitu, apabila keseluruhan kos yang dinyatakan sebelum ini ditolak daripada hasil pertanian,

¹⁵⁶ *Ibid.*

¹⁵⁷ *Ibid.*

¹⁵⁸ Shahatāh, Ḥusayn, *al-Taṭbiq al-Mu‘asir lil Zakāh wa Kayfa Tahsibu Zakāh Mālik* (Miṣr: Dār al-Nashr lil Jāmi‘at, 2000), 139.; Muhammad Kamal ‘Atiyyah, *Halat Taṭbiqiyyah fi Muhasabat al-Zakāh: Perakaunan Zakat Teori dan Praktis*, terj. Muhammad Kamal ‘Atiyyah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 28.

¹⁵⁹ Shahatāh, *al-Taṭbiq al-Mu‘asir lil Zakāh wa Kayfa Tahsibu Zakāh Mālik*, 139.

maka ketetapan hukum asal yang menjelaskan pertanian yang tiada bebanan dikenakan sepuluh peratus kadar zakat pertanian diambil kira.

4.2.3.1.2 Penolakan kos sara hidup petani

Para sarjana hukum fiqh berbeza pandangan mengenai penolakan kos sara hidup. Pandangan tersebut boleh diklasifikasikan kepada dua golongan iaitu, pandangan pertama ialah tidak membenarkan penolakan kos sara hidup, manakala pandangan kedua ialah membenarkan penolakan kos sara hidup¹⁶⁰.

Pandangan golongan yang tidak membenarkan penolakan kos sara hidup ini adalah berdasarkan zahir ayat al-Quran daripada surah al-An‘ām ayat 141 yang memerintahkan agar zakat dikeluarkan daripada hasil yang dituai. Selain ayat al-Quran, golongan ini juga bersandarkan kepada *athar* yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās r.a. bahawa kos yang terlibat dengan pertanian boleh ditolak dan zakat dikenakan ke atas lebihannya. Dalam hal ini, kos sara hidup merupakan kos yang tidak terlibat secara langsung dengan pertanian. Menurut ‘Atiyah, kos sara hidup bukanlah sebahagian beban atau kos yang terlibat secara langsung dengan pertanian. Malah ia tidak dijelaskan dalam al-Quran dan hadis yang berkaitan zakat pertanian¹⁶¹.

Abū ‘Ubayd menyatakan walaupun Ibn ‘Abbās r.a. dan Ibn ‘Umar r.a. bersependapat bahawa hutang yang digunakan untuk kos operasi tanaman boleh ditolak terlebih dahulu sebelum dikenakan zakat, tetapi mereka tidak bersependapat tentang hutang yang dibelanjakan untuk kos sara hidup petani. Ibn ‘Umar r.a. sahaja yang

¹⁶⁰ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 399.

¹⁶¹ Muhammad Kamal ‘Atiyah, *Halat Tatbiqiyah fi Muhasabat al-Zakāh: Perakaunan Zakat Teori dan Praktis*, 28.

berpendapat bahawa zakat dikira setelah ditolak hutang kos operasi tanaman dan kos sara hidup¹⁶².

Bagi para sarjana hukum fiqh yang berpandangan zakat pertanian dikenakan setelah penolakan kos sara hidup menjelaskan bahawa lebih daripada keperluan diri dan tanggungan barulah dikenakan zakat. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ

Al-Baqarah 2: 219

Terjemahan: Dan mereka bertanya kamu tentang perkara yang perlu di infak (zakat). Katakanlah (perkara yang perlu diinfakkan itu adalah) lebih.

Menurut al-Ṭabarī, Ibn Kathīr dan al-Qurṭubī, keperluan diri dan tanggungan mestilah diutamakan sebelum menggunakan harta untuk keperluan-keperluan lain. Jika terdapat lebih barulah dipenuhi segala keperluan tersebut¹⁶³. Al-Ṭabarī bersandarkan kepada pandangan Ibn ‘Abbās r.a. bahawa *al-awf* merupakan lebih daripada keperluan keluarga. Pendapat yang sama turut dinyatakan oleh ‘Ata’, al-Ḥassan bin Yaḥyā dan al-Suddī¹⁶⁴. Hal ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Jabīr bin ‘Abdullāh r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

ابداء بنفسك فتصدق عليها فان فضل شيء فاهلك فان فضل عن اهلك شيء فلذى
قربتك فان فضل عن ذى قربتك شيء فهكذا وهكذا

Terjemahan: Berikanlah terlebih dahulu untuk kepentingan dirimu; apabila lebih berikanlah untuk isterimu; apabila masih lebih berikanlah

¹⁶² Abū ‘Ubayd al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl*, 610.

¹⁶³ Al-Ṭabarī, Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr, *Tafsīr al-Ṭabarī al-Musamma Jami‘ al-Bayān fī Ta‘wīl al-Qur‘ān* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992), 2: 376-377.; Ibn Kathir, Abī al-Fida’ Ismā‘il al-Qurshi al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1992), 1: 263.; Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī, *al-Jāmi‘ li ‘Aḥkām al-Qur‘ān* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993), 2: 41-42.

¹⁶⁴ Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī al-Musamma Jami‘ al-Bayān fī Ta‘wīl al-Qur‘ān*, 376-377.

kepada keluarga yang terdekat dengan mu; dan apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain¹⁶⁵.

Hadis ini menjelaskan kos untuk menyara kehidupan lebih diutamakan sebelum dikeluarkan zakat ke atas sesuatu hasil pertanian. Sehubungan itu, kos sara hidup wajar diambil kira dan perlu ditolak terlebih dahulu sebelum dikenakan zakat pertanian. Tambahan pula Rasulullah SAW amat mengambil berat tentang kesejahteraan sosial para petani. Mengikut amalan Rasulullah SAW, baginda meminta supaya pentaksir zakat menolak 1/3 atau 1/4 daripada hasil tanaman dan zakat ditaksir berdasarkan 2/3 atau 3/4 daripada hasil tanaman. Hal ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Sahal bin Abū Hathamah yang bermaksud:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يقول إذا خرصتم فخذوا ودعوا الثلث فإن لم تدعوا
الثلث فدعوا الربع

Terjemahan: Bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila kamu membuat taksiran maka ambillah zakat, dan tinggalkanlah satu pertiga. Jika tidak satu pertiga pun, satu perempat¹⁶⁶.

Meskipun dibenarkan penolakan kos sara hidup daripada hasil kasar pertanian, Abū ‘Ubayd menyatakan ia hanya terhad kepada keperluan *ḍarūriyyat* berasaskan pandangan Ibn ‘Abbās r.a, Ibn ‘Umar r.a, Aḥmad Ibn Ḥanbal r.a dan lain-lain. Al-Qaraḍāwī mengulas pandangan Abū ‘Ubayd ini adalah tepat¹⁶⁷.

Selain itu, Shahatah menyatakan penolakan kos sara hidup sangat diperlukan kerana taraf hidup sekarang yang semakin meningkat. Disebabkan peningkatan itu, terdapat tiga pendapat ulama berhubung penolakan kos sara hidup. Pertama, tidak

¹⁶⁵ Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 835-836 (Az-Zakāh: Bāb Ibtidā’ fī An-nafaqah bin nafsi thumma Ahlihi thumma Al-Qarābah, no. hadīth 997).

¹⁶⁶ Hadīth riwayat At-Tirmidhī, Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā At-Tirmidhī, “Jāmi‘ At-Tirmidhī” *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1709 (Abwāb Kitāb Az-Zakāh: Bāb Mā Jāa fī al-Kharṣ, no. hadīth 643).; Abī ‘Ubayd al-Qāsim bin Sālam, *Kitāb al-‘Amwāl*, 588.

¹⁶⁷ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 401-402.

dibenarkan penolakan kos sara hidup. Kedua, membenarkan penolakan kos sara hidup. Ketiga, membenarkan penolakan kos sara hidup, tetapi penolakan itu tidak melebihi 1/3 daripada perbelanjaan keperluan. Daripada tiga pendapat ini, pendapat kedua lebih sesuai dipraktikkan dalam perakaunan zakat pertanian¹⁶⁸.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kaedah yang paling sesuai untuk diamalkan dalam perakaunan zakat pertanian pada masa kini adalah dengan membenarkan penolakan kos sara hidup. Asas dalam pengeluaran zakat harta ialah orang yang mengeluarkan zakat mestilah orang kaya kerana penerima zakat terdiri daripada golongan fakir miskin. Hal ini berdasarkan amalan pada zaman Rasulullah SAW, iaitu baginda telah memerintahkan supaya zakat dipungut daripada orang kaya sebagaimana sabdanya:

تؤخذ من أغنيائهم وترد على فقرائهم

Terjemahan: Ambillah daripada orang-orang kaya dan kembalikan kepada orang yang miskin¹⁶⁹.

خير الصدقة ما كان عن ظهر غني

Terjemahan: Sebaik-baik sedekah (berzakat) adalah yang kamu keluarkan dari orang kaya¹⁷⁰.

Sebenarnya indikator kekayaan seorang petani itu tidak hanya dilihat pada hasil tanamannya yang mencukupi kadar nisab tanpa mengambil kira sama ada pendapatan daripada hasil pertaniannya mencukupi untuk keperluan perusahaan pertanian dan perbelanjaan keluarganya. Oleh sebab itu, nafkah adalah tanggungjawab ketua keluarga,

¹⁶⁸ Shahātah, *al-Taṭbīq al-Mu‘āṣir lil Zakāh wa Kayfa Tahsibu Zakāh Mālik*, 139-141.

¹⁶⁹ Al-Bukhārī, Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Ismāīl Al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ Bukhārī” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 109 (Kitāb al-Zakāh: Bāb Wujūb al-Zakāt (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993), no. hadīth 1395).

¹⁷⁰ *Ibid.*, 112 (Kitāb al-Zakāh: Bāb Lā Ṣadaqah illā ‘an Ṣaḥrī Ghanī, no. hadīth 1426).

sudah tentu seseorang itu perlu menunaikan tanggungjawab tersebut terlebih dahulu sebelum membelanjakan kekayaannya untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain¹⁷¹.

4.2.3.2 Analisis maqasid syariah dalam fatwa penolakan kos tanaman ke atas zakat padi di Malaysia

Anhar Opir menyatakan negeri Selangor masih mengekalkan fatwa bersandarkan mazhab Syafie dalam isu penolakan kos operasi tanaman dan kos sara hidup iaitu tidak membenarkan penolakan kos¹⁷². Anhar Opir dan Mujaini berpandangan zakat padi yang dikenakan pada kadar lima peratus adalah sudah mengambilkira kos-kos yang berkaitan, oleh kerana itulah kadarnya rendah¹⁷³ berbanding sepuluh peratus. Dalam erti kata lain, penolakan kos tidak dibenarkan, tetapi ia sekadar mengurangkan kadar zakat sebanyak lima peratus apabila wujud bebanan. Selain itu, tidak dibenarkan penolakan kos juga adalah dilihat untuk menentukan kadar selamat daripada kekurangan dalam menunaikan zakat pertanian¹⁷⁴. Walau bagaimanapun, Anhar Opir bersetuju dengan penolakan kos terlebih dahulu dilakukan oleh para petani dalam suasana bebanan kos pada hari ini¹⁷⁵.

4.2.3.2.1 Maqasid penolakan kos operasi tanaman

Isu kewajaran penolakan kos tertentu sebelum diwajibkan zakat tanaman sering dibahas kerana dilihat bersifat semasa dan dalam usaha menepati kehendak maqasid syariah. Penolakan kos operasi tanaman perlu dilakukan kerana dilihat banyak bebanan yang ditanggung oleh para petani dalam mengusahakan tanaman padi. Para petani

¹⁷¹ Asmak Ab. Rahman dan Pazim @ Fadzim Othman, "Kaedah Taksiran Zakat Padi Dan Kesannya Terhadap Petani: Kajian Di Selangor," *Jurnal Syariah* 13, no. 1, (2005).

¹⁷² Anhar Opir, Dr (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016..

¹⁷³ *Ibid.*; Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

¹⁷⁴ *Ibid.*

¹⁷⁵ Anhar Opir, Dr (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

terpaksa menggunakan kos yang tinggi untuk jentera membajak, upah, baja dan racun kawal penyakit serta binatang perosak. Pelepasan kos operasi tanaman padi adalah demi *maṣlahah* para petani dan bagi tujuan mencapai maqasid zakat.

Isu penolakan kos operasi tanaman dilihat berkait rapat dengan isu penetapan kadar zakat tanaman kerana melibatkan perbincangan kaedah “pengairan” dan “usaha” yang ditanggung oleh para petani sehinggakan kadar zakat pertanian dikurangkan sebanyak lima peratus. *Illah* yang boleh diperhatikan adalah beban yang ditanggung oleh para petani. Jika dahulu penggunaan kos hanya melibatkan pengairan sahaja, bersesuaian dengan keadaan dan tempat ketika itu yang tidak melibatkan teknologi moden dan kos yang terlalu tinggi seperti hari ini.

Oleh itu, adalah menepati kehendak maqasid syariah mengkaji kos-kos yang ditanggung para petani masa kini kerana penolakan terhadap bentuk kos pengairan pada waktu dahulu adalah realiti tanggungan kos ketika itu. Di Malaysia, bebanan tidak terhad kepada kaedah pengairan sahaja akan tetapi termasuk juga kos pengeluaran yang ditanggung oleh para petani seperti kos bahan input, kos operasi tanaman yang melibatkan jentera moden dan modal yang tinggi serta kos sara hidup petani.

Penolakan kos operasi tanaman ini juga dilihat dari perspektif maqasid syariah mampu memberi keadilan kepada para petani selaku pembayar zakat. Pertimbangan terhadap kedudukan kewangan para petani sebelum pembayaran zakat dilakukan perlu diperhatikan supaya para petani tidak terbeban dalam melaksanakan ibadah zakat. Hal ini berlaku apabila hasil para petani masih tidak mencukupi untuk menyara kehidupan kerana terpaksa menanggung hutang kos operasi tanaman. Jika pertanian dilanda bencana alam, hasil yang diperolehi menyamai dengan kos operasi tanaman. Maka sudah pasti keadilan tidak ada apabila para petani perlu membayar zakat sedangkan ketika itu tidak mendapat keuntungan setelah ditolak kos operasi tanaman. Situasi ini dilihat bertentangan dengan maqasid keadilan yang terdapat di dalam hadis Nabi SAW

yang menganjurkan zakat diambil daripada orang kaya untuk diberikan kepada fakir dan miskin.

Seterusnya, tidak terdapat dalil yang menerangkan tentang penolakan kos sara hidup sebelum dikenakan zakat secara khusus. Namun, satu asas yang boleh dijadikan pertimbangan maqasid dalam pengeluaran zakat harta ialah orang yang mengeluarkan zakat mestilah orang kaya kerana penerima zakat ialah golongan fakir dan miskin¹⁷⁶. Kekayaan adalah parameter yang mewajibkan seseorang itu dikenakan zakat ke atasnya. Pertimbangan ini juga selaras dengan amalan pada zaman Rasulullah SAW dan menepati kehendak maqasid syariah, iaitu baginda telah memerintahkan supaya zakat dipungut daripada orang kaya untuk diberikan kepada golongan fakir dan miskin sebagaimana sabdanya:

تؤخذ من أغنيائهم وترد على فقرائهم

Terjemahan: Ambillah daripada orang-orang kaya dan kembalikan kepada orang yang miskin¹⁷⁷.

Selanjutnya, para petani perlu mengambikira penolakan kos operasi tanaman dan kos sara hidup sebelum mengeluarkan zakat pertanian. Adalah tidak wajar bagi para petani yang tergolong dalam golongan fakir dan miskin mengeluarkan zakat pertanian. Pengambilkiraan penolakan kos sara hidup ini adalah bertepatan dengan maqasid syariah dalam memastikan *maṣlahah* para petani terpelihara. Zakat tanaman yang dikenakan tidak boleh hanya dilihat pada hasil tanaman yang mencukupi kadar nisab semata-mata, bahkan perlu mengambikira sama ada pendapatan daripada hasil pertaniannya mencukupi untuk keperluan kos operasi tanaman dan kos sara hidup. Dalam konteks kos sara hidup, sudah tentu para petani juga tidak terlepas daripada

¹⁷⁶ Anhar Opir, Dr. (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

¹⁷⁷ Al-Bukhāri, Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Ismāil Al-Bukhāri, “Ṣaḥīḥ Bukhāri” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 109 (Kitāb al-Zakāh: Bāb Wujūb al-Zakāt (Damsyiq: Dār Ibn Kathīr, 1993), no. ḥadīth 1395).

menunaikan tanggungjawab sebagai ketua keluarga terlebih dahulu sebelum membelanjakan kekayaannya untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain. Keadaan ini dilihat bertepatan dengan kehendak maqasid syariah sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada seseorang yang bermaksud:

ابداء بنفسك فتصدق عليها فان فضل شيء فالهلك فان فضل عن اهلك شيء فلذى
قربتك فان فضل عن ذى قربتك شيء فهكذا وهكذا

Terjemahan: Berikanlah terlebih dahulu untuk kepentingan dirimu; apabila lebih berikanlah untuk isterimu; apabila masih lebih berikanlah kepada keluarga yang terdekat dengan mu; dan apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain¹⁷⁸.

Seterusnya, kewajaran penolakan kos sara hidup terlebih dahulu sebelum dikenakan zakat padi adalah bertujuan mengambil berat tentang kesejahteraan sosial para petani. Para amil yang mentaksir perlu mengambilkira keadaan para petani dengan menolak 1/3 atau 1/4 daripada hasil tanaman. Pertimbangan kesejahteraan sosial para petani dalam konteks ini adalah bertepatan dengan kehendak maqasid syariah di sebalik kefahaman hadis berikut:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يقول إذا خرصتم فخذوا ودعوا الثلث فإن لم تدعوا
الثلث فدعوا الربع

Terjemahan: Bahawa Rasulullah SAW bersabda: apabila kamu membuat taksiran maka ambillah zakat, dan tinggalkanlah satu pertiga. Jika tidak satu pertiga pun, satu perempat¹⁷⁹.

¹⁷⁸ Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 835-836 (Kitāb Az-Zakāh: Bāb Ibtidā’ fī An-naḥāqah bin nafsi thumma Ahlihi thumma Al-Qarābah, no. hadīth 997).

¹⁷⁹ Hadith riwayat At-Tirmidhī, Abī ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā At-Tirmidhī, “Jāmi‘ At-Tirmidhī” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1709 (Abwāb Az-Zakāh: Bāb Mā Jāa fī al-Kharṣ, no. hadīth 643).; Abū ‘Ubayd al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Amwāl*, 588.

4.2.3.2.2 Maqasid penolakan kos sara diri

Perintah melaksanakan zakat diwajibkan kepada golongan yang memiliki lebih harta, manakala golongan miskin yang tidak mencukupi untuk keperluan hidupnya dan tanggungannya adalah merupakan penerima zakat. Adalah tidak menepati maqasid pensyariatan zakat sekiranya mengutip zakat daripada orang yang hanya memiliki harta sekadar untuk memenuhi keperluan hidup dirinya dan orang yang di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak serta ibu-bapa yang uzur.

Kewajaran penolakan kos-kos sara diri petani dan tanggungan mereka termasuklah makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan merupakan keperluan *darūriyyat* demi kelangsungan kebahagiaan sesebuah keluarga sepatutnya diambilkira sebagai pelepasan had kifayah sepertimana penolakan dalam zakat pendapatan.

Seterusnya, maqasid pensyariatan zakat tanaman merangkumi *muzakkī* (para petani) dan juga asnaf-asnaf zakat. Pertimbangan terhadap *muzakkī* dan asnaf harus dinilai yang mana satu perlu diutamakan berdasarkan bebanan *mafsadah* dan *maṣlahah* yang diterima. Dalam erti kata lain, sama ada dikenakan zakat ke atas hasil kasar demi *maṣlahah* para asnaf atau diberikan pelepasan kos-kos tertentu bagi menjaga *maṣlahah muzakkī* iaitu para petani. *Maṣlahah muzakkī* perlu diutamakan terlebih dahulu kerana merujuk perkataan (تؤخذ) iaitu bermaksud *muzakkī* berada dihadapan berdasarkan hadis berikut:

تؤخذ من أغنيائهم وترد على فقرائهم

Terjemahan: Ambillah daripada orang-orang kaya dan kembalikan kepada orang yang miskin¹⁸⁰.

¹⁸⁰ Al-Bukhārī, Abī ‘Abdullah Muḥammad bin Ismāīl Al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ Bukhārī” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyād: Dār al-Salām, 2008), 109 (Kitāb al-Zakāh: Bāb Wujūb al-Zakāt, no. ḥadīth 1395).

Dalam konteks *maqāsid ḥifẓ al-‘aql*, jika kos sara hidup para petani tidak ditolak akan memberi impak yang negatif kepada pemeliharaan akal anak-anak petani dengan kurangnya pendidikan yang berkualiti. Ini kerana anak-anak adalah aset utama bagi mengeluarkan keluarga para petani dari kemiskinan melalui cara belajar hingga berjaya sehingga mendapat kerja yang baik dan akhirnya membantu menyara keluarga. Dalam konteks *maqāsid ḥifẓ al-nafs* dan *ḥifẓ al-nasl*, para petani bertanggungjawab menyara ahli keluarga dari sudut menyediakan keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. *Mafsadah* akan berlaku kepada ahli keluarga dan keturunan sekiranya pelepasan kos tidak diberikan sedangkan keperluan asasi tidak mencukupi.

Dalam konteks *maqāsid ḥifẓ al-māl*, sekiranya pelepasan kos sara hidup para petani tidak ditolak, dibimbangi zakat akan diambil daripada *mustahiqqīn* iaitu para asnaf dan ini sangat bertentangan dengan objektif zakat itu sendiri. Sedangkan, jika kewajipan zakat dikenakan tanpa sebarang penolakan kos akan menyebabkan sebahagian para petani tergolong di bawah garis kemiskinan. Oleh itu, sewajarnya penolakan kos sara hidup dan kos operasi ditolak bagi menilai kemampuan kekayaan seseorang petani selain daripada pengurangan kadar zakat pertanian berfaktor sumber saluran zakat pertanian yang telah ditetapkan. Ini bertentangan dengan maqasid pensyariatan zakat iaitu pengambilan zakat daripada orang kaya. Kerosakan harta ini dengan bebanan serta tanggungjawab yang berat akan membawa kepada kerosakan *maṣlahah* yang lain, seperti impaknya kepada *maṣlahah* jaminan sosial sesebuah keluarga dan *maṣlahah* jiwa.

Walau bagaimanapun, penolakan kos sara hidup dibenarkan dengan syarat seseorang petani hanya bergantung kepada sumber pendapatan hasil daripada penanaman padi dan tidak memiliki sumber pendapatan yang lain. Sebaliknya, jika para petani mempunyai pendapatan yang lain, maka penolakan kos sara hidup tidak

dibenarkan kerana sumber tersebut boleh meringankan beban tanggungan kos sara hidup yang semakin meningkat.

Demikianlah maqasid penolakan kos operasi tanaman dan kos sara diri yang telah diperincikan di atas adalah disokong dan diperakui oleh tokoh-tokoh berautoriti iaitu Mahmood Zuhdi¹⁸¹, Marwazi¹⁸², Anhar Opir¹⁸³, Mujaini Tarimin¹⁸⁴, Abdul Halim Tawil¹⁸⁵. Pengambilkiraan maqasid syariah tersebut juga telah dipertimbangkan oleh jawatankuasa fatwa dalam proses memutuskan fatwa penolakan kos tanaman sebelum dikenakan zakat padi.

4.2.4 Pembayaran Zakat Fitrah Menggunakan Nilai Wang

Amalan pelaksanaan zakat fitrah di Malaysia ditunaikan dengan nilai mata wang bagi menggantikan satu gantang beras bagi setiap orang Islam telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan juga Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia. Fatwa ini dilihat mengambil pandangan di luar mazhab Syafie yang membolehkan pembayaran zakat fitrah dengan menggunakan wang dan bukan dengan makanan asasi penduduk tempatan. Pandangan yang membolehkan pembayaran zakat fitrah dengan menggunakan wang adalah berdasarkan pandangan daripada mazhab Hanafi¹⁸⁶.

Menurut Abdullah Basmeh, terdapat dua asas yang mengharuskan pembayaran zakat fitrah dengan menggunakan wang iaitu pertama disebabkan *darūrah*. Keadaan ini

¹⁸¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2016.

¹⁸² Marwazi Dziauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

¹⁸³ Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

¹⁸⁴ Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

¹⁸⁵ Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2016.

¹⁸⁶ Lihat dalam bab tiga berkaitan senarai fatwa-fatwa pelaksanaan zakat fitrah dengan wang yang telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa.

terjadi apabila makanan utama di dalam sesebuah negara didapati berkurangan dan berada dalam keadaan tidak mencukupi. Asas kedua disebabkan oleh arahan atau perintah daripada pihak berkuasa iaitu dalam konteks di Malaysia ialah institusi fatwa. Pihak berkuasa mengeluarkan arahan supaya pembayaran zakat fitrah menggunakan wang dengan mengambilkira *maṣlahah* asnaf, kos pungutan, kos penyimpanan dan kerosakan hasil pungutan¹⁸⁷.

4.2.4.1 Perbahasan sarjana hukum tentang pembayaran zakat fitrah menggunakan nilai wang

Para sarjana hukum fiqh berbeza pandangan tentang pelaksanaan zakat fitrah sama ada dengan mengeluarkan makanan asasi tempatan atau boleh digantikan dengan menggunakan nilai harga. Persoalannya adakah penggunaan nilai wang itu memenuhi syarat dan pelaksanaan zakat fitrah tersebut dianggap sah¹⁸⁸.

Dalam permasalahan pelaksanaan zakat fitrah dengan menggunakan nilai harga, sarjana hukum fiqh memberikan pandangan yang pelbagai antaranya ialah tidak diharuskan secara mutlak, diharuskan tanpa sebarang syarat, diharuskan tetapi disertai makruh dan diharuskan pada keadaan tertentu sahaja¹⁸⁹.

Al-Qaraḍāwī dan Muḥammad ‘Uqlah menjelaskan sebab utama perbezaan pandangan sarjana hukum fiqh ialah berpunca daripada perbezaan pandangan tentang hakikat zakat. Adakah zakat merupakan ibadah dan semata-mata pengabdian kepada

¹⁸⁷ Abdullah Basmeh, Shaikh, *Zakat, Sedekah dan Khairat* (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, 1985), 59.; Fatwa Mufti Kerajaan Johor, cet. ke-3 (Johor: Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor, 1981), 1: 99-100.

¹⁸⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa ‘Adillatuh*, 909.

¹⁸⁹ Muḥammad ‘Uqlah, *‘Aḥkām al-Zakāh wa al-Ṣadaqah* (Urdun: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthah, 1982), 221-222; Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 810.

Allah SWT atau merupakan kewajipan terhadap harta orang kaya untuk golongan miskin dengan maksud lain cukai harta yang diwajibkan ke atas pemilik nisab¹⁹⁰.

Beliau mengulas lanjut, sebenarnya zakat meliputi dua hakikat tersebut iaitu ibadah dan kewajipan harta. Namun, Imām Shāfi‘ī, Imām Aḥmad, sebahagian ulama Mālikī dan ulama mazhab Zāhirī mengangkat makna ibadah dan pengabdian kepada Allah SWT ke atas zakat. Oleh sebab itu, mereka mewajibkan untuk mengeluarkan zakat seperti yang disebut dalam *naṣ*. Sebaliknya Imām Abū Ḥanifah mengangkat makna kewajipan harta yang bertujuan memenuhi keperluan golongan miskin, maka diharuskan menggunakan nilai harga¹⁹¹.

Majoriti sarjana hukum fiqh berpandangan pembayaran zakat fitrah dan zakat harta tidak diharuskan dalam bentuk nilai harga¹⁹². Menurut al-Nawāwī, dalam mazhab Syafie tidak mengharuskan pembayaran zakat dalam bentuk harga kerana zakat adalah hak Allah dan oleh sebab itu, ianya terikat dengan ketentuan Allah sebagaimana yang terdapat di dalam *naṣ* dan tidak harus diganti dengan sesuatu yang lain¹⁹³.

Ibn Qudāmah menyatakan mengikut mazhab Ḥanbali, Imām Mālik dan Imām Shāfi‘ī, bayaran nilai harga tidak sah sama ada dalam zakat fitrah atau zakat harta¹⁹⁴. Seterusnya Ibn Qudāmah menyatakan Aḥmad Ibn Ḥanbal pernah ditanya tentang pembayaran zakat fitrah dalam bentuk mata wang dirham. Jawapan yang diberikan Aḥmad Ibn Ḥanbal ialah bimbang ianya tidak sah kerana bertentangan dengan hadis. Apabila diberitahu tentang ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Azīz dikatakan pernah menerima zakat dalam bentuk tersebut, beliau menyatakan itu hanya satu dakwaan semata-mata¹⁹⁵.

Berbeza dengan pandangan yang dikemukakan oleh al-Thauri, Abū Ḥanifah, ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz dan Ḥasan al-Baṣrī telah menyatakan nilai harga boleh dibayar

¹⁹⁰ *Ibid.*; *Ibid.*, 811.

¹⁹¹ *Ibid.*, 811-812.

¹⁹² Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa ‘Adillatuh*, 909.

¹⁹³ Al-Nawāwī, *al-Majmu‘* (Qāhirah: Maktabah al-Imām, t.t.), 5: 401.

¹⁹⁴ Ibn Qudāmah al-Maqdisī, *al-Mughnī*, cet. ke-6 (Urdun: Bayt al-‘Afkār al-Duwalayah, 2003), 1: 582.

¹⁹⁵ *Ibid.*

sebagai zakat¹⁹⁶. Begitu juga al-Ghumārī, Muḥammad ‘Uqlah, ‘Alī Jum‘ah, Sultan dan ‘Ulwan turut bersetuju mengharuskan pelaksanaan zakat dengan mengeluarkan nilai harga¹⁹⁷. Menurut al-Kasani, kewajipan mengeluarkan makanan yang dinaṣkan sebagai zakat ialah berasaskan ianya harta yang bernilai secara umum dan bukan berasaskan hakikat bahawa ia adalah jenis atau bahan tertentu. Oleh sebab itu, zakat boleh dibayar dengan harga bahan-bahan berkenaan, sama ada dalam bentuk mata wang atau barangan atau apa sahaja¹⁹⁸.

Manakala al-Kasānī pula mengulas pada hakikatnya yang wajib ialah “mencukupkan” kedudukan fakir dan miskin. Oleh sebab itu, usaha mencukupkan golongan fakir dan miskin boleh dilakukan dengan membayar nilai harga. Malah pembayaran nilai harga lebih berkesan dalam memenuhi keperluan kehidupan golongan tersebut. Justeru itu, jelaslah bahawa *naṣ* yang menyebut bahan-bahan makanan berkenaan adalah berasaskan kepada konsep “mencukupkan”¹⁹⁹. Hal ini adalah selaras dengan sabda Nabi SAW sebagaimana berikut:

أغنوهم عن المسألة في مثل هذا اليوم

Terjemahan: Cukupkan mereka daripada meminta seperti hari ini²⁰⁰

Mahmood Zuhdi mengulas huraian yang dibuat oleh al-Kasānī ini menarik sekali dan wajar diterima. Agak jelas sekali apabila Nabi SAW menyebut bahawa bahan-bahan seperti itu, pertimbangannya ialah bahawa ia boleh memberi halangan kepada

¹⁹⁶ *Ibid.*

¹⁹⁷ Al-Ghumārī, Aḥmad bin Muḥammad al-Ṣiddiq al-Ḥasani, *Tahqīq al-‘Amal fī ‘Ikhrāj Zakāh al-Fiṭr bi al-Maāl* (t.tp.: t.p., t.t.), 40.; Muḥammad ‘Uqlah, *Aḥkām al-Zakāh wa al-Ṣadaqah*, 221.; ‘Alī Jum‘ah, *al-Bayān al-Qawim li Taṣḥīḥ ba’d al-Mafāhim* (Misr: Dār al-Sands lil Turath al-Islāmī, 2006), 124.; Sulṭan, Aḥmad ‘Abd al-Tawwab, *Kayfa Tuqaddar wa Tu’adda Zakāh al-Fiṭr* (Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2004), 80.; ‘Ulwān, ‘Abd Allāh Nāṣih, *Aḥkām al-Zakāh ‘alā Daw’ al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*, cet. ke-8 (Qāhirah: Dār al-Salām, 2007), 100-101.

¹⁹⁸ Al-Kasānī, al-Imām ‘Ala al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd al-Ḥanāfī, *Badā‘i al-Ṣana‘i*, cet. ke-2 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah 2003), 2: 543.

¹⁹⁹ *Ibid.*

²⁰⁰ Abī Bakar Aḥmad bin al-Ḥusayn bin ‘Alī al-Baīhaqī, *Al-Minnatu al-Kubrā Sharḥ wa takhrīj Sunan al-Ṣuḥrā*, ed. Muḥammad Dīā’ Ar Raḥmān al-‘azmī (Riyād: Maktabah āl-Rusyd, 2001), 221 (Kitāb Al-Zakāh, no. hadīth 1280).

fakir miskin memandangkan sifatnya sebagai bahan utama dalam keperluan hidup. Maka sekiranya harga bahan-bahan seperti itu boleh memainkan peranan yang sama, mengapa tidak ia dibenarkan sahaja mengambil tempat. Malah pada hari ini mata wang lebih berkesan fungsinya dalam melegakan hidup seseorang berbanding dengan bahan makanan. Berdasarkan pandangan Abū Ḥanifah ini, pembayaran dalam bentuk mata wang bukan sahaja boleh pada masa ini tetapi lebih baik²⁰¹.

4.2.4.1.1 Hujah larangan mengeluarkan zakat dengan nilai harga

Imām al-Ḥaramayn bermazhab Syafie menyatakan zakat merupakan suatu pengabdian diri kepada Allah dan tertakluk mengikut segala perintah Allah SWT secara mutlak. Beliau menganalogikan arahan yang diberikan kepada wakil untuk membeli kain perlu dipatuhi. Namun wakil berasaskan tujuan membeli kain tersebut adalah untuk berniaga, lalu wakil menggantikan dengan membeli barang lain yang lebih bermanfaat untuk diniagakan. Beliau menegaskan sewajarnya tidak boleh menyalahi dengan kehendak orang yang mewakilkan walaupun dilihat bermanfaat²⁰².

Oleh hal yang demikian, apa yang diperintahkan oleh Allah SWT lebih utama dipatuhi. *Illah* dalam hal ini adalah ketaatan, demikian itu dilihat bertentangan dengan *naṣ* dan terkeluar dari makna ibadah. Begitu juga tidak dibenarkan dalam hal zakat untuk mengeluarkan nilai harga kambing, unta, tanaman dan sebagainya kerana dilihat bertentangan dengan *naṣ* dan makna ketaatan²⁰³.

Seterusnya, Qādī Abū Bakr Ibn ‘Arabī al-Mālikī menjelaskan perintah dan ujian mengeluarkan zakat bukan sekadar mengurangkan harta sahaja seperti yang dijelaskan Abū Ḥanifah. Secara fitrah, pemilik harta ingin mengekalkan zat hartanya dan yang

²⁰¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 395.

²⁰² Muḥammad ‘Uqlah, *Ahkam al-Zakāh wa al-Ṣadaqah*, 227.

²⁰³ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li ‘Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*, 812.

dikeluarkan bukan dari zat harta tersebut tetapi nilai harga. Oleh sebab itu, pemilik harta perlu membayar dalam bentuk zat harta bagi mendidik hati²⁰⁴.

Selain itu, terdapat *naş* yang menjelaskan zakat perlu dibayar dengan zat harta secara langsung tanpa mengambil nilai harga. Sekiranya diambil dengan nilai harga, maka ianya dilihat bertentangan dengan maksud hadis, contohnya hadis:

خذ الحب من الحب والشاة من الغنم والبعير من الإبل والبقرة من البقر

Terjemahan: Ambillah biji-bijian dengan biji-bijian, kambing dari kambing, unta dari unta dan lembu dari lembu²⁰⁵

Makna *naş* tersebut wajib diikuti dan tidak boleh menukar dengan mengambil nilai harga. Hal demikian akan menyebabkan zakat yang diambil daripada hasil tanaman adalah bukan daripada tanaman dan zakat yang diambil daripada hasil kambing adalah bukan daripada kambing. Ini adalah bertentangan dengan maksud yang terdapat dalam hadis tersebut²⁰⁶.

4.2.4.1.1 Hujah harus mengeluarkan zakat dengan nilai harga

Pendapat yang mengharuskan pengeluaran zakat dengan nilai harga sebagai ganti kepada harta adalah berdasarkan kepada hujah daripada dalil-dalil *aqli* dan *naqli*. Antara hujah yang digunakan oleh golongan ini adalah bersandarkan kepada firman Allah SWT seperti berikut:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً ...

At-Taubah 9: 103

²⁰⁴ *Ibid.*, 813.

²⁰⁵ Abī Dāwūd, Abī Dāwūd Sulaīmān bīn Āl-'Āsh'āṭh, "Sunan Ābī Dāwūd" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Şālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 1342 (Kitāb Az-Zakāh: Bāb Şadaqah al-zar'ī, no. hadīth 1599).

²⁰⁶ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 813.

Terjemahan: Ambillah sedekah dari sebahagian harta mereka.

Nas di atas menunjukkan bahawa yang diambil itu adalah harta. Nilai harga juga adalah merupakan harta seperti yang dimaksudkan oleh *nas* tersebut. Adapun penjelasan Nabi SAW terhadap keumuman (*mujmal*) ayat al-Quran iaitu setiap empat puluh ekor kambing perlu dikeluarkan zakat seekor kambing²⁰⁷, adalah bertujuan memudahkan pemilik ternakan tersebut dan bukan bermaksud mewajibkan dengannya iaitu mesti mengeluarkan kambing atau harta berkenaan secara zat. Hal ini kerana adakalanya pemilik ternakan tidak memiliki wang pada waktu itu dan mengeluarkan zakat dengan apa yang dimiliki adalah lebih memudahkan²⁰⁸.

Selain itu, terdapat riwayat daripada Mu'az ketika di Yaman yang menganjurkan pelaksanaan zakat dengan mengeluarkan kain atau pakaian sebagai ganti kepada biji-bijian dan gandum sebagaimana riwayat berikut:

اَتْتُونِي بِخَمِيْسٍ اَوْ لَبِيْسٍ ، اَحِذْهُ مِنْكُمْ فِي الصَّدَقَةِ ، فَهُوَ اَهْوَنُ عَلَيَّكُمْ ، وَخَيْرٌ لِلْمُهَاجِرِيْنَ
بِالْمَدِيْنَةِ

Terjemahan: Berikanlah kepada aku baju atau pakaian, akan aku ambil sebagai ganti zakat kalian kerana lebih memudahkan kalian dan lebih bermanfaat untuk kaum muhajirin di Madinah²⁰⁹.

Hal ini terjadi kerana penduduk Yaman terkenal sebagai tukang tenun kain, maka mengeluarkan kain atau pakaian sebagai zakat adalah lebih memudahkan. Apatah lagi dalam keadaan penduduk muhajirin Madinah sangat memerlukan kain dan pakaian tersebut. Riwayat Mu'az ini menjadi hujah kepada tidak memahami hadis-hadis lain

²⁰⁷ At-Tirmidhī, Abī 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā At-Tirmidhī, "Jāmi' At-Tirmidhī" *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Šālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 1707 (Kitāb al-Zakāh 'an Rasūl SAW, Bāb Mā Ja'a fī Zakāh al-Ibl wa al-Ghanam, no. ḥadīth 621).; al-Mubārakfūrī, al-Imām al-Ḥafīz Abī al-'Alī Muḥammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahīm, *Tuḥfah al-'Ahwazī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī* (t.tp.: Dār al-Fikr lil Ṭība'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.), 3: 253.

²⁰⁸ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Aḥkamihā wa falsafatihā fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 814.

²⁰⁹ Ibn al-Mulaqqīn, Sirāj al-Dīn Abī Ḥafṣ 'Umar bin 'Alī bin Aḥmad al-'Anṣarī al-Shāfi'ī, *Badr al-Munīr fī Takhrīj al-'Aḥadīth wa al-'Athār al-Wāqī'ah fī al-Sharḥ al-Kabīr* (t.tp.: Dār al-Hijrah lil Nashr wa al-Tawzī', t.t.), 7: 402.

yang mengandung makna mengambil zakat harta yang sejenis atau mengambil dalam bentuk zat harta²¹⁰ seperti contoh hadis setiap empat puluh ekor kambing perlu dikeluarkan zakat seekor kambing²¹¹.

Selain itu, terdapat beberapa *athar* yang mengharuskan pengeluaran zakat dengan nilai harga, antaranya ialah:

لا بأس أن تعطي الدراهم في صدقة الفطر

Terjemahan: Tidak mengapa diberikan dirham (duit) pada sedekah (zakat) fitrah²¹².

أدركتهم وهم يعطون في صدقة الفطر الدراهم بقيمة الطعام

Terjemahan: Aku sempat dengan zaman sahabat, mereka memberi dirham (duit) pada zakat fitrah dengan nilai makanan²¹³.

نصف صاع عن كل انسان أو قيمته : نصف درهم

Terjemahan: Setengah gantang dari setiap Muslim atau nilainya yang bersamaan dengan setengah dirham (wajib dikeluarkan sebagai zakat fitrah)²¹⁴.

Al-Qaraḍāwī merumuskan berdasarkan analisis terhadap hujah-hujah yang dibentangkan di atas bahawa pandangan golongan Ḥanāfī adalah lebih sesuai pada zaman ini, lebih mudah kepada manusia dan senang diuruskan oleh institusi zakat²¹⁵.

²¹⁰ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Aḥkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 814.

²¹¹ At-Tirmidhī, Abī 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā At-Tirmidhī, "Jāmi' At-Tirmidhī" *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Šālih bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyād: Dār al-Salām, 2008), 1707 (Kitāb al-Zakāh 'an Rasūl SAW, Bāb Mā Ja'a fi Zakāh al-Ibl wa al-Ghanam, no. ḥadīth 621).; al-Mubārakfūrī, *Tuḥfah al-Aḥwāzī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī*, 253.

²¹² Abī Bakar 'Abdullāh bin Muḥammad bin Ābī Shaībah, *Al-Muṣannaf Liibni Abī Shaībah*, ed. Muḥammad 'Awwāmah, 508 (Kitāb Az-Zakāh, no. ḥadīth 10471).; Al-Ghumarī, *Taḥqīq al-Amal fi Ikhrāj Zakāh al-Fiṭr bi al-Māl*, 47.

²¹³ *Ibid.*, (no. ḥadīth 10472).

²¹⁴ *Ibid.*, (no. ḥadīth 10470).

²¹⁵ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Aḥkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 814.

4.2.4.2 Analisis maqasid syariah dalam fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan nilai wang di Malaysia

Pertimbangan *maşlahah* untuk asnaf yang diambilkira dalam pembayaran zakat fitrah menggunakan wang ialah lebih memudahkan dan bermanfaat terutamanya kepada asnaf fakir dan miskin. Penerimaan wang lebih bermakna dan memudahkan bagi golongan tersebut untuk mendapatkan atau membeli sesuatu keperluan lain berbanding makanan utama iaitu beras yang merupakan sebahagian daripada keperluan sahaja. Jika zakat diberikan dalam bentuk makanan utama kepada asnaf fakir dan miskin, sedangkan mereka memerlukan barangan lain, ini menyebabkan mereka terpaksa menjual beras tersebut untuk mendapatkan wang berkemungkinan dengan harga yang lebih rendah dan merugikan.

Seterusnya, pembayaran zakat fitrah menggunakan wang dapat mencapai kehendak maqasid pensyariatan zakat fitrah iaitu untuk menjaga kemaslahatan asnaf dan mencukupkan keperluan asnaf pada hari raya disaat seluruh umat Islam bergembira dan berseronok. Melalui wang yang dimiliki, golongan asnaf fakir dan miskin dapat melengkapkan keperluan asas untuk sama-sama meraikan perayaan dengan perasaan yang seronok.

Tambahan pula di zaman sekarang, semua urusan transaksi jual beli adalah dengan perantaraan wang, berbanding suatu ketika dahulu menggunakan sistem barter dalam aktiviti ekonomi untuk mendapatkan barang. Justeru itu, pandangan mengeluarkan zakat fitrah dengan wang adalah lebih sesuai dan menepati maqasid pensyariatan zakat bagi membantu memudahkan para asnaf zakat.

Seterusnya, pertimbangan yang diambilkira jika zakat fitrah dikeluarkan dengan beras akan menyebabkan pihak pengurusan zakat pula terpaksa menanggung kos yang besar dalam menjalankan kutipan. Sekiranya amil menerima beras sebagai zakat fitrah,

sudah tentu memerlukan kenderaan untuk mengangkat beras tersebut dalam kuantiti yang sangat banyak dan berat. Keadaan ini menyebabkan *maṣlahah* penjimatan kos pengangkutan perlu diambilkira dan dikurangkan berbanding menggunakan wang sebagai ganti kepada beras.

Selain itu, tentang *maṣlahah* penyediaan ruang penyimpanan sekiranya beras dipungut sebagai zakat fitrah juga perlu dipertimbangkan. Situasi ini menggambarkan pihak pengurusan zakat perlu menyediakan suatu ruang penyimpanan atau gudang yang besar hasil daripada pungutan. Hal ini dilihat tidak efektif kepada pihak pengurusan zakat dalam mengurangkan kos penyediaan ruang simpanan atau gudang, berbeza dengan penggunaan wang yang tidak memerlukan sebarang ruang penyimpanan yang besar.

Selanjutnya, *maṣlahah* untuk menjamin hasil pungutan daripada berlaku kerosakan juga perlu ditekankan sekiranya beras dipungut sebagai zakat fitrah. Beras yang dipungut perlu disimpan dan dijaga daripada berlaku sebarang kerosakan. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan ialah beras perlu disimpan sekiranya berlaku lebih setelah agihan dibuat sedangkan beras mempunyai jangka hayat tertentu. Jika berlaku sesuatu bencana terhadap ruang simpanan beras seperti banjir atau kebakaran, sudah tentu kerosakan berlaku dan tidak boleh digunakan lagi. Oleh hal yang demikian, pihak pengurusan zakat dilihat lebih efektif sekiranya menggunakan wang dalam pelaksanaan zakat fitrah supaya keselamatan terjamin.

Maqasid pembayaran zakat fitrah menggunakan nilai wang yang telah dibentangkan di atas adalah disokong tokoh-tokoh berautoriti iaitu Mahmood Zuhdi²¹⁶, Mujaini Tarimin²¹⁷, Marwazi²¹⁸, Anhar Opir²¹⁹, Abdul Halim Tawil²²⁰, Abdul Jamil²²¹

²¹⁶ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2016.

²¹⁷ Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

dan Asniza Ahmad²²². Pengambilkiraan maqasid syariah tersebut juga telah dipertimbangkan oleh jawatankuasa fatwa dalam proses memutuskan fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan nilai wang.

4.2.5 Pelantikan Amil Wanita

Amil ialah mereka yang dilantik untuk melaksanakan segala fungsi urusan zakat yang meliputi tugas memungut, menyimpan, mengagih dan mentadbir wang zakat. Ia terdiri daripada pemungut, kerani, jurukira, pengagih, pentadbir, penjaga stor dan jawatan lain yang berkaitan²²³.

Isu berkaitan amil zakat timbul apabila terdapat wanita yang dilantik menjadi amil, sedangkan pengamalan dalam mazhab Syafie melarang pelantikan amil dari kalangan wanita dan tidak pernah timbul dalam sejarah terdahulu wanita menjadi amil zakat. Namun, perkara ini dilihat perlu dikaji semula sesuai dengan peranan yang boleh dilakukan oleh wanita dalam membantu melicinkan pentadbiran dan pengurusan zakat²²⁴.

²¹⁸ Marwazi Dziauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

²¹⁹ Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

²²⁰ Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2016.

²²¹ Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2016.

²²² Asniza Ahmad (Penolong Mufti Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan), dalam temubual bertulis melalui emel, 20 Januari 2016.

²²³ Muḥammad ‘Uqlah, *Ahkām al-Zakāh wa al-Sadaqah* (Urdun: Maktabah al-Risālah al-Ḥadithah, 1982), 202.; Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa ‘Adillatuh*, 870.

²²⁴ Lihat dalam bab tiga berkaitan senarai fatwa pelantikan amil wanita yang telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat* (Kuala Lumpur: JAKIM, 2009), 76-77.

4.2.5.1 Perbahasan sarjana hukum tentang pelantikan amil wanita

Sarjana hukum fiqh berbeza pendapat berkaitan isu pelantikan wanita sebagai amil zakat. Terdapat dua pandangan iaitu tidak membenarkan dan membenarkan wanita menjadi amil zakat dalam isu ini²²⁵. Larangan wanita dilantik sebagai amil zakat adalah supaya tidak berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan. Hal ini kerana, dalam pengurusan dan pentadbiran zakat adalah lebih sesuai dilaksanakan oleh pihak lelaki yang memerlukan pergerakan di luar semasa menjalankan tugas memungut zakat, bertemu dengan para pembayar zakat, berinteraksi dengan para asnaf zakat dan sebagainya. Justeru itu, budaya kerja seperti ini mengutamakan lelaki menjawat jawatan amil zakat berbanding wanita yang mempunyai sifat yang agak terbatas.

Al-Ābī dari kalangan ulama fiqh mazhab Mālikī menyatakan wanita tidak dibenarkan menjadi amil. Beliau menjelaskan bahawa wanita tidak sesuai dengan keadaannya kerana sukar dan tidak selamat untuk keluar mengutip, mengagihkan dan memastikan penerima zakat. Situasi tersebut menyukarkan bagi wanita menjalankan tugas dan lebih-lebih lagi jika wang atau harta zakat hilang²²⁶.

Antara lain hujah golongan yang tidak membenarkan wanita menjadi amil zakat ialah kandungan perkataan (وَالْعَامِلِينَ) dalam ayat berikut:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا ... ﴾

At-Taubah 9: 60

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah (zakat) itu diberikan kepada fakir, miskin, para amil.

²²⁵ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 600.; Mahmood Zuḥdī Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 430.

²²⁶ Dipetik dari Al-Ashqar, 'Umar Sulaymān, "Idārah Wālī Māl al-Zakāh aw Masraf al-'Amilīn 'Alayhā' Abhāth Qadāyā al-Zakāh al-Mu'āṣarah, cet. ke-3 (al-Urdun: Dār al-Nafais, 2004), 2: 741.

Dalam firman Allah SWT di atas menyatakan bahawa antara yang boleh menerima zakat adalah amil zakat. Dalam ayat ini, kalimah amil di sini menggunakan imbangan *jama' muzakkar sālim* (وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا), iaitu bermaksud para amil lelaki. Ini menunjukkan wanita tidak termasuk dalam ayat berkenaan dan tidak boleh menjadi amil zakat²²⁷.

Selain itu, golongan yang melarang wanita menjadi amil zakat menggunakan alasan seperti dalam sabda Nabi SAW berikut:

لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمَرَهُمْ امْرَأَةٌ

Terjemahan: Tidak akan berjaya kamu yang melantik wanita sebagai pengurus mereka²²⁸.

Berdasarkan hadis di atas, sarjana hukum fiqh yang tidak membenarkan wanita menjadi amil zakat adalah kerana kerja-kerja tersebut bersifat pengurusan dan kepimpinan. Nabi SAW menyatakan bahawa urusan kaum itu tidak boleh diserahkan kepada wanita. Oleh sebab itu, wanita tidak boleh menguruskan urusan zakat²²⁹.

Hujah berikutnya ialah ketiadaan riwayat atau *athar* yang menyebut wanita pernah dilantik sebagai amil zakat pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Justeru itu, ini menunjukkan pelantikan wanita sebagai amil zakat adalah tidak dibenarkan dalam Islam²³⁰.

²²⁷ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 600.

²²⁸ Al-Bukhāri, Abī 'Abdullah Muhammad bin Ismā'il Al-Bukhāri, "Ṣaḥīḥ Bukhāri" dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 363 (Kitāb al-Maghāzī: Bāb Kitāb al-Nabī ilā Kisrā wa qaysar, no. hadīth 4425).; Ibn Hajar al-'Asqalānī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin 'Alī, *Fath al-Bārī Sharḥ bi Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 8: 160, (Kitāb al-Maghāzī: Bāb Kitāb al-Nabī 'ila Kisra wa qaysar, Kitāb al-Maghāzīno. hadīth 4425).

²²⁹ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Ahkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 600.

²³⁰ *Ibid.*

Manakala menurut pandangan al-Ashqar, al-Qaradāwī dan Mahmood Zuhi pula wanita dibenarkan menjadi amil zakat²³¹. Golongan ini berpandangan wanita dibenarkan menjadi amil zakat dengan menyangkal alasan-alasan di atas dengan menyatakan tafsiran (وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا) di atas tidak tepat kerana jika begitu sudah tentu perkataan (لِلْفُقَرَاءِ), (الغارمين) dan (ابن السبيل) juga tidak termasuk wanita miskin, wanita yang berhutang dan wanita yang bermusafir. Hal ini disebabkan semua perkataan berkenaan atas sifat lelaki (muzakkar) sama seperti (وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا). Sedangkan ijma' sarjana hukum fiqh tidak berpendapat sedemikian, sebaliknya menyatakan wanita juga termasuk dalam golongan berkenaan walaupun perkataan berkaitan dalam sifat lelaki²³².

Seterusnya, hadis yang melarang wanita menjadi pengurus di atas²³³ hanyalah melibatkan kepimpinan yang besar iaitu dalam membuat keputusan perkara kenegaraan. Sedangkan amil zakat hanyalah jawatan pentadbiran biasa yang tidak termasuk dalam kehendak hadis tersebut. Manakala sebahagian sarjana hukum fiqh menjelaskan hadis tersebut tidak dimaksudkan sebagai suatu dasar umum, tetapi hanya sekadar memperkecilkan kebolehan pemerintah kerajaan Parsi yang pada ketika itu ditadbir oleh wanita dalam menghadapi kekuatan Islam²³⁴. Paizah mengulas lanjut hadis berkenaan tidak secara jelas memberi erti penolakan terhadap kepimpinan wanita secara menyeluruh. Oleh sebab itulah para sarjana hukum fiqh berbeza pandangan dalam mentafsirkannya²³⁵.

²³¹ Al-Ashqar, 'Umar Sulaymān, "Idārah Wālī Māl al-Zakāh aw Masraf al-'Amilīn 'Alayhā" dalam 'Abhāth Qadāyā al-Zakāh al-Mu'āsarah, cet. ke-3 (al-Urdun: Dār al-Nafais, 2004), 2: 741.; Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Aḥkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 600.; Mahmood Zuhi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 395.

²³² Al-Ashqar, "Idārah Wālī Māl al-Zakāh aw Masraf al-'Amilīn 'Alayhā," 741.; Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Aḥkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 600.

²³³ Al-Bukhārī, Abī 'Abdullah Muḥammad bin Ismā'il Al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ Bukhārī" dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (Rīyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 363 (Kitāb al-Maghazī, Bāb Kitāb al-Nabī 'ilā Kisra wa qaysar, no. hadith 4425).

²³⁴ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Aḥkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 600.; Muḥammad al-Ghazālī, *al-Sunnah al-Nabawiyah bayna 'Ahl al-Fiqh wa 'Ahl al-Ḥadīth* (Qāhirah: Dār al-Shurūq, 1989), 48.

²³⁵ Paizah Ismail, *Wanita Status Sosial dan Undang-undang Islam*, Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., 2010), 34.

Sewajarnya hadis tersebut difahami dan dirujuk kepada sejarah Parsi dan Kisra. Hadis tersebut merujuk dalam konteks peristiwa tertentu iaitu orang Parsi mengangkat anak perempuan Kisra sebagai raja mereka. Ibn Hajar al-‘Asqalānī mengulas bahawa hadis tersebut merupakan bahagian terakhir daripada kisah Kisra mengoyak-ngoyak surat Nabi SAW kepadanya. Kemudian Kisra menyerahkan kepemimpinan tersebut kepada anaknya, selepas itu anak beliau membunuh beliau dan saudaranya, kemudian apabila anak beliau mati kerana diracun, maka sampailah kepemimpinan ke tangan anak perempuannya yang bernama Bauran binti Shirawaih bin Kisra. Maka hilang dan hancurlah kerajaan Parsi seperti yang didoakan oleh Nabi SAW²³⁶. Jelas hadis berkenaan khusus berkaitan dengan orang Parsi dan ia hanya berkaitan masalah berita dan khabar gembira serta tidak ada kaitan dengan masalah hukum syariat.

Selain itu, Muṣṭafā al-Sibā‘ī menambah bahawa tidak terdapat ijmak ulama melarang wanita untuk menceburi bidang kepemimpinan secara mutlak. Sebaliknya mengharuskan wanita dilantik sebagai pemegang wasiat kepada harta kanak-kanak yang masih kecil atau orang yang kurang waras, menjadi wakil kepada pertubuhan atau organisasi sebagai pengurus harta atau pentadbir urusan pertanian dan perladangan²³⁷.

Golongan yang membenarkan wanita dilantik menjadi amil zakat menyatakan bahawa tidak terdapat dalam pengamalan Nabi SAW dan para Sahabat terdahulu, tidak memberi maksud atas pengharaman. Hal ini disebabkan soal kutipan wang zakat, bukanlah perkara ibadat secara khusus yang memerlukan kepada *naṣ* yang *ṣaḥīḥ* dan *ṣarīḥ*, tetapi tertakluk kepada pertimbangan *maṣlahah*. Oleh itu, larangan atas alasan tidak pernah berlaku pada zaman Nabi SAW dan para Sahabat adalah tidak tepat²³⁸.

²³⁶ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, al-Imām al-Hāfīz ‘Aḥmad bin ‘Alī, *Fath al-Bārī Sharḥ bi Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Cairo: Dār al-Rayyan li al-Turath, 1987), 7: 735.

²³⁷ Muṣṭafā al-Sibā‘ī, *al-Mar’ah bayn al-fiqh wa al-Qānun* (Bayrūt: al-Maktab al-Islām, 1984), 5: 39.

²³⁸ Al-Ashqar, ‘Umar Sulaymān, “Idārah Wālī Māl al-Zakāh aw Masraf al-‘Amilīn ‘Alayhā” dalam *‘Abhāth Qadāyā al-Zakāh al-Mu’āṣarah*, cet. ke-3 (Al-Urdun: Dār al-Nafāis, 2004), 2: 741.

Dalam isu pelantikan wanita menjadi amil zakat, al-Qaraḍāwī mengulas bahawa tidak terdapat dalil khusus melarang wanita menjadi pengurus zakat. Walau bagaimanapun, kaedah umum dalam syariat Islam yang mewajibkan wanita hidup lebih waspada dan tidak bercampur lelaki kecuali perlu, menjadikan lelaki lebih utama menjawat jawatan seperti itu daripada melakukan urusan zakat yang lebih banyak berhubung dengan kaum wanita sendiri, seperti membahagi-bahagikan zakat di kalangan kaum wanita sendiri dan sebagainya. Jelaslah, isunya bukan soal kepimpinan tetapi soal pergaulan. Oleh kerana itu, ia tertakluk kepada hukum pergaulan itu sendiri dalam Islam²³⁹.

4.2.5.2 Analisis maqasid syariah dalam fatwa pelantikan amil wanita di Malaysia

Adanya pelantikan amil di kalangan wanita akan menyebabkan pergaulan antara lelaki dan perempuan terpelihara dan terhindar daripada fitnah. Urusan kutipan dan agihan zakat dapat dijalankan dengan lebih selesa dan aman di kalangan kaum wanita sahaja. Adalah wajar sekiranya wanita disantuni dan dilayan oleh kaumnya sendiri. Oleh sebab itu, pelantikan sebagai amil dibenarkan atas pertimbangan *maṣlahah* demi keselesaan dan penjagaan maruah kaum wanita itu sendiri.

Selain itu, pelantikan wanita sebagai amil dilihat boleh menarik lebih ramai lagi pembayar zakat di kalangan kaum wanita itu sendiri. Pada masa kini, khususnya kaum wanita di Malaysia ramai yang berkerjaya dan menjadi hartawan hasil daripada pendapatan bekerja dan perniagaan. Justeru itu, atas dasar pertimbangan *maṣlahah* amil wanita lebih sesuai dan berkesan mendekati kaum wanita untuk memberi galakan dan khidmat perundingan pembayaran zakat. Hal ini dilihat menepati kehendak maqasid

²³⁹ Al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li 'Aḥkamihā wa falsafatihā fi Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 600.

syariah dalam membantu meningkatkan jumlah kutipan dana zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf. Secara tidak langsung dapat meningkatkan kutipan dana zakat untuk keperluan para asnaf.

Seterusnya, berkaitan pengurusan kaunter zakat di pejabat sekiranya diuruskan oleh amil wanita dilihat tidak mendatangkan fitnah dan tidak membahayakan keselamatan. Hal ini disebabkan persekitaran kerja yang mengamalkan budaya profesional dan beretika dapat mengelakkan daripada berlakunya fitnah pergaulan atau *mafsadah* kepada kaum wanita di kaunter-kaunter zakat. Melalui pengamalan budaya pengurusan pejabat yang selari dengan kehendak syariah akan dapat menjamin keselamatan dan ketenteraman pergaulan antara lelaki dan wanita dalam menjalankan urusan di kaunter zakat. Berdasarkan asas ini pelantikan amil di kalangan wanita dibenarkan kerana antara maqasid tidak dibenarkan wanita jadi amil adalah untuk menjaga keselamatan kaum wanita itu sendiri.

Walau bagaimanapun, pelantikan wanita sebagai amil perlu dibatasi dengan tugas-tugas tertentu dengan mengambilkira *maşlahah* dan kesesuaian wanita. Sekiranya pelantikan wanita sebagai amil bagi menguruskan kaunter zakat di pejabat, pembahagian wang zakat kepada janda atau wanita yang lemah iaitu tugas-tugas yang lebih sesuai dilakukan oleh wanita daripada lelaki dan sebagainya adalah dibenarkan atas dasar tidak berlaku percampuran dengan lelaki dan keselamatan terjamin.

Selanjutnya, pelantikan amil wanita dari satu aspek dapat membantu membangunkan institusi zakat ke arah yang lebih efisien dan profesional. Berbanding kaum lelaki, corak kerja kaum wanita jauh lebih baik dari sudut ketelitian dan kesungguhan. Ia dapat dilihat melalui penglibatan kaum wanita ini sebagai amil di institusi zakat mampu memartabatkan dan meningkatkan syiar Islam selaras dengan *maqāsid ḥifẓ al-dīn*.

Demikianlah, pertimbangan maqasid pelantikan amil wanita yang telah diperincikan di atas adalah disokong oleh tokoh-tokoh berautoriti seperti Mahmood Zuhdi²⁴⁰, Mujaini Tarimin²⁴¹, Marwazi²⁴², Anhar Opir²⁴³, Abdul Halim Tawil²⁴⁴, Abdul Jamil²⁴⁵ dan Asniza Ahmad²⁴⁶. Pengambilkiraan maqasid syariah tersebut juga telah dipertimbangkan oleh jawatankuasa fatwa dalam proses memutuskan fatwa pelantikan amil di kalangan kaum wanita.

4.2.6 Kaedah Pembayaran Zakat Melalui Perkhidmatan Perbankan Internet Online, SMS, Mesin ATM dan Kad Kredit

Secara tradisi dan amalan di Malaysia, pembayaran zakat dilakukan dengan cara pertemuan antara pembayar zakat dan amil yang bertanggungjawab mengutip zakat daripada pihak institusi-institusi zakat. Lazimnya, amil akan berada di lokasi yang telah ditentukan sama ada di kaunter-kaunter pungutan zakat di pejabat institusi zakat, tempat-tempat awam atau sebagainya²⁴⁷.

Pada masa kini, wujudnya kecenderungan masyarakat di Malaysia untuk menggunakan perkhidmatan perbankan internet online²⁴⁸, SMS²⁴⁹, mesin ATM²⁵⁰ dan

²⁴⁰ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2016.

²⁴¹ Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

²⁴² Marwazi Dziyauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

²⁴³ Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

²⁴⁴ Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2016.

²⁴⁵ Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2016.

²⁴⁶ Asniza Ahmad (Penolong Mufti Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan), dalam temubual bertulis melalui emel, 20 Januari 2016.

²⁴⁷ Hamizul Abdul Hamid, *Eksklusif Zakat* (Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2012), 86-87.

²⁴⁸ Internet sebagai sebuah jaringan maklumat antarabangsa. Ia adalah satu kumpulan jaringan komputer yang bersambung antara satu sama lain. Ahmad Rayyan, *Khidmat al-Internet* (Emirates: Manshurat al-Majma' al-Thaqafi Abu Zabi, 1997), 19.

²⁴⁹ SMS ialah perkhidmatan yang membolehkan penghantaran atau penerimaan mesej alfanumerik dari telefon bimbit, alamat e-mel atau menerusi laluan mesej SMS awam atau swasta pada internet. Ardit Llazani, "An SMS Client for Mobile Banking" (disertasi M.Sc., Fakulti Sains Komputer & Teknologi

kad kredit²⁵¹ yang boleh membawa kemudahan dalam urusan seharian. Penggunaan teknologi yang meluas turut memberi kesan kepada hukum-hakam ibadah yang berkaitan termasuk juga ibadah zakat²⁵².

Melalui kecanggihan teknologi, masyarakat mula beralih arah kepada penerimaan medium ini dalam urusan seharian. Kesannya, kaedah pembayaran zakat yang secara tradisionalnya dahulu melalui pertemuan antara pembayar zakat dan amil telah mula digantikan dengan satu kaedah baru iaitu pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit²⁵³.

Transaksi bayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit beroperasi dengan cara pihak pembekal perkhidmatan (Mobile Money) akan bertindak sebagai wakil pembayar zakat untuk melaksanakan kewajipan pembayaran bagi pihak pembayar zakat. Pihak pembekal perkhidmatan akan menerima arahan daripada pembayar dan seterusnya akan melaksanakan arahan tersebut dengan menghubungi pihak bank yang akan menguruskan potongan wang melalui akaun pembayar kepada pihak baitulmal yang bertindak sebagai amil. Setelah transaksi

Maklumat, Universiti Malaya, 2003), 16.; Sistem SMS (Short Messaging System) atau Sistem Pesanan Ringkas adalah manifestasi rangkaian teknologi telekomunikasi generasi ke-2 (2G) berasaskan standard GSM (Global System for Mobile Communication). Teknologi 2G ini pada dekad 1990an. Ia memanfaatkan konsep *cellular* dalam jaringan GSM ini. Lihat Gwenaël Le Bodic, *Mobile Messaging Technologies and Services: SMS, EMS and MMS* (New York: John Wiley & Sons Inc, 2005).

²⁵⁰ Mesin juruwang automatik (ATM) merupakan sejenis peranti telekomunikasi berkomputer yang menyediakan capaian transaksi kewangan kepada pelanggan institusi kewangan di kawasan tumpuan awam tanpa memerlukan juruwang manusia atau kerani bank. Lihat, Laman Web WIKIPEDIA, dicapai 27 Februari 2016, https://ms.wikipedia.org/wiki/Mesin_juruwang_automatik.

²⁵¹ Kad kredit merupakan satu kaedah pembayaran yang membolehkan anda membeli barangan atau mendapatkan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai. Apabila anda menggunakan kredit kad, pengeluar kad kredit akan membayar terlebih dahulu bagi pihak anda dan kemudiannya menghantar bil kepada anda dalam bentuk penyata bulanan. Lihat Laman Web Info Perbankan, dicapai 27 Februari 2016, http://www.bankinginfo.com.my/02_know_your_products/0206_things_to_note/credit_cards.php?intPrefLangID=2.

²⁵² Muhammad Fakhruddin Ishak, "Kesan Teknologi Moden Terhadap Perubahan Hukum: Analisis Terhadap Penggunaan Short Message Service (SMS)" (disertasi sarjana, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 68.

²⁵³ Lihat dalam bab tiga berkaitan senarai fatwa-fatwa kaedah-kaedah pembayaran zakat yang telah diputuskan oleh jawatankuasa fatwa.

ini selesai, pihak pembekal perkhidmatan akan memaklumkan kepada pembayar zakat bahawa urusan pembayaran zakatnya telah selesai dan berjaya²⁵⁴.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor berkaitan pembayaran zakat menggunakan medium elektronik bahawa hasil kutipan daripada pembayaran zakat harta telah menyumbang sebanyak RM3.17 juta pada 2007 berbanding hanya RM1.9 juta pada tahun 2006. Justeru itu, pembayaran zakat melalui kaedah ini dilihat lebih berkesan kerana memberi pelbagai kemudahan kepada para pembayar zakat dan dilihat semakin ramai yang berminat menggunakan kaedah tersebut²⁵⁵.

4.2.6.1 Perbahasan sarjana hukum tentang kaedah pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit

Pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit merupakan suatu perkara baru yang belum pernah berlaku dan dibincangkan hukum berkaitannya oleh sarjana hukum fiqh pada masa lalu. Pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit ini telah menggambarkan suatu inovasi kaedah pembayaran zakat telah berkembang dari pertemuan secara fizikal antara pembayar dengan amil sehinggalah menjadi pertemuan secara maya sahaja²⁵⁶.

Perbincangan hukum yang timbul daripada bentuk pembayaran zakat sebegini ialah sah atau tidak urusan melalui medium perkhidmatan perbankan internet online,

²⁵⁴ Muhammad Fakhruddin Ishak, "Kesan Teknologi Moden Terhadap Perubahan Hukum: Analisis Terhadap Penggunaan Short Message Service (SMS)" (disertasi sarjana, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 72.

²⁵⁵ Lembaga Zakat Selangor, (Kertas Kerja Cadangan Pembayaran Zakat Fitrah Melalui Pembayaran Elektronik, 2011).

²⁵⁶ Hamizul Abdul Hamid, *Zakat Terapi Kekayaan* (Selangor: Grup Buku Karangraf, 2011), 246.

SMS, mesin ATM dan kad kredit. Seterusnya, persoalan akad juga timbul dalam membincangkan hal ini. Bagaimanakah sesuatu akad itu dapat disahkan sekiranya akad tersebut berlangsung melalui kaedah perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit? Selain itu, bolehkah urusan zakat ini diwakilkan kepada orang lain untuk dikeluarkan bagi pihak pembayar zakat?

Pembayaran zakat dinilai sah di sisi syariat apabila berlaku dua perkara, iaitu niat berzakat dan berlaku pemindahan harta zakat. Berkaitan isu pembayaran zakat menerusi medium seperti yang dinyatakan di atas, dilihat niat sudah berlaku dan pemindahan wang juga turut telah berlaku. Justeru itu, hukum pembayaran zakat adalah sah melalui medium berkenaan²⁵⁷.

Niat merupakan perkara yang disepakati oleh para ulama sebagai sesuatu yang wajib dalam pengeluaran zakat dan tidak sah zakat tanpa niat²⁵⁸. Dalam kaedah pembayaran secara elektronik ini, penyertaan niat sewaktu pembayaran zakat dilakukan tidak menjadi masalah. Ini kerana setiap pembayar sudah semestinya akan menyertakan niat untuk membayar zakat sewaktu mengesahkan transaksi yang menunjukkan bahawa ia bersetuju untuk membayar zakat. Imām Shāfi‘ī menegaskan niat yang dilafazkan tidak menjadi syarat terhadap sahnya pembayaran zakat²⁵⁹.

Berhubung isu akad iaitu ijab dan qabul ketika pembayaran zakat adalah tidak diperlukan dan tidak memberi kesan terhadap sahnya pembayaran zakat yang dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat pihak pembekal perkhidmatan tersebut akan memaparkan akad tersebut di hadapan skrin dan pembayar zakat boleh membaca akad tersebut dan ia diterima sebagai akad yang sah. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh berikut:

²⁵⁷ Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abdul Rahman dan Mohd Faez Mohd Shah, “Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab Dalam Isu-Isu Mazhab” *Jurnal Fiqh* no. 10 (2013), 108.

²⁵⁸ Al-Jazirī, ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad ‘Aud, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah* (Bayrūt: Dār al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.), 1: 516.; Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, cet. ke-2 (Dimashq: Dār al-Fikr, 1985), 2: 750.

²⁵⁹ Al-Shirāzī, Abu Ishāq, *al-Muhadhdhab* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 1: 751.

Terjemahan: Tulisan itu dianggap sebagai percakapan di dalam akad²⁶⁰.

Jelas bahawa dalam konteks zakat, ia tidak memerlukan akad bahkan memadai dengan niat. Adapun amalan yang berlaku di antara pembayar zakat dan juga amil atau asnaf, itu adalah lafaz kepada niat menunaikan zakat yang secara teorinya, sudah sah jika disertakan dengan niat sahaja tanpa memerlukan kepada suatu akad.

Justeru itu, lafaz niat menunaikan zakat itu dapat dijelaskan dengan menggunakan kaedah tulisan dalam medium perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit yang menuntut pihak yang diwakilkan iaitu bank untuk membayar bagi pihak pembayar zakat. Setelah pihak bank membayar kepada pihak amil, maka selesailah isu niat dalam pembayaran melalui medium perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit ini. Tambahan pula pembayaran secara medium perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit ini pula adalah menggunakan kaedah tulisan yang boleh menggantikan sesuatu ucapan dan diperakui oleh syarak.

Selain itu, berkaitan isu perwakilan, Imām al-Nawāwī telah menjelaskan bahawa urusan mewakilkan zakat boleh dilakukan oleh pembayar sama ada mewakilkan pembayaran itu kepada pemerintah atau amil. Pembayar juga boleh memilih untuk memberikan sendiri wang zakat kepada asnaf. Kedua-dua kaedah ini dibolehkan tanpa ada *khilaf*. Hujah yang membolehkan mewakilkan pembayaran zakat ini ialah kerana ia merupakan ibadah seperti mewakilkan orang lain untuk melunaskan hutang. Mewakilkan pembayaran zakat juga dibolehkan kerana berkehendak kepada *wakalah* disebabkan ketiadaan wang dan seumpamanya. Ulama mazhab Syafie menyatakan sama

²⁶⁰ Shibīr, Muḥammad ‘Uthmān, *al-Qawā‘id al-Kuliyyah wa al-Dawābit al-Fiqhiyyah fi al-Shari‘ah al-Islāmiyyah* (Urdun: Dār al-Nafais, 2007), 255.; Al-Zarqa’, Muḥammad, *Sharh al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, (Damshiq: Dār al-Qalam, 1998), 2: 349.; ‘Alī Muḥammad Aḥmad Abū al-‘Izz, *al-Tijārah al-Ilktroniyyah wa Aḥkāmihā fi al-Fiqh al-Islāmī* (‘Urdun: Dār al-Nafā‘is, 2013), 138.

ada mewakilkan untuk pembayaran zakat dari harta orang yang mewakilkan atau dari harta wakil, kedua-dua kaedah ini dibolehkan tanpa ada *khilaf*²⁶¹.

Justeru itu, adalah jelas bahawa berdasarkan huraian di atas tiada halangan untuk menggunakan kaedah perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit dalam membuat bayaran zakat seperti yang telah ditetapkan dan diputuskan jawatankuasa fatwa.

4.2.6.2 Analisis maqasid syariah dalam kaedah pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit di Malaysia

Kaedah pembayaran zakat pada masa kini membuktikan bahawa Islam adalah agama yang meraikan perubahan selaras dengan perkembangan sektor kewangan serta kepelbagaian jenis transaksi pada masa kini daripada bentuk tunai kepada atas talian. Dalam konteks *maqāsid ḥifz al-dīn*, ia dapat memudahkan pengurusan kutipan zakat pendapatan. Kaedah tersebut dianggap sebagai inovasi dalam pelaksanaan ibadah zakat supaya agama tidak dilihat statik dan beku. Penggunaan kaedah perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit merupakan kaedah pembayaran semasa seiring dengan pembangunan dan perkembangan teknologi pada masa kini.

Sesuatu hukum itu diputuskan untuk mendatangkan *maṣlahah* dan menolak *mafsadah*. Dengan meluaskan bentuk dan kaedah pembayaran zakat ini, secara tidak langsung akan memberi ruang yang luas kepada masyarakat di dalam kehidupan serba moden ini untuk melaksanakan tuntutan wajib yang telah ditetapkan. Hal yang demikian

²⁶¹ Al-Nawawī, Yahya ibn Syaraf, *al-Majmu' Sharḥ al-Muhazzab* (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.), 6: 138.

memberi kemudahan dan kesenangan kepada para pembayar untuk menggunakan medium pembayaran yang sesuai dengan perkembangan semasa pada hari ini.

Kepelbagaian kaedah pembayaran zakat pada masa kini, ia dapat mengelakkan pembayar dari terlepas melakukan kewajipan berzakat dan tidak cuai dalam menunaikan tanggungjawab dalam agama bagi membantu golongan yang memerlukan. Dengan perkembangan kemudahan pelbagai medium pembayaran zakat yang disediakan, ia dapat mengelakkan dan mengurangkan individu yang memberi alasan yang pelbagai dalam melaksanakan zakat. Pembayaran boleh dibuat pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa terbatas dengan waktu dan tempat tertentu sahaja. Oleh hal yang demikian, ia dapat menyekat *mafsadah* iaitu sikap melewatkan atau tidak melakukan pembayaran zakat.

Seterusnya, kepelbagaian kaedah pembayaran zakat ini juga adalah bertujuan untuk menjamin keselamatan pembayar zakat tanpa perlu membawa wang tunai dengan jumlah yang besar ke kaunter zakat. Melalui kaedah pembayaran zakat alternatif ini, transaksi zakat dapat dilakukan dengan lebih selamat dan tidak terdedah kepada *mafsadah* iaitu risiko rompakan atau kehilangan khususnya bagi mereka yang perlu membayar pelbagai jenis zakat dalam jumlah yang besar.

Selain itu, melalui kaedah-kaedah tersebut ia bukan sahaja memudahkan pembayar tetapi memudahkan pihak pengurusan zakat. Pembayaran menggunakan teknologi ini adalah lebih menjimatkan kos pentadbiran, mengurangkan risiko kesilapan manusia dan menjamin keselamatan wang zakat. Sistem rekod kutipan zakat juga bertambah tersusun dan kemas dengan bantuan kaedah tersebut²⁶².

Maqasid kaedah pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit yang telah diperincikan di atas adalah selaras dengan pandangan dan penapat tokoh berautoriti iaitu

²⁶² Anhar Opir, Dr. (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

Mahmood Zuhdi²⁶³, Mujaini Tarimin²⁶⁴, Marwazi²⁶⁵, Anhar Opir²⁶⁶, Abdul Halim Tawil²⁶⁷, Abdul Jamil²⁶⁸ dan Asniza Ahmad²⁶⁹. Pengambilkiraan maqasid syariah tersebut juga telah dipertimbangkan oleh jawatankuasa fatwa dalam proses memutuskan fatwa kaedah-kaedah pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit.

4.3 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan terhadap enam tema fatwa zakat terpilih di atas, ia menunjukkan bahawa jawatankuasa-jawatankuasa fatwa di Malaysia telah mengambil kira pertimbangan maqasid syariah dalam memutuskan fatwa-fatwa tersebut. Walaupun jawapan atau keputusan fatwa bersifat ringkas tanpa huraian lanjut seperti yang diperhatikan dalam koleksi-koleksi fatwa, namun berdasarkan analisis perincian maqasid syariah dan temubual bersama individu berautoriti berhubung fatwa menunjukkan fatwa-fatwa zakat yang diputuskan mengambilkira kehendak maqasid syariah.

Penilaian terhadap *maṣlaḥah* dan *mafsadah* telah dilakukan secara tidak langsung oleh jawatankuasa-jawatankuasa fatwa sebelum sesuatu fatwa diputuskan di Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa fatwa-fatwa zakat yang diputuskan tidak

²⁶³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2016.

²⁶⁴ Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

²⁶⁵ Marwazi Dziauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

²⁶⁶ Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

²⁶⁷ Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2016.

²⁶⁸ Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2016.

²⁶⁹ Asniza Ahmad (Penolong Mufti Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan), dalam temubual bertulis melalui emel, 20 Januari 2016.

berasaskan kepada pandangan mazhab Syafie itu adalah bertujuan untuk mencapai maqasid syariah sesuai dengan prinsip hukum Islam yang bersifat fleksibel.

Seterusnya, secara lebih khusus kajian dalam bab ini telah memperincikan maqasid syariah dalam setiap enam topik fatwa zakat terpilih tersebut yang telah diputuskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa fatwa di Malaysia. Terdapat pelbagai *maşlahah* dan *mafsadah* yang telah diperincikan dalam usaha memastikan fatwa-fatwa zakat terpilih tersebut menepati maqasid syariah.

University of Malaya

BAB 5: PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang rumusan kajian dan juga beberapa saranan berdasarkan perbincangan pada bab-bab yang terdahulu. Rumusan dan saranan yang dikemukakan adalah menyentuh tentang analisis yang telah dilakukan terhadap fatwa-fatwa zakat terpilih yang telah diputuskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa fatwa dalam menepati dan mencapai maqasid syariah. Selain itu, terdapat juga beberapa cadangan yang diutarakan untuk kajian yang akan datang.

5.2 RUMUSAN

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, ia dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Berdasarkan analisis terhadap fatwa-fatwa zakat di Malaysia, terdapat enam tema fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dilihat tidak bersandarkan kepada pandangan mazhab Syafie. Enam topik fatwa-fatwa zakat terpilih tersebut ialah fatwa zakat gaji dan pendapatan, fatwa potongan zakat gaji, fatwa penolakan kos tanaman ke atas zakat padi, fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang, fatwa pelantikan amil wanita dan fatwa kaedah pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, sistem pesanan ringkas (SMS), mesin juruwang automatik (ATM) dan kad kredit.
- ii. Secara umumnya, di Malaysia dari sudut undang-undang dan pengamalan hukum fiqh menjadikan mazhab Syafie sebagai mazhab rasmi. Namun timbul polemik adakah fatwa-fatwa zakat yang diputuskan menggunakan pandangan

mazhab-mazhab lain dan pandangan sarjana hukum fiqh kontemporari merupakan suatu kesalahan dan bercanggah dengan mazhab Syafie. Dalam hal ini, sebenarnya tidak timbul isu percanggahan atau pun kesalahan kerana wujud persamaan metodologi hukum yang berasaskan kepada empat sumber utama iaitu al-Quran, hadis, ijmak dan *qiyās* di antara mazhab-mazhab fiqh dan para sarjana hukum fiqh dalam penentuan sesuatu hukum atau fatwa..

- iii. Pendapat mazhab bukan menjadi perkara asasi dan bersifat muktamad dalam bidang fatwa atau hukum Islam. Perkara yang lebih penting ialah pendapat yang manakah lebih sesuai dengan kehendak *naş* syarak atau mencapai kehendak maqasid syariah, sama ada secara langsung atau tidak, termasuk soal berkaitan kepentingan masyarakat semasa.
- iv. Pensyariatan hukum ke atas zakat merangkumi pelbagai objektif bagi memastikan kemaslahatan bermasyarakat dan mengelakkan dari berlaku *mafsadah* dalam kehidupan. Terdapat pelbagai maqasid di sebalik pelaksanaan ibadah zakat yang telah diwajibkan ke atas umat Islam. Maqasid zakat boleh dilihat dari pelbagai perspektif antaranya ialah dalam konteks agama, pembayar zakat, penerima zakat, pembangunan negara, ekonomi dan sosial. Jika diperhatikan setiap ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW semuanya membawa maksud melaksanakan maqasid syariah.
- v. Fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan tidak berasaskan kepada pandangan mazhab Syafie bukanlah bermakna tiada jawapan hukum dalam mazhab tersebut atau sengaja mengambil pandangan daripada mazhab-mazhab lain dan pandangan sarjana hukum kontemporari tanpa sebarang asas serta pertimbangan. Sebenarnya di sebalik analisis penetapan fatwa-fatwa zakat terpilih tersebut, Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah mengambilkira pertimbangan maqasid syariah supaya mendatangkan *maşlahah*

dan menolak *mafsadah* bagi menyesuaikan dengan keadaan dan suasana masyarakat di Malaysia. Perkembangan sains dan teknologi dalam kehidupan juga telah membentuk satu arus baru terhadap perubahan dan perbezaan corak hidup masyarakat di Malaysia. Keadaan ini akan menyebabkan wujud banyak perkara baru, memperluaskan skop permasalahan lama dan boleh mengubah konsep asal sesuatu perkara. Hakikat ini diterima oleh Islam sebagai sesuatu yang perlu dipertimbangkan sewajarnya. Secara teori, pengembangan fatwa zakat di Malaysia juga dipengaruhi oleh perbezaan masa dan tempat selaras dengan kaedah fiqh لا يترك تغيير الأحكام بتغير الأزمان والأماكن.

- vi. Pengambilkiraan terhadap maqasid syariah yang dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan semasa memutuskan fatwa-fatwa zakat tersebut adalah selari dengan prosedur penetapan fatwa yang telah menjelaskan hierarki atau tahap-tahap sandaran fatwa yang perlu diikuti. Dalam enakmen dijelaskan pada peringkat awal, fatwa lazimnya mengikut *qaul* muktamad dalam mazhab Syafie. Peringkat kedua, jika didapati pendapat mazhab Syafie berlawanan dengan kepentingan awam maka dilonggarkan mengikut *qaul* mazhab lain. Peringkat ketiga, jika didapati pendapat mazhab lain berlawanan dengan kepentingan awam maka dibolehkan mengikut ijtihad tanpa terikat. Jelas bahawa melalui prosedur dalam enakmen tersebut, pertimbangan terhadap *maṣlahah* dan *mafsadah* dilakukan untuk kebaikan masyarakat Islam di Malaysia.
- vii. Terdapat usaha yang baik dalam mendokumentasikan fatwa-fatwa dalam bentuk-bentuk penerbitan buku dan juga laman web untuk memudahkan akses pada masa kini. Namun, tidak dinafikan terdapat juga fatwa-fatwa zakat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri tidak dikumpul dan didokumentasikan dengan sempurna. Selain itu, terdapat fatwa-fatwa yang

masih lagi mengekalkan dalam bentuk minit mesyuarat dan tidak mempunyai tarikh-tarikh lengkap fatwa dikeluarkan. Berlaku juga ketidakmunasabahan terhadap jumlah fatwa yang dikeluarkan oleh sesuatu Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri. Kekurangan fatwa akan menyebabkan masyarakat berhadapan dengan kesulitan untuk menjalankan aktiviti kehidupan terutama yang melibatkan ketentuan hukum.

- viii. Analisis terhadap fatwa-fatwa zakat terpilih dilihat tidak seragam dan terdapat perbezaan di antara keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri atau Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Antaranya ialah fatwa zakat gaji, walaupun Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan secara umumnya bersetuju memutuskan harus dikenakan zakat gaji, tetapi berkaitan pengenaan syarat *hawl* dilihat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak berbeza pandangan dalam hal tersebut. Justeru itu, perbezaan keputusan hukum yang dilihat memberi kesan kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan. Antara contoh fatwa lain yang tidak seragam ialah fatwa berkaitan keputusan penolakan kos tanaman sebelum melaksanakan zakat padi yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri. Perbezaan keputusan fatwa dalam membenarkan atau tidak membenarkan penolakan kos memberi kesan hukum dalam amalan para petani di Malaysia.
- ix. Analisis terhadap fatwa-fatwa zakat terpilih dilihat terdapat hanya beberapa Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sahaja mengeluarkan fatwa berkaitan potongan zakat gaji, fatwa pelantikan amil wanita dan fatwa kaedah-kaedah pembayaran, sedangkan dari sudut pengamalan ianya sudah diimplementasikan secara menyeluruh di Malaysia.
- x. Fatwa-fatwa zakat yang dianalisis ditulis dalam bentuk ringkas tanpa huraian dan penjelasan dalil dan hujah sebagaimana yang dibincangkan dalam mesyuarat

jawatankuasa fatwa. Fatwa yang bersandarkan dalil dan hujah sama ada melalui al-Quran, hadis atau pandangan fuqaha adalah penting bukan sahaja kepada institusi fatwa bahkan kepada masyarakat. Kandungan jawapan fatwa hanya mengandungi hasil keputusan hukum dan rumusan ringkas yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Sebaiknya, dalam isu fatwa-fatwa zakat yang diputuskan bersandarkan kepada pandangan mazhab-mazhab lain dan pandangan sarjana hukum kontemporari adalah disarankan untuk menjelaskan pengambilkiraan maqasid syariah di sebalik penentuan fatwa-fatwa zakat tersebut supaya difahami secara rasional.

- xi. Penentuan sesuatu fatwa berdasarkan maqasid syariah dalam pensyariaan zakat adalah suatu perkara yang penting supaya fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa jelas dan berdaya maju kerana mengambilkira objektif dalam mengeluarkan fatwa tersebut seiring dengan keperluan hidup dalam masyarakat dan negara pada masa kini. Hal ini adalah selari dengan prinsip yang dirumuskan dari permasalahan *ta'īl*, iaitu bahawa hukum syarak perlu sentiasa dikaitkan dengan *'illah*.
- xii. Para sarjana hukum Islam terdahulu mengungkapkan perkataan maqasid dengan pelbagai istilah yang berbeza, perbezaan tersebut hanyalah dari sudut maksud maqasid dan istilah yang digunakan sahaja. Antara istilah lain yang membawa maksud yang sama atau sinonim iaitu *al-ḥikmah*, *al-'illah*, *al-munāsabah*, *al-ma'nā*, dan *al-maṣlahah*. Sarjana hukum Islam mempunyai pelbagai pandangan yang berbeza berkaitan maqasid syariah ini, ada yang menganggap metode penganalisan tersendiri di bawah konsep *maṣlahah*, ada yang menyatakan sebahagian daripada metode *qiyās* dan ada juga sebahagian menyatakan daripada metode analisis yang tertentu. Walaupun berbeza cara penggunaan, metode analisis ini boleh memainkan peranan yang sangat berkesan dalam

memberikan sifat kontemporari kepada hukum yang difatwakan. Ini kerana ia bukan sahaja mengambilkira teori hukum (*nazariyyat al-ḥukm*), tetapi juga realiti hidup semasa supaya tidak terabai objektif umum syariah iaitu untuk menghasilkan *maṣlahah* dan menolak *mafsadah*.

- xiii. Para mufti dan jawatankuasa fatwa perlu mahir dalam menguasai pendekatan menganalisis maqasid syariah supaya fatwa yang diputuskan benar-benar mencapai objektif. Proses untuk menganalisis maqasid syariah adalah suatu usaha yang bersifat bersepadu dan memerlukan keilmuan syariah yang komprehensif. Kaedah untuk menentukan sesuatu itu adalah maqasid syariah yang dikehendaki oleh penggubal syariat iaitu Allah SWT bukanlah suatu perkara yang mudah. Justeru itu, para sarjana hukum Islam telah menggariskan beberapa kaedah untuk mengenali maqasid syariah iaitu penelitian secara komprehensif (الاستقراء), penelitian terhadap *‘illah al-ḥukm* dan penelitian terhadap suruhan dan larangan daripada Allah SWT.
- xiv. Maqasid syariah merupakan suatu pendekatan bagaimana sumber-sumber hukum itu perlu dianalisis atau ditafsirkan bagi memenuhi keperluan penentuan hukum dalam realiti yang ada. Dengan kata lain, ia bukan asas kepada penentuan hukum, tetapi sebaliknya orientasi dalam memahami atau mengurus dengan asas berkenaan. Proses memutuskan fatwa dengan mengambilkira pertimbangan maqasid syariah bermaksud menentukan hukum berdasarkan objektif yang hendak dicapai oleh syariat Islam melalui *naṣ* syarak atau sumber-sumber hukum yang lain seperti *qiyās*, *maṣlahah*, *‘urf*, *sadd al-dhari‘ah* dan sebagainya. Justeru itu, perlu disepadukan antara *uṣūl al-fiqh* sebagai metodologi penyelidikan hukum Islam dan maqasid syariah sebagai satu asas penganalisaan hukum.

5.3 SARANAN

Setelah dikemukakan beberapa rumusan di atas, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan lagi agar mufti dan jawatankuasa fatwa dapat mengekalkan kredibiliti serta mampu memartabatkan kedudukan fatwa dalam kalangan masyarakat. Justeru itu, beberapa saranan dan cadangan diketengahkan seperti berikut:

- i. Fatwa-fatwa zakat yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan perlu diselaraskan dan dimurnikan di seluruh Malaysia, walaupun institusi fatwa bersifat eksklusif tertakluk kepada negeri masing-masing. Ini adalah supaya fatwa-fatwa zakat dilihat konsisten dan tidak bertentangan antara satu sama lain di kalangan masyarakat.
- ii. Kajian semula terhadap beberapa fatwa-fatwa zakat yang perlu diubah dan perlu dilakukan segera supaya fatwa-fatwa tidak dilihat ketinggalan dan sebaliknya seiring dengan peredaran masa serta perubahan masyarakat di Malaysia. Pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan perlu proaktif melakukan penyelidikan dan kajian semula terhadap fatwa-fatwa zakat tersebut.
- iii. Fatwa-fatwa zakat perlu sentiasa dikemaskini supaya mufti dan jawatankuasa fatwa dilihat berkredibiliti, dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat di Malaysia dengan fatwa-fatwa zakat yang bersifat semasa. Fatwa-fatwa zakat yang dikaji semula dan berlaku perbezaan keputusan dengan fatwa terdahulu perlu dinyatakan secara jelas supaya tidak berlaku kekeliruan di kalangan masyarakat di Malaysia.
- iv. Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan perlu mengambilkira maqasid syariah supaya ianya dilihat berdaya maju dan mencapai objektif syariat. Mufti dan jawatankuasa fatwa perlu memiliki metode yang jelas dalam menilai dan

mencapai kehendak maqasid syariah sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh para sarjana hukum Islam terdahulu iaitu penelitian secara komprehensif (الاستقراء), penelitian terhadap *'illah al-hukm* dan penelitian terhadap suruhan dan larangan daripada Allah SWT.

- v. Fatwa-fatwa zakat yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan perlu menjelaskan pertimbangan maqasid syariah yang diambil secara terperinci supaya masyarakat memahami rasional fatwa diputuskan sedemikian. Oleh itu, tidak timbul isu bertaqlid kepada mazhab tertentu tanpa asas yang jelas.

5.4 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini, diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada pihak berautoriti iaitu institusi-institusi fatwa di Malaysia dalam menggubal atau memutuskan sesuatu fatwa-fatwa berkaitan zakat khususnya, dan fatwa-fatwa dalam pelbagai bidang yang lain secara umumnya. Jelas bahawa, pengambilkiraan dan pertimbangan terhadap maqasid syariah adalah suatu perkara yang sangat penting dalam memastikan keputusan fatwa yang diputuskan mencapai tahap mantap, jitu, kemas dan bermutu tinggi.

RUJUKAN

BUKU BAHASA ARAB

- ‘Abd al-‘Azīz al-Rābi‘ah. *al-Sabab ‘ind al-Uṣūliyyin*. Jilid ke-2. al-Sa‘ūdiyyah: Jami‘ah al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd, 1980.
- ‘Abd al-Āl Aḥmad ‘Utwah. *al-Madkhal ilā al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. Riyāḍ: Jāmi‘at al-Imām Muḥammad bin Sa‘ūd al-Islāmiyyah, 1993.
- ‘Abdullāh bin Mansūr al-Ghafilī. *Nawāzil al-Zakāh Dirāsah Fiḥiyyah Ta’siliyyah li Mustajiddāt al-Zakāt*. Riyāḍ: Dār al-Maymān, 2008.
- ‘Ādil al-Syuwayikh. *Ta’līl al-Ahkām fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*. Ṭanṭā: Dār al-Basyīr li al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, 2000.
- ‘Alī Ḥasab Allāh. *Uṣūl al-Tashrī‘ al-Islāmī*. Cet. ke-3. Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, 1964.
- ‘Awad bin Muḥammad. *al-Mukhtasar al-Wajiz fī Maqāsid al-Tashrī‘*. Jeddah: Dār al-Andalus al-Khadra’ lil Nashr wa al-Tawzī‘, 1998.
- ‘Ilāl al-Fāsī. *Maqāsid Shari‘ah al-Islāmiyyah wa Makārimuhā*. Miṣr: Dār al-Salām lil Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2011.
- ‘Ulwan, ‘Abd Allah Nasih. *Aḥkām al-Zakāh ‘ala Daw’ al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*. Cet. ke-8. Qāhirah: Dār al-Salām, 2007.
- ‘Umar Sulayman al-Ashqar. *Tārīkh al-Fiḥ al-Islāmī*. Kuwait: Maktabat al-Falah, 1402H/1982M.
- ‘Uthman Ḥusayn ‘Abdulla., *al-Zakāh al-Daman al-Ijtimā‘i al-Islāmī*. Mansūrah: Dār al-Wafa’, 1989.
- Abd al-‘Azīz al-Khayyat. *Nazriyyāt al-‘Urf*. ‘Ammān: Maktabah al-Aqṣā, 1977.
- Abī ‘Ubayd al-Qāsim bin Salām. *Kitāb al-Amwāl*. Bayrūt: Dār al-Shurūq, 1989.
- Abī al-Barakāt Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad Al-Dardīr, *al-Sharah al-Kabīr ‘alā Mukhtasar Khalīl*. Jilid ke-2. Qāhirah: Ihyā al-Kutub al-‘Arabiyyah ‘Isā al-Bāb al-Ḥalabī, t.t.
- Abū al-Nūr Zuhayr, Muḥammad. *Uṣūl al-Fiḥ*. Qāhirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, t.t.

Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Ash‘ath al-Sajistānī. “Sunan Abū Dāwud.” Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘arif, 1996. (Kitāb Duhaya, Bāb fi Habs Luhum al-Adahi, no. hadith 2812).

Abū Yūsuf. *al-Kharāj*. Cet. ke-2. Qāhirah: al- Maṭba‘ah al-Salafiyah, 1382H.

Abū Zahrah, Muḥammad. *Uṣūl al-Fiqh*. t.tp.: t.p., 2004.

Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajr al-‘Asqalānī. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-‘Aziz bin ‘Abdullah bin Baz. Jilid ke-3. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1414H/1993M.

Aḥmad ibn Shu‘ayb ibn ‘Alī al-Nasā’ī, “Sunan al-Nasā’ī.” Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘arif, 1996. (Kitāb Duhaya, Bāb al-Iddikhar min al-Adabī, no. hadith 4431).

Aḥmad Shalabī. *Mausū‘ah al-Tārīkh wa al-Ḥadārat al-Islāmiyah*. Jilid ke-2. Qāhirah: Maktabah al-Nahdah, 1978),

Aḥsan Liḥasanah. *al-Fiqh al-Maqāsidī ‘ind al-Imām al-Shāṭibī wa Atharuhu ‘alā Mabāḥith Uṣūl al-Tashri‘ al-Islāmī*. Qāhirah: Dār al-Salām lil Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2008.

Alal al-Fasī. *Maqāsid al-Sharī‘ah al-Islāmiyah wa Makarimuha*. Qāhirah: Dār al-Salām lil Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2011.

Al-Āmidī, Sayf al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad. *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*. Jilid ke-3. T.tp.: Muassasah al-Nur, 1388H.

Al-Badawī, Yūsuf Aḥmad Muḥammad. *Maqāsid al-Sharī‘ah ‘ind Ibn Taymiyyah*. Urdun: Dār al-Nafāis, 2000.

Al-Bahutī, Manṣūr Ibn Yūnus Idrīs, *Kashf al-Qinā‘ ‘an Matan al-Iqnā‘*. Jilid ke-2. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1982.

Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl. “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.” Dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008.

Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān. *Ḍawābiḥ al-Maṣlahah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Damshiq: al-Maktabah al-Umawiyyah, 1966.

Al-Dukhmaysī. ‘Abd al-Fattāḥ Aḥmad Quṭb. *al-Taḥqīq al-Ma‘mul li Minḥāj al-Uṣūl ‘alā al-Minḥāj li al-Qaḍī al-Bayḍāwī*. T.tp. : t.p., 1996.

Al-Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī. *al-Miṣbāḥ al-Munīr*. Qāhirah: Muassasah al-Mukhtār, 2008.

- Al-Ghafīlī, Abdullah bin Manṣūr. *Nawāzil al-Zakāh Dirāsah Fiqhiyyah Ta’šiliyyah al-Mustajiddāt al-Zakāh*. Riyāḍ: Dārul Maymān, 2008.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Semarang: Karya Toha Putera.
- Al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad. *al-Muṣṭasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. Jilid 1. Bayrūt : Mua’ssasah al-Risālah, 1997.
- Al-Ghazālī, Abī Ḥāmid bin Muḥammad bin Muḥammad. *al-Muṣṭasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. Jilid 1. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Jilid 1. Bayrūt: Dār al-Ma’rifah, 2004.
- Al-Ḥasanī, Ismā‘īl. *Nazāriyyah al-Maqāṣid ‘ind al-Imām Muḥammad al-Ṭāhir Ibn al-Ashūr*. Virginia: International Institute of Islamic Thought, 1995.
- Al-Isnawī. *Nihāyah al-Sūl*. Jilid ke-4. Bayrūt: ‘Alam al-Kutub, t.t.
- Al-Isnawī, Jamāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥīm bin al-Ḥasan. *Nihāyah al-Sūl fī Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl ilā ‘Ilm al-Uṣūl*. Jilid ke-2. Qāhirah: Dār al-Tawfīqiyyah lil Turāth, 2009.
- Al-Jarjāwī, ‘Alī Aḥmad. *Ḥikmah al-Tashrī’*, terj. Puli Taslim. Kuala Lumpur: Pustaka al-Safa, 2009.
- Al-Jarjāwī, ‘Alī Aḥmad. *Ḥikmah al-Tashrī’ wa Falsafatuhu*, terj. Puli Taslim MA. Kuala Lumpur: Darul Nu’mān, 2005.
- Al-Jazirī, ‘Abd al-Rahman bin Muḥammad ‘Uwad. *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Mazāhib al-Arba’ah*. Jilid 1. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.
- Al-Jundī, Samih ‘Abd al-Wahab. *Maqāṣid al-Sharī’ah ‘ind Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah*. Bayrūt: Massasah al-Risālah Nashirun, 2008.
- Al-Kāsānī, al-Imām ‘Alā al-Dīn Abī Bakr bin Mas‘ūd al-Hanafī. *Badā’i al-Sanā’i*. Cet. ke-2. Jilid ke-2. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Al-Kaylānī, ‘Abd al-Raḥmān Ibrahim. *Qawā’id al-Maqāṣid ‘ind Imām al-Shāṭibī ‘irdā wa Dirāsah wa Taḥlīlā*. Urdun: al-Ma’had al-‘Ālamī lil Fikr al-Islāmī, 2000.
- Al-Khādīmī, Nūr al-Dīn bin Mukhtār. *‘Ilm al-Maqāṣid al-Sharī’iyah*. Cet. ke-4. Riyāḍ: Maktabah al-‘Abīkān, 2012).
- Al-Khādīmī, Nūr al-Dīn bin Mukhtār. *al-Ijtihad al-Maqāṣidi Hujjiyyatuh, Dawabituh, Majalatuh*. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd Nashirun, 2005.

- Al-Miṣr, Rafiq Yūnus. *Buḥūth fī al-Zakāh*. Cet. ke-2. Dimashq: Dār al-Maktabī, 2009.
- Al-Nawawī, al-Imām Abī Zakariyyā Muḥy al-Dīn bin Sharaf. *Kitāb al-Majmū' Sharḥ al-Muḥazdhab lil Shīrāzī*. Jilid ke-5. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Maktabah al-Irshad, t.t.
- Al-Qarāḍāwī, Yūsuf. *al-Fiḥ al-Islāmī bayna al-Aṣālah wa al-Tajdīd*. Cet. ke-2. Qāhirah: Maktabah Wahbah, 1999.
- Al-Qarāḍāwī, Yūsuf. *al-Siyāsah al-Shar'iyyah fī Daw' Nuṣūṣ al-Sharī'ah wa Maqāṣiduha*. Cet. ke-4. Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2011.
- Al-Qarāḍāwī, Yūsuf. *Fatwā Bayna al-Inḍibaṭ wa al-Tasayyub*. Cet. ke-2. Qāhirah: Dār al-Da'wah, 1994.
- Al-Qarāḍāwī, Yūsuf. *Fiḥ al-Zakāt*. Cet. ke-14. Jilid ke-2. T.tp.: Muassasah al-Risālah, 1997.
- Al-Qarāḍāwī, Yūsuf. *Fiḥ al-Zakāh*. Cet. ke-25. Jilid 1. Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2006.
- Al-Qarāḍāwī, Yūsuf. *Fiḥ al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmiḥā wa falsafatihā fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Cet. ke-25. Jilid ke-2. Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2006.
- Al-Qarāḍāwī, Yūsuf. *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Mut'alliqah bi al-Māl*. Dublin: al-Daūrah al-Majma al-hāminah 'Asharah Li al-Majlis al-'Urūbā Li al-'Ifṭā' Wa al-Buḥūth, 2008.
- Al-Qarāḍāwī, Yusūf. *Mushkilah al-Faqr wa Kayfa 'Alijuha al-Islām*. Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2003.
- Al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs. *Al-Dhakhīrah*. Jilid ke-3. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994.
- Al-Qaṭṭān, Mannā'. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Quran*. Cet. ke-3. Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 2000.
- Al-Qurṭubī, al-Imām al-Qaḍī Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad Ibn Aḥmad bin Rushd al-Andalusī. *Sharḥ Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Jilid ke-2. t.tp.: Dār al-Salām lil Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa Tarjamah, 1995.
- Al-Rabī'ah, 'Abd al-'Azīz 'Abd al-Raḥman. *'Ilm Maqāṣid al-Shāri'*. Cet. ke-3. Riyāḍ: Maktabah al-'Abīkān, 2012.

- Al-Raysūnī, Aḥmad. *Madkhal ila Maqāshid al-Sharī'ah*. Miṣr: Dār al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzī', 2009.
- Al-Raysūnī, Aḥmad. *Muḥādarāt fī Maqāshid al-Sharī'ah*. Miṣr: Dār al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzī', 2013.
- Al-Raysūnī, Aḥmad. *Nazāriyyah al-Maqāshid 'ind al-Imām al-Shāṭibī*. Cet. ke-2. Miṣr: Dār al-Kalimah lil Nashr wa al-Tawzī', 2013.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad bin 'Umar. *al-Maḥṣūl*. Jilid ke-2. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. *al-Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-2. Sa'ūdī: Jami'ah al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah, 1980.
- Al-Rāzī, Muḥammad bin Abī Bakr bin 'Abd al-Qādir. *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*. Bayrūt: Dār al-Fikr al-'Arabī, 2002.
- Al-Sa'dī, 'Abd Ḥakīm 'Abd Raḥmān As'ad. *Mabāḥith al-'Illah fī al-Qiyās 'ind al-Uṣūliyyīn*. Bayrūt : Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah, 2000.
- Al-Sarakhsī, Muḥammad Ibn Abī Sahl. *Al-Mabsūṭ*. Jilid ke-3. Miṣr: Maktabah Maṭba'ah Sa'adah, t.t.
- Al-Shāfi'ī. *Ḥasyiah Qalyubī Wa 'Umayrah*. Jilid 1. Bayrūt : Dār al-Fikr, t.t.
- Al-Shāṭibī, Abū Ishāq. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Jilid ke-2. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, 2001.
- Al-Shīrāzī, Abī Ishak Ibrahim bin 'Alī bin Yūsuf al-Fairuz Abadī. *al-Muhazzab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi'ī*. Jilid 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 1995.
- Al-Shurnablalī, 'Ammar bin 'Alī. *Maraqī al-Falāḥ biimdad al-Miftāḥ*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.
- Al-Subkī. *al-Ibhāj*. Jilid ke-3. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1404.
- Al-Syawkānī, Muḥammad ibn 'Alī ibn Muḥammad. *Irshād al-Fuḥul ilā Tahqiq al-Ḥaq min 'Ilm al-Uṣūl*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994.
- Al-Tufī, Najm al-Dīn Sulayman bin al-Qawī bin 'Abd al-Karīm. Jilid ke-3. *Sharḥ Mukhtasar al-Rawdah*. Bayrūt: Muassasah al-Risālah, 1990.
- Al-Yubī, Muḥammad Sa'ad bin Aḥmad bin Mas'ūd. *Maqāshid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa 'Alaqtuha bi al-Adillah al-Shar'iyyah*. Cet. ke-3. Al-Mamlakah al'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Dār Ibn al-Jawzi lil Nashr wa al-Tawzī', 1432H.

- Al-Yūbī, Muḥammad Sa‘ad bin Aḥmad bin Mas‘ūd. *Maqāṣid Sharī‘ah al-Islāmiyyah wa ‘Alaqtuha bi al-Adillah al-Shar‘iyyah*. UAE: Dār Ibn al-Jawzī, 1432H.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Cet. ke-2. Jilid ke-2. Dimashq: Dār al-Fikr, 1985.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah bin Mustafā. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Cet. ke-2. Jilid ke-2. Dimashq: Dār al-Fikr, 2005.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Jilid ke-2. Dimashq: Dār al-Fikr, 1986.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Cet. ke-3. Jilid 1. Damshiq: Dār al-Fikr, 2005.
- Al-Tarmidzī, Abū Isā Muḥammad bin Isā At-Tarmidzī. “Jamī At-Tarmidzī.” Dalam *Mawsū‘at al-Ḥadith al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīh bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Riyad: Dār al-Salām, 2008.
- Badrān Abū al-Aynayn. *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī wa Nazariyyat al-Mulkiyyah wa al-Uqd*. Bayrūt: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, t.t.
- Barkāt Aḥmad Banī Mulḥam. *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah fī al-Shahādāt*. Urdun: Dār al-Nafāis, 2005.
- Fakhr al-Rāzī. *al-Tafsīr al-Kabīr*. Cet. ke-2. Jilid ke-7. Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1997.
- Fayrūz Ābādī, Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya‘qub. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2005.
- Ḥusayn Ḥāmid Ḥassan. *Nazariyyat al-Maṣlahah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Qāhirah: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, 1971.
- Ḥusayn Ḥāmid Ḥassan. *Nazariyyat al-Maṣlahah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Qāhirah: Maktabah al-Mutanabbī, 1981.
- Ibn ‘Abd al-Salām, Abī Muḥammad ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz. *Qawāid al-Aḥkām fī Maṣalih al-Anam*. Qāhirah: Dār al-Sharq lil Ṭibā‘ah, 1968.
- Ibn ‘Abidīn. *Ḥāshiyat Raad al-Mukhtār*. Jilid ke-2. Bayrūt: Dār al-Fikr, 1995.
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad al-Ṭāhir ‘Āshūr. *Maqāṣid Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Cet. ke-4. Miṣr: Dār al-Salām lil Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2009.
- Ibn ‘Āshūr, Muḥammad Ṭāhir. *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Cet. ke-3. Urdun: Dār al-Nafāis lil Nashr wa Tawzī‘, 2011.

- Ibn al-Hajib. *al-Muntahā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1405H.
- Ibn al-Jawzī. *Sirah wa Manaqib ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1984.
- Ibn Ḥazm, Abī Muḥammad Alī bin Aḥmad bin Sa‘id. *al-Muḥallā*. Jilid ke-5. Qāhirah: Maktabah Dār al-Turāth, 2005.
- Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. Jilid ke-12. Bayrūt : Dār al-Fikr, 1957.
- Ibn Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. Jilid ke-15. Bayrūt: Dār Ṣadr,. t.t.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. *‘Ilām al-Muwāqī’īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 2006).
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. *‘Ilām al-Muwāqī’īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 2006.
- Ibn Qudāmah al-Maqdisī. *al-Mughnī*. Cet. ke-6. Jilid 1. Urdun: Bayt al-Afkar al-Duwaliah, t.t.
- Ibn Rushd. *al-Bayan wa Tahsil*. Jilid ke-2. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1984.
- Ibn Taymiyah, Aḥmad bin ‘Abdul Ḥalīm. *al-Majmū‘ al-Fatāwā Shaikh al-Islām Ibn Taymiyah*. Jilid ke-3 .T.tp.: t.p., 1398H.
- Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Jilid ke-2. Dimashq: Dār al-Fiha’, 1994.
- Idrīs Jam‘ah Dirār. *al-Ra’y wa Atharuhu fī al-Fiqh al-Islāmī*. T.tp.: Maktabah wa Maṭba‘ah Dār al-Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, t.t..
- Mālik bin Anas. *al-Muwatta*. Jilid ke-2. Turkey: Cagri Yayinlari, 1401H/1981M.
- Muḥammad ‘Uqlah. *al-Islām wa Maqāsiduhu wa Khasaisuhu*. Cet. ke-2. ‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadithah, 1991.
- Muḥammad ‘Uqlah Ibrahim. *al-Tatbiqat al-Tārīkhiyyah wa al-Mu‘asarah li Faridat al-Zakah*. Jordan: Dār al-Diya’ li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1406H/1985M.
- Muḥammad Abū Zahrah. *al-Imām al-Shāfi‘ī Ḥayātuh wa ‘Asruh wa Āra’uh wa Fiqhuh*. Qāhirah: Dār al-Kutub, 1948.
- Muḥammad Aḥmad al-Qayātī Muḥamad. *Maqāsid al-Sharī‘ah ‘ind al-Imām al-Mālik*. Qāhirah: Dār al-Salām lil Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2009.

- Muḥammad al-Khudarī Bik. *Tārīkh al-Tashrī‘ al- Islāmī*. Cet. ke-2. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1417H/1997M.
- Muḥammad al-Sa‘īd ‘Alī ‘Abd. Rabbih. *Buhūth fī al-Adillah al-Mukhtalaff fī hā ‘ind al-Uṣūliyyin*. Qāhirah: Matba‘ah al-Ḥusayn al-Jadīdah, 1977.
- Muḥammad Bakr Ismā‘īl Ḥabīb. *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah Ta‘silā wa Taf‘ilā*. Cet. ke-2. Makkah al-Mukarramah: Dār Ṭayyibah al-Khadra’, 2010.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj. “Ṣaḥīḥ Muslim.” Dalam *Mawsū‘at al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-‘Aziz Āl al-Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008.
- Mustafā al-Khīn, Mustafā al-Bughā dan ‘Alī al-Sharbajī. *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī*. Cet. ke-4. Jilid ke-2. Dimashq: Dār al-Qalam, 1992.
- Ni‘amat ‘Abd al-Laṭīf Mashūr. *al-Zakāh al-Usus al-Shar‘iyyah Wa al-Dawwūr al-Inmā‘i Wa al-Tawzī‘*. Bayrūt: al-Mū‘assasah al-Jām‘iyyah li al-Dirasāt wa al-Nashar wa al-Tawzī‘i, 1988.
- Shāh Waliyullah al-Dahlawī. *Ḥujjatullāh al-Bālighah*. Jilid ke-2. Dimashq: Dār Ibn Kathīr, 2010.
- Shalabī. Muḥammad Muṣṭafā, *Ta‘līl al-Aḥkām*. Bayrūt: Dār al-Nahdah al-‘Arabiah, 1981.
- Sharbīnī, Sham al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*. Cet. ke-3. Jilid 1. Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah lil Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2007.
- Sya‘bān Muḥammad Ismā‘īl. *Dirasāt ḥawl al-Qiyās wa al-Ijmā‘*. Qāhirah: Maktabah al-Naḥḍah al-Miṣriyyah, 1988.
- T.p. *Majallat Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī (al-Dawrat al-Sadisah)*. Bil.6, qarar 6/2/53. Jilid 1. T.tp.: 1410H/1990M.
- Yūsuf Ḥāmid al-‘Ālim. *al-Maqāṣid al-‘Āmmah li al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought, 1991.
- Yūsuf Mūsā. *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*. Meṣir: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1958.
- Zahr al-Dīn ‘Abd al-Raḥman. *Maqāṣid al-Buyū‘ wa Ṭuruq Ithbātihā fī al-Fiqh al-Islāmī*. Urdun: Dār al-Nafāis lil Nashr wa Tawzī‘, 2011.
- Zaydān, ‘Abd al-Karīm. *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Qāhirah: Dār al-Tawzī‘ wa al-Nashr al-Islāmiyyah, t.t.

Zaydān, Abdul Karīm. *al-Mufasssal fī Aḥkam al-Mar'ah wa Bayt al-Muslim fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Jilid 1. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, 1993.

Ziyād Aḥmad Iḥmidān. *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Dirāsah Uṣūliyah wa Taṭbiqāt Fiqhiyyah*. Bayrūt: Muassasah al-Risalah Nāshirūn, 2008.

BUKU BAHASA INGGERIS

John Crawfurd. *History of the Indian Archipelago*. Jilid ke-3. London: Frank Cass and Co. Ltd., 1877.

Omar Awang. "The Major Arabic Sources Which Determined the Structure of Islamic Thought in the Malay Archipelago Before the Nineteenth Century A.D. in the Field of Law, Theology and Sufism." Dalam *Islamika*, ed. Lutpi Ibrahim. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981.

S.Q. Fatimi. *Islam Come to Malaysia*. Singapura: Sociology Research Institute, 1963.

T.W. Arnold. *The Preaching of Islam*. London: t.p., 1913.

Wehr Hans. *A Dictionary of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton Cowan. Wiesbaden: Otto Harrassowitz, 1979.

BUKU BAHASA MELAYU

Abang Mohd Shibli. "Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Sarawak." Dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur: IKIM, 2001.

Abdul Halim el-Muhammady. "Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh Muamalat Berasaskan Teori Fiqh Malaysia: Satu Tinjauan." Dalam *Fiqh Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000.

Abdul Halim El-Muhammady. *Pengaruh Madhhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*. Kajang: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1982.

Abdul Monir Yaacob. "Garis Panduan Agama Dalam Pengagihan Dana Zakat." Dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2001.

Abdul Monir Yaacob. "Perkembangan Institusi Mufti di Malaysia." Dalam *Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1998.

- Abdullah Ishak. *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992.
- Abdullah Ishak. *Islam di Nusantara*. Selangor: al-Rahmaniah, 1990.
- Abu Sufian Abu Bakar. "Baitulmal dan Kemiskinan di Kuala Lumpur: Program Agihan Zakat Dalam Bentuk Perniagaan." Dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Ahmad Hidayat Buang. "Analisis Fatwa-fatwa Syariah di Malaysia." Dalam *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang APIUM, 2004.
- Ahmad Hidayat Buang. "Bentuk dan Statistik Fatwa." Dalam *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah Dan Undang-undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004.
- Ahmad Hidayat Buang. "Dilema Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Insentif Membayar Zakat." Dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Selangor: Penerbit UKM, 2006.
- Ahmad Hidayat Buang. "Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa." Dalam *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang APIUM, 2004.
- Ahmad Mohamad Ibrahim. "Acara Mufti Membuat Fatwa." Dalam *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: Insitut Kefahaman Islam Malaysia, 1998.
- Ahmad Mohamed Ibrahim dan Ahilemah Joned. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Islam Holistik, Praktikal, Sesuai di Setiap Tempat dan Masa (terj.)* Selangor: Syabab Book Link, 2012.
- Anisah Ab.Ghani. "Perubahan-perubahan Perlu Dalam Fiqh Ibadat Berdasarkan Realiti Semasa Di Malaysia." Dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail et al. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000.
- Ariffin Omar. *Sedekah: Jaminan Keharmonian Umat Menurut Sunah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2006.
- Arik Sanusi Yeop Johari. "Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan." Dalam *Monograf al-Ifta' (Siri 1)*, ed. Wan Morsita Wan Sudin. Selangor: JAKIM, 2001.
- Asmadi Mohamed Naim. *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Cet. ke-2. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2011.

- Azizah Dolah et al. "Kaitan Zakat dan Cukai di Malaysia." Dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia*. Selangor: UPENA UiTM, 2009.
- Azizah Dolah. *Zakat dan Cukai di Malaysia*. Selangor: Penerbit UiTM, 2012.
- Azman Ab Rahman et al. *Keengganan Membayar Zakat: Menurut Perspektif Syarak dan Perundangan Islam di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2012.
- Azman Ab Rahman et al. *Pelaburan Wang Zakat Menurut Perspektif Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2010.
- Aznan Hasan. "Kewajipan Zakat Atas Entiti Korporat." Dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia*. Selangor: UPENA UiTM, 2009.
- Basri Ibrahim et al. *Fatwa-fatwa Berkaitan Fiqh Semasa Di Malaysia*. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., 2015.
- Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. "Ke Arah Penyeragaman Undang-undang dan Peraturan Berkaitan Zakat di Malaysia." Dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Melaka: IKaZ UiTM, 2013.
- Hailani Muji Tahir. *Institusi Baitulmal Dalam Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007.
- Halidan Md. Daud. "Pengalaman Pengurusan Pahang." Dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Selangor: Penerbit UKM, 2006.
- Hamizul Abdul Hamid. *Eksklusif Zakat*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2012.
- Hasan Bahrom et al. "Pengurusan Agihan Zakat di Malaysia." Dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf*, ed. Hajar Opir dan Hasan Bahrom. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 2010.
- Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor & Mohd Sayidi Mokhtar Mat Roni. "Impak Agihan Zakat Terhadap Pembangunan Negara." Dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*, ed. Abd Halim Mohd Noor et al. Selangor: Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi Mara, 2013.
- Hasan Bahrom, Ahmad Jailani Sidek, Mohamed Azam Mohamed Adil. "Zakat Modal Perniagaan Asnaf Fakir dan Miskin: Analisis Terhadap Tahap Pencapaian." Dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf*. Selangor: UPENA UiTM, 2010.
- Hasnan Kasan. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

- Hayyun Nawawi et al. "Pengagihan Zakat Kepada al-Riqab: Satu Kajian Peluasan Penafsiran dan Perlaksanaannya di Malaysia." Dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, 2010.
- Ismail Hasim. "Pengurusan Zakat: Pengalaman Negeri Melaka." Dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Selangor: Penerbit UKM, 2006.
- Ismail Saad. "Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Pulau Pinang." Dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur: IKIM, 2001.
- Jaafar Ahmad. "Bantuan Golongan Fakir dan Miskin Melalui Sumber Zakat dan Bukan Zakat: Satu Pendekatan Sepadu." Dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Selangor: Penerbit UKM, 2006.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Buku Fatwa Negeri-Negeri Yang Diwartakan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM, 2009.
- Jabatan Mufti Johor. *Fatwa Mufti Kerajaan Johor yang difatwakan oleh Dato' Syed Alwi bin Tohir al-Haddad*. Cet. ke-3. Jilid ke-1. Johor: Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor, 1981.
- Jabatan Mufti Negeri Kedah. *Himpunan Fatwa Jilid 2*. Kedah: Jabatan Mufti negeri Kedah, t.t.
- Jabatan Perdana Menteri. *Buku Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2010*. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri, 2012.
- Lokmanulhakim Hussain. *Penyelarasan Fatwa Di Malaysia: Kewajaran dan Kekangan*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2013.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. "Maqāṣid al-Sharī'ah: Satu Pengenalan." Dalam *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Selangor: Penerbit UIAM, 2012.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. "Pengajian Syariah: Satu Pentakrifan." Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid et al. *Maqāṣid al-Sharī'ah: Satu Pengenalan*. Selangor: Penerbit UIAM, 2012.

- Mahmood Zuhdi Abd. Majid et al. *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., 2012.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. *Transformasi Fikah Semasa*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2010.
- Maizatul Saadiah Mohamad et al. “Kutipan dan Agihan Zakat ke arah Pertumbuhan Ekonomi Negeri Melaka.” Dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Melaka: IKaZ UiTM, 2013.
- Maizatul Saadiah Mohamad, Siti Mariam Ali & Maymunah Ismail. “Kutipan dan Agihan Zakat ke Arah Pertumbuhan Ekonomi Negeri Melaka.” Dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*, ed. Abd Halim Mohd Noor et al. Selangor: Institut Kajian Zakat 135.Malaysia, Universiti Teknologi Mara, 2013.
- Md. Akhir Yaacob. *Undang-undang Sivil Islam*, terj. al-Aḥkam al-Adliyyah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. “Pengaruh Adat Tempatan Dalam Menentukan Fatwa di Malaysia.” Dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Md. @ Ahmad et al. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh & Usul APIUM, 2000.
- Mohd Ali Baharum. “Bidang Kuasa Pungutan Zakat: Kajian Kepada Enakmen Negeri-negeri di Malaysia.” Dalam *Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, ed. Mohd. Ali Baharum. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1989.
- Mohd Fikri Che Hussain. *Pengenalan Maqasid Syariah*. Johor: Perniagaan Jahabersa, 2012.
- Mohd Sulaiman Zahlan et.al. “Asnaf Fi Sabilillah: Satu Pengamatan Agihan Dana Zakat di Malaysia.” Dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf*, ed. Hajar Opir dan Hasan Bahrom. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 2010.
- Muḥammad Bakr Ismā'il. *Fiqh al-Wāḍiḥ*, terj. M.Yusuf Sinaga et al. Jilid ke-1. Selangor: Jasmin Enterprise, 2008.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda. *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd, 2002.
- Mujaini Tarimin. “Zakat Penggajian (Pendapatan): Satu Penilaian Dari Sudut Hukum Dan Amalan Di Malaysia.” Dalam *Zakat: Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2005.

- Mujaini Tarimin. "Zakat Penggajian Pendapatan: Satu Penilaian Dari Sudut Hukum dan Amalan di Malaysia." Dalam *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005.
- Mujaini Tarimin. *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2012.
- Mujaini Tarimin. *Zakat Menuju ke Arah Pengurusan Profesional*. Petaling Jaya: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, 2005.
- Musa Ahmad et al. "Penerokaan Sumber Baru Zakat di Malaysia." Dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia*. Selangor: UPENA UiTM, 2007.
- Nik Mustapha Nik Hassan. "Semangat Pengagihan Zakat ke arah Pembangunan Ekonomi." Dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, 2001.
- Nooh Gadot. "Pengurusan Fatwa di Malaysia." Dalam *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-negara ASEAN*. Negeri Sembilan: INFAD KUIM, 2006.
- Noor Haslina Mohamad Akhir & Ismar Liza Mahani Ismail. "Kecekapan Pengurusan Institusi Zakat: Strategi Ke Arah Peningkatan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat." Dalam *Aplikasi Zakat Dalam Ekonomi Gunaan*, ed. Nur Azura Sanusi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Nor Azmi Musa. "Koleksi dan Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Sembilan." Dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Selangor: Penerbit UKM, 2006.
- Nur Azura Sanusi, Norazlina Abd. Wahab & Nor Fadzlin Mohammad Bahar, "Gelagat Kepatuhan Pembayaran Zakat Pendapatan: Kajian Kes Universiti Utara Malaysia (UUM)," Dalam *Aplikasi Zakat Dalam Ekonomi Gunaan*, ed. Nur Azura Sanusi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Nurul Ilyana Mohd Adnan. "Maqasid Syariah dan Aplikasi Dalam Agihan Zakat Melalui Kredit Mikro." Dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Selangor: Institut Kajian Zakat UiTM, 2013.
- Othman Ibrahim. "Cara Pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Kelantan." Dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur: IKIM, 2001.
- Othman Ishak. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981.
- Paizah Ismail. "Perubahan-perubahan Perlu Dalam Fiqh Jenayah Berasaskan Teori Fiqh Malaysia." Dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail et al. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000.

- Patmawati Ibrahim. "Tahap Ekonomi Ummah." Dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia*. Selangor: UPENA UiTM, 2009.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. "Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori dan Realiti." Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001.
- Raihanah Azahari. "Perubahan-perubahan Perlu dalam Fiqh al-Ahwal al-Shaksiyyah Berdasarkan Realiti Semasa dan Setempat." Dalam *Fiqh Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000.
- Rawi Nordin et al. "Peluasan Konsep Asnaf Mualaf Zakat: Suatu Pengamatan." Dalam *Isu-isu Kontemporari Pentakrifan Asnaf*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, 2010.
- Ridzwan Ahmad. "Maslahah dan Hubungannya dengan Nas Syarak Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa di Malaysia." Dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000.
- Rif'at Abd. Latif Masyhur. *Al-Zakāh: Al-Asas al-Shar'iy wa al-Tanmiy wa al-Tawzī'iy*, terj. Abū Mazayā al-Ḥafīz. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002.
- Ruziah Ghazali. "Implikasi Zakat Terhadap Sistem Percukaian Negara." Dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia*. Selangor: UPENA UiTM, 2009.
- Shofian Ahmad et al. *Zakat Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2002.
- Siti Mashitoh Mahamood. "Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan." Dalam *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia*. Selangor: UPENA UiTM, 2007.
- Suryani Masnan. "Kaedah Taksiran Zakat Pendapatan Menurut Al-Qaradawi: Kajian Perbandingan Dengan Skim Potongan Gaji (SPG)." Dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Melaka: Institut Kajian Zakat Malaysia UiTM, 2013.
- Suwaid Tapah. "Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa." Dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004.
- Syaikh Abdullah Basmeh. *Panduan Rasulullah SAW Mengenai: Zakat, Sedakah dan Khairat*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1985.
- Syakhatāh, Ḥusayn, *al-Muḥāsabah al-Zakāt (terj.)*. Cet. ke-2. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2005.

Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy. *Pedoman Zakat*. Cet. ke-11. Semarang: Pt Pustaka Rizki Putra, 2006.

Umar Syihab. *Hukum Islam dan Transformasi Pemikiran*. Semarang: Dina Utama, t.t.

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. "Kadar Agihan Zakat Amil Berdasarkan Mazhab Empat dan Maqasid Syariah." Dalam *Pengurusan Zakat Kontemporari*. Selangor: Institut Kajian Zakat UiTM, 2013.

Wan Mohd Nasir bin Wan Abd Wahab. *Pengenalan Asas Kepada Maqasid Syariah*. Selangor: PSN Publications Sdn Bhd, 2012.

Wawan Shofwan Shalehuddin. *Risalah Zakat, Infak dan Sedekah*. Bandung: Tafakur, 2011.

Zainal Abidin Jaffar. "Pengurusan Agihan Zakat: Pengalaman Baitulmal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur." Dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Selangor: Penerbit UKM, 2006.

Zainal Abidin. "Cara Pengagihan dana Zakat: Pengalaman Wilayah Persekutuan." Dalam *Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam*, ed. Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur: IKIM, 2001.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Fatwa Dan Mufti: Hukum, Etika Dan Sejarah*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM, 2008.

Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Aḥkam wa Fatāwā al-Zakāh*. Selangor: Darul Syakir Enterprise, 2010.

JURNAL DAN KERTAS PERSIDANGAN

Abd Halim Mohd Nor et al., "Performance Indicator Model for Zakat Institution," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no. 2 (2007): 71-84.

Abd Rashid Dail, "Konsep dan Perbezaan Kaedah Pengiraan Zakat Penggajian dan Perniagaan Bagi Individu dan Syarikat." Makalah, Seminar Penyelarasan Zakat dan Cukai Pendapatan di Malaysia, Kuala Lumpur, 28-29 Mac 1988.

Abdul Karim Ali et al., "Faktor Perubahan Pendapat Imam al-Shafi'i dari Qawl Qadim kepada Qawl Jadid," *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008).

Ahmad Hidayat Buang, "Analisa Fatwa-fatwa Semasa Malaysia." Makalah, Seminar Kakitangan Jabatan Syariah Dan Undang-undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 9 September 2000.

- Ahmad Hidayat Buang, "Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia," *Jurnal Syariah* 10, no. 1 (2002).
- Anisah Ab. Ghani et al., "Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Amalan Percampuran Mazhab Dalam Isu-Isu Mazhab," *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007).
- Anisah Ab. Ghani, "Kedudukan Mazhab Syafi'i Dalam Ibadat di Malaysia," *Jurnal Fiqh* no.4 (2007): 85-102.
- Hasan Baharom et al., "Amalan 'Corporate Governance' Dalam Pengurusan Institusi Zakat di Malaysia," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no. 2 (2007): 53-70.
- Hasnan Kasan, "Institusi Fatwa Dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syariyyah," *Jurnal Pengajian Umum* no. 2, (2001).
- Hisham Sabri dan Zulkifli Hasan, "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan." Makalah, Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kuantan, 8-9 Ogos 2006.
- Luqman Abdullah et al., "Zakat on Salary and Wages: The Unsettled Juristic Issues." Makalah, International Conference of Global Islamic Studies 2014, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Salford University UK, 2014.
- Luqman Abdullah. "Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Dari Tahun 2000-2010." Makalah, Seminar Isu-isu Kontemporari Dalam Mazhab Shafi'i, Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei, 2013.
- M.Sadik, "Fiqh 'Umar Ibn al-Khathab RA dan Reformasi Hukum Islam," *Jurnal Hunafa* 1, no.1 (April 2004).
- Mahmood Zuhdi Ab Majid, "Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia," *Jurnal Syariah* 12, no. 2 (2004).
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Kuasa-kuasa dan Kaedah Pentadbiran Zakat di Malaysia," *Jurnal Syariah* 2, no. 1 (Januari 1994).
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Sumber-sumber Zakat: Huraian Berasaskan Realiti Semasa di Malaysia," *Jurnal Syariah* 3, no. 1 (1995).
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Syarat Haul: Satu Penilaian Terhadap Pandangan Al-Qaradawi dalam Masalah Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional," *Majalah Medium*, no. 3 (1992).
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid, "Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional dari Perspektif Mazhab Syafii," *Jurnal Syariah* 1, no. 2 (Julai 1993).

- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. "Ijtihad dan Fatwa Berorientasi Maqasid: Satu Tinjauan Kritis." Makalah, Seminar Teori dan Aplikasi Prinsip Maqasid al-Shariah, IKIM Kuala Lumpur, Dewan Besar IKIM, 29-30 Mei 2012.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid, "Zakat Gaji dan Pendapatan Profesional dari Perspektif Mazhab Shafie: Satu Penyesuain Semula," *Jurnal Syariah* 1, no. 2 (1993).
- Mohd Akram Dahaman et al. "Praktis Metodologi Penetapan Fatwa Oleh Jawatankuasa Syar'iyah Negeri Perlis (JSNP): Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000." Makalah, Social Sciences Research ICSSR, Kota Kinabalu, Sabah, 9-10 June 2014.
- Mohd. Mohadis Yasin, "Pengurusan dan Penyelarasan Fatwa: Pelaksanaan dan Cabaran di Malaysia," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* no. 1 (2007): 119-135.
- Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad dan Azman Ab. Rahman, "Peranan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Murtad dalam Kalangan Muallaf di Malaysia: Satu Tinjauan Awal," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 7, no. 2, (2001), 153.
- Muhammad Yamin Ismail, "Pelaksanaan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)," *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 1, no. 2 (2007): 42-45.
- Noor Naemah Abd. Rahman et al., "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa-Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan." Makalah, Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, Fakulti Syariah dan Undang-undang Kolej Universiti Islam Malaysia, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP Kajang, 15-16 Disember 2004.
- Noor Naemah Abd. Rahman, "Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih," *Jurnal Fiqh* no.4 (2007).
- Noor Naemah Abd. Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa," *Jurnal Syariah* 10, no.2 (2002): 19-30.
- Nor Naemah et al., "Metode Pengeluaran Fatwa di antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFK) dan Majlis Ulama Indonesia (MUI) Analisis Perbandingan." Makalah, Seminar Antarabangsa Hubungan Indonesia-Malaysia 2005, Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 7-8 Ogos 2005.
- Nur Barizah Abu Bakar et al., "A Comparative Study of Zakah ang Modern Taxation," *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economic* 20, no. 1 (2007).
- Paizah Ismail, "Keperluan Memahami Maqāsid al-Sharī'ah Dalam Membina Fiqh Semasa." Makalah, Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

- Patmawati Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal," *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008): 223-244.
- Ram Al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris, Md Hairi Md Hussain, "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan," *Jurnal Pengurusan*, 30 (2010).
- Ridzwan Ahmad, "Permasalahan Ta'lil al-Ahkam Sebagai Asas Penerimaan Maqasid Al-Shari'ah Menurut Ulama Usul," *Jurnal Fiqh* 5 (2008).
- Ridzwan Ahmad, "Sikap Liberal Dalam Memahami Fiqh Mazhab Syafi'i: Realiti Dan Fenomena Di Malaysia," *Jurnal Fiqh* no. 4 (2007).
- Wan Ab. Rahman Khudzri et al., "Pendekatan Penetapan Fatwa di Malaysia: Impaknya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Semasa." Makalah, Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.
- Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah et al., "Pendekatan Penetapan Fatwa di Malaysia: Impaknya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Semasa." Makalah, Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan 2005, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 28-29 September 2005.
- Zaini Nasohah, "Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia," *Jurnal Islamiyyat* 27, no. 1 (2005).
- Zakaria Stapa et al., "Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah," *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012).
- Zarina Kadri, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor, "Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi." Jilid ke-2. Makalah, PERKEM IV, 2012.
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman, "Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan." Makalah, Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Dewan Senat, Universiti Sains Islam Malaysia, 24 Oktober 2012.

TEMUBUAL

- Abdul Halim Tawil (Timbalan Mufti Negeri Melaka), dalam temubual dengan penulis, 17 Februari 2016.
- Abdul Jamil Jaafar (Penolong Mufti Unit Istinbat, Wilayah Persekutuan), dalam temubual dengan penulis, 13 Januari 2016.

Anhar Opir (Timbalan Mufti Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 16 Februari 2016.

Asniza Ahmad (Penolong Mufti Bahagian Fatwa, Negeri Sembilan), dalam temubual bertulis melalui emel, 20 Januari 2016.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid (Profesor, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 18 Januari 2016.

Marwazi Dziauddin (Timbalan Mufti Negeri Kedah), dalam temubual dengan penulis, 14 Februari 2016.

Mujaini Tarimin (Profesor, Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor dan Ahli Majlis Fatwa Negeri Selangor), dalam temubual dengan penulis, 21 Januari 2016.

TESIS DAN DISERTASI

Adibah Abdul Wahab. "Peranan Agihan Zakat Dalam Mengurangkan Masalah Kemiskinan Bandar: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor." Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Ahmad Fauzee Abdullah. "Aplikasi Pengurusan Sumber Aset: Analisis Terhadap Harta Zakat di Negeri Perak." Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

Armiadi Musa Basyah. "Pentadbiran Zakat di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin." Tesis kedoktoran, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

Dziauddin Sharif. "Sistem Pungutan dan Agihan Zakat Fitrah: Kajian di Baitulmal Negeri Sembilan." Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.

Fuadah Johari. "Keberkesanan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka." Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

Ḥasan 'Alī Kūrkuḷī. "Maṣārif al-Zakāh fī al-Islām." Disertasi master fiqh uṣūl, Jām'iah Umu al-Qurā, Kuliyyah al-Sharī'ah Wa al-Dirasāt Islāmiyyah Makkah al-Mukarramah, 1983.

- Hasanah Abd Khafidz. "Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Menentukan Pentafsirannya Di Malaysia." Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007.
- Humam Daud. "Kutipan Zakat dan Agihannya: Suatu Kajian di Awal Islam." Disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.
- Mahayudin Ahmad. "Konsep dan Amalan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Kajian Mengikut Enakmen 1955." Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001.
- Mohd Akram Dahaman. "Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)." Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012.
- Mohd Saiba Yaacob. "Hukum Islam: Antara Prinsip Syariah dan Perbendaharaan Fiqh." Disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2000.
- Mohd Zulkifli Ab Ghani. "Pengagihan Zakat Mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994: Kajian Terhadap Asnaf fi Sabilillah." Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.
- Noor Naemah Abd. Rahman. "Fatwa-fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis." Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.
- Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid. "Pelaksanaan Agihan Zakat Terhadap Asnaf Fakir dan Miskin dalam Membasmi Kemiskinan: Kajian Khusus di Pusat Zakat Selangor." Disertasi sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.
- Norazah Kosim. "Zakat Petroleum Di Malaysia: Kajian Kes Di Petroleum Nasional Berhad (Petronas)." Disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.
- Patmawati Ibrahim. "Economic Role of Zakat in Introducing Inequality and Poverty in Selangor." Tesis kedoktoran, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia.
- Ridzwan Ahmad. "Masalah dan Pemakaiannya di dalam Undang-undang Jenayah Islam." Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

Suryani Masnan. "Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Potongan Gaji Oleh Lembaga Zakat Selangor." Disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

Wahairi Mahmud. "Kesan Penubuhan Pusat Zakat ke atas Pentadbiran Zakat di Negeri Pahang." Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.

Wan Zulkifli Wan Hassan. "Pengaruh Mazhab Syafie Dalam Fatwa Mengenai Zakat Di Terengganu: Kajian Dari Tahun 1953 – 2005." Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.

STATUT

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1993, (Akta No. 505, Seksyen 31).

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan seksyen 34, 1993.

Enakmen Fatwa Negeri Sabah, Seksyen 8, 2004.

Enakmen Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu (Kelantan), 1994, (Seksyen 33).

Enakmen Mufti dan Fatwa Kedah Darul Aman, Seksyen 21, 2008.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor), 1978, (Seksyen 15).

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), Fasal 48, 2003.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 1992, (Seksyen 37).

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pulau Pinang), 1993, (Seksyen 39).

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (1422H/2004M), seksyen 54 (1), (2) dan (3).

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu, Seksyen 50, 2001.

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, 1422H/2004M, Seksyen 40 (1), (2) dan (3).

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka), 1991, (Seksyen 33).

Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan), 1992, (Seksyen 33).

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor), 1989, (Seksyen 34).

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor 1989, Seksyen 36 (1), (2) dan (3).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 1965, (Seksyen 36); Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu), 2003, (Seksyen 53).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) 1991 (Seksyen 39).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Perlis), 1963, (Seksyen 8/Pindaan 1988).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Sabah), 1992, (Seksyen 38).

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah (No.13/ 1992), seksyen 40 (1), (2) dan (3).

Enakmen Undang-undang Islam Sabah (No. 13, 1992), Seksyen 40 (1), (2) dan (3)

Ordinan Majlis Islam (Incorporation) (Sarawak), (Chapter 105, Seksyen 36).

Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Fasal 11 (a) (i-iv) dan Fasal 13.

Seksyen 38 (1)-(3), Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982.

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah (Bil 9/ 1962), Seksyen 38 (1).

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor, No.3, Tahun 1952, Seksyen 42 (1).

Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Terengganu, Bil. 4 Tahun 1955, Fasal 21 (1).

Warta Kerajaan Fatwa Zakat Pendapatan Negeri Kedah (jld. 2, bil. 8, 10 April 1986).

Warta Kerajaan Negeri Selangor, Fatwa Zakat Pendapatan (jld. 55, no. 10, 9 Mei 2002).

LAMAN SESAWANG

Amin Khan, "Bolehkah Kita Percaya Pada Statistik Jenayah?", laman sesawang *mstar*, dicapai 14 Februari 2016, <http://www.mstar.com.my/lain-lain/suara/2015/05/06/pemandu-rekod-jenayah/>.

Keputusan Fatwa Negeri Terengganu bagi Tahun 1999, dicapai 6 Januari 2016, <http://mufti.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/media/38/3b588319aa294496c924006279bc2886.pdf>.

Keputusan Fatwa Negeri Terengganu, dicapai 24 Januari 2016, <http://mufti.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/media/38/3b588319aa294496c924006279bc2886.pdf>

Laman sesawang *Astro Awani*, dicapai 14 Februari 2016, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengangguran-merupakan-punca-individu-terlibat-dalam-kegiatan-jenayah-samun-19933>.

Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pahang, dicapai 27 Januari 2016, <http://mufti.pahang.gov.my/index.php/2012-12-11-06-41-06/2012-12-11-06-44-13/2012-12-11-06-44-58/2012/60-harga-beras-zakat-fitrah-1433h>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/mufti-dan-jawatankuasa-fatwa-negeri-negeri>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-dengan-wang>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/nisab-zakat-harta-dan-kadar-zakat-fitrah-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-perakuan-keputusan-muzakarah-fatwa-majlis-kebangsaan-mengenai-penetapan-kadar-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permohonan-menetapkan-kadar-zakat-fitrah-negeri-melaka-bagi-tahun-1426h2005m-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/menetapkan-harga-zakat-fitrah-negeri-selangor-tahun-1430h2009m>

- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/wanita-dan-orang-bukan-islam-sebagai-amil-zakat-gaji-dan-pendapatan-di-lembaga-hasi>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-melalui-sms-bersama-syarikat-digi>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/membayar-zakat-fitrah-melalui-khidmat-sistem-pesanan-ringkas-sms>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pembayaran-zakat-fitrah-melalui-khidmat-pesanan-ringkas-sms>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-melalui-sistem-khidmat-pesanan-ringkas-sms-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bayaran-zakat-fitrah-melalui-sistem-pesanan-ringkassms>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/keharusan-membayar-zakat-melalui-kad-kreditbank-islam-dan-kewajipan-qadha-zakat>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-menggunakan-mana-mana-kad-kredit-islamik>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 2 Februari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-melalui-perkhidmatan-maybank2u-internet>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-atas-gaji-pendapatan-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-kadar-wajib-zakat-tanaman>

- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permohonan-menetapkan-dasar-pemberian-zakat-dan-fitrah-kepada-keturunan-syed-oleh-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 20 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-perakuan-keputusan-muzakarah-fatwa-majlis-kebangsaan-mengenai-penetapan-kadar-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-dan-pendapatan>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-0>.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-pendapatan-professional-2>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-kwsp-wajib-atau-tidak-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-menggunakan-wang-zakat-asnaf-untuk-diberikan-kepada-kumpulan-penyelidikan-al-qur>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pengeluaran-zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/keharusan-bayaran-zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp-sejurus-pengeluaran-atau-pe>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-perniagaan>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-fitrah-ke-atas-tahanan-dan-banduan-islam-di-institusi-penjara-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-dan-pendapatan>

- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-tanamanpertanian>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pemberian-zakat-bapa-kepada-anak-lelakinya-yang-berhutang>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-dengan-wang>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-tanaman-pertanian-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pindah-zakat>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/memberi-zakat-kepada-ibubapa>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pemberian-zakat-kepada-asnaf>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-memberi-zakat-kepada-orang-bukan-islam-bagi-tujuan-dakwah>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perincian-tentang-tafsiran-asnaf-lapan-dan-kadar-zakat-yang-ditetapkan-kepada-setiap>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-penggunaan-kumpulan-wang-zakat-bagi-bantuan-penyelenggaraan-tanah-kubur>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-berhubung-dengan-zakat-padi-dari-projek-penanaman-padi-yang-diusahakan-secara>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-zakat-harta-harta-pendapatan>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-zakat-penggajian>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>

- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-urusan-zakat-dan-pengurusan-wang-awam-majlis-agama-islam-kelantan>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-projek-ekonomi-dengan-pendapatan-wang-zakat>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 21 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/mengenai-pemindahan-zakat-ke-daerah-lain-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-menggunakan-mana-mana-kad-kredit-islamik>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/membayar-zakat-fitrah-melalui-khidmat-sistem-pesanan-ringkas-sms>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penetapan-semula-kadar-uruf-pemakaian-emas-di-negeri-melaka-dan-kaedah-pengiraan-zaka-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pelaburan-menggunakan-wang-zakat>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengiraan-zakat-harta-bagi-negeri-melaka>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengiraan-kadar-nisab-zakat-harta-bagi-negeri-melaka>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/keharusan-membayar-zakat-melalui-kad-kreditbank-islam-dan-kewajipan-qadha-zakat>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengurusan-lebihan-agihan-zakat-negeri-melaka>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pembayaran-zakat-fitrah-melalui-khidmat-pesanan-ringkas-sms>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pendapatan-1>

- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-melalui-sms-bersama-syarikat-digi>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-memasukkan-lebihan-agihan-zakat-negeri-melaka-ke-dalam-tabung-baitulmal>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permohonan-menetapkan-kadar-zakat-fitrah-negeri-melaka-bagi-tahun-1426h2005m-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 22 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/permohonan-menetapkan-kadar-zakat-fitrah-negeri-melaka-bagi-tahun-1425h2004m>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/nisab-zakat-harta-dan-kadar-zakat-fitrah-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pendapatan-2>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-zakat-fitrah-ke-atas-orang-tahanan-banduan-islam-di-penjara>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-memberi-zakat-orang-bukan-islam-bagi-tujuan-dakwah>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-agihan-zakat-secara-persendirian>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bayaran-zakat-fitrah-melalui-sistem-pesanan-ringkassms>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-menggunakan-kad-kredit>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-penggajian-1>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/isu-sumber-zakat-sebagai-pinjaman-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perlantikan-lhdn-sebagai-amil-zakat-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/wang-zakat-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-padi-1>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/perlantikan-pegawai-zakat-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-wang-simpanan-masjid-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-fitrah-anak-angkat>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-pengeluaran-dan-penerimaan-zakat-bagi-yang-telah-diisytiharkan-muflis>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/manual-agihan-zakat>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp-sejurus-pengeluaran-satu-alternatif>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/penyelarasan-kaedah-penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pungutan-zakat-gaji-melalui-lembaga-hasil-dalam-negeri-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-syarikat-koperasi-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/menetapkan-harga-zakat-fitrah-negeri-selangor-tahun-1430h2009m>

- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-ke-atas-pendapatan-felda-dan-syarikat-syarikatnya-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bayaran-zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp-sejurus-pengeluaran-satu-alternatif-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/harga-zakat-fitrah-negeri-selangor-bagi-tahun-1428h2007m-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/hukum-mengagihkan-zakat-secara-persendirian-dan-qada>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kutipan-zakat-padi-melalui-pemotongan-terus-dari-kupon-subsidi-padi-di-negeri-selangor>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-hukum-zakat-ke-atas-firma-firma-dan-syarikat-konsultan>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/menentukan-satu-kaedah-tetap-bagi-zakat-kwsp>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-ke-atas-syarikat-yang-dimiliki-oleh-pelbagai-jenis-pemegang-saham>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-harga-zakat-padi>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-kaedah-pembayaran-zakat-kwsp>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-pendapatan>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 23 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-pendapatan>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-bagi-menentukan-harga-zakat-fitrah-untuk-seluruh-negeri-0>

- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-2>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cara-niat-zakat-melalui-borang-pungutan-gaji-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembayaran-zakat-fitrah-melalui-sistem-khidmad-pesanan-ringkas-sms-0>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/isu-wang-para-pembayar-yang-tidak-dikenalpasti-bank-yang-dibuat-oleh-para-pembayar-kepa>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 24 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penyelarasan-kaedah-penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia>.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=11>.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-tanaman-pertanian-0>.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-pendapatan>.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>; Warta Kerajaan Fatwa Zakat Penggajian Wilayah Persekutuan, 9 April 1999.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori-fatwa/zakat?page=5>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-zakat-pendapatan>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pendapatan-1>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-penggajian-1>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-zakat-penggajian>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-zakat-harta-harta-pendapatan>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-atas-gaji-pendapatan-0>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-gaji-dan-pendapatan>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pendapatan-2>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-pendapatan-professional>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-pendapatan-professional-2>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-gaji-beserta-kadarnya>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-bayaran-zakat-gaji-bulanan-yang-dibuat-oleh-majikan-dengan-izin-atau-per>

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, e-Fatwa JAKIM, dicapai 6 Januari 2016, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-berhubung-dengan-zakat-padi-dari-projek-penanaman-padi-yang-diusahakan-secara>

LAMPIRAN

WAWANCARA / TEMUBUAL MAQASID FATWA-FATWA ZAKAT DI MALAYSIA

Azri Bin Bhari

Calon Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh & Usul

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Tel : 019 - 2099 487 / 03 - 5521 1607 atau Fax : 03 – 5544 2668

atau Emel : azrib178@salam.uitm.edu.my / azribhari@gmail.com

LATAR BELAKANG KAJIAN

Perlaksanaan hukum dan perundangan Islam di Malaysia secara progresif telah bermula sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Permodenan terhadap kerangka pelaksanaan hukum dan perundangan Islam menyaksikan beberapa siri perubahan hukum fiqh yang berlaku dari semasa ke semasa bagi tujuan penyesuaian dan memenuhi kemaslahatan masyarakat Islam di Malaysia. Hal ini boleh dilihat terdapat persoalan hukum fiqh yang sudah mempunyai jawapan terdahulu lalu bertukar ke jawapan yang baru atau persoalan hukum baru yang tidak dibincangkan di dalam perbendaharaan hukum fiqh terdahulu. Perubahan hukum fiqh yang berlaku juga secara tidak langsung memperlihatkan perubahan sandaran mazhab Syafie kepada pandangan mazhab lain atau pandangan tokoh Islam kontemporari seperti perubahan hukum menunaikan zakat fitrah dengan beras bersandarkan pandangan mazhab Syafie yang digantikan dengan nilai harga beras sebagai ganti kepada beras bersandarkan pandangan mazhab Hanafi. Begitu juga tentang kewajipan zakat pendapatan ini menggambarkan hukum yang diputuskan tidak lagi bersandarkan mazhab Syafie, sebaliknya menggunakan pandangan sarjana hukum Islam kontemporari Dr. Yusuf al-Qaradawi. Ini menunjukkan keterbukaan dalam menerima pandangan mazhab yang lain dan pandangan sarjana kontemporari dan pihak yang barautoriti dalam proses penentuan hukum zakat masa kini. Justeru, perubahan terhadap sandaran hukum yang berlaku ini boleh dilihat dari perspektif maqasid syariah yang merupakan suatu pendekatan dalam berijtihad. Menurut Dr. Mahmood Zuhdi Abd. Majid, penentuan sesuatu hukum yang berdasarkan maqasid syariah adalah lebih berdaya maju kerana mengambilkira objektif dalam mengeluarkan hukum. Ini selari dengan prinsip yang dirumuskan dari permasalahan *ta'ālī*, iaitu bahawa hukum syarak perlu sentiasa dikaitkan dengan *'illah*. Justeru, berdasarkan realiti perubahan hukum fiqh zakat yang berlaku di Malaysia kajian ini akan melihat perubahan hukum fiqh zakat yang berlaku mengambilkira dan menepati maqasid syariah. Hal ini bagi memastikan objektif pensyariaan zakat tercapai dan *maṣlahah* manusia benar-benar terjamin serta terpelihara.

SOALAN

1. Bagaimanakah prosedur penetapan fatwa-fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri?
2. Bagaimanakah pertimbangan elemen maqasid syariah diambilkira di dalam prosedur penetapan fatwa-fatwa di Malaysia?
3. Adakah penetapan fatwa-fatwa zakat di Malaysia yang berikut mengambilkira pertimbangan maqasid syariah?

Bil	Fatwa-fatwa Zakat	Fatwa dalam Mazhab Syafie	Fatwa di Malaysia	Penjelasan
1	Fatwa zakat gaji dan pendapatan	Tidak terdapat fatwa zakat gaji dalam fatwa silam & mazhab Syafie.	Fatwa di Malaysia memutuskan wajib zakat gaji.	
2	Fatwa potongan zakat gaji	Tidak terdapat fatwa potongan zakat gaji dalam fatwa silam & mazhab Syafie.	Fatwa di Malaysia memutuskan harus potongan zakat gaji.	
3	Fatwa penolakan kos tanaman ke atas zakat padi	Dalam mazhab Shafie tidak boleh tolak kos.	Fatwa di Malaysia membenarkan penolakan kos.	
4	Fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang	Dalam mazhab Syafie perlu bayar dengan makanan asasi. (Amalan di Malaysia)	Amalan di Malaysia membenarkan bayar dengan nilai.	
5	Fatwa pelantikan amil wanita	Dalam mazhab Syafie tidak dibenarkan wanita jadi amil.	Fatwa di Malaysia membenarkan wanita jadi amil di LHDN.	
6	Fatwa kaedah pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit	Tidak terdapat fatwa kaedah pembayaran dalam fatwa silam & mazhab Syafie.	Fatwa di Malaysia mengharuskan penggunaan kemudahan tersebut.	

4. Apakah pertimbangan elemen maqasid syariah yang diambil kira di dalam penentuan fatwa-fatwa zakat berikut?
 - 4.1. Pertimbangan maqasid syariah dalam fatwa zakat gaji dan pendapatan.
 - 4.2. Pertimbangan maqasid syariah dalam fatwa potongan zakat gaji.
 - 4.3. Pertimbangan maqasid syariah dalam fatwa penolakan kos tanaman ke atas zakat padi.
 - 4.4. Pertimbangan maqasid syariah dalam fatwa pembayaran zakat fitrah menggunakan wang.
 - 4.5. Pertimbangan maqasid syariah dalam fatwa pelantikan amil wanita.
 - 4.6. Pertimbangan maqasid syariah dalam fatwa kaedah pembayaran zakat melalui perkhidmatan perbankan internet online, SMS, mesin ATM dan kad kredit.

Sekian, Terima kasih.